



JABATAN PERDANA MENTERI



PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN

LAPORAN TAHUNAN 2012



LAPORAN TAHUNAN 2012


UNIT PENGURUSAN PRESTASI DAN PELAKSANAAN (PEMANDU)

Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok Timur
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, Malaysia

T +603 8872 7240
F +603 8889 4428

www.pemandu.gov.my

ISSN: 2231-7678





LAPORAN TAHUNAN
2012

Kandungan

| | |
|---|-----|
| Prakata Perdana Menteri | 4 |
| Prakata Timbalan Perdana Menteri | 8 |
| Bab 1 : Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan (GTP) | 10 |
| Bab 2 : GTP 2 .0 : Mempertingkatkan Perubahan | 30 |
| Bab 3 : Menangani Kos Sara Hidup Rakyat | 38 |
| Bab 4 : Mengurangkan Jenayah | 52 |
| Bab 5 : Membanteras Rasuah | 72 |
| Bab 6 : Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar | 92 |
| Bab 7 : Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah | 116 |

| | |
|---|-----|
| Bab 8 : Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar | 144 |
| Bab 9 : Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar | 162 |
| Bab 1 O : Bidang Keberhasilan Utama Kementerian | 182 |
| Penilaian Prestasi Antarabangsa | 192 |
| Tatacara Yang Dipersetujui (Agreed Upon Procedures) oleh PricewaterHouse Coopers | 204 |
| Prestasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2 O 1 2 | 206 |
| Tweet-tweet di Twitterjaya | 218 |
| Glosari | 226 |
| Penghargaan | 234 |

MAJU KE HADAPAN MENUJU GTP 2.0



DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

Perdana Menteri Malaysia

Dengan fasa pertama Program Transformasi Kerajaan (GTP) melabuhkan tirainya pada tahun 2012, saya berbesar hati melaporkan bahawa usaha besar-besaran oleh Kerajaan ini telah menjana keberhasilan yang ketara.

Sepanjang tempoh tiga tahun yang lalu, Kerajaan dan saya sendiri secara peribadi telah memberikan penekanan untuk mendengar apa yang dikatakan oleh rakyat merentas pelbagai lapisan masyarakat tentang negara kita dan bagaimana kita, sebagai 1Malaysia harus melangkah ke hadapan. Hal yang demikian telah memberikan kami perspektif yang amat bermakna yang mendorong kami melaksanakan pembaharuan yang berani dan meluas. Akan tetapi perubahan kerap kali tidak hadir tanpa pelbagai rintangan dan kesukaran yang perlu kami tempuhui.

Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang menyasarkan Perkhidmatan Awam terutamanya, lebih sukar daripada apa yang dijangkakan. Menerusi fasa pertama ini, terdapat keluk pembelajaran penting yang telah dapat kami timba manakala sebahagian inisiatif pula tidak berjaya mencapai sasaran tinggi yang telah ditetapkan pada peringkat awal. Hal yang demikian sememangnya

Meskipun dengan pelbagai cabaran ini, saya berasa bangga untuk melaporkan bahawa terdapat pencapaian dan kejayaan yang nyata dalam kesemua tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

dijangkakan berlaku terhadap program perubahan sebesar ini. Namun, cabaran yang dilalui ini sebaliknya telah memberikan dorongan yang lebih besar kepada kami untuk melipatgandakan usaha dalam fasa yang seterusnya.

Meskipun dengan pelbagai cabaran ini, saya berasa bangga untuk melaporkan bahawa terdapat pencapaian dan kejayaan yang nyata dalam kesemua tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Sejak pelaksanaan GTP, kami telah:

- ▶ Memastikan setiap rakyat Malaysia memperoleh akses kepada barang dan perkhidmatan yang berkualiti dan pada nilai yang terbaik.
- ▶ Menjadikan Malaysia negara yang lebih selamat bagi setiap rakyat dengan membanteras sebahagian besar jenayah.
- ▶ Membasmi kemiskinan tegar dan memberikan bantuan yang signifikan kepada isi rumah berpendapatan rendah.
- ▶ Mengambil langkah-langkah untuk membanteras rasuah dan mendapatkan kerjasama rakan daripada sektor swasta untuk mengembalikan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan.
- ▶ Mempertingkatkan kualiti pendidikan bagi semua pelajar di Malaysia bertujuan memberikan kemahiran yang bersesuaian kepada mereka untuk bersaing dalam pasaran global.
- ▶ Mempertingkatkan dengan ketara akses kepada infrastruktur dan menambah baik sistem pengangkutan awam, terutamanya di kawasan yang kritis seperti Lembah Klang, untuk mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat.

Semua ini merupakan perubahan yang dituntut oleh rakyat, dan inilah perubahan yang mendorong kami menggembung usaha yang besar untuk mencipta kejayaan. Lantaran kami memahami dan menghayati sepenuhnya kebijaksanaan dalam mutiara kata yang dilontarkan oleh Mahatma Gandhi, “An ounce of practice is worth more than tons of preaching”, iaitu tindakan adalah lebih berkesan daripada sekadar menerima teguran berulang-ulang kali!

Kerajaan juga sedar bahawa GTP tidak lari daripada berhadapan dengan kesangsian dan keraguan apabila ia mula diperkenalkan, demikian juga kesangsian terhadap keputusan GTP itu sendiri. Kami sangat mengalu-alukan penelitian yang sedemikian. Walau bagaimanapun, ingin saya memberikan jaminan kepada rakyat bahawa Kerajaan akan terus bersikap terbuka dan telus sepenuhnya berkaitan dengan matlamat GTP dan pencapaiannya yang telah diraih; malah setiap satu daripada NKRA akan terus melalui proses pengaudit dan pengesahan yang ketat oleh penilai tempatan dan antarabangsa juga, demi menghapuskan sebarang keraguan terhadap keabsahan penilaian keputusan.

Meskipun saya berharap bahawa keputusan penilaian berupaya meyakinkan para pengkritik terhadap merit rancangan Kerajaan ini, saya mendorong lebih ramai rakyat Malaysia untuk tampil ke hadapan dan memberitahu kami tentang bagaimana kami dapat mengubah negara ini – negara yang kita cintai ini – ke arah yang lebih baik. Hal yang demikian kerana saya amat yakin bahawa walaupun GTP 1.0 merupakan langkah pertama yang penting, namun ia hanyalah sebuah langkah pertama.

Terdapat lebih banyak cabaran menanti kita di hadapan sana dan lebih banyak yang perlu dilakukan sebelum kita boleh menyatakan secara adilnya bahawa misi kita telah pun tercapai. Justeru menerusi perspektif ini, usaha GTP 1.0 perlu dilihat sebagai wadah yang menghamparkan persediaan asas bagi transformasi dan inovasi yang lebih besar

sepanjang satu dekad setengah yang akan datang.

*Iktibar utama yang diperoleh menerusi GTP
1.0 ialah hakikatnya Kerajaan tidak berupaya
mencetuskan perubahan hanya secara bersendirian.
GTP memberikan impaknya kepada setiap rakyat
Malaysia yang mencakupi keluarga, perniagaan
kecil, hingga syarikat multinasional – dan ia
tidak berupaya menggapai matlamatnya yang
bercita-cita tinggi tanpa penyertaan anda semua.
Seperti yang kerap kali saya tekankan, masa bahawa
'Kerajaan mengetahui segala-galanya' telah pun
berakhir – dan dalam semangat 1Malaysia, kita kini
memerlukan rakyat untuk memainkan peranan yang
lebih besar dalam membantu kami terus memajukan
negara. Nyatakan kepada kami bagaimana kami
boleh memberikan khidmat yang lebih baik kepada
anda; juga nyatakan kepada kami bagaimana
Kerajaan dapat memberikan lebih makna kepada
kehidupan anda.*

*Dalam kita melangkah untuk menuju masa
hadapan yang lebih cerah, kita tidak lagi boleh
membiarakan walau seorang pun rakyat yang
kecinciran dan ketinggalan. Malah amatlah malang
sekali sekiranya kita tidak berusaha mengekalkan
momentum yang telah dicetuskan menerusi GTP
1.0. Matlamat GTP bukanlah sesuatu yang mustahil
dicapai, malah dengan sokongan kukuh anda
semua, saya yakin matlamat GTP mampu dijadikan
kenyataan dan direalisasikan sepenuhnya.*



Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

TERBINANYA ASAS YANG KUKUH MELALUI GTP 1.0



TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN
HAJI MOHD YASSIN

Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Sesungguhnya bukan mudah untuk menambah baik pencapaian GTP sepanjang tiga tahun yang lepas, tetapi sebagai Pengerusi Pasukan Petugas Penyampaian (Delivery Task Force), saya amat berbesar hati untuk melaporkan bahawa kita telah mencapai hampir semua perkara yang telah digariskan untuk dilaksanakan. Meskipun perjalanan kita masih jauh, saya menyeru setiap rakyat Malaysia agar mengimbas kembali pencapaian yang telah diraih selain menghayati pelbagai iktibar yang telah kita pelajari dalam tempoh tiga tahun yang lepas.

Tahun 2012 secara khususnya merupakan tahun yang membanggakan bagi GTP memandangkan infrastruktur dan sistem yang telah diwujudkan dalam tempoh dua tahun yang pertama telah mula membawakan hasil. Meskipun GTP diilhamkan untuk bergerak ke arah Keberhasilan Besar yang Pantas ('Big Fast Results'), namun terdapat beberapa program yang masih berada pada peringkat awal perkembangan disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk logistik, masa pembinaan dan lain-lain.

Matlamat GTP 2.0 adalah untuk memperkuuh dan memperdalam benih perubahan yang telah disemai sepanjang tiga tahun yang lepas, dan sesungguhnya saya amat teruja untuk melihat bagaimana negara kita berkembang menjadi semakin matang dan maju.

Antara contoh kejayaan GTP 1.0 termasuklah NKRA Pengangkutan Awam Bandar (NKRA UPT) yang telah memperkenalkan perkhidmatan tren enam gerabak baru bagi rangkaian KTM Komuter. Langkah ini telah mengurangkan masa menunggu tren ketika waktu puncak sekaligus mengurangkan keperitan yang kerap dialami oleh pengguna harian tren Komuter.

NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH), yang bermatlamat untuk memperkasakan golongan miskin dalam kalangan rakyat Malaysia dengan memberi kesedaran terhadap keperluan untuk menikmati kebebasan kewangan, turut menyaksikan kejayaan menerusi usaha-usaha awal yang dilaksanakan oleh NKRA ini. Antaranya, sejumlah rakyat miskin telah berjaya memiliki rumah milik mereka sendiri menerusi program perumahan kos rendah, sementara sejumlah usahawan wanita berjaya membuktikan bahawa mereka mampu menentukan kedudukan kewangan masing-masing berdasarkan usaha dan ketekunan mereka sendiri.

Izinkan saya di sini untuk memberikan jaminan kepada anda semua, warga Malaysia yang saya kasih, bahawa kerja yang Kerajaan laksanakan selama ini adalah untuk semua rakyat tanpa mengira bangsa, agama atau latar belakang budaya. Kita sedang mentransformasikan Kerajaan kerana seperti kebanyakan rakyat Malaysia yang lain, kita sedar bahawa apa yang dilakukan selama ini belum cukup lagi untuk menempatkan negara pada kedudukan antara negara terbaik dunia menjelang tahun 2020.

Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, rakyat telah mendengar Kerajaan menyatakan bahawa GTP masih berada dalam peringkat pembangunan – iaitu untuk membina batu asas bagi memastikan sebuah wadah yang dapat menyokong inovasi yang ingin kita laksanakan. Meskipun sebahagian besar usaha adalah bersifat asas dan sebahagian besar perubahan pula berlaku di sebalik tabir, namun

tugas yang cermelang telah dilaksanakan dalam memastikan bahawa keputusan yang diperoleh adalah telus kepada rakyat.

Izinkan saya juga untuk menegaskan bahawa kita telah pun selesai menyempurnakan pembinaan komponen-komponen asas di dalam GTP; dengan erti kata lain, rakyat akan melihat lebih banyak transformasi yang ketara dilaksanakan sepanjang tempoh tiga tahun yang akan datang. Jentera-jentera NKRA akan memperhebat interaksi bersama-sama dengan rakyat pada semua peringkat – bermula daripada isu jenayah dan keselamatan hinggaalah inisiatif yang lebih besar termasuk menangani kos sara hidup yang semakin meningkat – selain daripada membuat perubahan penting terhadap proses Kerajaan seperti proses pelaporan Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara.

Matlamat GTP 2.0 adalah untuk memperkuuh dan memperdalam benih perubahan yang telah disemai sepanjang tiga tahun yang lepas, dan sesungguhnya saya amat teruja untuk melihat bagaimana negara kita berkembang menjadi semakin matang dan maju. Tidak dapat dinafikan pastinya terdapat masalah permulaan atau ‘teething issues’ yang timbul bersama-sama dengan segala perubahan, terutamanya perubahan pada peringkat akar umbi, namun keyakinan saya tidak pernah tergugat bahawa rakyat akan terus memberikan sokongan kepada Kerajaan untuk memastikan inisiatif yang digembleng ini membawa kejayaan seperti yang dihasratkan.

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan (GTP)



Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah direka bentuk untuk menjadi sebuah program perubahan yang bercita-cita tinggi dengan sasaran untuk mengubah asas-asas penting Kerajaan Malaysia. Pelaksanaan GTP ini sebahagiannya adalah bagi memenuhi permintaan rakyat, yang mahukan lebih banyak daripada pihak Kerajaan, dan sebahagiannya lahir daripada kesedaran bahawa tempoh masa yang ditetapkan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 kini semakin hampir.

Dalam pelaksanaan programnya, GTP melakukan segala usaha yang mungkin, mendapatkan maklum balas dan sokongan (buy-in) daripada semua pihak berkepentingan: daripada kakitangan awam hingga ke sektor swasta, dan yang paling penting, daripada rakyat.

Keperluan bagi membaik pulih jentera pertumbuhan Kerajaan menjadi semakin jelas selepas rakan serantau mula mendahului dan mendapat kelebihan meskipun dengan kedudukan Malaysia yang semakin meningkat pada tahun-tahun awal selepas kemerdekaan. Walaupun usaha oleh Kerajaan telah meningkatkan ekonomi Malaysia dengan nyata, dan menyediakan infrastruktur yang

penting kepada rakyat dan komuniti perniagaan, namun pihak Kerajaan merasakan bahawa Malaysia perlu mempertingkatkan jenteranya ke tahap yang lebih pantas sekiranya negara ingin mencapai matlamat pembangunannya yang bercita-cita tinggi.

Pada masa yang sama, rakyat juga mahukan perubahan. Melahirkan keimbangan terhadap isu-isu utama seperti peningkatan kos sara hidup rakyat, rasuah, jenayah dan pendidikan, rakyat menyeru Kerajaan agar melipatgandakan usahanya untuk mempertingkatkan bidang-bidang tersebut. Secara keseluruhannya, GTP merupakan respons yang jelas terhadap semua permintaan ini.

RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN

Pentadbiran Kerajaan, di bawah pimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak, terus fokus terhadap pelaksanaan inisiatif di bawah falsafah "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Sejak awal lagi, GTP merupakan sebuah program perubahan bertumpuan rakyat yang berusaha untuk menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh rakyat. Oleh hal yang demikian, GTP merupakan sebuah program perubahan yang bersifat reaktif, yang turut melangkah sederap ke arah mencapai matlamat menyeluruh Wawasan 2020.

Sebagai contoh, tahun 2012 menyaksikan bantahan oleh orang



Rakyat digalakkan untuk menjadi lebih proaktif dalam menyuarakan kebimbangan dan kritikan mereka mengenai GTP, dengan jaminan bahawa setiap kebimbangan akan diambil tindakan.



ramai pada pertengahan tahun yang berpunca daripada timbunan kesjenayah yang berprof tinggi. Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Mengurangkan Jenayah mengambil tindakan segera untuk menangani punca kes-kes jenayah itu. Ini akhirnya mencetuskan pelancaran kempen Bersama Membanteras Jenayah (United Against Crime, UAC) yang meluas, yang menyaksikan kerjasama yang belum pernah disaksikan sebelum ini antara polis, pengendali pusat beli-belah komersial dan sekolah bagi menyelesaikan isu tersebut.

Dalam usaha membasmi rasuah, NKRA Membanteras Rasuah melaporkan bilangan pemberi maklumat tertinggi yang tampil ke hadapan bagi melaporkan kejadian rasuah dalam agensi Kerajaan selepas Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 berkuatkuasa pada tahun lepas. Kedudukan persepsi rasuah antarabangsa Malaysia telah bertambah baik hasil kesan langsung oleh inisiatif ini, yang turut mencerminkan respons secara terus terhadap kebimbangan rakyat mengenai keadaan rasuah di negara ini.

Akan tetapi, lebih banyak lagi

usaha yang dapat dan perlu dilakukan. Kerajaan, sejak pelaksanaan GTP, telah melaksanakan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang belum pernah disaksikan sebelum ini dalam melaksanakan inisiatif GTP, dan Kerajaan komited untuk mengekalkan tahap akauntabiliti ini pada tahun yang seterusnya. Rakyat digalakkan untuk menjadi lebih proaktif dalam menyuarakan kebimbangan dan kritikan mereka mengenai GTP, dengan jaminan bahawa setiap kebimbangan akan diambil tindakan.

NKRA: PENGERAK JENTERA GTP

Berikutan perundingan intensif bersama-sama dengan rakyat dan sektor swasta dalam makmal GTP, tujuh bidang keberhasilan utama telah dilahirkan – yang turut dikenali sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). NKRA ini membentuk cabang paling penting atau inti pati bagi program GTP dan turut disokong oleh inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA). MKRA memberikan tumpuan kepada isu penting yang tidak diambil tindakan oleh NKRA tetapi dianggap penting bagi kejayaan keseluruhan GTP.

NKRA, PADA AKHIR TAHUN 2012, TERDIRI DARIPADA:



Menangani Kos Sarawak Hidup
NKRA COL



Mengurangkan Jenayah
NKRA CRI



Membanteras Rasuah
NKRA ANTI-RASUAH



Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar
NKRA EDU



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah
NKRA LIH



Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar
NKRA RBI



Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar
NKRA UPT



DIPERHALUS HINGGA

TAHAP 3-KAKI

Kebanyakan program Kerajaan dirancang dan dilaksanakan pada tahap peniskalaan (abstraction), manakala GTP pula merupakan sebuah program yang berorientasikan perincian yang diperhalus sehingga butiran yang paling kecil bagi mencapai inisiatif berasingan, yang akhirnya bersatu untuk membentuk pelan keseluruhan GTP.

Metafora yang digunakan dalam GTP boleh digambarkan ibarat sebuah peta yang menunjukkan topografi sebuah pelan pada tahap skala yang berbeza. Walaupun skala 3,000-kaki berguna bagi membantu mengemudi dan merancang laluan pada tahap peniskalaan, jalan sebenar dan titik pengemudian hanya dapat dilihat pada skala 3-kaki. Oleh hal yang demikian, inisiatif dalam GTP ditetapkan kepada tahap 3-kaki, manakala pelan keseluruhan dapat dilihat pada skala yang lebih kecil.

Selaras dengan metafora ini, matlamat utama telah ditetapkan penunjuk prestasi utama negara

(NKPI) yang boleh diukur dan pelan penyampaian yang kukuh diperincikan bagi setiap inisiatif. Keputusan GTP juga tertakluk pada audit yang terperinci dan proses penilaian, yang dilaksanakan oleh penilai luar yang terdiri daripada pakar tempatan dan antarabangsa. Keputusan ini kemudian dilaporkan secara berkala kepada rakyat melalui penerbitan laporan tahunan dan sesi interaksi dengan orang ramai seperti Hari Terbuka GTP.

Inisiatif GTP ditunjangi oleh komitmen untuk menghasilkan Keberhasilan Besar yang Pantas. Lebih daripada sekadar satu cogan kata, Keberhasilan Besar yang Pantas merupakan sebuah falsafah: ia memberikan jaminan bahawa inisiatif yang dirumuskan khas di bawah GTP adalah direka bentuk bagi melaksanakan perubahan yang meninggalkan kesan yang paling meluas, dan dalam tempoh yang paling singkat.



Dari segi skala dan gagasan, GTP belum pernah didahului sebelum ini, dan dilihat berkeupayaan untuk memacu negara ke arah mencapai matlamat pembangunan 2020, iaitu menjadi negara berpendapatan tinggi dan menjalankan kualiti hidup yang lebih baik bagi semua rakyat Malaysia. Oleh hal yang demikian, GTP merupakan program yang selaras dengan rangka kerja 1Malaysia yang mengutamakan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

FASA-FASA GTP

1.1

GTP dibahagikan kepada tiga peringkat, atau fasa, setiap satu dengan penekanan yang tersendiri. Tahun 2012 merupakan tahun terakhir bagi fasa yang pertama, yang dikenali juga sebagai GTP 1.0, manakala fasa kedua akan dilaksanakan mulai tahun 2013 hingga 2015. Fasa terakhir akan bermula pada tahun 2016 dan berakhir pada tahun 2020.



GTP 1.0

2009 > 2012

Untuk melaksanakan perubahan yang besar dan segera kepada struktur perkhidmatan awam dan kerajaan, menyekat kemerosotan NKRA utama dan mengembalikan keyakinan rakyat.

Fasa transformasi yang pertama ini menyasarkan perubahan budaya prestasi yang berakar umbi dalam perkhidmatan awam dengan memberikan cabaran kepada pelbagai kementerian untuk membuat pembaharuan dan menangani isu-isu besar yang melibatkan rakyat.

GTP 2.0

2013 > 2015

Fasa kedua GTP dibangunkan untuk meneruskan kejayaan GTP 1.0 dengan memperdalam dan memperluas pembaharuan bagi memperlengkapkan transformasi perkhidmatan awam.

Sementara itu, langkah akan diambil untuk terus membangunkan budaya prestasi yang penting dalam persediaan Malaysia untuk mencapai fasa pembangunan yang seterusnya.

GTP 3.0

2016 > 2020

Fasa terakhir untuk membantu Malaysia mencapai aspirasi Wawasan 2020 yang bercita-cita tinggi, GTP 3.0 tidak lagi menyasarkan pembaharuan, tetapi bermatlamat untuk menggerakkan kerajaan ke tahap yang seterusnya dengan memfokuskan keutamaan seperti inovasi dan model penyampaian yang bersifat mesra rakyat.

Dengan tercapainya matlamat ini, Malaysia akan diiktiraf sebaris dengan negara bertaraf dunia yang lain dengan sistem tadbir urus berada dalam standard yang terunggul.



GTP 1.0

2009 hingga 2012



Fasa GTP yang pertama terbukti merupakan yang paling mencabar antara ketiga-tiga fasa ini memandangkan pasukan NKRA memikul tugas yang berat untuk memperkenalkan dan memupuk semangat perubahan yang berterusan dalam asas-asas perkhidmatan awam. Perubahan sememangnya sukar untuk dipupuk, terutama sekali apabila berhadapan dengan budaya kerja yang telah lama berakar umbi sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1950 an.

Bagaimanapun, perubahan amat perlu kerana situasi jelas menunjukkan bahawa cara kerja ditadbir dan dilakukan belum cukup ampuh untuk memberikan hasil yang cukup pantas bagi negara untuk mencapai impian pembangunannya menjelang tahun 2020. Lapisan birokrasi dan kehadiran budaya berpacukan kuasa, dan bukannya berpacukan prestasi, mendorong

prestasi yang sederhana, yang seterusnya menjadi faktor bibit kekecewaan rakyat dan para pelabur sektor swasta.

Matlamat GTP 1.0 adalah untuk mengubah keadaan (status quo) ini melalui pelaksanaan inisiatif transformasi untuk merancakkan semula jentera pertumbuhan Malaysia. Ini memerlukan pendekatan dua serampang: memperkenalkan perubahan transformasi dan meletakkan asas bagi perubahan yang seterusnya pada masa hadapan.

Ini bukanlah satu tugas yang mudah dan pasukan NKRA telah melaporkan beberapa tentang daripada badan kerajaan, yang sebahagian besarnya telah pun dijangka. Walau bagaimanapun, secara saksamanya kesimpulan dapat dibuat bahawa tugas GTP 1.0 telah menempa kejayaan walau apa pun juga ukurannya.





GTP 2.0

2013 hingga 2015



GTP kini telah memasuki fasa kedua pelaksanaannya. Jika GTP 1.0 seolah-olahnya menghidupkan sebuah enjin yang dahulunya tidak aktif, analogi tersebut boleh dilanjutkan kepada GTP 2.0, iaitu seolah-olahnya menukar kelajuan daripada gear pertama kepada gear kedua. Dengan kata lain, transformasi belum mencapai tahap kawalan yang sepenuhnya, dan masih memerlukan beberapa putaran bagi meningkatkan kelajuan.

GTP 2.0 bertujuan mempertingkatkan dan meneruskan inisiatif yang dicetuskan oleh GTP 1.0 dengan menggabungkan pengajaran yang diperoleh dengan sasaran baharu yang hendak dicapai dalam tempoh tiga tahun yang akan datang. Dalam kebanyakan NKRA, terdapat perbezaan kualitatif yang jelas antara inisiatif GTP 1.0 dengan GTP 2.0.

Dalam kes NKRA RBI contohnya, pasukan itu melaksanakan inisiatif khusus yang memfokuskan pembangunan ekonomi luar bandar, bergantung daripada fokus GTP 1.0 yang menumpukan infrastruktur sahaja. Berikutan itu, pasukan NKRA RBI menukar identitinya daripada Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar kepada Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar menerusi GTP 2.0.

GTP 2.0 bakal menyaksikan asas bagi transformasi diperkuuh walaupun NKRA mula membuat beberapa penglibatan singkat terhadap perubahan yang benar-benar inovatif dalam bidang masing-masing. Masalah yang timbul dalam GTP 1.0 akan diatasi dan usaha lanjut akan dilaksanakan bagi mendapatkan penerimaan dan sokongan orang ramai yang lebih mantap terhadap GTP.

Butiran lanjut mengenai GTP 2.0 boleh diperoleh dalam bab laporan tahunan ini yang seterusnya.



Butiran lanjut mengenai GTP 2.0 disediakan dalam bab seterusnya laporan tahunan ini.





GTP 3.0

2016 hingga 2020



Fasa ketiga dan terakhir GTP, fasa yang ketiga ini menjangkakan bahawa pembaharuan terhadap kerajaan telah pun selesai sekali gus merintis jalan ke arah langkah inovatif yang berteraskan rakyat. Walaupun butiran khusus fasa ketiga ini masih terlalu jauh untuk ditentukan, matlamatnya adalah untuk memastikan bahawa semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang akan merasai nikmat kehidupan negara yang berpendapatan tinggi.

GTP merupakan sebuah program yang bersesuaian dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang menangani sektor ekonomi Malaysia secara langsung untuk mentransformasikannya menjadi industri yang bernilai tinggi, dan yang menjana pendapatan yang tinggi. Justeru, pendekatan serampang dua mata ini bakal memastikan Malaysia bukan sahaja akan menjadi negara yang berkembang maju, berdaya saing, tetapi disokong juga oleh infrastruktur kerajaan, yang cekap dan berkesan.

Sementara itu, usaha oleh GTP dan ETP akan turut dilaksanakan bersama bagi memastikan tenaga kerja Malaysia ditransformasikan menjadi setaraf dengan yang terbaik dunia, sekali gus memastikan daya saing tenaga kemahiran kita dalam pekerjaan yang bernilai tinggi, baik di dalam maupun di luar Malaysia.



Walaupun butiran khusus fasa ketiga ini masih terlalu jauh untuk ditentukan, matlamatnya adalah untuk memastikan bahawa semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang akan merasai nikmat kehidupan negara yang berpendapatan tinggi.

KEBERHASILAN BESAR YANG PANTAS DAN GTP 2.0

1.2

Tahun 2012 merupakan tahun terakhir bagi fasa pertama GTP, atau dikenali juga sebagai GTP 1.0. Keseluruhan GTP telah dibahagikan kepada tiga fasa, dan GTP 1.0 mewakili gelombang perubahan pertama yang bertujuan membendung kemerosotan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan meletakkan asas bagi perubahan lanjutan pada masa hadapan.

2012 sekali lagi menjanakan kerberhasilan yang ketara, dan ringkasannya dikemukakan di sini.

GTP merupakan satu kisah mengenai kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai setakat ini, dan tahun 2012 tidak terkecuali melakar kisah kejayaan yang sama. Meskipun dengan cabaran yang menyebabkan terlepas beberapa sasaran, namun sebahagian besar daripadanya berpunca daripada faktor GTP yang menjadi mangsa kejayaannya sendiri. Dua tahun pertama GTP 1.0 membuatkan hasil yang positif sehinggakan standard bagi beberapa inisiatif utama telah dinaikkan dengan begitu ketara pada tahun 2012.

Pada tahun GTP 1.0 yang terakhir, pasukan NKRA menyedari keperluan terutamanya untuk mencapai kejayaan dalam pembinaan asas yang selamat dan cukup kukuh untuk mengekalkan proses transformasi dalam tempoh lapan tahun yang akan datang. Cabaran telah dihadapi dan dalam kebanyakan kes dapat diatasi; sementara yang lainnya kekal sebagai iktibar bagi NKRA.

2012 sekali lagi menjanakan kerberhasilan yang ketara, dan ringkasannya dikemukakan di sini. Dengan berakhirnya Fasa 1 pada akhir tahun 2012, subseksyen yang berikut turut menyediakan sebuah imbasan terhadap pencapaian penting GTP sepanjang tiga tahun yang lalu.

PENCAIAIAN PENTING GTP 1.0



GTP 1.1
TAHUN 2010

ISNIN, 20 APRIL, 2009

GTP dan enam NKRA diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

RABU, 16 SEPTEMBER, 2009

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) ditubuhkan.

OKTOBER HINGGA NOVEMBER 2009

Pelaksanaan Makmal GTP PEMANDU yang pertama.

DISEMBER HINGGA JANUARI 2010

Hari Terbuka GTP diadakan.

JANUARI, 2010

Empat laluan pertama BET diperkenalkan (NKRA UPT)

28 JANUARI, 2010

GTP dilancarkan



04 MAC, 2010

Pangkalan Data "Name and Shame" dilancarkan (NKRA Anti-Rasuh)

30 SEPTEMBER, 2010

Program Bandar Selamat diperluas di seluruh negara.
(NKRA CRI)



14 JULAI, 2010

Jadual Liga Balai dilancarkan (NKRA CRI)

JULAI 08 HINGGA 12, 2010

1 Akhiri Zaman Miskin (1AZAM) dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. (NKRA LIH)



JUN, 2010

10 set tren empat gerabak beroperasi pada aliran LRT Kelana Jaya (NKRA UPT)

16 MEI, 2010

Anugerah Tawaran Baharu diperkenalkan (NKRA EDU)

29 APRIL, 2010

Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP) dirasmikan (NKRA EDU)



OKTOBER, 2010

Skema bantuan kewangan untuk golongan miskin tegar dilaksanakan (NKRA LIH)

28 NOVEMBER, 2010

Lebuh raya Kuching-Serian dilancarkan, jalan raya sepanjang 13.73km yang menghubungkan sembilan buah kampung dan dua buah sekolah di sebuah kawasan pedalaman di Sarawak. (NKRA RBI)

15 DISEMBER, 2010

Kerajaan memperkenalkan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (NKRA Anti-Rasuh)

31 DISEMBER, 2010

Kategori 'miskin tegar' di Malaysia hampir dibasmikan sepenuhnya—daripada 44,643 isi rumah kepada 108 pada akhir tahun ini. (NKRA LIH)

GTP 1.2
TAHUN 2011

01 JANUARI, 2011

Program insurans 1AZAM dilancarkan (NKRA LIH)

11 FEBRUARI, 2011

Kementerian Pelajaran menganugerahkan Tawaran Baharu kepada 924 guru besar sekolah rendah. (NKRA EDU)

17 FEBRUARI, 2011

Dua puluh tiga buah sekolah telah dikenal pasti sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di bawah program SBT NKRA Pendidikan. (NKRA EDU)

27 FEBRUARI, 2011

Sistem tiket bas baharu bagi bas RapidKL diperkenalkan. (NKRA UPT)

- 01 JUN, 2011**
Kerajaan telah meluluskan garis panduan ganjaran dan pengiktirafan baharu untuk kakitangan awam yang melaporkan kejadian rasuah dan membawa kepada pendakwaan yang berjaya. (NKRA Anti-Rasuah)

- 25 MEI, 2011**
Kementerian Pelajaran mengenal pasti sembilan SBT lagi di bawah program SBT. (NKRA EDU)



- 16 APRIL, 2011**
Pusat pengangkutan Pudu Sentral yang telah dibaik pulih di buka (NKRA UPT)



- 09 APRIL, 2011**
Program Prasekolah SeDidik dilancarkan (NKRA EDU)

- 31 MAC, 2011**
Inisiatif Ikrar Integriti Korporat dilancarkan (NKRA Anti-Rasuah)

- 01 MAC, 2011**
Terminal Bersepadu Selatan telah dilancarkan di Bandar Tasik Selatan (NKRA UPT)

- 08 OGOS, 2011**
Touch & Go, sistem pembayaran RF-ID di seluruh negara, dipasang di stesen Express Rail Link (ERL). (NKRA UPT)

- 17 OGOS, 2011**
35,095 buah rumah untuk dijual oleh DBKL, di bawah Program Bantuan Rumah (PBR). (NKRA LIH)

- 13 SEPTEMBER, 2011**
Balai Polis di Selangor melaksanakan mesin Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan (CSR) di balai di seluruh negeri itu dalam usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepolisannya. (NKRA CRI)

- 13 SEPTEMBER, 2011**
Kementerian Pelajaran menganugerahkan Tarawan Baharu kepada 92 orang pengetua sekolah menengah. (NKRA EDU)

- 03 OKTOBER, 2011**
NKRA RBI menyiapkan sebuah jalan raya baharu bagi penduduk kampung di Kota Samarahan di Sarawak, dengan itu membenarkan akses perjalanan keluar dan masuk yang lebih mudah bagi penduduk kampung itu (NKRA RBI)



- 14 NOVEMBER, 2011**
Penyambungan bekalan elektrik bagi 5,000 buah rumah penduduk kampung di Pulau Sebatik, dengan itu memberikan kemudahan bekalan tenaga elektrik 24 jam buat pertama kalinya kepada penduduk kampung tersebut. (NKRA RBI)

- 28 FEBRUARI, 2012**
Perdana Menteri mengumumkan pengenalan inisiatif baharu membanteras rasuah bagi mengawal pembiayaan politik dan menyiasat penyalahgunaan dana. (NKRA Anti-Rasuah)

- 03 FEBRUARI, 2012**
Empat belas SBT baharu telah diumumkan oleh Kementerian Pelajaran. (NKRA EDU)

- JANUARI 2012**
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyertai program 1AZAM sebagai salah satu agensi pelaksanaannya. (NKRA LIH)

GTP 1.3
TAHUN 2012

- SABTU, 31 DISEMBER, 2011**
Lebih 63,000 isi rumah miskin telah menyertai program 1AZAM. (NKRA LIH)

- AHAD, 04 DISEMBER, 2011**
Dua puluh dua projek naik taraf retikulasi air di Melaka telah disiapkan (NKRA RBI)

- 28 NOVEMBER, 2011**
Sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) RapidKL dan sistem tiket bersepada dilancarkan bagi kedua-dua aliran LRT. (NKRA UPT)

- 28 NOVEMBER, 2011**
Stesen Masjid Jamek, yang merupakan tempat di mana kedua aliran LRT bersambung, melengkapkan integrasi. (NKRA UPT)

- **08 MAC, 2012**
Tren Komuter KTM mula melancarkan operasi perkhidmatan set tren enam gerabak. (NKRA UPT)

- **25 APRIL, 2012**
Kerajaan telah menetapkan bahawa jabatan dan agensinya kini mesti mendapatkan pandangan umum sebelum merangka pindaan kepada undang-undang yang sedia ada atau memperkenalkan rang undang-undang baharu. (NKRA Anti-Rasuh)

- **08 JUN, 2012**
Seramai 3,494 guru prasekolah swasta menjalani kursus tiga minggu untuk meningkatkan prestasi penyampaian pendidikan prasekolah mereka. (NKRA EDU)

- **OGOS, 10 HINGGA 14,2012**
Hari Terbuka GTP 2.0 telah diadakan di Malaysia Timur



- **31 OGOS, 2012**
Bas GoKL, iaitu servis bas percuma yang menghubungkan pelbagai mercu tanda dalam pusat bandar Kuala Lumpur, dilancarkan dalam usaha untuk membantu menggalakkan pekerja bandar dan pelawat menggunakan pengangkutan awam di bandar raya dan seterusnya mengurangkan kesesakan di jalan raya. (NKRA UPT)



- **NOVEMBER 2012**
Pihak polis melancarkan sistem rating khidmat pesanan ringkas (SMS) bagi mendapatkan maklum balas daripada rakyat berkenaan dengan perkhidmatan kepolisan di kaunter. Ini merupakan usaha lanjut bagi mendapatkan input daripada orang ramai tentang cara meningkatkan perkhidmatan kepolisan. (NKRA CRI)



- **30 OKTOBER, 2012**
Kemudahan 'Park and Ride' disiapkan di stesen LRT Gombak (UPT NKRA)

- **01 OKTOBER, 2012**
Projek Perintis bagi program NKRA LIH GTP 2.0 dilancarkan pada bulan ini. Program perintis ini termasuk program literasi kewangan NKRA, kerjasama NGO, program bakul makanan dan juga program berorientasikan masyarakat yang lain. (NKRA LIH)

- **OKTOBER 2012**
Di bawah fasa pertama Inisiatif Safe Cam yang pertama kali dilancarkan di Selatan Johor, sebanyak 19,336 CCTV kini dipasang di bawah program itu. (NKRA CRI)

- **SEPTEMBER 2012**
Rondaan bersama di 612 buah sekolah oleh pasukan polis dan anggota RELA dijalankan di bawah inisiatif Biru dan Hijau, yang merupakan lanjutan kepada program Omnipresence (Kehadiran Polis) (NKRA CRI)

- **01 NOVEMBER, 2012**
NKRA LIH melaporkan jumlah peserta program 1AZAM bagi dua tahun yang lepas seramai 100,711 dan ia melepassi sasaran asalnya sebanyak 97,393. Seramai 11,050 peserta 1AZAM telah bebas daripada belenggu kemiskinan dan menyaksikan peningkatan dalam pendapatan mereka. (NKRA LIH)

- **12 NOVEMBER, 2012**
Hentian Akhir Bandar Pasar Seni dilancarkan, menyediakan akses bersepadu ke pelbagai aliran bas. (NKRA UPT)

- **18 NOVEMBER, 2012**
Fasa pertama Program Peningkatan Profesionalisme bagi Guru Bahasa Inggeris bermula di Kelantan, Pahang dan Melaka yang melibatkan 810 orang guru. (NKRA EDU)

- **DISEMBER 2012**
NKRA LIH telah membangunkan lebih 4,000 usahawan wanita sejak tahun 2010. (NKRA LIH)

- **14 DISEMBER, 2012**
Program Bandar Selamat dilaksanakan oleh 151 buah majlis perbandaran di seluruh negara.



**GTP 2.0
2013**



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

Peningkatan kos sara hidup telah menjadi beban bagi sejumlah besar rakyat Malaysia, termasuk mereka yang terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana. Meskipun dengan usaha terbaik kerajaan untuk mengekalkan harga barang keperluan daripada meningkat, namun faktor di luar kawalan seperti peningkatan harga minyak dan makanan pada peringkat global telah mula mempengaruhi kos sara hidup penduduk tempatan.

Walaupun kerajaan telah memberikan subsidi bagi beberapa keperluan asas, ia sedar terdapat keperluan bagi pendekatan yang lebih fokus untuk membantu meringankan beban rakyat berkaitan dengan isu peningkatan harga. Oleh hal yang demikian, Kerajaan memperkenalkan NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat (NKRA COL) pada tahun 2011, satu setengah tahun selepas pelaksanaan rasmi GTP.

NKRA COL menangani isu kenaikan harga melalui dua cara. Pertama, dengan menyediakan bantuan kewangan secara langsung kepada rakyat yang paling memerlukan, dan kedua, dengan melaksanakan program yang bertujuan membekalkan keperluan asas seperti makanan dan penjagaan kesihatan pada harga yang berpatutan.

Sepanjang pelaksanaan NKRA ini satu setengah tahun yang lepas, ia telah berjaya mencapai beberapa keberhasilan termasuk yang berikut:

MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN 2012:

► **Menyalurkan bantuan kepada isi rumah yang bekerja dan kurang berkemampuan**

Program BR1M telah mengagihkan bantuan kewangan one-off (bayaran sekali sahaja) sebanyak RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan dan program ini telah dilanjutkan untuk mencakupi rakyat yang belum berkahwin pada tahun 2013. Golongan kurang berkemampuan juga diberi bantuan di bawah program KAR1SMA, yang mengagihkan bantuan kewangan berjumlah antara RM100 hingga RM450 kepada penerima termasuk warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak, ibu tunggal dan balu kakitangan polis dan anggota tentera. Pada tahun 2012, sejumlah RM1.4 bilion telah diagihkan di bawah KAR1SMA.

► **Mengurangkan kos pendidikan**

Di samping bantuan kewangan Kembali Ke Sekolah dan program Baucar Buku 1Malaysia, pelajar diberi bantuan tambahan selepas kerajaan memansuhkan yuran sekolah buat julung-julung kalinya dalam sejarah pendidikan negara. Secara keseluruhan, RM530 juta telah disalurkan kepada pelajar melalui program Kembali Ke Sekolah, manakala tambahan baucar buku sebanyak RM260 juta telah diagihkan kepada 1.13 juta pelajar yang berdaftar di institusi pengajian tinggi.

► **Memastikan barang dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan**

Tahun 2012 menyaksikan kesinambungan program utama yang memastikan barang dan perkhidmatan asas seperti makanan dan penjagaan kesihatan kekal pada harga yang berpatutan bagi setiap rakyat. Setiap program mengatasi KPI sasarannya dan memainkan peranan penting dalam mengimbangi peningkatan kos sara hidup. NKRA COL juga memperkenalkan Kedai Kain 1Malaysia (KK1M) pada tahun 2012, dengan mewujudkan enam buah kedai pada tahun lepas. Matlamat KK1M adalah sama seperti KR1M tetapi lebih menumpukan pakaian. KK1M yang pertama telah diwujudkan di Hulu Langat, Selangor.



MEMBANTERAS RASUAH

Rasuah terus mencemarkan perkhidmatan awam Malaysia, akan tetapi NKRA Membanteras Rasuah telah mengambil langkah yang penting dalam meletakkan sebuah asas untuk membasmi amalan itu dalam GTP 1.0. Tambahan pula, NKRA juga telah memperluaskan capaiannya untuk mewujudkan amalan membanteras rasuah bagi perniagaan sektor swasta yang menjalankan perniagaan dengan kerajaan.

Pencapaian penting yang bermakna bagi NKRA ini ialah keputusan Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Kuala Lumpur untuk menggunakan pangkalan data 'Name and Shame' NKRA pada tahun 2011, yang menyenaraikan semua pesalah yang disabitkan kesalahan rasuah sejak pelaksanaannya pada tahun 2010. Kedutaan AS menggunakan data daripada senarai itu sebagai salah satu kriteria untuk menentukan sama ada visa perjalanan boleh diluluskan atau sebaliknya kepada pemohon Malaysia.



MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN 2012:

▶ Pengumuman Pembaharuan Semula Pembiayaan Politik

Perdana Menteri mengambil langkah positif melangkah ke hadapan dalam pelaksanaan inisiatif ini, yang akan dijalankan dalam GTP 2.0. Pengumuman ini merupakan bukti sokongan utama inisiatif ini, yang bertujuan membendung ketirisan dana yang diperuntukkan untuk parti politik.

▶ Mewujudkan unit pematuhan di seluruh badan kerajaan

Keputusan untuk menggunakan langkah NKRA Membanteras Rasuah dalam mewujudkan unit pematuhan di agensi penguatkuasaan di seluruh badan kerajaan merupakan satu lagi petunjuk bahawa inisiatif tersebut memberikan impak. Kerajaan percaya bahawa kurang masyarakat yang terjebak dalam rasuah apabila ada pihak yang memerhatikan gerak geri mereka.

▶ Pelaksanaan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) oleh JPJ

Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan AES pada bulan Ogos 2012, yang bertujuan mengurangkan berlakunya rasuah melalui aktiviti penguatkuasaan trafik automatik. Walaupun program ini menerima beberapa kritikan, NKRA Membanteras Rasuah percaya bahawa isu peringkat awal ini hanyalah masalah kecil berbanding dengan manfaat keseluruhan program.

▶ Mewujudkan Perbadanan Pengurusan Aset Pusat

Matlamat agensi kerajaan ini adalah untuk menguruskan aset yang telah disita bagi pihak kerajaan. Kementerian Kewangan telah pun menuahkan satu bahagian baharu untuk perbadanan ini, yang pada masa ini sedang menunggu pembentangan rang undang-undang bagi memperincikan penubuhannya di Parlimen.

▶ Penambahbaikan dalam Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perceptions Index, CPI)

Pemantau antarabangsa, Transparency International, menaikkan taraf Malaysia dari kedudukan ke-60 ke kedudukan ke-54 dalam Indeks Persepsi Rasuah 2012.



MENGURANGKAN JENAYAH

NKRA Mengurangkan Jenayah (NKRA CRI) ditugaskan dengan dua matlamat yang serentak: untuk mengurangkan jenayah dalam negara dan memulihkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan diri mereka sendiri. Walaupun banyak pencapaian telah dibuat menerusi GTP 1.0 dalam konteks matlamat yang pertama, namun NKRA menyasarkan untuk bekerja dengan lebih keras lagi untuk matlamat yang kedua kerana rasa tidak selamat yang berterusan tetap ada dalam kalangan orang ramai. Namun demikian, pengurangan jenayah indeks sebanyak 26.8% dalam GTP 1.0 merupakan satu pencapaian yang amat besar walau apa pun juga ukurannya, dan sesuatu yang sepaututnya disokong oleh semua rakyat Malaysia.



NKRA telah mencapai beberapa kerberhasilan dalam GTP 1.0, namun salah satu anugerah yang mungkin paling bermakna ialah pengisytiharan Malaysia sebagai negara Asia Tenggara "paling aman" oleh Indeks Keamanan Global pada tahun 2011. Serentak dengan itu, Malaysia menduduki tangga keempat negara paling selamat di rantau Asia Pasif. Tambahan lagi, Malaysia diberi penarafan sebagai negara paling selamat antara 19 buah negara berpendapatan sederhana tinggi oleh Indeks Peraturan Undang-Undang di bawah Projek Keadilan Dunia pada tahun yang sama. Anugerah tersebut mengesahkan kecekapan inisiatif NKRA.

MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN 2012:

- ▶ **Jenayah Indeks: -7.6%, Jenayah Jalanan -41.3% (pada tahun 2012)**
- ▶ **Jenayah Indeks: -26.8%, Jenayah Jalanan -40.8% (keseluruhan GTP 1.0)**

Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah terus mengurangkan insiden Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan bagi tiga tahun berturut-turut pada tahun 2012, membuktikan keberkesanan inisiatif seperti Program Omnipresence dan Program Bandar Selamat. Kedua-dua inisiatif utama terus dipertingkatkan pada tahun 2012 untuk meluaskan skop dan meningkatkan keberkesanannya. Dua program ini adalah antara beberapa usaha terpenting yang dilakukan oleh negara bagi menangani isu jenayah secara menyeluruh.

- ▶ **Mendapatkan penglibatan masyarakat dalam usaha membanteras jenayah**

NKRA Mengurangkan Jenayah melaksanakan kempen Bersama Membanteras Jenayah pada tahun 2012, yang berusaha mendapatkan kerjasama yang lebih erat oleh orang ramai bersama-sama dengan pegawai penguatkuasaan undang-undang bagi membantu mengenal pasti isu dan meningkatkan hubungan kemasyarakatan. Antara golongan sasaran utama bagi program jangkauan NKRA ini pada tahun 2012 termasuklah: kaum wanita, sekolah, persatuan penduduk dan pengendali parkir.

- ▶ **Perasaan takut menjadi mangsa jenayah: 57.3%**

Keprihatian orang ramai terhadap keselamatan peribadi menjadi satu isu utama pada tahun 2012 selepas peningkatan kes-kes jenayah berprofil tinggi. (tertakluk pada KPI).

- ▶ **Meningkatkan jumlah tangkapan yang dibicarkan (34.7% pada tahun 2012)**

Isu ini merupakan kekecewaan utama yang dialami rakyat dan penguatkuasaan undang-undang. NKRA Mengurangkan Jenayah membuat usaha yang bersepadu bagi meningkatkan jumlah tangkapan yang dibicarkan dalam tempoh 12 bulan.



MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR

Sistem pendidikan yang berkualiti merupakan asas kepada tenaga kerja mahir, yang seterusnya penting bagi Malaysia untuk mencapai matlamat pembangunan 2020. Sepanjang tiga tahun GTP 1.0, NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar telah menunjukkan kejayaan yang tekal dalam inisiatif terasnya, namun mungkin apa yang paling penting ialah cara mereka menunjukkan bahawa perhatian dan fokus yang berterusan pada bidang tertentu benar-benar berkesan.

Sepanjang tempoh GTP 1.0, NKRA Pendidikan telah memperoleh kejayaan yang memberangsangkan dalam bidang utama NKRA ini: meningkatkan kadar enrolmen prasekolah, membuat saringan pelajar sekolah rendah bagi kemahiran asas numerasi dan literasi, mengenal pasti sekolah berprestasi tinggi, merapatkan jurang antara sekolah berprestasi tinggi dan yang berprestasi rendah, dan menggalakkan kepemimpinan sekolah yang lebih besar.

Dalam mengiktiraf kejayaan mereka, NKRA ini meningkatkan sasarannya bagi tahun 2012, tetapi masih berjaya menghasilkan keputusan yang membanggakan.

MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN 2012:

► **Meningkatkan kadar enrolmen prasekolah**
NKRA Pendidikan mengawas pembukaan 2,052 kelas prasekolah baharu pada tahun lepas dan menyaksikan peningkatan enrolmen kepada 80% bagi kanak-kanak usia prasekolah. Ia juga melaksanakan program rintis bagi mengukur kualiti dalam persediaan untuk menambah baik inisiatif GTP 2.0.

► **Saringan yang berterusan bagi program pelajar di bawah LINUS**

Saringan kohort ketiga di bawah program Saringan Literasi dan Numerasi NKRA menunjukkan kadar kecekapan sebanyak 82% dan 90% bagi setiap kategori masing-masing. Sebagai tambahan, NKRA juga memperhalus cara peserta disaring bagi memastikan bahawa tiada pelajar



yang ketinggalan. Akhir sekali, NKRA Pendidikan juga menguji peratusan itu dengan membuat saringan sejumlah pelajar di bawah situasi ujian, yang menghasilkan penilaian yang lebih baik untuk kadar kemahiran.

► **Menambah baik Tawaran Baharu bagi program pengetua**

Ini merupakan program utama di bawah NKRA Pendidikan yang bertujuan memberikan insentif kepada pengetua dan guru besar bagi meningkatkan prestasi sekolah mereka. Satu kategori baharu telah diperkenalkan pada tahun 2012 bagi memastikan semua pengetua dan guru besar diberi peluang yang saksama untuk memenangi satu tawaran baharu tanpa mengira saiz sekolah mereka.

► **Merintis jalan peningkatan profesionalisme bagi Guru Bahasa Inggeris**

Kira-kira sejumlah 61,000 guru Bahasa Inggeris telah diuji di bawah Ujian Penempatan Cambridge (CPT) bagi mengukur kecekapan mereka dalam bahasa Inggeris. Ini berikutan satu inisiatif di bawah GTP 2.0 yang bertujuan menyediakan sokongan pemulihan kepada guru yang kurang mahir.

► **Mengeluarkan sekolah daripada Band 6 dan Band 7 (43.6% penurunan atau 164 sekolah pada tahun 2012, 66% atau 420 sekolah dalam GTP 1.0)**
► **Memasukkan sekolah ke Band 1 dan Band 2 (27.1% peningkatan atau 101 sekolah pada tahun 2012, 57% atau 1009 sekolah dalam GTP 1.0)**

Program Penambahbaikan Sekolah menyasarkan untuk merapatkan jurang antara sekolah yang berprestasi paling tinggi dan yang paling rendah dengan menyediakan sokongan dan bantuan kepada sekolah yang tergolong dalam dua kategori paling rendah, iaitu dikategorikan sebagai sekolah Band 6 dan Band 7. Sementara itu, bantuan tambahan juga diberikan kepada sekolah bagi membantu mereka meningkatkan prestasi dan menaikkan mereka ke standard Band 1 dan Band 2.



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH



GTP disasarkan menjadi sebuah program transformasi yang inklusif, yang bermaksud bahawa semua rakyat tanpa mengira status ekonomi dan latar belakang boleh menjangkakan untuk meraih manfaat daripada inisiatifnya. NKRA LIH telah dilaksanakan untuk mempertingkatkan hidup rakyat Malaysia yang kurang berkemampuan secara sistematik dengan membantu mereka untuk membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan.

Tanpa ragu lagi, kejayaan terbesar NKRA LIH ialah hakikat bahawa inisiatifnya telah berjaya dalam membasmikan hampir semua masalah miskin tegar. Ini dicapai melalui kombinasi bantuan kewangan secara langsung dan juga program yang dirumus khas bagi membantu membangunkan kemahiran yang menggalakkan kemampunan kewangan kendiri.

Akhir sekali, NKRA LIH juga telah meletakkan asas bagi perubahan yang lebih terperinci dan lebih mantap dalam GTP 2.0 menerusi iktibar yang diperoleh sepanjang tiga tahun yang lepas. NKRA LIH telah mengenal pasti golongan yang mudah terjejas yang mesti ditangani dalam GTP 2.0, termasuk golongan masyarakat orang asli dan juga rakyat miskin di bandar.

NKRA LIH amat yakin bahawa pengupayaan sendiri ekonomi kekal menjadi pilihan paling berkesan bagi memecahkan belenggu kemiskinan mereka, dan tugas yang bakal ditempuh juga bakal melibatkan usaha mendapatkan penyertaan yang lebih giat daripada golongan sasaran ini.

MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN 2012:

► **Membebaskan isi rumah daripada belenggu kemiskinan**

Sepanjang pelaksanaan GTP tiga tahun yang lepas, inisiatif oleh NKRA GTP telah berjaya mengeluarkan 99.9% rakyat yang pada mulanya dikategorikan sebagai miskin tegar daripada kategori itu. Sementara itu, lebih 15,000 isi rumah miskin tidak lagi berada dalam kategori itu. Program penyampaian utama inisiatif NKRA itu ialah program Akhiri Zaman Miskin (1AZAM).

► **Menyediakan latihan keusahawanan dan kemahiran**

Pengupayaan kendiri ekonomi merupakan asas inisiatif NKRA LIH dan beberapa program latihan yang berbeza telah dilaksanakan dalam GTP 1.0. Antaranya termasuklah bengkel latihan khusus bagi usahawan wanita, yang dikenal pasti sebagai golongan yang mudah terjejas. Sepanjang tiga tahun yang lepas, 4,300 usahawan wanita telah dilatih, melebihi sasaran awal berjumlah 4,000 yang telah ditetapkan pada permulaan GTP 1.0.

► **Meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat miskin**

Menyediakan akses kepada rumah mampu milik bagi rakyat miskin merupakan langkah yang penting bagi NKRA LIH. Di bawah inisiatif GTP 1.0, Kerajaan menawarkan sebanyak 44,416 rumah kos rendah untuk dijual dibawah DBKL kepada penyewa semasanya. Sementara itu, pembaikan rumah terbaik dilaksanakan dan sejumlah 4,865 unit Rumah Mesra Rakyat dibina.



MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR

Dengan kira-kira 30% rakyat Malaysia, atau kira-kira 8.1 juta orang masih tinggal di kawasan luar bandar di Malaysia, secara dasarnya amat penting bagi rakyat luar bandar ini untuk mempunyai akses kepada kemudahan asas seperti jalan raya yang berkualiti, air bersih dan bekalan elektrik yang lebih terjamin. Walaupun terdapat jumlah pembangunan yang nyata di kawasan ini, pihak Kerajaan merasakan bahawa kadar pembangunan masih belum cukup pantas dan oleh itu menumpukan usaha dalam GTP bagi menyelesaikan isu itu.

NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA RBI) diberi tugas melaksanakan matlamat langsung bagi memastikan bahawa hampir keseluruhan penduduk luar bandar mendapat akses kepada infrastruktur. Bagaimanapun, kekangan bajet pada tahun 2012 menyebabkan berlakunya sedikit kelewatan dalam penyampaian NKRA ini. Namun begitu, NKRA ini telah mencatatkan kemajuan yang ketara seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

| (Akhir tahun 2012) | Semenanjung | Sabah | Sarawak |
|---------------------------|-------------|-------|---------|
| Jalan Berturap/Berkerikil | 98.6% | 88.7% | 82.7% |
| Air Bersih | 99% | 87% | 86% |
| Bekalan elektrik 24-jam | 99.8% | 88.7% | 82.7% |



1

Laporan Bank Dunia 2012.

MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN 2012:

- ▶ Berterusan membekalkan air yang bersih kepada 60,000 rakyat luar bandar

NKRA RBI meneruskan usahanya dalam melaksanakan program pembangunan yang bertujuan menyalurkan air bersih kepada penduduk luar bandar Malaysia. Projek khusus itu termasuk:

- Loji Rawatan Air Wilayah Serian, yang akan memberikan manfaat kepada 22,000 orang penduduk luar bandar selepas ia siap pada awal tahun 2013.
- Loji Rawatan Air Wilayah Fasa Lubok Antu, yang akan membekalkan air bersih kepada 5,000 orang penduduk luar bandar pada awal tahun 2013.
- Loji Rawatan Air Wilayah Saratok, yang dijangka memberikan manfaat kepada 43,000 orang penduduk kampung luar bandar pada pertengahan tahun 2013.

- ▶ Menyediakan kemudahan jalan raya bagi 140,000 isi rumah di Sabah

NKRA RBI menumpukan usaha pada tahun 2012 dengan membantu sebilangan rakyat paling terpinggir yang tinggal di kawasan luar bandar di Sabah. Dua program pembangunan secara khusus telah meraih kejayaan membanggakan:

- Menaik taraf Jalan Pulau Bum-Bum, Semporna yang sejah 40km; 20,000 isi rumah dijangka menggunakan jalan ini pada November 2012.
- Pembinaan jalan raya sejah 5km di Jalan Piau Nagaya; 10,000 isi rumah di Ranau akan meraih manfaat daripada projek ini pada Januari 2012.

- ▶ Menyediakan bekalan elektrik yang lebih terjamin di Sabah

Sebagai sebahagian komitmen bagi menyediakan akses bekalan elektrik 24-jam di Sabah, NKRA RBI telah mencatatkan kemajuan yang jelas. Kemudahan akses elektrik ini telah disalurkan di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (Program BELB) Kementerian.

- Pembinaan Garisan Grid di Kampung Bangkong, Pahang di bawah Program BELB, yang akan menyambungkan sejumlah 120 isi rumah dengan bekalan elektrik 24-jam selepas projek ini siap pada awal tahun 2013.
- Pembinaan Garisan Grid di Kg. Orang Asli Tanah Runtuh, Pahang di bawah Program BELB, yang akan menyambungkan sejumlah 62 isi rumah dengan bekalan elektrik 24-jam selepas projek ini siap pada awal tahun 2013.



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

Keperluan terhadap sistem pengangkutan bandar yang cekap telah mencapai tahap yang kritikal dengan penggunaan jalan di Kuala Lumpur hampir mencecah keupayaan maksimum. Dengan Kuala Lumpur dijangkakan berkembang sebanyak tambahan empat juta penduduk menjelang tahun 2020, pengangkutan awam dan jaringan jalan raya yang sedia ada jelas tidak mencukupi bagi menampung penduduk baharu ini.

Sepanjang tiga tahun GTP 1.0, NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (NKRA UPT) telah melancarkan beberapa transformasi yang dijangka meningkatkan secara drastik keupayaan dan kecekapan pengangkutan awam. Inisiatif ini mencakupi usaha memperluas keupayaan rel hingga hal langkah-langkah yang direka bentuk untuk mempermekas aliran trafik dalam bandar.

Pada masa yang sama, NKRA UPT juga telah membuat rancangan untuk memperluas rangkaian Transit Aliran Ringan (LRT) di kawasan Lembah Klang, yang akan menambah baik dengan nyata ketercapaian pengangkutan awam.



MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN 2012:

▶ Melancarkan operasi perkhidmatan set tren enam gerabak bagi perkhidmatan tren Komuter KTM

Kesemua 38 set tren enam gerabak bagi Komuter KTM telah dilancarkan operasi perkhidmatannya, sekali gus mengurangkan masa menunggu tren semasa waktu puncak daripada 45 minit sebelum ini kepada hanya 15 minit. Set enam gerabak baharu juga menambah hampir sekali ganda keupayaan gerabak rel yang sedia ada kepada 1,100 penumpang setiap satu berbanding dengan 600 penumpang sebelum ini.

▶ Pengenalan bas dalam bandar Go KL

Bas Go KL menawarkan perkhidmatan dalam Kuala Lumpur, dan walaupun inisiatif ini sebenarnya dibawah GTP 2.0, namun NKRA UPT telah memperkenalkan dua daripada empat laluan tahun ini. Perkhidmatan bas pada masa ini melaporkan bilangan pengguna harian kira-kira 14,000 setiap hari, dan ini menunjukkan bahawa penggunaan pengangkutan awam yang lebih aktif.

▶ Menaik taraf monorel

Sistem monorel Kuala Lumpur telah dinaik taraf di sepanjang aliran sama melalui penggunaan set tren empat gerabak berbanding dengan set tren dua gerabak yang lama.

▶ Pembinaan Park & Ride Gombak

Kerajaan secara rasminya telah melancarkan Park & Ride di Gombak pada 15 November, 2012. Kemudahan yang disediakan adalah sebanyak 1,200 ruang letak kereta yang membenarkan pengguna pengangkutan awam beralih dari kenderaan peribadi mereka ke rel untuk berulang-alik ke bandar. Lebih banyak Park & Ride telah dirancang bagi tujuan pembangunan di sepanjang aliran rel lain termasuk stesen LRT di Kelana Jaya dan stesen di Klang dan Rawang.

▶ Pelaksanaan Sistem Maklumat Bas (Bus Information System)

Pengguna bas kini mempunyai maklumat yang lebih jelas mengenai masa menunggu sebelum bas mereka tiba berikutnya pengenalan Sistem Maklumat Bas, yang mengesahkan lokasi bas melalui penggunaan Sistem Kedudukan Global (GPS). Pada fasa pertama pelaksanaannya, 59 hentian bas di Kuala Lumpur telah dilengkapi dengan papan maklumat.



GTP 2.0: Mempertingkatkan Perubahan



Dengan tahun 2020 bakal menjelang tidak sampai sedekad sahaja lagi, GTP 2.0 merupakan peringkat penting seterusnya dalam usaha Malaysia menuju ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi. GTP 1.0 telah mencipta banyak kejayaan dalam tempoh tiga tahun yang lalu selain menjana momentum perubahan yang perlu dikenalkan pada tahap kepantasan tinggi yang sama untuk baki tempoh GTP yang masih ada.



Sementara itu, GTP kekal komited terhadap falsafah "Rakyat Didahulukan", dan dengan itu mengakui hakikat bahawa masih banyak yang dapat dilakukan untuk membantu rakyat dalam semua aspek kehidupan. Rakyat terus membuat lebih banyak tuntutan terhadap GTP, dan Kerajaan pula berhasrat merakamkan jaminannya di sini bahawa perubahan pasti akan dilaksanakan.

Fasa pertama GTP senantiasa direka bentuk untuk mewujudkan asas yang sebahagian besarnya berlaku di sebalik tabir. Tiga tahun yang seterusnya bakal menyaksikan pencapaian yang lebih besar dan hasil yang lebih ketara yang akan membawa kejayaan yang diharatkan terhadap semua usaha yang telah dilakukan setakat ini.

Tempoh tiga tahun yang lalu telah memberikan banyak iktibar penting kepada pasukan NKRA dalam melangkah ke hadapan, selain menjana data penting yang mempunyai kaitan langsung dengan pelaksanaan inisiatif. Walaupun matlamat keseluruhan GTP 2.0 sejajar dengan keseluruhan rancangan transformasi, namun tiga tahun yang akan datang bakal menyaksikan penekanan yang khusus ditumpukan terhadap bidang yang berikut:

- ▶ Merapatkan jurang dalam NKRA dan memurnikan kaedah penyampaian
- ▶ Membuat penambahbaikan terhadap inisiatif sedia ada dan memperkenalkan inisiatif baharu





Kerajaan sedar bahawa rakyat berasa teruja untuk menyaksikan perubahan yang lebih besar dan lebih ketara dalam tempoh tiga tahun yang akan datang, dan GTP berjanji untuk menyampaikan keberhasilan tersebut.

- ▶ Memfokuskan inisiatif terhadap segmen masyarakat yang lebih meluas
- ▶ Mendapatkan penglibatan yang lebih besar oleh badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta Bidang keutamaan ini dipacu ke arah mewujudkan pembaharuan terhadap struktur Kerajaan, yang kekal menjadi tungggak dalam GTP 2.0. NKRA akan melaksanakan inisiatif jangka pendek dan jangka panjang untuk terus mempertingkatkan keberhasilan Kerajaan, akauntabiliti dan kecekapan Kerajaan.

Secara ringkasnya, matlamat yang digariskan di sini adalah untuk mempertingkatkan usaha yang sudah dicetuskan dalam GTP 1.0 sambil terus berpegang teguh kepada falsafah ‘Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ yang didukung oleh rancangan 1Malaysia. Tujuh NKRA ini akan terus memacu inti pati kerja GTP, namun akan terdapat juga anjakan dari segi hala tuju agar usaha NKRA ini sejajar ini yang lebih berkesan dengan rangka tindakan Kerajaan yang lain seperti

Model Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. GTP juga menyasarkan untuk memperoleh sokongan padu rakyat. Menurut dua buah tinjauan yang

telah dijalankan oleh Institut Integriti Malaysia dan Frost & Sullivan, sokongan rakyat terhadap GTP adalah pada kedudukan 7.2 dan 7.4 masing-masingnya (daripada 10). Sungguhpun angka ini adalah memberangsangkan namun Kerajaan percaya bahawa angka ini dapat ditingkatkan lagi, dan Kerajaan komited untuk melihat angka ini meningkat dalam tempoh 36 bulan yang akan datang.

Kerajaan sedar bahawa rakyat berasa teruja untuk menyaksikan perubahan yang lebih besar dan lebih ketara dalam tempoh tiga tahun yang akan datang, dan GTP berjanji untuk menyampaikan keberhasilan tersebut. Dengan erti kata lain, ini merupakan jangkaan yang menjadi kenyataan memandangkan sebahagian besar kerja pembinaan asas yang diperkenalkan menerusi GTP 1.0 akan mula membawa hasil dalam tempoh tiga tahun yang berikut, sekali gus bermaksud penjanaan keberhasilan yang nyata untuk rakyat.

PERSEPSI ORANG RAMAI TERHADAP GTP



7.2/10

Institut Integriti Malaysia
SAIZ SAMPEL: 13,602

7.4/10

FROST & SULLIVAN
SAIZ SAMPEL: 2,040

KES BAGI PERUBAHAN

2.1

GTP 2.0 bertujuan memperluas dan memperdalam transformasi yang telah dicetuskan menerusi GTP 1.0, namun idea abstrak ini diperhalus kepada sasaran khusus bagi setiap NKRA masing-masing. Selaras dengan falsafah tiga kaki yang terdapat dalam GTP, setiap NKRA telah mengenal pasti masalah dan penyelesaian tertentu yang akan ditangani dalam GTP 2.0. Maklumat yang lebih terperinci mengenai perkara ini boleh diperoleh dalam Pelan Hala Tuju GTP 2.0, namun sebuah ringkasan akan disediakan di sini untuk setiap NKRA.



MENANGANI KOS SARA HIDUP

NKRA COL diperkenalkan sebagai respons kepada kebimbangan rakyat Malaysia terhadap kenaikan kos sara hidup. Walaupun inisiatif yang diperkenalkan telah membantu meringankan beberapa beban terberat yang dihadapi oleh rakyat yang kurang bernasib baik, namun tiada jaminan bahawa kenaikan harga tidak akan berlaku sekali lagi dalam tempoh tiga tahun akan datang. Sebagai sebuah NKRA yang reaktif, NKRA COL akan terus memantau tekanan harga dalam dan luaran serta melakukan campur tangan yang bersesuaian apabila diperlukan. Kerajaan telah pun meneruskan skim Bantuan Rakyat 1Malaysia bagi tahun 2013, yang merupakan bantuan tunai secara langsung kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada nilai ambang yang ditetapkan.

MENGURANGKAN JENAYAH

Meskipun dengan kemajuan yang dicapai dalam statistik jenayah di negara ini dan trend penurunannya yang berterusan, beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa 52.8% rakyat masih terus berasa tidak selamat. Oleh hal yang demikian, terdapat keperluan bagi NKRA Mengurangkan Jenayah untuk bertindak balas terhadap kebimbangan orang ramai ini menerusi GTP 2.0 dengan mengambil tindakan yang selanjutnya untuk mengurangkan kadar jenayah dan mewujudkan persekitaran yang selamat untuk rakyat. NKRA Mengurangkan Jenayah sedar bahawa setiap rakyat Malaysia mempunyai hak untuk berasa selamat di kawasan kejiranan masing-masing, dan NKRA ini berharap bahawa inisiatif yang digemblengnya akan mempertingkatkan kerjasama dalam kalangan masyarakat untuk memerangi jenayah.







MEMBANTERAS RASUAH

Persepsi masyarakat terhadap keberkesanannya ini masih berada pada tahap rendah, dan Kerajaan sendiri telah memulakan usaha untuk menerajui perubahan dari sudut persepsi dengan menunjukkan contoh yang baik. Walau bagaimanapun, persepsi merupakan komponen yang penting dalam sasaran NKRA ini memandangkan rasuah berleluasa sehingga rakyat terdorong untuk mempercayai bahawa rasuah merupakan amalan yang tidak dapat dipisahkan dalam konteks menjalankan perniagaan di Malaysia. Tinjauan awam, seperti Barometer Rasuah Global (GCB) oleh penganalisis pasaran bebas antarabangsa, Frost & Sullivan menunjukkan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia tidak percaya bahawa rasuah telah dapat dikurangkan sejak GTP 1.0 diperkenalkan.

Persepsi orang ramai terhadap kecekapan kerajaan dalam memerangi rasuah terus kekal rendah



25% daripada orang ramai berpendapat bahawa usaha kerajaan dalam memerangi rasuah adalah tidak berkesan



Hanya 23% daripada orang ramai merasakan bahawa tahap rasuah di Malaysia bagi tiga tahun kebelakangan telah menunjukkan kemajuan

Sumber: Barometer Rasuah Global 2011, Transparency International

Persepsi antarabangsa terhadap usaha Malaysia dalam memerangi rasuah mengalami penurunan



Skor CPI terus merosot dari pada 4.5 (2009) kepada 4.3 (2011)

2009
4.5
2011
4.3

- ▶ Penarafan CPI Malaysia telah merosot, daripada ranking ke-39 pada 2004 kepada ranking ke-60 pada 2011
- ▶ Selain kejatuhan dalam ranking, skor CPI kita juga telah menurun daripada 5.0/5.1 antara 2004 hingga 2008 kepada 4.3 pada 2011
- ▶ Hal ini mungkin disebabkan oleh persepsi bahawa hanya terdapat sedikit kemajuan dalam memerangi rasuah dan kurangnya kesungguhan politik dalam melaksanakan langkah pencegahan rasuah yang berkesan

Sumber: Indeks Persepsi Rasuah (CPI), Transparency International



MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR/ MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI

NKRA Pendidikan merupakan salah satu daripada beberapa NKRA yang telah menunjukkan kejayaan yang tidak dapat dipertikaikan dalam inisiatif yang digemblengnya menerusi GTP 1.0. Walau bagaimanapun, NKRA Pendidikan senantiasa menegaskan bahawa kembara menuju sistem pendidikan yang berkualiti merupakan sebuah perjalanan yang panjang, yang tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh hanya tiga tahun. Sebaliknya, NKRA ini memberikan fokus dan penekanan terhadap asas-asas penting yang bakal merintis jalan ke arah pembelajaran sepanjang hayat untuk pelajar Malaysia. Oleh hal yang demikian, beberapa inisiatif daripada GTP 1.0 akan terus dipertingkatkan dalam GTP 2.0 seiring dengan langkah NKRA ini memperluas fokusnya untuk mencakupi elemen lain dalam profesion keguruan. Tambahan pula, pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pada tahun lepas telah memberikan hala tuju yang selanjutnya kepada inisiatif NKRA ini dalam melangkah ke hadapan.

MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

Langkah yang diambil di bawah GTP 1.0 telah mewujudkan asas untuk mencapai kemuncak matlamat, iaitu membasmi kemiskinan, namun demikian terdapat beberapa halangan yang menghambat penyampaian beberapa inisiatif. Model GTP 2.0 menyaksikan NKRA LIH memperluas kerjasama dengan rakan penyampaian swasta seperti NGO dan organisasi sektor swasta lain untuk memberikan bantuan kepada rakyat yang amat memerlukan. Selain itu, GTP 2.0 juga mengenal pasti perlunya perhatian yang khusus diberikan kepada beberapa kumpulan mudah terjejas di Malaysia, iaitu masyarakat orang asli dan golongan miskin bandar. Justeru, GTP 2.0 akan menyaksikan NKRA LIH menyasarkan golongan ini secara khusus.





Kebanyakan usaha GTP 1.0 tertumpu pada faktor tarikan, iaitu inisiatif untuk menjadikan pengangkutan awam lebih menarik kepada penumpang.



MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR/MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Penyampaian kemudahan asas dan infrastruktur kepada masyarakat luar bandar Malaysia hampir selesai, namun NKRA RBI sedar bahawa masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk membantu mentransformasikan ekonomi luar bandar selain kemudahan jalan raya, bekalan air dan elektrik. Oleh hal yang demikian, di samping melengkapkan penyampaian infrastruktur, NKRA RBI akan memperkenalkan inisiatif baru juga untuk membantu mengekalkan infrastruktur, dan pada masa yang sama membangunkan ekonomi luar bandar. Program Kampung Abad Ke-21 merupakan inisiatif utama GTP 2.0, yang bertujuan mentransformasikan kawasan luar bandar menjadi hab ekonomi yang berkembang pesat dan terbukti mempunyai daya tarikan terhadap golongan belia Malaysia.

MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

Dengan kebanyakan kerja infrastruktur dan kapasiti telah dilaksanakan dalam GTP 1.0, cabaran yang dihadapi oleh NKRA UPT dalam GTP 2.0 adalah untuk meningkatkan secara aktif nisbah mod pengangkutan awam, iaitu nisbah penumpang yang menggunakan pengangkutan awam berbanding dengan orang yang menggunakan kendaraan persendirian untuk berulang-alik ke pusat bandar. Kebanyakan usaha GTP 1.0 tertumpu pada faktor tarikan, iaitu inisiatif untuk menjadikan pengangkutan awam lebih menarik kepada penumpang. Walaupun ini telah terbukti berhasil, ia belum lagi dapat menarik sebanyak mungkin penumpang seperti yang dihasratkan oleh NKRA UPT. Dalam GTP 2.0, tumpuan NKRA UPT adalah untuk meneruskan usaha memperbaiki kesalinghubungan dan keandalan, sementara memanfaatkan peningkatan kapasiti yang dijalankan dalam GTP 1.0.

PERJALANAN MENUJU GTP 2.0

2.2

Inisiatif GTP 2.0 tidak dicipta dengan sewenang-wenangnya, sebaliknya ia merupakan hasil perbincangan berterusan dan jangka panjang dengan semua pihak berkepentingan utama. Sama seperti sesi Makmal yang diadakan sebelum pelaksanaan GTP 1.0, sesi Makmal GTP 2.0 telah diadakan pada pertengahan tahun 2012 untuk membentuk dan memurnikan inisiatif yang akan dilaksanakan, dan seterusnya didokumentkan dalam Pelan Hala Tuju GTP 2.0.



Hasilnya ialah sebuah dokumen yang komprehensif, yang berfungsi bukan sahaja sebagai rancangan untuk masa hadapan, tetapi juga komitmen oleh pihak Kerajaan untuk menyampaikan kandungannya kepada rakyat; dengan erti kata lain, Pelan Hala Tuju GTP 2.0 merupakan satu senarai janji khusus oleh Kerajaan kepada rakyat.

Model GTP 2.0 memastikan bahawa ketelusan dan akauntabiliti yang paling tinggi terbina dalam pelaksanaan pelan tersebut, selain perincian Model Tadbir Urus yang komprehensif dan rantai pelaporan yang ketat dan rapi yang mengiringi semua pelaksanaan projek.





MODEL TADBIR URUS

Model Tadbir Urus GTP 2.0 merupakan lanjutan struktur yang telah diwujudkan dalam GTP 1.0. Inisiatif pengawasan langsung akan diurus oleh Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO) dan PEMANDU, yang akan memantau pelan pelaksanaan dan mengemukakan laporan kemajuan mingguan semasa pada peringkat kerja. DMO dan PEMANDU juga melaporkan terus kepada Pasukan Petugas Penyampaian (DTF), yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri.

Setiap NKRA menerima guna model tadbir urus yang sama untuk memastikan inisiatif masing-masing adalah selaras dengan pelan transformasi negara. Model ini memastikan bahawa semua peringkat Kerajaan - dari atas hingga bawah - menerima maklumat terkini secara berkala dan membuat penambahbaikan terhadap proses yang dirasakan sesuai oleh mereka. Secara keseluruhan, pengawasan terhadap GTP dilaksanakan oleh Pejabat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri dalam kapasitinya sebagai pengerusi DTF.

Berkaitan dengan pelaksanaan inisiatif GTP, Kementerian yang sepadan dengan setiap NKRA telah dilantik sebagai badan penyampaian utama.

AKAUNTABILITI DAN KETELUSAN

Rakyat dianggap sebagai salah satu pengawas utama bagi projek NKRA, dan interaksi antara pihak bertanggungjawab dengan orang ramai lazimnya dijalankan menerusi Hari Terbuka, sesi pertemuan khas dan bengkel. Kemuncaknya, GTP turut diselia oleh sebuah panel penilai pakar bebas, yang terdiri daripada pakar tempatan dan juga antarabangsa.

Panel Penilaian Prestasi Antarabangsa (International Performance Review) merupakan sebuah contoh. Panel IPR merupakan penilaian antarabangsa yang terdiri daripada pakar-pakar dari negara maju lain yang dijemput untuk meneliti dan mengesahkan keputusan GTP. Maklum balas yang diterima daripada panel tersebut terbukti amat bernilai dan telah berjaya meletakkan nama Malaysia di pentas dunia sebagai agen transformasi utama.

Pada masa yang sama, Pricewaterhouse Coopers Malaysia (PwC) telah dilantik untuk melaksanakan Tatacara yang Dipersetujui (AUP) terhadap keputusan GTP untuk memastikan kesahihan dan ketepatan keputusan. Proses AUP mengesahkan input maklumat dan data yang digunakan untuk mengira NKPI dengan memastikan bahawa kementerian dan badan pelaksanaan yang lain mematuhi AUP dalam laporan NKPI masing-masing.

| NKRA | KEMENTERIAN PENERAJU |
|--|---|
| Menangani Kos Sara Hidup | Pejabat Timbalan Perdana Menteri |
| Mengurangkan Jenayah | Kementerian Dalam Negeri |
| Memastikan Pendidikan Berkualiti | Kementerian Pendidikan |
| Membanteras Rasuah | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bertanggungjawab terhadap undang-undang dan urusan Parlimen |
| Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar | Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah |
| Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar | Kementerian Pengangkutan |



Channel

15

MALAYSIA FRUIT COC
2.99



Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

HARGA YANG
BERPATUTAN
UNTUK SEMUA



SEPATAH KATA



TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN
HAJI MOHD YASSIN

Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab terhadap NKRA Menangani Kos Sarawak Rakyat (NKRA COL), saya dengan berbesar hati melaporkan bahawa usaha kami selama setahun setengah yang lalu telah memberikan manfaat yang signifikan kepada rakyat. Meskipun ianya baru sahaja dimasukkan ke dalam GTP, saya percaya bahawa usaha gigih yang kami curahkan telah menjadikan NKRA COL sebagai salah satu tunjang utama proses transformasi, dan saya berasa teruja membayangkan perubahan lebih besar yang bakal tercetus dalam fasa yang seterusnya.

Di bawah inisiatif NKRA ini, kami turut menyasarkan bantuan kepada para pelajar dengan membantu mengurangkan kos pendidikan melalui inisiatif baucar buku serta bantuan terus RM100 untuk persekolahan.

Izinkan saya menyatakan secara ringkas faktor penyebab kepada pengenalan NKRA COL dalam GTP. Kos sara hidup yang kian meningkat terus menjadi masalah kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah disebabkan oleh ketidaktentuan persekitaran luar negara. Walaupun Kerajaan Malaysia memainkan peranan yang penting dalam mengurus harga makanan dan bahan api selama ini, namun kami merasakan perlunya dilaksanakan pendekatan baru pemberian subsidi iaitu yang berfokus kepada kumpulan yang benar-benar memerlukan. Justeru itu, NKRA COL ini diperkenalkan.

Pelaksanaan NKRA COL merupakan hasil kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan untuk memastikan semua lapisan rakyat, terutamanya mereka yang memerlukan, lebih berpeluang untuk menikmati taraf kehidupan yang memuaskan. Kami menangani isu kos sara hidup ini menerusi dua pendekatan. Pertama, melalui bantuan kewangan secara terus kepada rakyat yang amat memerlukan. Kedua, dengan memperkenalkan program seperti Kedai Rakyat 1Malaysia dan Klinik 1Malaysia untuk memastikan penyediaan barang dan perkhidmatan asas dengan harga yang berpatutan.

Dari segi bantuan, kami telah mengagihkan sejumlah RM2.09 bilion kepada 4.18 juta isirumah melalui GTP 1.0 di bawah program Bantuan Rakyat

1Malaysia dan Kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan program ini serta diperluaskan untuk mencakupi lebih banyak rakyat Malaysia. Kami dengan ikhlas percaya bahawa bantuan RM500 ini akan membantu meringankan kos sara hidup.

Di bawah inisiatif NKRA ini, kami turut menyasarkan bantuan kepada para pelajar dengan membantu mengurangkan kos pendidikan melalui inisiatif baucar buku serta bantuan terus RM100 untuk persekolahan. Kami perlu menjadikan pendidikan lebih mudah dicapai agar dapat menarik penyertaan yang lebih banyak, dan kami percaya usaha yang dirancang dalam bidang ini akan banyak membantu golongan pelajar dan juga ibu bapa.

Akhir kata, saya dengan tulus ikhlas ingin menyuarakan keyakinan saya bahawa Kerajaan Malaysia amat komited untuk menjaga kebijakan rakyat secara keseluruhan. GTP dirancang sebagai program yang inklusif untuk semua rakyat Malaysia, dan kami tidak akan menganggapnya sebagai satu kejayaan andainya masih ada rakyat yang tercicir. Dengan pengenalan GTP 2.0, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan komited untuk menghadapi sebarang jua cabaran yang bakal muncul, dan kami akan terus berwaspada dalam memastikan kenaikan kos sara hidup tidak terlalu menjaskan kehidupan rakyat.

Menangani Kos Sara Hidup Rakyat

TINJAUAN KESELURUHAN

Meskipun Kerajaan gigih berusaha untuk memastikan bahawa harga barang keperluan adalah pada paras yang berpatut untuk rakyat, namun demikian harga barang asas seperti makanan dan bahan api meningkat secara mendadak dalam tempoh dua tahun yang lepas disebabkan oleh faktor luaran yang berada di luar kawalan Kerajaan. Kebanyakan daripada rakyat yang terjejas akibat kenaikan harga adalah daripada golongan yang mana peningkatan pendapatannya tidak dapat mengimbangi kadar inflasi.



Oleh kerana terdapat kenaikan dalam harga barang dan perkhidmatan asas, Kerajaan telah memutuskan bahawa perlu diperkenalkan pendekatan yang fokus untuk membantu meringankan kebimbangan rakyat berkenaan dengan kenaikan kos sara hidup. Ini menyaksikan pengenalan NKRA Menangani Kos Sara Hidup (NKRA COL) pada Julai 2011. Tambahan baru kepada GTP ini mengambil pendekatan yang berbeza berbanding dengan enam NKRA yang lain. NKRA yang lain adalah bersifat berketentuan (deterministic) dan menggariskan kaedah serta keberhasilan yang konkrit, manakala NKRA COL ini bersifat reaktif dan langkah yang diambil adalah berdasarkan kepada hasil daripada kajian terperinci terhadap perubahan persekitaran ekonomi.





Penting untuk dinyatakan bahawa Kerajaan sentiasa memainkan peranan yang utama dalam memberikan subsidi untuk barang keperluan seperti makanan dan bahan api, namun sasaran NKRA COL adalah untuk terus memperkuuh peranan ini melalui beberapa langkah baru.

NKRA COL telah melaksanakan beberapa inisiatif yang akan memastikan harga kekal terurus, dan beberapa kejayaan penting yang diraih termasuklah pengenalan program Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M), dan Klinik 1Malaysia (K1M). Program ini bertujuan menyediakan barang keperluan dan perkhidmatan seperti barang runcit, penjagaan kesihatan, dan makanan pada harga yang berpatut kepada semua lapisan masyarakat.

Penting untuk dinyatakan bahawa Kerajaan sentiasa memainkan peranan yang utama dalam memberikan subsidi untuk barang keperluan seperti makanan dan bahan api, namun sasaran NKRA COL adalah untuk terus memperkuuh peranan ini melalui beberapa langkah baru. Sebagai contoh, program MR1M dan KR1M melibatkan penyertaan sektor swasta untuk membantu Kerajaan menyediakan barang runcit dan makanan yang lebih murah, manakala program



Klinik 1Malaysia pula menyediakan khidmat rawatan perubatan asas yang berpatutan pada harga RM1 bagi setiap rawatan.

GTP 1.0 DAN PENCAPAIAN TAHUN 2012

NKRA COL melaksanakan inisiatif melalui pendekatan untuk mencapai matlamatnya, iaitu menyediakan bantuan segera kepada rakyat. Pertama, dengan menghulurkan bantuan kewangan segera kepada rakyat yang paling terjejas akibat kenaikan harga. Kedua, pengenalan program yang diterajui Kerajaan untuk mengurus harga barangas asas.

Contoh bantuan kewangan secara terus termasuk bantuan tunai sekali bayar sebanyak RM500 yang diaghikhan kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah melalui program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Golongan kurang berkemampuan seperti warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, serta balu kakitangan polis dan anggota tentera turut menerima bantuan antara RM100 hingga RM450 di bawah program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA). Sementara itu, pelajar Tahun Satu hingga Tingkatan Lima menerima bantuan kewangan sebanyak RM100 seorang, manakala pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi pula menerima baucar buku berjumlah RM200 bagi mengurangkan kos pendidikan.



Saya adalah penerima bantuan kewangan BR1M. Terdapat golongan miskin yang tidak pernah bermimpi memegang RM 500 dalam tangan mereka. Adalah baik Kerajaan dapat menolong mereka dengan cara itu. Walau ia merupakan bantuan yang dihulurkan sekali, mereka boleh menggunakan untuk membaiaki kehidupan mereka dalam pelbagai cara, sama ada untuk membeli peralatan untuk memulakan perniagaan atau pun membayar pendidikan anak-anak mereka.

Noraini Salleh, 40

Usahawan



Program yang diterajui Kerajaan di bawah GTP 1.0 yang direka khas untuk memastikan keperluan asas kekal pada harga yang berpatutan termasuk:

► **Klinik 1Malaysia**

Menyediakan rawatan yang hampir percuma kepada rakyat. Pada 31 Disember 2012, sejumlah 168 klinik telah dibuka di seluruh negara.

► **Kedai Rakyat 1Malaysia**

Kedai serbaneka yang diperkenalkan Kerajaan menawarkan barang keperluan asas pada harga yang lebih murah berbanding dengan kedai runcit biasa. Pada umumnya, harga barang 1Malaysia adalah 30% hingga 40% lebih rendah berbanding dengan barang sama di kedai biasa.

► **Menu Rakyat 1Malaysia**

Kerajaan dengan kerjasama daripada pengusaha gerai/restoran swasta, bersetuju untuk menawarkan paket makanan dan minuman bagi sarapan dan makan tengahari pada harga yang standard. Kadar yang ditawarkan adalah sama bagi sarapan dan makan tengahari di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan.

► **Kedai Kain 1Malaysia**

Berdasarkan kepada konsep yang sama seperti Kedai Rakyat 1Malaysia tetapi menawarkan pakaian dan tekstil pada harga berpatutan.



NKRA COL telah menyediakan penyelesaian kepada rakyat yang mana terpaksa meneruskan kehidupan yang berkualiti rendah. NKRA COL telah menyampaikan beberapa hasil yang memberangsangkan dalam masa 12 bulan yang lepas:

KEBERHASILAN 1

Menyalurkan bantuan kewangan kepada isi rumah kelas pekerja dan yang kurang bernasib baik

Program BR1M mengagihkan bantuan tunai sekali sahaja sebanyak RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan RM3,000 sebulan dan ke bawah. Program ini telah diperluas dan dipertingkatkan pada tahun 2013 untuk merangkumi rakyat yang belum berkahwin.

Golongan yang kurang berkemampuan turut dibantu di bawah program KAR1SMA, dengan pengagihan bantuan tunai antara RM100 hingga RM450 kepada para penerima termasuk warga emas, orang kurang upaya, ibu tunggal, serta balu kepada kakitangan polis dan anggota tentera. Pada tahun 2012, peruntukan sejumlah RM1.4 bilion telah diagihkan di bawah KAR1SMA.



KEBERHASILAN 2

Mengurangkan kos pendidikan

Secara keseluruhan, sebanyak RM533 juta telah diagihkan kepada pelajar menerusi program Kembali ke Sekolah, manakala sebanyak RM225 juta dalam bentuk baucar buku telah diagihkan kepada 1.13 juta pelajar yang mengikuti kursus pengajian di institusi pengajian tinggi. Sebagai tambahan kepada program bantuan kewangan Kembali ke Sekolah dan Baucar Buku 1Malaysia, pelajar sekolah juga diberi bantuan tambahan apabila Kerajaan memutuskan untuk menghapuskan kesemua yuran sekolah untuk kali pertama dalam sejarah Malaysia.



KEBERHASILAN 3

Memastikan barang dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan

Tahun 2012 menyaksikan kesinambungan program penting yang memastikan barang dan perkhidmatan asas seperti makanan dan penjagaan kesihatan kekal pada harga yang berpatutan untuk setiap rakyat. Setiap program yang dilaksanakan berjaya melepassi sasaran KPInya selain memainkan peranan penting dalam mengurus kenaikan kos sara hidup.

NKRA COL juga memperkenalkan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KK1M) pada tahun 2012, dengan sasaran pembukaan tujuh buah kedai. Sebanyak empat kedai telah dibuka pada akhir 2012 dengan KKR1M yang pertama telah dibuka di Hulu Langat, Selangor.

PENUNJUK PRESTASI UTAMA NEGARA (NKPI) UNTUK 2012

| KPI | SASARAN | SEBENAR | % PENCAPAIAN | TANDA KEMAJUAN |
|---|-------------|-------------|----------------|---|
| | JUMLAH | | 110% | |
| Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) | | | | |
| Bil. isi rumah yang meraih manfaat daripada BR1M | 3,400,000 | 4,179,061 | 122.91% |  |
| Insentif Kembali ke Sekolah – pemberian wang tunai RM100 kepada pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5 | | | | |
| % sekolah yang selesai dibayar | 100% | 100% | 100% |  |
| Bilangan pelajar sekolah yang menerima bayaran* | 5,800,000 | 5,331,207 | 91.92% |  |
| Baucar buku RM200 untuk pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan awam dan swasta, termasuk matrikulasi dan Tingkatan 6 | | | | |
| Jumlah nilai baucar yang ditebus (RM) | 260,000,000 | 225,012,900 | 86.54% |  |
| Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) | | | | |
| Bilangan KR1M | 60 | 59 | 98.33% |  |
| Menu Rakyat 1Malaysia | | | | |
| Bilangan restoran yang mengambil bahagian | 2,000 | 2,228 | 111.40% |  |
| Klinik 1Malaysia | | | | |
| Bilangan klinik yang beroperasi | 50 | 81 | 162% |  |

*

Angka yang diaudit adalah lebih rendah daripada jumlah yang dilaporkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu sebanyak 5,339,012. Ini adalah disebabkan kerana audit telah dijalankan sebelum penutupan dan penyesuaian akaun yang menyebabkan perbezaan angka tersebut.

INISIATIF

3.1

Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) merupakan program yang dirangka khas untuk memberikan tindakbalas kepada perubahan persekitaran ekonomi pada kadar segera. Program ini telah membantu lebih banyak isirumah daripada sasaran asal. Berdasarkan kepada Kajian Pendapatan Isi Rumah 2009/10 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak 3.4 juta isirumah. Jumlah penerima sebenar adalah sebanyak 4,179,061 isi rumah, 22.91% lebih tinggi daripada sasaran. Ini telah membolehkan Kerajaan membantu untuk mengurangkan beban rakyat akibat peningkatan kos sara hidup.



Usaha untuk membina rumah untuk golongan miskin adalah usaha terpuji. Ia telah memperbaiki kehidupan mereka dengan memastikan persekitaran mereka adalah selesa. Saya adalah penerima bantuan BR1M dan saya menggunakan ia untuk membeli buku, alat tulis, dan membayar yuran sekolah anak saya.

Hasmah Ampala, 41
Guru Tadika



Program insentif Kembali Ke Sekolah telah mengagihkan RM100 kepada setiap pelajar Tahun Satu hingga Tingkatan Lima. Sejumlah 5,331,207 pelajar telah mendapat manfaat daripada program ini.

Pelajar peringkat tertiar pula diperuntukkan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) bernilai RM200 setiap seorang untuk membantu mereka menangani kos pendidikan. Program ini telah memberi manfaat kepada 1,275,065 pelajar Tingkatan Enam, matrikulasi, kolej dan universiti.

Sokongan yang memberangsangkan dapat dilihat melalui jumlah penyertaan kedai makanan dalam program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M). Program ini menawarkan sarapan dan makan tengah hari pada harga tetap dan berpatutan. Harga yang ditetapkan adalah seperti yang berikut:

MENU RAKYAT 1MALAYSIA (MR1M)

Semenanjung Malaysia

SARAPAN PAGI
RM2.00
.....
MAKAN TENGAH HARI
RM4.00

Sabah, Sarawak and Labuan

SARAPAN PAGI
RM2.50
.....
MAKAN TENGAH HARI
RM5.00

Bagi tahun 2012 sahaja, sebanyak 59 buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah dibuka untuk membolehkan rakyat mendapat akses kepada barang keperluan yang lebih murah. KR1M menawarkan barang pengguna yang sama seperti pasar raya besar, tetapi menumpukan perhatian pada barang keperluan asas.



Sehingga kini, sebanyak 3,228 kedai makanan telah menyertai program MR1M dan jumlah ini kian meningkat. Sasaran pada tahun 2012 adalah untuk mendapatkan penyertaan 2,000 kedai makanan tetapi kami berjaya melepassi sasaran tersebut sebanyak 11.4% dengan 2,111 penyertaan.

Bagi tahun 2012 sahaja, sebanyak 59 buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah dibuka untuk membolehkan rakyat mendapat akses kepada barang keperluan yang lebih murah. KR1M menawarkan barang pengguna yang sama seperti pasar raya besar tetapi menumpukan perhatian pada barang keperluan asas.

Kebanyakan barang jualan seperti beras, minyak masak, susu tepung dan lampin kanak-kanak dibungkus dengan logo KR1M, iaitu jenama umum 1Malaysia. Pada masa ini, jumlah barang runcit KR1M yang ditawarkan hampir mencapai 250 jenis barang KR1M dan bilangan ini dijangka terus bertambah. KR1M akan memberikan penekanan terhadap barang yang dikeluarkan oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), sekali gus bertindak sebagai platform sokongan berterusan kerajaan dalam meningkatkan dan mengembangkan kapasiti pengeluaran serta jualan produk PKS.

Klinik 1Malaysia (K1M), yang diperkenalkan pada 1 Januari 2010 oleh Kementerian Kesihatan, telah membuka kliniknya yang ke-168 pada Disember 2012. Klinik ini bertujuan memberikan rawatan asas yang cepat serta murah (RM1) di kawasan bandar yang berpenduduk padat. Klinik ini diurus oleh pembantu perubatan dan jururawat am.

Inisiatif GTP untuk membantu golongan miskin datang tepat pada masanya. Mereka boleh menggunakan wang tersebut untuk membeli barang keperluan, dan tidak perlu mencari wang tambahan melalui cara haram.

**Moon, 30
Setiausaha**





Pada tahun 2012, Perdana Menteri turut melancarkan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M) sebagai langkah lanjutan untuk menangani kos sara hidup. Modelnya sama seperti KR1M dengan perbezaannya cuma pada jenis produk, iaitu KKR1M menjual pakaian dan kain. Sehingga kini, empat buah kedai telah ditubuhkan daripada tujuh buah yang disasarkan.

Bantuan Tayar 1Malaysia (BT1M) juga diperkenalkan pada tahun 2012 sebagai program sekali sahaja (one-off) untuk membantu pemandu teksi mengurangkan kos sara hidup mereka. Dianggarkan 67,300 teksi akan meraih manfaat daripada program yang menelan belanja RM35 juta.

Kerajaan juga melancarkan PR1MA, iaitu Program Perumahan Rakyat 1Malaysia untuk meningkatkan akses penduduk berpendapatan sederhana kepada rumah mampu milik. Program ini dirangka khusus untuk penduduk bandar dengan pendapatan isi rumah bulanan antara RM2,500 hingga RM7,500. Bagi tahun 2013, PR1MA sedang berusaha mendapatkan tanah bagi 6 projek perumahan dengan sasaran sebanyak 8,600 rumah akan disiapkan tahun 2015.

Saya mendapat bantuan kewangan Kerajaan untuk pelajar adalah sangat berguna. Anak saya berumur 16 tahun, dan bantuan ini meringankan sedikit beban saya. Kami menggunakan wang ini untuk dia membeli buku, jadi gaji saya dapat digunakan untuk perbelanjaan lain.

Saidi Masko, 36
Penaja





PANDANGAN DARIPADA DMO: MEMBANTU GOLONGAN MISKIN DI BANDAR

Golongan penduduk miskin bandar cenderung diabaikan di Malaysia lantaran wujudnya anggapan bahawa penghuni kota tentunya sudah memperoleh jumlah pendapatan bulanan yang mencukupi untuk menjalani kehidupan di sana. Walaupun anggapan ini mungkin benar pada masa lalu, peningkatan kos barang keperluan memaksa ramai penduduk berpendapatan rendah, malah yang berpendapatan sederhana hidup dalam kesukaran.

Inisiatif Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang dilancarkan pada Jun 2011, dirangka oleh Kerajaan untuk membantu meringankan kegetiran kehidupan golongan miskin bandar, kata Mohd. Fariszan bin Ahmad, Ketua Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

"Kami melancarkan kedai KR1M yang pertama di stesen LRT Kelana Jaya sebagai respons terhadap cadangan Perdana Menteri untuk membantu penduduk bandar yang saban hari dibebani harga barang keperluan yang makin meningkat," kata beliau. "Bagaimanakah kita dapat mencapai penyelesaian yang akan membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana? Kami terlebih dahulu bertanyakan pasar raya besar di sini, dan penyelesaian yang dicadangkan adalah dengan menghasilkan produk generik. Demikianlah caranya kami bermula. Mengapa bandar? Kerana di bandar, dan segala-galanya perlu dibayar."

Walau bagaimanapun, idea pelaksanaan awal ini tidak mencetuskan banyak keghairahan, begitulah keadaan yang berlaku ketika KR1M yang sebenar diwujudkan. Namun, selepas beberapa cawangan dibuka, Kerajaan sedar bahawa masalah harga barang keperluan yang tinggi tidak terhad di bandar sahaja, justeru skop inisiatif ini diperluas untuk merangkumi kawasan pinggir bandar dan luar bandar.

Dalam GTP 2.0, selain daripada pembukaan lebih banyak KR1M, pengedaran barang berjenama KR1M akan diperluas ke kedai runcit ('Mom and Pop') di kawasan luar bandar. Mohd Fariszan berkata adalah penting untuk diingat bahawa KR1M bukanlah bertujuan menggantikan kedai-kedai lain, tetapi sekadar menyediakan pilihan kepada rakyat, terutama sekali bagi mereka yang mempunyai sumber kewangan yang terhad.

"Kami tidak memaksa rakyat untuk membeli di sini, kami hanya memberi mereka pilihan," kata beliau. "Jika anda ingin membeli di pasar raya, silakan. Tetapi jika gaji anda kecil, pergilah ke KR1M. Perlu diingat, walaupun kami mengatakan produk ini murah, tetapi kami tidak berkompromi dari sudut kualiti. Semua produk yang dijual di KR1M mesti mematuhi standard Kerajaan." Mohd Fariszan berkata, sungguhpun kedai KR1M telah diterima dengan baik oleh rakyat, kecenderungan untuk mempolitikkan inisiatif ini terbukti merupakan satu cabaran. Tambah beliau, perkara ini tidak dapat dielakkan, namun Kerajaan akan terus membuka lebih banyak kedai untuk memenuhi tanggungjawabnya dalam menyediakan kualiti kehidupan yang baik kepada rakyat.



MEMANDANG KE HADAPAN KEPADA GTP 2.0

3.2

NKRA COL telah meletakkan asas yang penting untuk usaha penyelesaian jangka pendek dan panjang dalam menangani kenaikan kos sara hidup. Ia akan menggunakan pendekatan pelbagai serampang bertujuan mengurus kesan kenaikan kos barang dan perkhidmatan dan akan terus bersifat reaktif. Usaha ini akan memastikan agar rakyat Malaysia akan dapat menguruskan perbelanjaan isi rumah dengan lebih baik.



Sementara itu, program seperti KR1M dan Klinik 1Malaysia akan diperluas dalam GTP 2.0. Barang KR1M akan diedarkan ke kedai runcit ('Mom and Pop') di luar bandar, yang akan memperluas penyampaian barang keperluan yang murah kepada isi rumah berpendapatan rendah di luar kawasan bandar. Usaha perluasan yang sama telah dikenalpasti untuk Klinik 1Malaysia yang berhasrat untuk menyediakan khidmat penjagaan kesihatan asas yang hampir percuma kepada semua rakyat Malaysia.

Untuk maklumat lanjut tentang program NKRA COL GTP 2.0, sila rujuk Pelan Hala Tuju GTP 2.0.



AKTIVITI
DILAKUKAN DI
KEDAI KERJA





Mengurangkan Jenayah



BERSAMA
MEMBANTERAS
JENAYAH

SEPATAH KATA



DATO' SERI HISHAMMUDIN
TUN HUSSEIN ONN

Menteri Dalam Negeri

Jenayah terus menjadi noda yang mencemarkan negara kita yang harmoni dan cintakan keamanan, dan rakyat sememangnya mempunyai sebab untuk berasa gusar dan khuatir terhadap masalah yang tidak pernah pudar dalam masyarakat kita ini. NKRA Mengurangkan Jenayah diperkenalkan untuk menangani isu ini tiga tahun yang lalu. Sejak itu, banyak kejayaan yang telah kita capai. Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diberi tanggungjawab yang lebih besar untuk terus mengurangkan kadar jenayah dan pelbagai inisiatif telah digerakkan untuk mempertingkatkan taraf perkhidmatan polis dalam penyampaian keselamatan kepada rakyat.

Marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk terus mempertingkatkan dan mewujudkan negara Malaysia yang lebih selamat untuk seluruh rakyat.

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab terhadap pemantauan NKRA ini, saya berasa bangga dengan semua pencapaian kita, tetapi saya juga akur bahawa masih banyak yang perlu dilakukan lagi sebelum kita dapat mengatakan bahawa usaha yang digembleng ini sudah selesai. Kita sedang giat berusaha untuk mentransformasikan PDRM menjadi pasukan polis bertaraf dunia, yang menjelaki amalan kepolisan berdasarkan perisikan (intelligence-based) dan bukannya rangka kerja tradisional kepolisan berdasarkan sektor. Melalui evolusi baharu unit membanteras jenayah utama kami, PDRM menggunakan sumber-sumber inovatif untuk bertindak balas terhadap isu-isu yang paling menekan.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil peluang ini untuk mendapatkan kerjasama rakyat Malaysia supaya memikul lebih tanggungjawab dalam menangani masalah ini. Jenayah bukanlah isu pihak polis semata-mata tetapi ia berpunca daripada isu-isu harian yang mungkin tidak disedari oleh pihak PDRM sendiri. Rakyat haruslah mempertingkatkan kepekaan terhadap persekitaran mereka dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan kepada pihak polis. Rakyat perlu membantu polis memahami isu dan kebimbangan terbesar mereka dan bekerjasama dengan pihak polis supaya kedua-dua pihak meraih manfaat antara satu sama lain.

Banyak perkara yang telah kami lakukan berdasarkan jumlah sumber yang sedia ada, dan Kerajaan komited untuk terus meningkatkan sumber tersebut. Namun kita harus sedar, sumber-sumber ini ada batasnya. Sungguhpun menjadi idaman kita untuk mengadakan rondaan sepanjang masa serta liputan yang komprehensif di seluruh negara, tetapi hal ini bukan sesuatu yang munasabah. Oleh yang demikian, inisiatif kita hendaklah disesuaikan

supaya dapat menangani kebimbangan yang paling utama.

NKRA Jenayah kekal fleksibel untuk memenuhi keperluan rakyat dan kita bertekad untuk menyalurkan usaha dalam bidang yang paling memerlukan tetapi rakyat mestilah sama-sama membantu untuk mengenal pasti bidang tersebut. Kita telah melihat banyak kemajuan dalam GTP 1.0, dan kami beriltizam untuk meneruskan asas kukuh yang telah terbina sepanjang tiga tahun yang lalu. Namun demikian, dalam peringkat transformasi yang berikutnya, iaitu GTP 2.0, penting bagi rakyat dan kerajaan untuk sama-sama mengambil pendekatan bersepadan dalam memerangi jenayah.

Kejadian jenayah masih merupakan suatu realiti di Malaysia dan kita tidak berhasrat untuk menyembunyikan hakikat ini, tetapi kami berbesar hati melaporkan bahawa angka jenayah berdasarkan per kapita yang kami peroleh amat membanggakan berbanding dengan negara serantau. Marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk terus mempertingkatkan dan mewujudkan negara Malaysia yang lebih selamat untuk seluruh rakyat.

NKRA Mengurangkan Jenayah

TINJAUAN KESELURUHAN

Kebimbangan kedua terbesar rakyat Malaysia yang telah dikenal pasti ialah jenayah selepas kebimbangan terhadap ekonomi. Peningkatan kadar jenayah boleh melumpuhkan masyarakat selain menyemai rasa tidak percaya dan ketakutan yang menghalang perpaduan negara yang lebih ampuh. Kerajaan sedar akan tuntutan rakyat yang mahukan negara yang lebih selamat. Justeru, Kerajaan telah mengamanahkan NKRA Mengurangkan Jenayah untuk memikul tugas mewujudkan negara Malaysia yang lebih selamat.



Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah telah menunjukkan hasil yang nyata dalam perang membanteras jenayah sepanjang tiga tahun yang lepas tetapi turut akur bahawa masih banyak usaha yang perlu dilakukan lagi. Meskipun dengan usaha yang terbaik oleh NKRA dan peningkatan yang memberangsangkan dalam statistik jenayah, rakyat masih menyuarakan rasa tidak selamat mereka selepas berlakunya banyak kejadian jenayah pada tahun lepas.

NKRA Mengurangkan Jenayah telah mengambil langkah besar pada tahun 2012 sebagai respons terhadap kebimbangan rakyat. Contohnya, Kempen Bersama Membanteras Jenayah (United Against Crime, UAC), yang menyasarkan untuk mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan masyarakat untuk membanteras jenayah.




NKRA Mengurangkan Jenayah sedar bahawa tugas membanteras jenayah masih merupakan fungsi utama PDRM dan agensi penguatkuasaan yang lain tetapi masyarakat perlu mempertingkatkan usaha untuk membantu agensi ini mencapai matlamat mereka. Di samping itu, masyarakat juga dapat membantu dengan melaporkan kejadian jenayah dengan lebih tepat, selain bekerjasama dengan PDRM untuk mengenal pasti masalah tertentu di kejiranannya. Masyarakat harus memiliki kesedaran yang lebih tinggi bahawa mereka harus memikul sebahagian tanggungjawab terhadap masalah jenayah.

Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah telah menunjukkan hasil yang nyata dalam perang membanteras jenayah sepanjang tiga tahun yang lepas tetapi turut akur bahawa masih banyak usaha yang perlu dilakukan lagi.



INSIDEN JENAYAH YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA MASIH LEBIH RENDAH BERBANDING DENGAN NEGARA LAIN

* Jenayah yang dilaporkan bagi setiap 100,000 penduduk merentas negara terpilih



Sumber: Nationmaster: <http://www.nationmaster.com>; DOS Singapore; UK Home Office

NKRA Mengurangkan Jenayah percaya bahawa punca utama rakyat masih berasa tidak selamat meskipun statistik menunjukkan penurunan kadar jenayah mempunyai kaitan dengan jurang yang masih wujud antara rakyat dengan PDRM. Interaksi dan hubungan yang lebih erat akan membantu rakyat memahami usaha PDRM dan juga langkah-langkah yang diambil untuk mewujudkan masyarakat yang lebih selamat.

Sehubungan dengan itu, NKRA Mengurangkan Jenayah telah menganjurkan beberapa sesi interaksi orang ramai dengan pihak berkepentingan utama (key stakeholders) pada tahun 2012 termasuk persatuan penduduk, kaum wanita dan organisasi syarikat perniagaan swasta untuk memupuk hubungan kerjasama yang lebih mantap.

Kerajaan mengakui bahawa jenayah masih merupakan suatu masalah dengan hampir 421 kejadian dilaporkan setiap hari. NKRA Mengurangkan Jenayah bukan sahaja akan terus menggerakkan usaha terhadap inisiatif dalam GTP 2.0 bagi menambah baik statistik ini, malah akan memperkenalkan langkah-langkah inovatif untuk meneruskan asas yang telah terbina menerusi GTP 1.0 demi mengurangkan peluang berlakunya kejadian jenayah.



PENCAPAIAN GTP 1.0

Inisiatif GTP 1.0 direka khusus untuk membendung peningkatan jenayah dengan serta-merta melalui pengenalan program perubahan dasar untuk mentransformasikan cara PDRM melaksanakan tugas mereka. GTP 1.0 menyaksikan beberapa program utama yang diperkenalkan seperti Program Omnipresence dan Program Bandar Selamat yang membawa kepada pengurangan langsung dalam jenayah indeks¹.

Meskipun NKRA Mengurangkan Jenayah tidak membuat sebarang dakwaan bahawa jenayah telah dibanteras, tetapi data yang sedia ada menunjukkan bahawa inisiatif yang dilaksanakan ini telah membantu mengendurkan trend jenayah yang meningkat, lantas mengembalikan bilangan kejadian jenayah kepada tahap asal yang sama pada tahun 2005.

Di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, satu peralihan telah dilakukan daripada sektor berdasarkan kepolisan kepada kepolisan berasaskan hotspot, memfokuskan usaha kepolisan di kawasan tertentu yang mempunyai aktiviti jenayah tinggi untuk menghasilkan kesan yang paling besar dengan sumber yang terhad. Akhir sekali, GTP 1.0 turut mengambil inisiatif untuk menggalakkan penyertaan masyarakat yang lebih aktif dalam aktiviti kepolisan.

Program ini disokong oleh inisiatif minor seperti Jadual Liga Balai yang mengukur keberkesanan balai-balai polis mengikut bidang kuasa serta program penilaian perkhidmatan pelanggan untuk mendapatkan maklum balas yang lebih meluas daripada rakyat.

Tumpuan NKRA Mengurangkan Jenayah telah berubah sepanjang tiga tahun pertama pelaksanaan GTP. Pada tahun pertama, NKRA ini memfokuskan untuk mengurangkan kadar jenayah dengan pengambilan lebih ramai pegawai dan sumber untuk menangani masalah. Pada tahun kedua, NKRA ini memfokuskan peningkatan keupayaan perkhidmatan kepolisan sementara pada tahun ketiga tumpuan difokuskan terhadap penginstitusian perubahan tersebut.


Pencapaian GTP 1.0 dinilai dan dikaji secara bebas oleh panel antarabangsa yang terdiri daripada pakar kepolisan dari seluruh dunia dan diiktiraf sebagai satu kejayaan kepada negara. Sejak pelaksanaan NKRA Mengurangkan Jenayah, Malaysia telah dianugerahi beberapa pengiktirafan termasuklah:

- ▶ Negara yang paling selamat dalam kalangan 19 negara berpendapatan sederhana tinggi dan yang ke-12 paling selamat secara keseluruhan (Projek Keadilan Dunia)
- ▶ Meraih kedudukan negara paling selamat dan aman di Asia Tenggara dan yang ke-20 di seluruh dunia (Indeks Keamanan Global)
- ▶ Menokok 30 anak tangga ke kedudukan yang ke-63 dalam Laporan Daya Saing Global WEF (2011) yang mengukur kos perniagaan berkaitan dengan keganasan dan jenayah. Walau bagaimanapun, kedudukan Malaysia tergelincir ke tangga 69 pada tahun 2012 mengikut indeks yang sama.

PENCAPAIAN KESELURUHAN GTP 1.0

↑ +33.3%

Sebelum GTP 1.0, jenayah meningkat sebanyak 33.3% dalam tempoh 5 tahun



↓ -26.8%

GTP 1.0, jenayah berkurangan sebanyak 26.8% dalam tempoh 3 tahun

1

Jenayah indeks merujuk kepada sehimpunan aktiviti jenayah yang berlaku dengan kekerapan yang mencukupi untuk diambil kira sebagai indeks keseluruhan situasi jenayah di sesuatu negara. Tiga belas kategori jenayah telah dikenal pasti sebagai penanda jenayah indeks.

BERTINDAK BALAS TERHADAP BENTUK JENAYAH

NKRA Mengurangkan Jenayah adalah unik dari segi inisiatifnya yang bersifat preskriptif dan reaktif secara serentak. Sepertimana NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat, inisiatif menangani jenayah perlu menyesuaikan diri dengan perubahan bentuk jenayah.

Dari perspektif ini, inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah berbeza dari tahun ke tahun selaras dengan perubahan kadar pelbagai jenis jenayah. Misalnya pada tahun 2012, banyak kejadian rugut dan serangan fizikal yang berlaku di tempat letak kereta awam mendorong NKRA mengambil langkah positif dengan segera bagi mengelakkan kejadian ini daripada berlaku lagi.

NKRA Mengurangkan Jenayah mengadakan sesi dialog dengan pengendali tempat letak kereta dan pemilik bangunan komersial seperti gedung membeli-belah untuk membantu mereka menguatkan langkah keselamatan masing-masing. Selain itu, NKRA Mengurangkan Jenayah turut memperkenalkan kunci motosikal di kawasan tertentu yang kadar kecuriannya telah meningkat.

Meskipun sesetengah inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah bersifat reaktif tetapi secara keseluruhanya semua usaha NKRA menyasarkan matlamat yang sama, iaitu mengurangkan kadar jenayah dan mewujudkan persekitaran yang lebih selamat untuk rakyat.

Namun demikian, keupayaan penyesuaian NKRA Mengurangkan Jenayah bukan sahaja memfokuskan kepada inisiatif semata-mata. Misalnya, pada tahun 2012, rakyat berasa semakin tidak selamat berikutnya beberapa siri jenayah yang berlaku. Walaupun dari segi data, NKRA Mengurangkan Jenayah mengekalkan pandangan bahawa negara kita telah menjadi lebih selamat, namun NKRA Mengurangkan Jenayah masih perlu meningkatkan semula keyakinan rakyat.

Pasukan NKRA Mengurangkan Jenayah berpendapat bahawa rakyat masih tidak berkeyakinan kerana tindakan positif yang dilakukan untuk mengurangkan jenayah masih tidak jelas secara relatifnya berbanding dengan peningkatan kejadian jenayah yang berlaku. Justeru meningkatkan penglibatan dan kesedaran orang ramai tentang aktiviti NKRA amat penting selain mendidik rakyat untuk meminimumkan risiko mereka daripada menjadi mangsa jenayah.

Kempen Bersama Membanteras Jenayah dilaksanakan berlatarkan isu ini dan sebilangan besar institusi awam termasuk sekolah, tempat letak kereta dan kedutaan asing telah terlibat dalam NKRA ini.

Sementara itu, NKRA ini turut menambah inisiatif sedia ada sebagai respons terhadap perubahan bentuk jenayah dan berjaya mengurangkan jenayah indeks sebanyak 8.7% dalam tempoh 10 bulan pertama tahun 2012. Beberapa inisiatif minor telah diperkenalkan untuk terus mempertingkatkan perkhidmatan polis di pusat bandar (CBD).

Keberhasilan NKRA ini pada tahun 2012 termasuk:

KEBERHASILAN 1

Memperluas Program Omnipresence

Program utama NKRA Mengurangkan Jenayah terus diperluas pada 2012 untuk menyasarkan sekolah, pusat membeli-belah, pasar basah, terminal pengangkutan awam dan kedutaan asing. Tambahan terhadap program ini dibuat berikutnya peningkatan kejadian jenayah di kawasan tersebut.

KEBERHASILAN 2

Mempertingkatkan Program Bandar Selamat

Program ini telah diperluas lagi ke 151 Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT termasuk 12 PBT hotspot bertujuan melaksanakan inisiatif program berkaitan menurut bidang kuasa masing-masing. Program Bandar Selamat menampilkan dua inisiatif baharu yang memberikan penekanan kepada keselamatan di kawasan bandar tertentu. NKRA Mengurangkan Jenayah melaksanakan inisiatif memasang kunci motosikal di PBT dalam usaha untuk mengurangkan kecurian motosikal. Pada masa yang sama, papan tanda baharu dengan maklumat perhubungan polis yang terperinci diletakkan di kawasan awam untuk meningkatkan masa tindak balas polis. Selain itu, audit keselamatan turut dijalankan terhadap 467 tandas awam dan 132 terminal pengangkutan awam di 12 PBT hotspot.

KEBERHASILAN 3

Interaksi yang lebih meluas dengan kumpulan sasaran

NKRA Mengurangkan Jenayah melaksanakan kempen interaksi awam Bersama Membanteras Jenayah yang bertujuan merapatkan hubungan antara PDRM dengan orang ramai. Kumpulan sasaran utama pada tahun 2012 termasuk kaum wanita, sekolah, persatuan penduduk dan sektor swasta yang mencakupi organisasi perniagaan, pengendali tempat letak kereta dan kedutaan.

- ▶ Kaum Wanita: perbincangan meja bulat dengan kaum wanita berhubung dengan isu keganasan domestik, yang berkaitan secara langsung dengan usaha NKRA ini untuk mengurangkan bilangan mangsa jenayah. NKRA Mengurangkan Jenayah juga meluaskan perkhidmatan triaj untuk memberikan sokongan tambahan kepada mangsa jenayah di balai polis.
- ▶ Sekolah: NKRA memberikan penekanan terhadap keselamatan pelajar sekolah berikutan kes penculikan berprofil tinggi pada tahun lalu. Di bawah inisiatif Biru dan Hijau, rondaan bersama telah dijalankan oleh PDRM dan RELA untuk meningkatkan keselamatan di lebih 500 buah sekolah di seluruh negara.
- ▶ Persatuan Penduduk: Sesi dialog antara pihak polis dengan Persatuan Penduduk bermula pada tahun 2012 untuk membantu mengenal pasti isu setempat dan membantu masyarakat mempertingkatkan keselamatan di kawasan kejiranan mereka sendiri. Sesi ini juga membuka peluang kepada penduduk untuk memberikan maklum balas kepada PDRM berhubung dengan isu keselamatan dan kepolisan. PDRM juga mengadakan Hari Bertemu Pelanggan di balai-balai polis pada hari Khamis pertama setiap bulan untuk mengeratkan hubungan dengan masyarakat. Sesi pertemuan ini juga menjadi asas kepada Inisiatif Blackspot dalam GTP 2.0.
- ▶ Pengendali tempat meletak kenderaan: Sehubungan dengan inisiatif baharu NKRA ini dalam GTP 2.0, iaitu untuk menjadikan kawasan tempat letak kereta lebih selamat, sesi interaksi dijalankan pada 2012 sebagai persediaan kepada para pengendali ini. Selain itu, sesi tersebut dijalankan untuk membantu para pengendali ini mempertingkatkan keselamatan selepas insiden jenayah yang berlaku di tempat letak kereta awam.

NKPI

| KPI | Sasaran 2012 | Pencapaian 2012 |
|---|---|-----------------|
| <i>Pengurangan dalam jenayah indeks yang dilaporkan</i> | 5% 5% berdasarkan pencapaian tahun 2011 | 7.6% |
| <i>Pengurangan dalam jenayah jalanan yang dilaporkan</i> | 45% 45% berdasarkan pencapaian tahun 2009 | 41.3% |
| <i>Mengurangkan rasa takut menjadi mangsa jenayah</i> | 45% | 57.3% |
| <i>Meningkatkan bilangan kes yang dibawa ke muka pengadilan (kadar dakwaan)</i> | 25% | 34.7% |
| <i>Meningkatkan persepsi orang ramai terhadap prestasi polis</i> | 65% | 65.7% |

INISIATIF

4.1

Inisiatif-inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah disatukan dalam kumpulan yang lebih besar dan digembleng untuk mencapai KPI NKRA Mengurangkan Jenayah. Oleh itu, pasukan NKRA telah mengenal pasti beberapa inisiatif teras yang dilaksanakan untuk mencapai matlamat keseluruhan, iaitu pengurangan jenayah dan meningkatkan tahap kepuasan orang ramai melalui aktiviti kepolisan dan penguatkuasaan undang-undang. Pengelompokan itu diperincikan dalam jadual di bawah.

| KPI | INISIATIF | *tidak menyeluruh |
|--|--|-------------------|
| Pengurangan dalam jenayah indeks yang dilaporkan | <ul style="list-style-type: none">▶ Omnipresence (penempatan semula, menaik taraf infrastruktur)▶ Menaik Taraf Penjara dan Program Selepas Dibebaskan▶ Inisiatif SafeCam | |
| Pengurangan dalam jenayah jalanan yang dilaporkan | <ul style="list-style-type: none">▶ Program Bandar Selamat▶ Inisiatif Perintis Blackspot▶ Program Pemulihan Dadah AADK | |
| Mengurangkan ketakutan menjadi mangsa jenayah | <ul style="list-style-type: none">▶ Omnipresence▶ Hari Kesedaran Jenayah | |
| Meningkatkan bilangan kes yang dibawa ke muka pengadilan (kadar dakwaan) | <ul style="list-style-type: none">▶ Penggunaan MCAD | |
| Meningkatkan kepuasan orang ramai terhadap prestasi pihak polis | <ul style="list-style-type: none">▶ Inisiatif Menilai Perkhidmatan Pelanggan (Melalui Mesin CSR dan SMS)▶ Liga Balai Polis▶ Memanfaatkan Media Sosial▶ Mendekati Rakyat di Pasar Malam▶ Meningkatkan bilangan taklimat media▶ Bilik Triaj | |

1

PROGRAM OMNIPRESENCE

Program Omnipresence merupakan inisiatif utama di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah yang direka khusus untuk meningkatkan kehadiran pasukan polis dalam kalangan orang ramai untuk membendung aktiviti jenayah dan memupuk hubungan yang lebih erat antara PDRM dan rakyat. Program ini merupakan perkongsian swasta-awam-polis dan mewujudkan liputan rondaan yang menyeluruh di kawasan yang mudah terdedah kepada jenayah. Program ini juga bertujuan memupuk hubungan yang lebih erat dengan masyarakat menerusi interaksi yang lebih meluas melalui beberapa program utama:

▶ **Kepolisan Berprofil Tinggi**

Program ini menuntut pegawai kanan polis untuk menjalankan rondaan bersama-sama dengan pegawai polis untuk memberikan sokongan dan motivasi. Ini juga merupakan peluang untuk masyarakat mengadakan dialog dengan pembuat keputusan penting bagi sebuah balai daerah.

► **Henti dan Tegur**

Secara asasnya, program ini mentransformasikan pegawai trafik dan polis MPV menjadi pusat maklumat bergerak untuk menyampaikan hal berkaitan dengan keselamatan kepada orang ramai.

► **Feet on the Street**

Program ini diadakan dengan kerjasama Polis Simpanan Sukarela (PVR) dan pasukan sukarela lain seperti RELA untuk menjalankan rondaan tambahan di kawasan hotspot. Peningkatan kehadiran pegawai penguatkuasa undang-undang direka khas untuk membendung jenayah jalanan dan meningkatkan rasa selamat dalam kalangan orang ramai.



Pada tahun 2012, Program Omnipresence telah diberikan pengiktirafan kerana berjaya mengurangkan jenayah jalanan dan Jenayah Indeks secara keseluruhan, masing-masing sebanyak 41.3% (dengan menggunakan 2009 sebagai dasar) dan 7.6% .

MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN: PANDANGAN DARIPADA DMO

Pejabat Pengurusan Penyampaian (DMO) NKRA Mengurangkan Jenayah yang diterajui oleh Bahagian NKRA, Kementerian Dalam Negeri berhadapan dengan tahun 2012 yang serba mencabar berikut meletusnya kes-kes jenayah berprofil tinggi pada pertengahan tahun. Usaha GTP memerangi jenayah sememangnya dilihat dengan rasa sangsi oleh segelintir pihak dalam kalangan orang ramai sejak ia mula diperkenalkan dan peningkatan kejadian jenayah tidak langsung membantu untuk mengurangkan sentimen tersebut. Meskipun pasukan NKRA ini yakin dengan data yang dimilikinya, yang menunjukkan pengurangan yang ketara dalam kejadian jenayah, namun masih sukar untuk meyakinkan rakyat.

"Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi ialah menarik perhatian orang ramai untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam program kami," kata Roydee Abdul Rahman, Penolong Setiausaha Bahagian NKRA, Kementerian Dalam Negeri.

"Kita perlu memberitahu orang ramai bahawa penglibatan mereka amat penting terhadap kejayaan NKRA ini kerana, tidak kira peringkat umur, bangsa, jantina dan parti politik, semua pihak akan memperoleh manfaat daripada pelbagai program yang dilaksanakan dalam GTP 1.0. Yang pastinya, kita semua mahu bersama-sama di persekitaran tempat kita tinggal dan kita mahukan semua orang yang tersayang di sisi kita selamat."

Masih terdapat keperluan untuk mengubah pemikiran rakyat supaya memahami bahawa keselamatan bukanlah tanggungjawab pihak polis semata-mata, sebaliknya usaha yang memerlukan kerjasama semua

pihak. Roydee berkata hal ini dapat diselesaikan melalui komunikasi dengan orang ramai.



"Rakyat perlu memahami mengapa, apa, bila, bagaimana dan di mana kita melakukan usaha. Apabila rakyat faham, mudah untuk kita bekerjasama," ujar beliau.

Cabaran turut wujud pada peringkat pentadbiran, iaitu semasa peringkat awal proses pelaksanaan, tambah Roydee lagi. Sebenarnya, untuk mendapatkan penglibatan semua pihak untuk bekerjasama dalam inisiatif yang dibangunkan lebih sukar daripada apa yang dibayangkan pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, selepas beberapa tahun pelaksanaan GTP, terbukti bahawa inisiatif tersebut membawa hasil dan semua pihak berkepentingan mula bertambah yakin terhadap program tersebut.

"Kita memulakan inisiatif ini melalui kerjasama merentas Kementerian. Ini juga suatu cabaran kerana pihak kementerian lebih selesa bekerja secara bersendirian," jelas Roydee. "Namun, tahun 2012 ternyata berbeza kerana pihak berkepentingan sudah mempunyai gambaran yang lebih jelas tentang apa yang kami lakukan. Hasil pelaksanaan dapat dilihat melalui butiran dan maklumat yang terperinci."

Secara peribadi, Roydee berpuas hati dengan Program Bandar Selamat (SCP) yang dilaksanakan bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Program ini melibatkan 151 perbandaran tempatan, pihak polis dan Jabatan Kerajaan Tempatan. Program Bandar Selamat merupakan contoh konkret kerjasama yang dapat direalisasikan di Malaysia.

Inti pati SCP direka khas untuk meminimumkan peluang berlakunya jenayah di bandar-bandar yang mengambil bahagian dengan pelbagai usaha termasuk falsafah ‘Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran’ (Crime Prevention Through Environmental Design, CPTED). CPTED merupakan usaha sama antara PDRM, Pihak Berkua Tempatan (PBT) dan agensi Kerajaan lain yang berusaha untuk mempertingkatkan keselamatan dan kawalan melalui elemen reka bentuk. Sementara itu, NKRA Mengurangkan Jenayah turut mengambil langkah tambahan dengan memaparkan nombor telefon balai polis daerah untuk memudahkan orang ramai melaporkan kejadian jenayah.

PROGRAM BANDAR SELAMAT USAHA SAMA YANG MENGAPLIKASIKAN FALSAFAH CPTED

| | 2010 (12 PBT) | 2011 (151 PBT) | 2012 (143 PBT) |
|--|---|----------------|----------------|
| Pemasangan Lampu | 2,594 unit | 8,329 unit | 7,035 unit |
| Cermin Keselamatan | 322 unit | 1,311 unit | 834 unit |
| Palang & Tonggak Jalan | 31 KM | 104.3 KM | 143.9 KM |
| Papan tanda dengan nombor telefon PDRM | TIADA | TIADA | 1,077 unit |
| Tempat letak motorsikal berkunci | TIADA | TIADA | 34,646 unit |
| Pemetaan GIS | Penerima dua anugerah antarabangsa: Anugerah Khas dalam GIS daripada ESRI dan FutureGov untuk “Future City of The Year” | | |

SCP juga merangkumi integrasi data jenayah daripada Sistem Pelaporan Polis dengan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SCMS). Integrasi data merupakan usaha kolaboratif untuk mengurangkan jenayah dengan membantu PDRM untuk bertindak balas dengan lebih cekap terhadap peristiwa kecemasan. Melalui SCMS berdasarkan laman sesawang (web-based), pihak berkua tempatan dan agensi penguatkuasaan undang-undang dapat menilai trend jenayah dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

SCMS telah pun diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Pada Julai 2012, SCMS telah memenangi Anugerah GIS untuk Pencapaian Khas daripada Environmental System Research Institute (ESRI) di San Diego. SCMS berjaya menawan hati para juri mengatasi 100,000 pesaing lain untuk memenangi anugerah tersebut. SCP juga meraih anugerah “Future City of The Year 2012” atau “Bandar Masa Depan 2012” daripada “FutureGov Summit” yang berlangsung di Chiang Mai, Vietnam pada Oktober 2012. Kemenangan ini merupakan pengiktirafan yang kukuh terhadap program tersebut dan menjadi pendorong kepada kemajuan yang lebih besar pada masa hadapan.



Usaha dalam kepolisan komuniti bertujuan menggalakkan penyertaan yang lebih aktif oleh rakyat untuk bekerjasama dengan pegawai penguatkuasaan undang-undang bagi mengurangkan kejadian jenayah. Pengawasan dan rondaan kejiranian oleh Rukun Tetangga telah membantu meningkatkan keterlihatan rondaan sekali gus menurunkan kadar berlakunya jenayah.

MEMPERTINGKATKAN RONDAAN KOMUNITI

NKRA Mengurangkan Jenayah sedang mengambil langkah tambahan untuk mengurangkan kes pecah rumah. Unit Rondaan Bermotosikal PDRM atau URB telah diperkenalkan dan bekerjasama dengan persatuan penduduk untuk mengenal pasti kawasan yang mudah terdedah kepada jenayah. PDRM telah pun mengadakan dialog dengan 40 buah pertubuhan penduduk di Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Johor.

URB menyasarkan untuk meningkatkan usaha pencegahan jenayah komuniti dengan sokongan polis. URB direka bentuk untuk meningkatkan interaksi dengan penduduk komuniti dalam usaha untuk membina hubungan yang lebih baik.

Pada Fasa pertama URB, 560 unit motosikal mula dilancarkan perkhidmatannya pada Disember 2012 dan menyasarkan untuk melancarkan 1,000 unit pada tahun 2013.

1000 UNIT RONDAAN BERMOTOSIKAL AKAN DITEMPATKAN DI ENAM BUAH NEGERI



| Negeri | Unit |
|---------------|--------------|
| Selangor | 268 |
| Kuala Lumpur | 145 |
| Johor | 219 |
| Pulau Pinang | 133 |
| Perak | 135 |
| Kedah | 100 |
| JUMLAH | 1,000 |

Sehingga 12 Dis 2012
560 motosikal telah diterima
920 pegawai terlatih

Sementara itu, NKRA Mengurangkan Jenayah juga telah mempertingkatkan usahanya untuk berinteraksi dengan masyarakat melalui kempen Bersama Membanteras Jenayah (United Against Crime, UAC) yang berusaha menggalakkan lebih banyak penyertaan masyarakat serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan beberapa kumpulan strategik. Ini termasuk sekolah, persatuan penduduk, pasar malam, tempat letak kereta awam dan kedutaan asing.

Kempen tersebut telah membantu mendidik orang ramai tentang langkah-langkah keselamatan serta prosedur yang harus dipatuhi jika berlaku kecemasan. Peningkatan penggunaan media sosial dan taklimat media yang kerap juga telah membantu menyampaikan mesej NKRA ini kepada orang ramai dalam usaha mewujudkan rasa lebih selamat dalam masyarakat.

Satu lagi komponen kempen UAC ini ialah pemasangan CCTV di bawah Inisiatif SafeCam yang menyediakan pemantauan 24 jam di kawasan yang mudah terdedah kepada jenayah atau kawasan hotspot. Perkongsian SafeCam PDRM ialah usaha sama antara PDRM, sektor swasta dan penduduk perumahan untuk sama-sama menangani isu jenayah. Rangkaian Safecam PDRM bakal mewujudkan rangkaian CCTV yang terbesar di Malaysia, digabungkan dengan satu tujuan, iaitu untuk memantau, membendung dan memerangi jenayah. Inisiatif ini akan dikembangkan dan dipertingkatkan lagi dalam GTP 2.0.

MENINGKATKAN BILANGAN TANGKAPAN KE MUKA PENGADILAN

Jurang antara bilangan tangkapan dengan bilangan tangkapan yang dibawa ke pengadilan masih boleh dirapatkan lagi. Terdapat beberapa isu menyebabkan kadar perbicaraan kes yang rendah, terutamanya kekurangan sumber kepolisian, termasuk pegawai penyiasat dan pasukan forensik untuk penyiasatan teliti. Meskipun masalah ini ialah fokus utama dalam GTP 2.0, usaha pelaksanaan telah dimulakan pada tahun 2012 untuk membendung masalah ini.

PDRM telah pun membekalkan para pegawai dengan Peranti Penerimaan Kad Mudah Alik (Mobile Card Acceptance Device, MCAD), yang membantu pegawai dalam penyiasatan dengan menghubungkan mereka kepada pangkalan data pusat. Pangkalan data ini mengandungi maklumat seperti kenderaan dan alat ganti curi dan juga data forensik penting.



MEMANDANG KE HADAPAN MENUJU GTP 2.0

4.2

Meskipun dengan kejayaan inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah GTP 1.0, jelas masih terdapat banyak lagi yang harus dilakukan untuk memenangi sokongan rakyat. NKRA ini mengakui bahawa semua rakyat Malaysia berhak untuk berasa selamat di rumah mereka, justeru lebih penekanan akan diberikan untuk menjadikan komuniti lebih selamat.

GTP 2.0 akan meneruskan penambahbaikan terhadap kejayaan inisiatif GTP 1.0. Pada masa yang sama, GTP 2.0 juga memperkenalkan inisiatif baharu yang bakal meningkatkan taraf perkhidmatan kepolisan. Falsafah keseluruhan NKRA Mengurangkan Jenayah GTP 2.0 ialah transformasi PDRM Malaysia menjadi kepolisan berdasarkan risikan (intelligence-based) dan bukan lagi kepolisan berdasarkan sektor.

Satu lagi perubahan utama dalam pendekatan NKRA Mengurangkan Jenayah adalah untuk meningkatkan fokusnya terhadap pencegahan kejadian pecah rumah. Pengurangan dalam jenayah jalanan telah mengakibatkan peningkatan kejadian pecah rumah dan hal ini menunjukkan perubahan dalam bentuk jenayah. Pertambahan inisiatif yang direka khusus untuk meningkatkan kesedaran komuniti dan usaha kepolisan, termasuk mewujudkan unit rondaan bermotosikal, dibangunkan khusus untuk mengurangkan kejadian jenayah tersebut.

Program GTP 2.0 NKRA Mengurangkan Jenayah dibahagikan kepada lima bidang utama seperti di bawah:

MENGURANGKAN JENAYAH INDEKS

Pencegahan kecurian kenderaan

- ▶ Pencegahan Kecurian Kenderaan (Kawasan Sasaran)
- ▶ Penguatankuasaan bersama terhadap bengkel haram
- ▶ Pasukan khusus
- ▶ Mengukuhkan Kawalan Sempadan dan Semua Pintu Masuk (Pengimbas kontena)
- ▶ Meningkatkan Penggunaan dan Ketersediaan MCAD

Pemulihan dan peningkatan kemahiran banduan

- ▶ Penjara Perindustrian
- ▶ Pembangunan program selepas pembebasan
- ▶ Penambahbaikan Program Pemulihan Penjara

Pemulihan pengguna dan penagih dadah

- ▶ Pusat pemulihan dan rawatan dadah terbuka
- ▶ NGO dijadikan penyumberan luar untuk pusat pemulihan dadah
- ▶ Membuka peluang pekerjaan kepada penagih yang sedang memulihkan diri
- ▶ Mengembangkan Sistem Pengurusan Integrasi Kawalan Efektif Substen (SPIKES)

PENCEGAHAN PECAH RUMAH

Rondaan kediaman (Omnipresence)

Pasukan Kawalan Pecah Rumah yang khusus

- ▶ Menyelaraskan kesukarelawan melalui kepolisan komuniti

CPTED- Ciri-ciri Keselamatan Rumah

MENINGKATKAN INDEKS PERSEPSI KESELAMATAN

Meningkatkan kehadiran PDRM

- ▶ Program Omnipresence (HPP, S&T, Feet on Street)
- ▶ Aplikasi telefon pintar Butang Panik (Panic Button smartphone app)
- ▶ Rakan Cop
- ▶ Inisiatif Blackspot
- ▶ Perkongsian pintar (Smart Partnership)
- ▶ Polis Sukarelawan Simpanan (PVR)

Komunikasi

- ▶ Unit komunikasi korporat PDRM
- ▶ Kempen kesedaran wanita
- ▶ Hari Kesedaran Jenayah
- ▶ Tinjauan Persepsi Keselamatan

MENINGKATKAN BILANGAN KERTAS SIASATAN YANG DIBAWA KE PENGADILAN

Mengurangkan nisbah Penyiasatan Dibuka kepada Penyiasatan Didakwa kepada 1:5

Cermin gelap (one way mirror) di IPD

Meningkatkan keberkesanan pegawai penyiasat (pelaburan dalam peralatan)

Meningkatkan kerjasama antara PDRM, AGC dan jabatan berkaitan yang lain

MENINGKATKAN KEPUASAN ORANG RAMAI TERHADAP PERKHIDMATAN POLIS

Menambah bilik triaj di balai polis

Liga Balai Polis

Sistem semakan Online (SSO)

Meningkatkan masa bertindak balas

Tinjauan bebas kepuasan orang ramai



Pihak polis dalam kawasan saya (Seksyen 6, Jalan Gasing, Petaling Jaya) adalah amat bagus. Mereka melakukan rondaan yang kerap dan bertindak balas terhadap panggilan dengan cepat. Mereka juga sering mengadakan dialog dengan penduduk.

Sheila Naidu, 45
Suri Rumah



MEWUJUDKAN RANTAIAN DALAM PROGRAM PERUBAHAN YANG BERTERUSAN

Selaras dengan falsafah keseluruhan GTP, inisiatif baharu yang dibentuk untuk memerangi jenayah sepanjang tiga tahun akan datang ialah sebahagian daripada program perubahan berterusan, yang memberikan respons terhadap kehendak rakyat. Inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah berusaha untuk mencapai matlamat membasmi jenayah yang menjadi matlamat keseluruhan di samping menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh rakyat, iaitu rasa tidak selamat yang masih timbul secara keseluruhan.

NKRA Mengurangkan Jenayah percaya bahawa usaha selama tiga tahun lalu telah membawa hasil yang nyata tetapi lebih banyak yang perlu dilakukan lagi untuk menangani kebimbangan orang ramai. Sehubungan dengan itu, NKRA Mengurangkan Jenayah akan mengekalkan komponen reaktif yang akan menyesuaikan inisiatif tersebut dengan perubahan dalam bentuk jenayah.

Terdapat kehadiran lebih banyak polis dalam kawasan kejiranan saya sekarang.

Ermayani Bahrom, 21
Jururawat



RAKYAT MENUNTUT KEMBALI KAWASAN KEJIRANAN MEREKA

Peperangan menentang jenayah bukan lagi domain eksklusif pihak polis tetapi kini menjadi satu usaha yang memerlukan kerjasama semua pihak termasuk rakyat dalam komuniti mereka sendiri. Hakikatnya, semakin banyak komuniti telah mula melaksanakan inisiatif kepolisan komuniti sukarela dengan sokongan PDRM.

Salah satu contoh ialah usaha Joe Mahinder Singh, 55 tahun, yang menubuhkan kumpulan pengawasan komuniti di SS17 Subang Jaya pada tahun 1998 selepas kejadian ragut yang berlaku terhadap saudara wanitanya sebanyak dua kali dalam tempoh enam bulan. Joe ialah seorang bekas sukarelawan polis pada pertengahan tahun 70-an, berpengalaman serta cekal hati dan inilah yang cuba diterapkan oleh NKRA Mengurangkan Jenayah dalam komuniti lain di kawasan lain.

"Kadar jenayah meningkat dan ramai pelajar turut dirompak," imbas Joe. "Kami menubuhkan pasukan bermula dengan lebih kurang enam orang yang menjadi pemerhati kami. Apabila sesiapa sahaja melihat sesuatu yang mencurigakan, mereka akan menghubungi kami dan kami akan bermototsikal ke tempat yang dilaporkan. Kami akan menilai dahulu situasi tersebut sebelum menghubungi pihak polis."

Joe masih terlibat secara aktif dalam kepolisan komuniti dan telah menerima beberapa anugerah pengiktirafan daripada pihak polis atas sumbangan beliau.

Seorang lagi sukarelawan komuniti yang aktif ialah Alice Choo, pesara yang menetap di Bandar Puteri 11. Beliau yang juga pengurus persatuan penduduk, telah berkunjung dari rumah ke rumah selama dua bulan untuk menghidupkan semula persatuan penduduk pada tahun 2009.

"Kami mahu menubuhkan skim keselamatan dan untuk melakukannya, kami perlu mendapatkan penyertaan penduduk untuk menjadi ahli persatuan penduduk," kata Choo. Selain tindakan keselamatan, Persatuan Penduduk Bandar Puteri 11 juga mengendalikan isu-isu lain termasuk isu-isu kutipan sampah, projek pembangunan dan akses jalan raya.

NKRA Mengurangkan Jenayah percaya bahawa sifat rakyat seperti inilah yang diperlukan dalam menentang jenayah secara keseluruhan dan dengan itu mempertingkatkan usahanya untuk mewujudkan kepolisan komuniti dan angkatan kepolisan sukarela menerusi GTP 2.0.

IKTIBAR PENTING

4.3

Salah satu iktibar penting yang diperoleh daripada pelaksanaan GTP 1.0 ialah keperluan untuk menyatukan tindakan dengan penglibatan untuk mendapatkan sokongan rakyat. Apabila inisiatif NKRA dilaksanakan secara tertutup, persepsi tentang ketidakcekapan timbul meskipun dengan data yang menunjukkan peningkatan.



Untuk tujuan ini, kerjasama yang lebih erat daripada rakyat memainkan peranan yang penting untuk membanteras jenayah. Ini juga bermaksud rakyat memikul lebih tanggungjawab terhadap masalah jenayah. Meskipun inisiatif GTP 1.0 sudah mengandungi komponen penglibatan orang ramai melalui pelaksanaan program kepolisan komuniti, usaha itu diakui masih belum memadai. Kempen Bersama Membanteras Jenayah lahir daripada wawasan ini dan akan dipertingkatkan lagi dalam GTP 2.0.

Kedua, NKRA Mengurangkan Jenayah mendapati perlunya f eksibiliti dalam usaha membanteras jenayah. Jenayah tidak bersifat statik dan NKRA perlu menyesuaikan inisiatifnya dalam menangani masalah baharu yang timbul. Dengan demikian, matlamat NKRA ini berupaya untuk kekal relevan dengan keprihatinan rakyat dan seterusnya mengurangkan kebimbangan mereka daripada menjadi mangsa jenayah.

Akhir sekali, Penilaian Prestasi Antarabangsa (International Panel Review) telah melonjakkan kredibiliti berkaitan dengan impak NKRA dan ini akan diulangi sepanjang tiga tahun yang akan datang. Matlamat NKRA Mengurangkan Jenayah adalah untuk mentransformasikan PDRM menjadi sistem kepolisan berdasarkan risikan, yang akan bertindak balas terhadap keperluan rakyat secara cekap dan berkesan.



REPORT CORRUPTION
1-800-88-6000

REPORT CORRUPTION
1-800-88-6000



Membanteras Rasuah

MEMBINA NEGARA
YANG ADIL DAN
SAKSAMA

SEPATAH KATA



DATO SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri

Apabila Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Membanteras Rasuah diwujudkan pada tahun 2010, kami sedar bahawa usaha menentang sesuatu yang telah menjadi kebiasaan dalam hidup kebanyakan rakyat Malaysia akan menjadi sebuah perjuangan yang amat mencabar.

Hal yang demikian diperkuuh oleh pencapaian skor Malaysia dalam indeks persepsi rasuah Transparency International yang semakin menurun. Skor 5.1 yang dicatat pada tahun 2008, jatuh kepada 4.3 pada tahun 2011. Rasuah, sama ada besar atau kecil, sudah berakar umbi dalam masyarakat sehingga tahap persepsi rasuah di negara ini masih lagi tinggi walaupun rangka kerja membanteras rasuah yang menyeluruh sudah pun diwujudkan.

Menerusi GTP 1.0, kami telah melaksanakan beberapa inisiatif melibatkan tiga aspirasi utama, iaitu mengurangkan rasuah melalui penguatkuasaan yang lebih tegas, memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International dan menambah baik persepsi rakyat terhadap integriti Kerajaan dan perkhidmatan awam. Ini merupakan langkah-

Malaysia merupakan satu-satunya negara yang menjadikan usaha membanteras rasuah sebagai Penunjuk Prestasi Utama (KPI) negara, dan ini merupakan bukti yang kukuh bahawa negara sangat serius dalam usaha mengurangkan rasuah di negara ini.

langkah yang diambil sebagai asas bagi perubahan sikap kita secara keseluruhan terhadap rasuah.

Sebagai menteri yang bertanggungjawab terhadap NKRA ini, saya bangga melaporkan bahawa usaha-usaha kita dalam menentang rasuah telah membawa hasil yang nyata. Pada tahun 2012, tinjauan Transparency International menunjukkan bahawa Indeks Persepsi Rasuah Malaysia telah meningkat daripada tangga ke-60 kepada tangga ke-54, dan ini merupakan bukti kukuh terhadap keberkesanan usaha yang telah dilaksanakan dalam NKRA ini. Kemajuan ini disebabkan oleh beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan dalam tempoh dua tahun. Antara yang penting ialah keputusan Kerajaan untuk mewujudkan Unit Pematuhan di agensi penguatkuasaan yang terpilih bagi memantau prestasi dan kelakuan kakitangan awam dan pegawai penguatkuasaan selain memastikan pematuhan. Hal yang demikian merupakan satu langkah besar ke arah mewujudkan masyarakat yang bebas rasuah.

Pembangunan portal elektronik MyProcurement, yang menyenaraikan maklumat tender dan kontrak yang diiklankan dan yang telah dianugerahkan, telah mempertingkatkan ketelusan dan menambahkan keyakinan orang ramai terhadap proses tender Kerajaan.

Walau bagaimanapun, masih terlalu awal untuk menyatakan bahawa tugas kami sudah selesai. Kami telah membuat permulaan yang cemerlang, tetapi tugas tetap harus diteruskan. Justeru, untuk tiga tahun yang akan datang di bawah GTP 2.0, kami telah mempertingkatkan standard bagi mencapai

sasaran berikut di bawah empat aliran kerja: Agensi Penguatkuasaan, Rasuah Besar, Perolehan Kerajaan, serta Pendidikan dan Sokongan Awam. Empat aliran kerja ini direka bentuk khas untuk menangani unsur penting yang terlibat dalam rasuah dan memberikan garis panduan yang menyeluruh bagi inisiatif masing-masing.

Kerajaan sedar bahawa rasuah masih lagi merupakan salah satu ancaman besar terhadap cipta negara untuk mencapai status berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Namun demikian, perjuangan menentang rasuah bukan kemenangan yang boleh direalisasikan sekilip mata. Oleh itu, asas yang telah diperkenalkan di bawah GTP 1.0 akan diperkasakan melalui inisiatif baharu untuk tiga tahun seterusnya, iaitu sehingga 2015, bagi memastikan momentum perubahan terus kekal pada semua tahap. Walau bagaimanapun, perubahan pada tahap dasar sahaja belum lagi memadai; sebaliknya perubahan harus dilakukan secara menyeluruh untuk mengurangkan amalan dan peluang berlakunya rasuah.

Malaysia merupakan satu-satunya negara yang menjadikan usaha membanteras rasuah sebagai Penunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator, KPI) negara, dan ini merupakan bukti yang kukuh bahawa negara sangat serius dalam usaha mengurangkan rasuah di negara ini. Kami telah pun mendengar kebimbangan yang disuarakan oleh semua pihak yang berkepentingan, dan kami yakin dengan wujudnya kerjasama yang lebih utuh, kita boleh mencipta kemajuan yang lebih besar dalam perjuangan menghapuskan rasuah ini.

NKRA Membanteras Rasuah

TINJAUAN KESELURUHAN

Rasuah terus menjadi penghalang besar kepada negara untuk mencapai sasaran pembangunan yang tinggi menjelang tahun 2020, yang bergantung pada jumlah pelaburan swasta yang besar daripada sumber domestik dan luar negara.



Pelaburan swasta dijangka mencakupi 92% keperluan pelaburan Malaysia menjelang tahun 2020, namun jumlah itu sukar untuk dicapai melainkan Kerajaan mengambil langkah yang signifikan ke arah pemuliharaan keyakinan rakyat di negara ini. Tambahan pula, rasuah menyalurkan sumber ekonomi keluar daripada negara lalu membantutkan pembangunan¹, selain merencatkan penyertaan rakyat dalam Kerajaan. Namun demikian, kajian menunjukkan bahawa inisiatif NKRA Anti-Rasuah kini memberikan impak selepas ranking Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perceptions Index, CPI) Malaysia, menerusi kajian yang dilaksanakan oleh Transparency International (TI), mencatat peningkatan enam tangga daripada 60 kepada 54 pada tahun 2012. Ini merupakan peningkatan yang ketara berbanding dengan tahun sebelumnya yang menyaksikan ranking negara jatuh empat tangga daripada 58 pada tahun 2010.

¹

—
Transparency International Malaysia menganggarkan lebih kurang RM30 billion telah mengalir keluar daripada negara setiap tahun disebabkan oleh gejala rasuah.



Pada tahun 2012, skor CPI Malaysia meningkat daripada kedudukan ke-60 kepada kedudukan ke-54, dan berada pada kedudukan ketiga dalam kalangan negara ASEAN selepas Singapura dan Brunei.

Indeks TI mengukur sejauh mana persepsi rakyat terhadap tahap rasuah dalam sektor awam sesuatu negara, dan mencerminkan pandangan pakar, penganalisis dan ahli perniagaan dalam negara. Ranking CPI diperoleh daripada tinjauan lain termasuk:

- ▶ Bertelsmann Stiftung
-
- ▶ Projek Keadilan Dunia (World Justice Project)
-
- ▶ Firma Perunding Risiko Politik dan Ekonomi (Political and Economic Risk Consultancy, PERC)
-
- ▶ Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum)
-
- ▶ Economist Intelligence Unit Country Risk Assessment
-
- ▶ Global Insight Country Risk Group
-
- ▶ Institute of Management Development, dan
-
- ▶ Global Insight Country Risk Group
-
- ▶ Bribe Payers Survey, Transparency International

Pada tahun 2012, skor CPI Malaysia meningkat daripada kedudukan ke-60 kepada kedudukan ke-54, dan berada pada kedudukan ketiga dalam kalangan negara ASEAN selepas Singapura dan Brunei. Malaysia memperoleh 49 mata daripada 100 dalam pengiraan CPI, manakala Singapura memperoleh 87 mata dan Brunei memperoleh 55 mata. Kedudukan yang semakin baik membuktikan bahawa pihak yang berkepentingan di Malaysia sedang menyaksikan kemajuan dalam hal ini, tetapi ini tidak bermakna usaha Kerajaan akan terhenti setakat ini sahaja. Banyak lagi usaha yang perlu dilaksanakan untuk terus mencegah kegiatan rasuah. Kerajaan amat menyedari hakikat bahawa usaha perlu diteruskan untuk mempertingkatkan reputasi dan persepsi Malaysia sebagai negara yang cekap dan berdaya saing untuk menjalankan perniagaan. Pembasmian rasuah adalah penting untuk mencapai sasaran ini dan negara amat memerlukannya dalam usaha membebaskan diri daripada belenggu negara berpendapatan sederhana.



PENCAPAIAN GTP 1.0

NKRA Anti-Rasuah telah mencapai kemajuan yang besar dalam tempoh tiga tahun GTP 1.0 yang pertama selepas beberapa inisiatif yang diwujudkan untuk memerangi gejala rasuah dilaksanakan pada setiap tahap dalam Kerajaan. Inisiatif tersebut berpandukan tiga aspirasi utama:

Mengurangkan
rasuah melalui
penguatkuasaan
yang lebih tegas

1 Memperbaik
ranking Malaysia
dalam Indeks
Persepsi Rasuah
(CPI) Transparency
International

• Menambah baik
persepsi rakyat
terhadap integriti
Kerajaan dan
perkhidmatan awam

3

NKRA percaya bahawa masalah rasuah tidak boleh ditangani satu persatu, tetapi perlu mengumpul sumber-sumber tersebut untuk memberikan sebuah penyelesaian yang menyeluruh.

Bagi pelaksanaan khusus pula, inisiatif NKRA Anti-Rasuah dilaksanakan pada setiap tahap perkhidmatan Kerajaan, dan terus berusaha untuk mendapatkan komitmen dan kerjasama yang lebih aktif daripada pembekal Kerajaan dan rakan sektor swasta untuk turut sama berganding bahu menentang rasuah. NKRA ini percaya bahawa masalah rasuah ini tidak boleh dihadapi secara beransur-ansur atau sedikit demi sedikit, justeru semua sumber perlu disepadukan untuk memberikan penyelesaian yang menyeluruh. Oleh sebab itu, NKRA Anti-Rasuah dalam GTP 1.0 telah memperkenalkan perundangan baharu untuk melindungi pemberi maklumat, memperkenalkan proses "fast-track" untuk mempercepat perbicaraan kes rasuah di mahkamah di Malaysia, dan mewujudkan Unit Pematuhan di agensi penguatkuasaan utama, serta banyak lagi.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini tidak selalunya mudah. Seperti mana-mana proses perubahan yang menyeluruh, usaha meyakinkan rakyat untuk menyesuaikan diri dengan budaya baharu ini menampilkan cabaran yang penuh ranjau. Namun demikian, pelaksanaan inisiatif GTP 1.0 telah memberikan iktibar penting yang akan memacu pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 bagi tiga tahun yang seterusnya.

NKRA Anti-Rasuah akur bahawa usaha untuk mengubah cara berfungsi mengambil masa, dan inilah sebabnya GTP dibahagikan kepada beberapa fasa. GTP 1.0 telah meletakkan asas yang kukuh bagi mempersiapkan negara ke arah masa depan yang bebas daripada belenggu rasuah, dan NKRA Anti-Rasuah menerusi GTP 2.0 berlitzam untuk memperhebat agenda perubahan dalam tempoh tiga tahun yang akan datang.

**TINJAUAN KESELURUHAN 2012:
MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN**

Dua tahun pertama GTP 1.0 menyaksikan NKRA Anti-Rasuh mewujudkan pelbagai inisiatif utama yang telah dikenal pasti dalam sesi awal makmal. Dengan kewujudan inisiatif tersebut, fungsi utama NKRA Anti-Rasuh pada tahun 2012 adalah untuk memantau dan memperhalus pelaksanaannya. Walaupun mendapat respons yang positif daripada penilai antarabangsa, pasukan NKRA Anti-Rasuh memfokuskan penekanan utama terhadap kebimbangan yang disuarakan oleh rakyat. Justeru Inisiatif ini bertujuan melihat semula masalah yang dibangkitkan oleh rakyat, dan mempercepat penyelesaian yang akan mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap sistem keadilan awam.

Rakyat telah pun mula melihat hasil kerja pembinaan asas yang telah diwujudkan dalam tempoh dua tahun pertama GTP sepanjang 12 bulan yang lepas, dan mereka boleh menjangkakan untuk melihat lebih banyak hasil lagi memandangkan NKRA ini telah menyelesaikan kerja pembinaan asasnya. Pada masa yang sama, NKRA Anti-Rasuh telah menjana beberapa keberhasilan pada tahun 2012 sebagai respons kepada kebimbangan rakyat. Antaranya termasuk:



KEBERHASILAN 1

Malaysia memperbaiki skor Indeks Persepsi Rasuah

Ranking Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia, iaitu satu tinjauan oleh badan pemerhati antarabangsa, Transparency International (TI), telah meningkat enam tangga daripada tangga ke-60 ke tangga 54 pada tahun 2012. Peningkatan ketara ini membuktikan bahawa inisiatif NKRA Anti-Rasuh ini adalah berkesan, sekali gus mewujudkan asas yang kukuh bagi pelaksanaan usaha yang seterusnya dalam GTP 2.0. Inisiatif utama yang menyumbang kepada pencapaian baik ini termasuklah penguatkuasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan inisiatif Ikrar Integriti Korporat.

KEBERHASILAN 2

Pengumuman penambahbaikan pengurusan dana politik oleh Perdana Menteri

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah membuat pengumuman pada Februari 2012 bahawa Kerajaan akan menambahbaik mekanisme pengurusan dana politik oleh parti-parti politik di Malaysia. Ini merupakan inisiatif utama di bawah NKRA Anti-Rasuh, dan akan dilaksanakan sepenuhnya dalam GTP 2.0. Tujuan penambahbaikan ini adalah untuk memastikan dana politik tidak disalurkan keluar oleh orang tengah. Peraturan baharu ini akan menetapkan proses pengurusan dana politik yang sewajarnya, sekaligus mengehadkan akses oleh pihak ketiga kepada dana tersebut.

KEBERHASILAN 3

Mewujudkan unit pematuhan di semua badan Kerajaan

Kejayaan dan impak daripada keputusan NKRA Anti-Rasuh untuk mewujudkan unit pematuhan di lima agensi penguatkuasaan – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen Malaysia – telah mendorong Kerajaan untuk mempertimbangkan dasar yang sama diterima guna merentas semua badan kerajaan yang lain. Kerajaan percaya bahawa kes rasuah akan dapat dikurangkan sekiranya terdapat pemantauan. Unit Pematuhan ini akan memantau pada peringkat dalaman prestasi dan kelakuan pekerja awam dan pegawai penguatkuasa, dan mereka boleh dihadapkan kepada tindakan disiplin sekiranya perlu.

KEBERHASILAN 4

Mengurangkan peluang berlakunya rasuah melalui automasi

Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan sistem penguatkuasaan trafik automatik (Automated Enforcement System, AES) pada Ogos 2012 di bawah inisiatif Pengurangan Budi Bicara Melalui Automasi (Reduce Discretion Through Automation). Matlamat inisiatif ini adalah untuk mengurangkan peluang berlakunya rasuah kecil dengan menyingkirkan faktor manusia daripada aktiviti penguatkuasaan trafik. Walaupun AES mendapat kritikan hebat sejak dilaksanakan, NKRA Membanteras Rasuah percaya bahawa isu-isu peringkat awal sebegini hanyalah kesulitan kecil berbanding dengan manfaat program ini yang akan diraih secara keseluruhan.



KEBERHASILAN 5

Mewujudkan Perbadanan Pengurusan Aset Sepusat

Tugas agensi Kerajaan ini adalah untuk mengurus aset yang telah disita bagi pihak Kerajaan. Kementerian Kewangan telah menstruktur sebuah bahagian baharu bagi perbadanan ini dan kini menunggu pembentangan rang undang-undang yang berkaitan di Parlimen untuk mewujudkan agensi ini. Peranan Perbadanan Pengurusan Aset Sepusat ini adalah untuk mengurus dan memelihara aset-aset yang telah disita bagi memelihara nilainya dan mencegah berlakunya kejatuhan nilai.

PENUNJUK PRESTASI

UTAMA NEGARA

(NATIONAL KEY PERFORMANCE INDICATORS, (NKPIs))

Impak inisiatif NKRA Anti-Rasuah ini secara umumnya tidak ketara memandangkan kebanyakannya urusan berlaku di sebalik tabir. Untuk mengukur kuantiti impak ini sendiri merupakan cabaran yang sukar, meskipun usaha telah dibuat dalam GTP untuk menyediakan keputusan yang boleh diukur. Ukuran inisiatif NKRA yang paling penting ialah ranking CPI negara seperti yang ditentukan oleh Transparency International.

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah, NKRA Anti-Rasuah mencapai kejayaan dalam sebahagian besar inisiatifnya pada tahun 2012, namun tidak semua mencapai tahap yang boleh dibanggakan disebabkan oleh pelbagai faktor. Dalam konteks ini, apabila sesuatu inisiatif itu gagal mencapai sasarannya, kami memperoleh iktibar penting yang dapat dimanfaatkan sebagai panduan dalam proses pelaksanaan GTP 2.0.


Perubahan budaya, bukan sahaja oleh Kerajaan tetapi juga oleh semua pihak berkepentingan, memerlukan perubahan terhadap kebiasaan dan kelaziman yang telah diamalkan berdekad-dekad lamanya, dan hal yang demikian pastinya memerlukan kerjasama semua rakyat Malaysia.

KEBERHASILAN 6

Penambahbaikan kepada program IkRAR Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge, (CIP))

Selain menyambut ulang tahun pertama program ini, rancangan kini digembangkan untuk menyediakan latihan kepada syarikat yang telah menandatangani CIP bagi mempertingkatkan tadbir urus korporat dalam organisasi masing-masing. Peranan ahli Meja Bulat CIP yang dianggotai PEMANDU, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Transparency International Malaysia dan Institut Integriti Malaysia akan disusun semula bagi mewujudkan pelaksanaan CIP yang lebih berkesan dan cekap.

TINJAUAN KESELURUHAN PENCAPAIAN KPI 2012



INISIATIF

5.1

Inisiatif NKRA Membanteras Rasuah dibahagikan kepada tiga bidang kecil atau aliran kerja:

**Agensi
Penguatkuasaan**

**Rasuah
Besar**

**Perolehan
Kerajaan**



Pembahagian NKRA ini kepada tiga aliran kerja mencerminkan usaha NKRA ini untuk menyediakan penyelesaian secara menyeluruh bagi menangani keseluruhan rantaian nilai: daripada perkhidmatan awam kepada pembekal yang menjalankan urus niaga dengan Kerajaan, hingga kepada pegawai kanan pada tahap hierarki yang tertinggi.

TIGA ALIRAN KERJA NKRA MEMBANTERAS RASUAH

1
Agensi Penguatkuasaan
Undang-Undang dan Agensi Kawal Selia

MATLAMAT

- ▶ Hukuman yang lebih tegas dan penguatkuasaan yang lebih berkesan terhadap rasuah oleh pegawai awam
- ▶ Menambah baik sistem penyampaian keadilan bagi kes-kes rasuah

INISIATIF

- ▶ Contoh: memperkuuh dan memberikan kuasa kepada unit pematuhan

2
**Perolehan
Kerajaan**

MATLAMAT

- ▶ Mengurangkan ketirisan dana awam
- ▶ Ketelusan dan akauntabiliti yang lebih baik dalam penganugerahan dan pelaksanaan kontrak

INISIATIF

- ▶ Contoh: menjelaskan parameter surat sokongan
- ▶ Contoh: menzahirkan perincian kontrak perolehan kerajaan

3
**Rasuah
Besar**

MATLAMAT

- ▶ Meraih semula keyakinan orang ramai terhadap agensi penguatkuasaan undang-undang
- ▶ Mengurangkan peluang bagi penyalahgunaan kuasa oleh wakil penguatkuasaan undang-undang

INISIATIF

- ▶ Contoh: usaha untuk menyelesaikan pendakwaan kes-kes rasuah dalam tempoh setahun, terutamanya bagi kes yang melibatkan kepentingan orang ramai

SEKTOR SWASTA MAHUKAN PENGUATKUASAAN YANG LEBIH TEGAS

Tinjauan global yang dilakukan oleh firma perakaunan antarabangsa Ernst & Young (E&Y) mendapati bahawa syarikat swasta di Malaysia semakin menyokong usaha membanteras rasuah di negara ini.

Keputusan Tinjauan Penipuan Global (Global Fraud Survey) Ke-12 melaporkan bahawa 88% responden warganegara Malaysia menyokong peningkatan pemantauan kawal selia berbanding dengan 82% di Asia Timur dan 69% pada peringkat global.

Keputusan tinjauan ini menunjukkan bahawa rasuah kini semakin tidak boleh dikompromikan oleh semua lapisan masyarakat, dan ini memberikan petanda yang baik kepada inisiatif NKRA Membanteras Rasuah yang bergantung pada komitmen sektor swasta untuk mencapai matlamatnya.

Hal yang demikian jelas terbukti menerusi jumlah penandatangan Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang telah dilancarkan dalam GTP 1.0.



Aliran kerja ini sejajar dengan tiga aspirasi yang digariskan untuk GTP 1.0. Sepanjang 12 bulan yang lepas, NKRA Anti-Rasuah telah memperkenalkan inisiatif baharu, iaitu Seranta Awam Atas Talian , dan mengambil langkah untuk mendapatkan lebih banyak input daripada rakyat dalam penggubalan undang-undang baharu serta pindaan oleh agensi Kerajaan. Hal yang demikian menyaksikan Ketua Setiausaha Negara mengedarkan pekeliling kepada semua kementerian, jabatan dan agensi-agensi Kerajaan agar mendapatkan lebih banyak penglibatan daripada rakyat. Pada masa yang sama, NKRA ini meneruskan usaha memperkuuh dan memperluas inisiatif yang telah terbukti berkesan sehingga kini.



Sepanjang 12 bulan yang lepas, NKRA ini memfokuskan usaha terhadap inisiatif yang berikut:

► **Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge, CIP)**

CIP merupakan salah satu inisiatif utama yang direka bentuk untuk mendapatkan kerjasama dan penglibatan sektor swasta dalam usaha membanteras rasuah. Antara penandatangan utama CIP ini termasuklah syarikat sektor swasta yang merupakan sebahagian daripada Projek-Projek Permulaan (Entry Point Project, EPP), yang membentuk tunjang utama Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP) negara.


CIP merupakan komitmen bertulis oleh penandatangan untuk membasmi rasuah di tempat kerja masing-masing, dan mereka mempunyai beberapa tanggungjawab yang perlu dilunaskan. Ini termasuklah memperketat dasar tadbir urus korporat sebagai mematuhi keperluan CIP. NKRA Anti-Rasuah telah memulakan usaha mempersiapkan syarikat-syarikat tersebut untuk menghadapi kemungkinan ini pada tahun 2012.

Pada akhir tahun 2012, 154 buah syarikat telah menandatangani CIP.

► **Mempercepat Perbicaraan Kes Rasuah**

Kes rasuah boleh mengambil masa bertahun-tahun lamanya antara waktu penahanan orang yang disyaki dengan waktu sebelum kes itu dibicarakan di mahkamah undang-undang. Waktu menunggu yang lama sedemikian menyebabkan rakyat mempunyai persepsi bahawa Kerajaan tidak mengambil berat terhadap pendakwaan kes rasuah dan seterusnya menghakim keyakinan rakyat terhadap komitmen Kerajaan untuk membanteras masalah ini.

Inisiatif NKRA Anti-Rasuah untuk mempercepat perbicaraan kes rasuah telah memperlihatkan kemajuan yang ketara dalam mempercepat penyelesaian kes melalui penubuhan 14 Mahkamah Sesyen Rasuah Khas dalam tempoh tiga tahun yang lalu. 404 kes telah diproses dan 258 kes telah berjaya diselesaikan pada akhir tahun 2012.



► **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat**

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat dilaksanakan pada tahun 2011, dan ia merupakan sebuah undang-undang baharu yang melindungi hak dan identiti mereka yang melaporkan kegiatan rasuah. Tujuannya adalah untuk mewujudkan suasana yang selamat yang membolehkan pemberi maklumat bertindak tanpa perlu berasa risau akan perlakunya tuduh-menuduh (recrimination). Usaha NKRA dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat tahun lepas telah membantu menaikkan prof I undang-undang baharu ini, dan membantu dalam meningkatkan jumlah aduan rasuah. Pada tahun 2012, 96 individu telah diberi perlindungan identiti di bawah Akta ini.

► **Sistem Penguatkuasaan Automatik (Automated Enforcement System (AES))**

NKRA Anti-Rasuah melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah melaksanakan AES pada 2012 dalam usaha untuk terus mengurangkan kegiatan rasuah. Kes melibatkan pegawai penguat kuasa trafik diberi rasuah oleh orang ramai bagi mengelakkan diri daripada membayar kompaun kesalahan trafik kecil merupakan amalan yang biasa di Malaysia. AES menyasarkan untuk mengurangkan peluang berlakunya amalan sedemikian dengan mengautomasikan proses pengeluaran kompaun.

Selain itu, AES juga bertujuan mengurangkan kejadian kemalangan maut jalan raya dengan menggalakkan pemandu kendaraan supaya memandu mengikut had laju yang ditetapkan. Walaupun AES telah mendapat beberapa kritikan semasa fasa percubaan, NKRA ini percaya bahawa semua ini hanyalah isu-isu awal yang akan diselesaikan seiring dengan peredaran masa.

Empat belas sistem AES telah dipasang dalam fasa pertama pelaksanaannya.

► **Portal MyProcurement**

Pewujudan portal MyProcurement merupakan langkah pertama NKRA untuk membanteras rasuah dalam proses perolehan kerajaan. Portal ini memerlukan semua tender Kerajaan dan bidaan yang berjaya disenaraikan dalam pangkalan data dalam talian, dengan demikian memberikan lebih kejelasan dan ketulusan terhadap proses pembelian.

Meskipun MyProcurement akan menjalani penambahbaikan secara besar-besaran dalam GTP 2.0, portal ini berjaya mencapai beberapa kejayaan pada tahun 2012 termasuklah memaparkan 6,688 kontrak di dalam talian.

► **Pekeliling KSN mengenai Seranta Awam Atas Talian bagi sebarang draft cadangan baharu/pindaan undang-undang**

Satu dasar Kerajaan baharu telah diperkenalkan pada 2012 yang memerlukan jabatan dan agensi Kerajaan mendapatkan pandangan orang ramai sebelum mencadangkan pindaan terhadap undang-undang sedia ada atau sebelum memperkenalkan rang undang-undang baharu. Dasar ini juga melibatkan undang-undang kecil majlis perbandaran, dasar dan undang-undang oleh Kementerian dan badan berkanun, tanpa mengira sama ada undang-undang tersebut perlu dibentangkan di Parlimen ataupun tidak. Interaksi dengan rakyat akan dilakukan secara dalam talian, mengikut pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN).



MEMANDANG KE HADAPAN KEPADA GTP 2.0

5.2

Tiga tahun GTP yang akan datang ini bakal menyaksikan NKRA Anti-Rasuah terus mempertingkatkan proses perubahan yang telah dicetuskan dalam GTP 1.0. Tiga aliran kerja tersebut akan terus menjadi tunjang semua usaha NKRA Anti-Rasuah, namun demikian GTP 2.0 juga bakal menyaksikan penambahan komponen pendidikan. Komponen pendidikan ini disasarkan kepada generasi muda dengan harapan untuk membentuk sebuah generasi akan datang yang peka dan bersikap proaktif terhadap usaha membanteras rasuah.



**Agensi
Penguatkuasaan**

- 1 Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah untuk menjawab soalan berkaitan dengan Laporan Tahunan SPRM di Parlimen
- 2 Jawatankuasa Penilaian Eksekutif di SPRM
- 3 Pejabat Pengurusan Projek mengenai Pencegahan
- 4 Memantau aktiviti unit pematuhan*
- 5 Memantau senarai “Name and Shame”*
- 6 Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM)*
- 7 Memperkemas jawatankuasa pemantauan



**Rasuah
Besar**

- 8 Menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh setahun*
- 9 Menambah baik rangka kerja tadbir urus pembiayaan politik*
- 10 Memasukkan Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM



**Perolehan
Kerajaan**

- 11 Mempercepat akses kepada Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara untuk tindakan segera
- 12 Jawatankuasa Tindakan mengenai Laporan Ketua Audit Negara
- 13 Papan pemuka Ketua Audit Negara secara dalam talian
- 14 Inkuisisi Putrajaya
- 15 Melaksanakan Pakatan Integriti yang lebih komprehensif bagi projek (Public Private Partnership, (PPP))*
- 16 Menambah baik portal MyProcurement dan menyepadukannya dengan portal perolehan yang berkaitan*
- 17 Garis panduan untuk orang tengah/pelobi

*GTP 1.0

BARU

Pendidikan dan Sokongan Orang Ramai

- 18 Membentuk Sekretariat Pencegahan Rasuah di Maktab Perguruan
- 19 Latihan untuk Ahli Parlimen (Members of Parliament, (MP))
- 20 Memasukkan elemen pencegahan rasuah dalam buku teks sekolah rendah dan sekolah menengah

Salah satu inisiatif baharu GTP 2.0 ialah transformasi proses pelaporan Ketua Audit Negara, yang akan menyaksikan pengurangan yang ketara dari segi tempoh masa yang diambil untuk melaporkan ketidaktekalan dalam perolehan Kerajaan.

Inisiatif ini akan mengubah proses pelaporan yang membolehkan Laporan Audit Prestasi Ketua Audit Negara dibentangkan tiga kali setahun di Parlimen berbanding dengan setahun sekali pada masa ini, sekali gus membolehkan orang ramai memperoleh akses yang lebih pantas kepada laporan tersebut. Dengan cara ini, NKRA Anti-Rasuah berharap dapat membantu agensi penguatkuasaan menangani isu rasuah, penipuan, salah laku dan isu-isu yang berkaitan tepat pada masanya.

Pada masa yang sama, portal MyProcurement akan terus ditambah baik dalam GTP 2.0 untuk menangani kebimbangan oleh kebanyakan rakyat bahawa proses perolehan Kerajaan tidak menunjukkan peningkatan dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Pasukan NKRA Anti-Rasuah berpandangan bahawa salah satu masalah yang menghambat aktiviti portal tersebut ialah kewujudan beberapa portal Kerajaan yang sedia ada seperti e-Perunding, NeTI dan e-Perolehan yang dimiliki oleh agensi-agensi lain.

Portal MyProcurement yang telah melalui penambahbaikan dalam GTP 2.0 akan menjadi laman utama bagi aktiviti perolehan, dengan demikian memberikan gambaran keseluruhan terhadap amalan e-perolehan Kerajaan. Portal versi GTP 2.0 juga akan mengeluarkan keputusan tender dan juga penanda aras harga bagi memberikan gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan perbelanjaan Kerajaan.

Rangka kerja dan garis panduan yang menentukan pembiayaan politik juga merupakan satu inisiatif utama untuk GTP 2.0, dan kerja pelaksanaannya telah pun bermula pada tahun 2012. Inisiatif ini menyasarkan untuk mengurangkan peluang penyaluran keluar dana yang dikhususkan untuk parti politik oleh pihak ketiga dengan mewujudkan peraturan baharu berkaitan dengan pengurusan dana. Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif ini pada Februari 2012, dan walaupun pasukan NKRA ini tidak memenuhi KPI pelaksanaan inisiatif ini pada tahun tersebut, inisiatif ini kekal menjadi fokus utama dalam GTP 2.0.



MEWUJUDKAN HUBUNGAN DALAM SEBUAH PROGRAM PERUBAHAN YANG BERTERUSAN

GTP 2.0 bakal menyaksikan inisiatif-inisiatif baharu yang diperkenalkan sebagai senjata untuk memerangi rasuah dan NKRA Anti-Rasuah sedar akan perlunya kaedah pelaksanaan inisiatif tersebut yang lebih berkesan. Berdasarkan sudut pandang ini, inisiatif tersebut merupakan senjata utama untuk membanteras rasuah - akan tetapi, kemahuan politik perlulah lebih kuat lagi untuk memetik picunya, atau dengan erti kata lain menyempurnakan pelaksanaannya. NKRA Anti-Rasuah merasakan ini merupakan salah satu ketidak sempurnaan yang wujud dalam pelaksanaan GTP 1.0, dan akan menambah baik pelaksanaan dalam tempoh tiga tahun yang akan datang.

Salah satu ciri utama yang diperlukan dalam usaha menentang rasuah ialah penerapan langkah pencegahan rasuah yang tekal. Pasukan NKRA ini percaya bahawa usaha yang telah dijalankan dalam GTP 1.0 telah meletakkan asas kukuh yang diperlukan untuk ketekalan penerapan tersebut. Melalui usaha NKRA ini untuk mengubah budaya, mewujudkan undang-undang dan mempercepat penyelesaian kes rasuah, rakyat boleh menjangkakan impak yang lebih hebat yang dijanai oleh inisiatif baharu ini dalam tempoh tiga tahun yang akan datang.



Rangka kerja dan garis panduan yang menentukan pembiayaan politik juga merupakan satu inisiatif utama untuk GTP 2.0, dan kerja pelaksanaannya telah pun bermula pada tahun 2012.

MEMPERKUKUH LANGKAH-LANGKAH ANTI-RASUAH DALAM SYARIKAT DAN GLC

Penasihat Pencegahan Rasuah Malaysia, Tan Sri Megat Najmuddin menyeru agar proses tapisan keutuhan dilaksanakan bagi memastikan eksekutif yang dilantik untuk memegang jawatan di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) adalah bebas rasuah.

Ini bagi memastikan reputasi GLC tersebut – dan secara tidak langsung Kerajaan juga – tetap terpelihara. Perkara ini terbukti benar kerana terdapat kes-kes rasuah yang melibatkan ketua GLC yang terkemuka, tambahnya lagi.

"Rasuah dalam sektor awam berlaku dalam pelbagai bentuk: pemberian wang tunai, penganugerahan kontrak, dan pemberian hadiah juga," katanya. "Lazimnya, mereka yang memegang jawatan pengurusan tahap pertengahan sesuatu syarikat yang ditangkap kerana mereka lahir individu yang turun padang dan berurusan dengan orang ramai setiap hari."

NKRA Anti-Rasuah sememangnya sedar akan peranan yang dimainkan oleh SPRM, dan NKRA ini komited untuk memperkuuh langkah pencegahan rasuah yang melibatkan syarikat korporat. Salah satu inisiatif ialah memasukkan peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM, yang akan dilaksanakan pada 2013.

Peruntukan ini akan menjadi penghalang kepada amalan rasuah, dan menggalakkan syarikat supaya memperkuuh langkah pencegahan rasuah dalam masing-masing memandangkan syarikat kini akan turut sama disabit sekiranya pekerja syarikat tersebut didapati bersalah melakukan rasuah.



KESEDARAN ORANG RAMAI YANG LEBIH MENDALAM TERHADAP RASUAH

Menurut tinjauan 12th Global Fraud Survey yang dilaksanakan oleh Ernst & Young pada tahun 2012, gejala rasuah dan suapan semakin merebak. Tinjauan yang diperoleh daripada temu bual dengan 1,758 orang membuat keputusan kanan di 43 buah negara; 39% responden melaporkan bahawa amalan rasuah sering berlaku di negara mereka.

Tidak dinafikan lagi bahawa situasi ekonomi kini telah meletakkan tekanan yang negatif terhadap para pekerja. Salah satu keputusan tinjauan yang menggusarkan ialah penerimaan amalan perniagaan yang tidak beretika secara meluas. Cabaran ini semakin besar dalam pasaran yang mempunyai pertumbuhan pesat, dengan kebanyakan responden percaya bahawa amalan ini merupakan kebiasaan,” kata tinjauan tersebut.

“Di Malaysia, tinjauan mendapati wujudnya tahap kesedaran yang lebih mendalam dalam usaha menentang rasuah berikutan pengenalan NKRA Anti Rasuah pada 2010,” menurut rakan khidmat nasihat Ernst & Young di Malaysia, iaitu Philip Satish Rao.

Rao menyatakan bahawa 80% responden di Malaysia menganggap bahawa penyeliaan teliti oleh Kerajaan dan pengawal selia dapat membantu dalam menangani rasuah. Dari sudut positif, 84% responden mempercayai bahawa pihak berkuasa bersedia mendakwa kes-kes rasuah.

“Tahap kesedaran terhadap rasuah telah meningkat dengan kewujudan PEMANDU dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Laporan kes-kes rasuah yang semakin meningkat di dada akhbar turut menyumbang kepada kesedaran ini,” katanya. “Pelbagai inisiatif boleh diambil oleh sesebuah organisasi bagi mengurangkan potensi mengambil rasuah, ini termasuk mengadakan talian pemberi maklumat, memperkenalkan program-program latihan bagi polisi anti-rasuah dan juga memastikan pihak pengurusan tertinggi menghantar mesej anti-rasuah yang jelas,” akhiri Rao.

IKTIBAR PENTING

5.3

Tiga tahun pertama GTP sesungguhnya tempoh yang amat mencabar bagi NKRA Anti-Rasuah memandangkan usaha memerangi rasuah memerlukan perubahan yang menyeluruh terhadap cara berfikir khususnya berkaitan dengan bagaimana perniagaan dilakukan di Malaysia. Hal ini membawa pengertian termasuk mengubah cara rasuah dipantau sebelum ini, mengubah cara kontrak dibida dan dianugerahkan, dan seterusnya mengubah cara pesalah rasuah dihukum.



Rasuah masih berleluasa kerana ia telah berakar umbi, atau sudah menjadi suatu norma kebiasaan, dalam budaya kita sebagai satu cara mudah untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Hal yang demikian menyebabkan amalan rasuah tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang negatif, malah menjadi suatu budaya yang tidak dapat dipisahkan. Menyedari hakikat ini, NKRA Anti-Rasuah telah melaksanakan perubahan asas – memastikan agensi penguatkuasaan utama Kerajaan sendiri adalah amanah dan bebas rasuah, menangani kontrak korporat baharu, dan sebagainya, yang akan berfungsi untuk mewujudkan platform yang kukuh dalam menghasilkan penyelesaian yang inovatif sepanjang tempoh baki tujuh tahun GTP yang seterusnya.



PANDANGAN DARIPADA PEJABAT PENGURUSAN PENYAMPAIAN (DELIVERY MANAGEMENT OFFICE, (DMO))



Agensi Kerajaan lazimnya lebih suka menangani rasuah secara dalaman dan persendirian, bukannya melalui orang luar yang memberitahu mereka apa yang perlu dilakukan. Namun begitu, inilah peranan NKRA Membanteras Rasuah – terus memberi penekanan tanpa henti kepada agensi-agensi kerajaan tersebut mengenai perkara ini.

Pada dasarnya, NKRA ini berusaha untuk mendorong Kerajaan supaya mengamalkan standard ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi dalam apa jua yang dilakukannya, dan walaupun ada kejayaan yang diraih, jalan yang dilalui tidak selalunya mudah, malah penuh dengan ranjau.

Pegawai DMO NKRA Anti-Rasuah, Shuhairoz Shukri menyatakan bahawa peralihan kepada bekerja bersama-sama dengan PEMANDU memerlukan perubahan yang penting dari sudut mentaliti. Shuhairoz merupakan pegawai awam di Kementerian Pengangkutan dan dipinjamkam untuk menyertai Pejabat Pengurusan Penyampaian pada April 2010, dan terus diberi tanggungjawab untuk melaksanakan inisiatif utama termasuklah mewujudkan unit pematuhan, membina pangkalan data Name-and-Shame dan bekerja dengan mahkamah khas rasuah.

"Saya menganggap diri saya sebagai pegawai junior semasa saya memulakan tugas di sini, tetapi tugas ini memerlukan saya berhubung rapat dengan pegawai-pegawai kanan di kementerian dan agensi," kata beliau. "Cara PEMANDU berbeza dengan kebiasaan kami di kementerian dan agak sukar pada mulanya untuk mewujudkan hubungan."

Shuhairoz menambah, oleh sebab NKRA Anti-Rasuah menyasarkan perubahan yang menyeluruh secara besar-besaran, banyak pihak berkepentingan terlibat dengan semua inisiatif, dan mendapatkan kerjasama dalam sepenuhnya ada kalanya tidak mudah. Contohnya, dalam kes inisiatif Unit Pematuhan, Shuhairoz kerap kali perlu melawat setiap agensi untuk membincangkan isu-isu pelaksanaan dengan mereka.

"Itu tidak bermaksud agensi-agensi tersebut tidak mau menolong, tetapi mereka sudah mempunyai budaya tersendiri dalam melaksanakan sesuatu," katanya. "Kini

semuanya lebih mudah kerana saya telah bekerja dengan mereka selama dua tahun." Salah satu aspek yang sukar dalam tugasnya, menurut beliau, adalah bertanggungjawab kepada orang ramai memandangkan sebahagian besar kerja yang melibatkan perubahan berlaku di belakang tabir.

"Tidak seperti NKRA lain yang membolehkan anda melihat jalan raya dibina atau kelas-kelas baharu diadakan, kebanyakan usaha yang dilakukan dalam NKRA Anti-Rasuah ini adalah tidak ketara," kata Shuhairoz. "Kami menetapkan undang-undang, mempercepat kes dan mewujudkan pangkalan data, tetapi orang ramai tidak dapat melihat kesannya serta merta."

Meskipun meraih kedudukan yang lebih baik daripada agensi antarabangsa berkaitan dengan tahap rasuah di Malaysia, Shuhairoz menegaskan bahawa - meskipun itu merupakan satu perkembangan positif, ia masih belum mencukupi. Walaupun dengan pengiktirafan antarabangsa, beliau berkata rasuah merupakan suatu masalah yang memberikan kesan kepada rakyat pada tahap yang sangat peribadi, dan beliau tidak akan berpuas hati sehingga rakyat sendiri melaporkan bahawa masalah ini telah diselesaikan.


"Saya tidak akan berasa gembira sehingga rakan-rakan saya dan mereka yang saya temui di luar sana memberitahu saya bahawa rasuah bukan lagi satu masalah. Pada detik itu nanti, saya tahu tugas saya telah pun selesai," ujarnya.

Melangkah ke hadapan, Shuhairoz yakin bahawa inisiatif terpenting dalam GTP 2.0 oleh NKRA Anti-Rasuah ialah aliran kerja khusus yang direka bentuk untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran terhadap rasuah dalam kalangan pelajar sekolah.

"Kita perlu memfokuskan kepada kanak-kanak dan saya mahu melihat inisiatif tersebut muncul sebagai yang paling berjaya dalam tempoh tiga tahun yang akan datang," katanya. "Kita bukan sahaja memerlukan generasi yang sedar akan masalah rasuah malah generasi yang akan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk memerangi rasuah pada masa hadapan."

NKRA ini menyeru agar semua rakyat Malaysia tidak ketinggalan berganding bahu dalam perjuangan ini dan seterusnya menoktahkan gejala rasuah dalam episod pembangunan Malaysia.

NKRA Anti-Rasuah akan mengambil langkah-langkah dalam GTP 2.0 untuk mempertingkatkan kesedaran, terutamanya dalam kalangan pelajar dan belia, kerana pengajaran yang penting harus dikembangkan semasa tahap pembentukan. Tinjauan menunjukkan bahawa, seperti dalam jadual yang berikut, semakin banyak belia menerima amalan rasuah sebagai satu cara mudah untuk menyelesaikan sesuatu perkara di Malaysia. NKRA Anti-Rasuah melihat senario ini sebagai sesuatu yang menyedihkan, dan sedang berusaha untuk mengubah tren ini menerusi GTP 2.0.



NKRA Membanteras Rasuah yakin bahawa rasuah dapat dibanteras di Malaysia, dan ranking CPI negara yang semakin baik membuktikan bahawa matlamat ini tidak mustahil. NKRA ini menyeru agar semua rakyat Malaysia tidak ketinggalan berganding bahu dalam perjuangan ini dan seterusnya menoktahkan gejala rasuah dalam episod pembangunan Malaysia.





Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



MENJAMIN MASA
HADAPAN NEGARA

SEPATAH KATA



TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN
HJ MOHD YASSIN

Timbalan Perdana Menteri Malaysia
merangkap Menteri Pelajaran Malaysia

Pendidikan berkualiti merupakan salah satu jaminan terbaik bagi kejayaan masa hadapan dan Kerajaan Malaysia beriltizam untuk melaksanakan transformasi sistem pendidikan Malaysia untuk menjadi antara yang terbaik di rantau ini. Kajian menunjukkan bahawa pendidikan awal yang berkualiti berupaya melonjakkan kadar pendapatan ke tahap lebih tinggi, iaitu natijah yang sejaar dengan hasrat Wawasan 2020 untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Tambahan lagi, permintaan yang lebih tinggi untuk pekerja berkemahiran dan berpengetahuan akan wujud apabila Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Justeru, kita perlu memastikan generasi masa hadapan dilengkapi dengan kemahiran asas yang kukuh untuk menjadi pelajar sepanjang hayat atau 'lifelong learners'. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), iaitu sebuah program transformasi untuk tempoh 12 tahun

Dengan bantuan seluruh rakyat Malaysia, kita mampu bersama-sama memastikan masa hadapan yang lebih gemilang untuk generasi yang seterusnya.

yang menyediakan butiran terperinci tentang transformasi sistem pendidikan Malaysia menjelang tahun 2025.

Inisiatif GTP, iaitu sebuah program transformasi menyeluruh yang berfokuskan sasaran dan berpacukan pelaksanaan “tiga kaki”, akan membentuk gelombang pertama perubahan untuk mencapai matlamat keseluruhan PPPM. Oleh yang demikian, NKRA Pendidikan, harus dilihat sebagai satu subset di bawah rangka keseluruhan PPPM, yang mencetuskan keberhasilan segera dan berimpak tinggi yang boleh dirasai oleh rakyat.

Sesiapa sahaja yang mengikuti pencapaian yang diraih oleh pasukan NKRA Pendidikan akan berasa teruja dengan keputusan yang dihasilkan setakat ini memandangkan fasa pertama GTP sudah pun menutup tirainya. Bilangan enrolmen prasekolah sudah meningkat, pelajar sekolah rendah telah menjalani saringan kemahiran asas literasi dan numerasi, dan prestasi sekolah-sekolah telah bertambah baik. Apa yang dinyatakan ini hanyalah sebahagian daripada kejayaan kami, dan semua kejayaan tersebut amatlah bermakna

memandangkan tempoh tiga tahun yang diambil merupakan jangka masa yang begitu singkat.

Namun, kita belum boleh berpuas hati dengan memuji diri dan berasa leka. Masih banyak yang perlu dilakukan sebelum sistem pendidikan kita boleh diiktiraf setanding dengan sistem pendidikan yang terbaik dunia. Oleh itu, bagi pihak Kementerian Pelajaran, kami akan melangkah ke hadapan dengan beberapa penambahbaikan terhadap inisiatif dalam GTP 2.0, yang akan meneruskan asas yang telah dibina sepanjang tiga tahun lalu, dan pada masa yang sama memperluas skop untuk merangkumi bidang lain yang berkaitan.

Sebagai menteri peneraju NKRA Pendidikan, saya amat yakin bahawa negara sedang menuju ke arah yang tepat dengan pembaharuan yang telah diperkenalkan dalam sektor ini, dan saya secara peribadi, komited untuk melihat negara meneruskan usaha murni ini untuk tempoh tiga tahun yang akan datang. Dengan bantuan seluruh rakyat Malaysia, kita mampu bersama-sama memastikan masa hadapan yang lebih gemilang untuk generasi yang seterusnya.

NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



TINJAUAN KESELURUHAN

Modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan merupakan sebuah komponen penting dalam mencapai sasaran pembangunan Wawasan 2020, dan semua usaha murni dalam bidang ini mesti bermula dari peringkat asas. Walaupun literasi golongan dewasa di Malaysia berada pada kadar 92 peratus,¹ terdapat bukti yang menunjukkan prestasi keberhasilan golongan muda tidak setanding dengan pencapaian negara-negara serantau.²



MALAYSIA TELAH MENCAPAI KEMAJUAN YANG BESAR DENGAN MENYEDIAKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN

Kadar enrolmen di sekolah rendah dan menengah kebangsaan



* Sekolah menengah atas merangkumi sekolah vokasional dan sekolah teknik

Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia, Fakta cepat

¹

Indeks Pembangunan Manusia UNDP

²

Keputusan PISA 2009 dan TIMSS 2011



NKRA Pendidikan fokus kepada matlamat keberhasilan segera seja jar dengan falsafah keseluruhan GTP.



NKRA Pendidikan berusaha untuk bersifat inklusif kerana pendidikan ialah hak setiap rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, tahap pendapatan atau latar belakang lain. Oleh itu, NKRA Pendidikan fokus kepada bidang pendidikan yang telah dikenal pasti dalam Makmal GTP sebagai bidang yang bakal memberikan impak yang paling besar dan luas kepada rakyat.

Sepanjang tempoh tiga tahun yang lalu, NKRA Pendidikan telah melaporkan peningkatan yang ketara dalam semua bidang, dan dengan itu telah membina asas yang kukuh dalam transformasi pendidikan Malaysia seajar dengan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang telah dilancarkan pada September 2012. Meskipun PPPM mencetuskan wawasan sektor pendidikan yang menyeluruh, namun NKRA Pendidikan fokus kepada matlamat keberhasilan segera seja jar dengan falsafah keseluruhan GTP.

Oleh itu, usaha yang digembangkan oleh NKRA Pendidikan merupakan subset kepada PPPM yang bergerak menuju matlamat yang sama.

PENCAPAIAN GTP 1.0

Usaha GTP 1.0 dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar berpandukan empat agenda penting yang dikenal pasti dalam Makmal GTP yang diadakan pada tahun 2009:

▶ **Memastikan setiap kanak-kanak berjaya**

Menetapkan sasaran yang sama untuk semua pelajar tanpa mengira latar belakang dan memberikan bantuan yang khusus kepada pelajar yang tercincir.

▶ **Meletakkan tanggungjawab kepada sekolah untuk perubahan dalam keberhasilan pelajar**

Memberikan kuasa kepada sekolah-sekolah untuk mengambil lebih tanggungjawab dan akauntabiliti terhadap keberhasilan pelajar masing-masing.

▶ **Melabur dalam membentuk pemimpin hebat untuk setiap sekolah**

Membuat pelaburan terhadap pengetua dan guru besar yang menjadi pamacu utama perubahan, melalui program pemilihan yang ketat, dan pelaksanaan program pembangunan profesional yang mantap.

▶ **Menarik minat dan membangunkan guru terbaik**

Meningkatkan daya tarikan profesion keguruan supaya dapat menarik tenaga mahir yang lebih berbakat, serta menyediakan langkah untuk memastikan guru mendapat sokongan yang sesuai bagi mempertingkatkan kemahiran mereka.

Agenda penting tersebut telah diterjemahkan kepada empat inisiatif utama melalui GTP 1.0, iaitu:

- ▶ penambahbaikan akses kepada pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti
- ▶ saringan kemahiran aras literasi (Bahasa Malaysia) dan numerasi (Saringan Literasi dan Numerasi - LINUS),
- ▶ pelaksanaan sekolah berprestasi tinggi dan program pembangunan prestasi sekolah, dan
- ▶ pelaksanaan tawaran baharu untuk pengetua dan guru besar



Inisiatif tersebut direka khas untuk mencapai dua matlamat: untuk segera mengekang kemerosotan keberhasilan pelajar dan untuk membina asas bagi penambahbaikan selanjutnya dalam sektor pendidikan.

Lantaran itu, NKRA Pendidikan telah memberikan lebih fokus kepada tahun-tahun formatif seorang pelajar melalui program prasekolah dan program LINUS, yang direka khas untuk membina kemahiran aras pembelajaran. Ini seterusnya dapat memupuk kemahiran yang diperlukan untuk pembelajaran sepanjang hayat selain melaksanakan inisiatif khusus yang fokus kepada pembangunan prestasi sekolah dan kepemimpinan sekolah untuk mengekang kemerosotan keberhasilan pelajar.

NKRA Pendidikan telah melaporkan kejayaan progresif pada setiap tahun pelaksanaan GTP 1.0 dan iktibar yang diperoleh daripada pelaksanaan inisiatif tersebut amat bernilai untuk tiga tahun yang akan datang. Oleh yang demikian, terdapat jalinan kukuh antara inisiatif NKRA GTP 1.0 dengan inisiatif NKRA GTP 2.0, meskipun inisiatif tersebut akan lebih menumpukan kepada kualiti sepanjang tiga tahun yang seterusnya.





Terdapat jalinan kukuh antara inisiatif NKRA GTP 1.0 dengan inisiatif NKRA GTP 2.0, meskipun inisiatif tersebut akan lebih menumpukan kepada kualiti sepanjang tiga tahun yang seterusnya.

Saya gembira dengan program transformasi untuk meningkatkan kualiti pendidikan yang sedia ada. Sebagai guru, saya berasa bahawa kanak-kanak sekarang menjadi lebih pandai hasil daripada teknologi. Program ini adalah selaras dengan zaman sekarang. Ia juga memanfaatkan kanak-kanak luar bandar, dengan meningkatkan taraf pendidikan yang mereka dapat.

Zalinah Jamal, 47
Guru



TINJAUAN KESELURUHAN 2012

12 bulan terakhir ini merupakan tempoh yang penuh cabaran bagi NKRA Pendidikan, yang telah mempertingkatkan sasarnya berikutkan keberhasilan besar yang telah dicapai pada tahun-tahun sebelumnya. Tambahan pula, disebabkan 2012 merupakan tahun terakhir GTP 1.0, NKRA ini telah memutuskan untuk melantik penilai bebas bagi mengesahkan keputusan inisiatif LINUS, yang telah menunjukkan peningkatan besar dalam keberhasilan pelajar.

Sebagai sebahagian daripada komitmen NKRA Pendidikan terhadap ketelusan dan akauntabiliti, hasil verifikasi tersebut diambil kira dalam pelaksanaan program LINUS 2012. Keputusan saringan khas LINUS menunjukkan kadar yang lebih rendah berbanding dengan laporan awal. Walaupun begitu, keputusan tersebut masih lagi lebih tinggi daripada nilai ambang ("threshold") pencapaian, iaitu sebanyak 90% .

KOMITMEN KEPADA KETELUSAN

NKRA Pendidikan telah mengambil langkah tambahan untuk memastikan impak inisiatifnya adalah tepat serta selaras dengan tuntutan GTP untuk ketelusan dan akauntabiliti.

Contohnya, NKRA Pendidikan telah menugaskan pelaksanaan verifikasi bebas terhadap keputusan inisiatif saringan LINUS bagi tahun 2011 setelah pelaksana melaporkan kadar kejayaan 98% hingga 99% dalam kalangan pelajar Tahun Dua.

Para penilai merumuskan bahawa program LINUS boleh dipertingkatkan melalui beberapa cara. Antaranya, mereka mencadangkan bahawa laporan yang lebih tepat dapat diperoleh dengan menyaring pelajar dalam bentuk ujian selain silibus LINUS perlu dijajarkan secara lebih rapi lagi dengan kurikulum sekolah yang sedia ada.

Tambahan pula, penilai mendapati bahawa saringan tersebut tidak memenuhi sepenuhnya tanda aras proses saringan, yang boleh menjadikannya lebih mudah untuk pelajar disaring dengan keputusan yang positif.

NKRA Pendidikan memandang serius keputusan laporan tersebut dan telah memulakan pembaharuan seperti yang dicadangkan oleh laporan itu. Pada tahun 2012, NKRA Pendidikan telah menyaring dua kohort pertama program LINUS dalam bentuk ujian dan mendapatkan kadar pencapaian merosot daripada 98%-99% kepada 93%-94%.

NKRA Pendidikan berpendirian bahawa tiada kompromi dapat dibenarkan dalam pendidikan. NKRA Pendidikan terus komited terhadap standard pemantauan inisiatifnya yang ketat dan mengalu-alukan semua dan apa juar kritikan terhadap inisiatif tersebut.

Dari segi sasaran kuantitatif, NKRA Pendidikan telah mencapai atau menjangkaui hampir kesemua sasarannya. Secara khususnya, NKRA ini berjaya menyampaikan keberhasilan yang berikut:

KEBERHASILAN 1

Mempertingkatkan Enrolmen Prasekolah

NKRA Pendidikan menyaksikan pembukaan 2,054 kelas prasekolah pada tahun 2012, selain menyaksikan jumlah enrolmen meningkat sehingga 80.5% atau 768,145 kanak-kanak prasekolah. Secara keseluruhannya, NKRA ini telah memantau pembukaan sebanyak 6,643 kelas prasekolah dan melatih sekitar 21,000 guru prasekolah. NKRA ini juga telah merintis Sistem Standard Kualiti Prasekolah.



KEBERHASILAN 2

Meneruskan Saringan LINUS untuk Kanak-kanak Sekolah

Saringan kohort ketiga program LINUS menunjukkan kadar kemahiran sebanyak 90% bagi numerasi dan 82% bagi literasi, iaitu pencapaian yang masih tinggi di bawah program ini. Kadar ini merosot sedikit berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya kerana pelaksana program ini memutuskan untuk mempertingkatkan syarat dan keperluan program tersebut.

Hasilnya, program LINUS telah diubah suai supaya setiap pelajar disaring pada setiap tahun. Bagi kohort pertama program LINUS, pelajar disaring semula hanya sekiranya mereka gagal mencapai standard kemahiran semasa pusingan pertama saringan.



Pada 2012, setiap pelajar diuji dalam setiap saringan tanpa mengira tahap kemahiran masing-masing, dan mesti lulus kesemua 12 konstruk untuk diiktiraf sebagai celik huruf dan celik nombor. Syarat konstruk sebelum ini ialah lapan (8) untuk literasi dan sepuluh (10) untuk numerasi. Perubahan tersebut dapat memastikan gambaran tahap literasi dan numerasi kanak-kanak sekolah Malaysia yang lebih jitu.

Program LINUS akan diteruskan dalam GTP 2.0, dan akan merangkumi saringan literasi bahasa Inggeris sebagai sebahagian daripada programnya. Satu saringan untuk menetapkan garis dasar akan dilaksanakan pada tahun 2013.

KEBERHASILAN 3

Memperkenalkan kategori baharu untuk Tawaran Baharu kepada pengetua

NKRA Pendidikan sedar bahawa pengetua dan guru besar di sekolah berenrolmen besar menghadapi cabaran yang lebih tinggi dalam memenangi Tawaran Baharu, yang ditentukan berdasarkan prestasi sekolah mereka. Sebuah kategori baharu telah diperkenalkan pada tahun 2012 untuk memastikan semua pengetua dan guru besar mempunyai peluang yang saksama untuk memperoleh Tawaran Baharu tanpa mengira saiz sekolah masing-masing. Tawaran Baharu merupakan sebuah program insentif untuk memotivasi pengetua dan guru besar bagi mempertingkatkan prestasi sekolah masing-masing.

MENGUBAH YANG MUSTAHIL MENJADI SEBUAH REALITI

Semasa pengetua SMK Seri Kembangan, Tay Keng Lee, mula mendapat tahu tentang program Tawaran Baharu, beliau segera melihatnya sebagai sebuah peluang untuk sekolahnya. SMK Seri Kembangan ketika itu berada antara kedudukan yang tercorot dalam ranking kebangsaan, iaitu kedudukan ke-1,930 daripada 2,248.

"Semasa saya mula-mula berkongsi idea Tawaran Baharu dengan guru-guru, setiausaha saya sendiri berasa sangsi: bolehkah ia berjaya?" kata Tay. "Tanpa berlengah, tatacara operasi sekolah diperkemaskan. Yang saya berikan saban hari hanyalah galakan dan nasihat. Para pelajar mula bersemangat melihat guru-guru kami.

"Mereka menganggap sekolah sebagai rumah kedua mereka, bukannya satu ancaman. Sikap mereka berubah apabila mereka semakin menghormati para guru."


Hasil dorongan Tay dan pengenalan idea Tawaran Baharu oleh beliau, SMK Seri Kembangan menyaksikan rankingnya melonjak 1,369 anak tangga kepada ranking 561 dalam pemeriksaan 2012 oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. Menurut Tay, kejayaan tersebut tidak mungkin tercapai tanpa guru dan pentadbir yang penuh berdedikasi.

"Dengan memperbaharui usaha kami, prestasi pelajar kami telah meningkat," kata Tay lagi. "Kami telah mencipta sejarah. Apa yang berlaku seolah-olahnya kami telah mencipta keajaiban buat SMK Seri Kembangan untuk "mengubah yang mustahil menjadi sebuah realiti".

KEBERHASILAN 4

Permulaan ke arah peningkatan kemahiran guru bahasa Inggeris

Kira-kira 61,000 orang guru Bahasa Inggeris telah diuji dalam Cambridge Placement Test (CPT) sebelum inisiatif baharu GTP 2.0 diperkenalkan yang bakal mempertingkatkan dengan pantas kemahiran semua guru Bahasa Inggeris di Malaysia. Keputusan saringan tersebut menunjukkan hanya 30% daripada guru yang disaring mencapai standard minimum CPT, iaitu tahap minimum standard antarabangsa bagi kemahiran guru Bahasa Inggeris atau C1 dalam Common European Framework of Reference. Keputusan saringan tersebut adalah lebih baik dalam kalangan pensyarah, iaitu 69% daripada mereka mencapai standard tersebut.



KEBERHASILAN 5

Peningkatan dalam Program Pembangunan Prestasi Sekolah


Terdapat penurunan sebanyak 43.6% atau 164 sekolah yang dikategorikan dalam Band 6 dan Band 7, iaitu dua band terendah mengikut standard sekolah Kementerian. Pada masa yang sama, terdapat peningkatan 27.1% sekolah dalam Band 1 dan Band 2. Bilangan tersebut melepas sasaran masing-masing yang ditetapkan pada 20% dan 8%.

2009 – 2011 TREND BAND SEKOLAH 2009-2011

Sasaran dan pencapaian 2012

43.63% Penurunan 20% dalam Band 6 & 7

27.14% Peningkatan 8% dalam Band 1& 2



KEBERHASILAN 6

Merapatkan jurang dalam pendidikan khas

Penemuan awal dalam PPPM mendedahkan wujudnya jurang yang luas dalam penyampaian pendidikan khas di Malaysia. Oleh itu, sebuah makmal pendidikan khas telah diadakan pada tahun 2012 untuk mengenal pasti dan mencari penyelesaian bagi isu tersebut. Makmal tersebut turut disertai oleh pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta, termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Inisiatif yang dikenal pasti dalam makmal tersebut adalah berdasarkan empat aliran kerja utama:

- ▶ penilaian dan intervensi awal
- ▶ meningkatkan kesedaran dan jaringan
- ▶ perkongsian awam-swasta di sekolah pendidikan khas
- ▶ latihan dan pensijilan guru

Setelah hasil makmal tersebut dirujuk dan diselaraskan dengan pihak yang berkepentingan, termasuk Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran, ia dimuatkan, dalam sebuah bab dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia khusus untuk pendidikan khas. Pada masa yang sama, NKRA Pendidikan juga telah memulakan latihan bagi 300 guru pemuliharaan untuk memperkuuh kemahiran pedagogi mereka dalam membantu pelajar arus perdana yang mempunyai kelainan pembelajaran. Ini akan menggalakkan integrasi pelajar yang mempunyai kelainan pembelajaran di sekolah arus perdana.



PENUNJUK PRESTASI UTAMA NEGARA (NKPI)

| No. NKPI | Sasaran 2012 | Sebenar 2012 | Catatan | Lampu Isyarat |
|---|-----------------------|--------------|--|---|
| 1 Kadar enrolmen prasekolah | 87% | 80.5% | 768,145 kanak-kanak (umur 4+ dan 5+) mendaftar di prasekolah | |
| 2 Kohort 1 LINUS | 2.1. Kadar literasi | 100% | 99.8% | |
| | 2.2. Kadar numerasi | 100% | 99.9% | |
| 3 Kohort 2 LINUS | 3.1. Kadar literasi | 95% | 96.3% | |
| | 3.2. Kadar numerasi | 95% | 97.8% | |
| 4 Kohort 3 LINUS | 4.1 Kadar literasi | 90% | 82.2% | |
| | 4.2 Kadar numerasi | 90% | 89.8% | |
| 5 Sekolah Berprestasi Tinggi | 100 | 91 | 39 buah sekolah dianugerahkan status SBT pada 2012 | |
| 6 Tawaran Baharu – pengetua yang melepas sasaran | 6.1. Sekolah rendah* | 4% | NA* | NA |
| | 6.2. Sekolah menengah | 3% | 5.5% | 125 pengetua telah dianugerahi Tawaran Baharu |
| 7 Tawaran Baharu – pengetua yang tidak melepas sasaran | 7.1. Sekolah rendah* | 6% | NA* | NA |
| | 7.2. Sekolah menengah | 8% | 5.6% | |
| 8 SIP – penyusutan dalam Band 6 dan Band 7 | 20% | 43.6% | | |
| 9 SIP – peningkatan dalam Band 1 dan Band 2 | 8% | 27.1% | | |

*

Keberhasilan bagi sekolah rendah hanya akan dimaklumkan pada Mac 2013. Oleh itu NKPI tersebut akan dipantau dan direkodkan pada tahun 2013



90% KE ATAS



51% KE 89%

INISIATIF

6.1

- 1 Mempertingkatkan Kadar Enrolmen Prasekolah**
- 2 Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS)**
- 3 Pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)**
- 4 Tawaran Baharu kepada Pengetua**
- 5 Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP)**



1 MEMPERTINGKATKAN KADAR ENROLMEN PRASEKOLAH

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan komponen yang penting dalam perkembangan awal pelajar, dan dapat memberikan kelebihan kepada mereka apabila mereka memasuki sekolah rendah. Impak pendidikan prasekolah telah banyak didokumentasikan dan dilaporkan dalam penerbitan yang lain¹ akan tetapi kesimpulan umum laporan tersebut sepatutnya menyatakan bahawa Malaysia perlu meningkatkan kadar enrolmen prasekolahnya.

Pada permulaan program GTP, tinjauan nasional menunjukkan hanya 67% kanak-kanak berumur empat hingga lima tahun berdaftar di prasekolah. Sejak itu, bilangan tersebut telah meningkat kepada 80.5% pada tahun 2012. Hasil peningkatan enrolmen ini akan kini menjadi lebih jelas memandangkan kanak-kanak prasekolah tersebut telah memasuki sistem pendidikan sekolah rendah. NKRA Pendidikan juga memberi tindakan khusus

sepertimeningkatkan bilangan kelas prasekolah kelolaan agensi kerajaan di seluruh negara, terutamanya di kawasan pedalaman. Menerusi inisiatif ini, sebanyak 1,493 buah prasekolah awam telah disediakan pada tahun 2012, menyumbang kepada peningkatan jumlah prasekolah yang disediakan sepanjang GTP 1.0 kepada sebanyak 4,271 buah prasekolah.

Selain itu terdapat juga kerjasama yang lebih erat dengan sektor swasta dalam penyediaan prasekolah. Tahun 2012 telah menyaksikan pembukaan 561 prasekolah di bawah program tersebut, menjadikan jumlah keseluruhan GTP 1.0 kepada 2,370.

Bagi menggalakkan pembangunan prasekolah swasta, kerajaan telah menyediakan geran bernilai RM1,000 untuk membantu penubuhan pusat-pusat kecil hingga sederhana, terutamanya di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Sebanyak 356 pengendali swasta telah menerima geran berkenaan pada tahun 2012.

Akhir sekali, Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah tambahan untuk menyokong enrolmen seperti bantuan yuran kepada golongan berpendapatan rendah untuk membantu mengurangkan kos pendidikan awal kanak-kanak. Inisiatif ini akan diteruskan dan diperkuuh dalam GTP 2.0.

¹

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Pelan Hala Tuju GTP halaman 153-155.

**80.5% KADAR ENROLMEN PRASEKOLAH & 2,054
KELAS BAHARU DILANCARKAN**

1,493

1,493 kelas prasekolah baharu dibina oleh negeri pada 2012



561

561 prasekolah baharu dibina oleh pengendali swasta

Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah tambahan untuk menyokong enrolmen seperti bantuan yuran kepada golongan berpendapatan rendah untuk membantu mengurangkan kos pendidikan awal kanak-kanak.



**PROGRAM SARINGAN LITERASI
DAN NUMERASI (LINUS)**

Asas literasi dan numerasi merupakan kemahiran asas yang mempersiapkan dan membentuk pelajar untuk pembelajaran sepanjang hayat (life-long learning). Namun, ujian secara formal semata-mata adalah tidak memadai untuk menentukan kemahiran literasi dan numerasi memandangkan keputusan ujian tersebut diperoleh terlalu lewat bagi mengambil sebarang tindakan pemulihan yang akhirnya menyebabkan pelajar tercicir. LINUS diperkenalkan sebagai usaha untuk mengesan kelemahan dalam dua bidang tersebut sejak peringkat awal lagi.

KEPUTUSAN LINUS 2010-2012 (LITERASI)





MALAYSIA BERADA DI RANKING SATU PERTIGA TERCOROT DARIPADA 74 BUAH NEGARA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SEMUA SUBJEK UJIAN PENILAIAN PISA OECD

Bacaan



KEDUDUKAN NEGARA SKOR MIN

Matematik



KEDUDUKAN NEGARA SKOR MIN

Sains



KEDUDUKAN NEGARA SKOR MIN

| | | |
|---------------------|-----------------|-----|
| 1 | Shanghai, China | 556 |
| 2 | Korea | 539 |
| 3 | Finland | 536 |
| 4 | Hong Kong | 533 |
| 5 | Singapore | 526 |
| 42 | Russian Fed. | 459 |
| PURATA ANTARABANGSA | | |
| 43 | Chile | 449 |
| 53 | Thailand | 421 |
| 55 | Malaysia | 414 |
| 62 | Indonesia | 402 |

| | | |
|---------------------|-----------------|-----|
| 1 | Shanghai, China | 600 |
| 2 | Singapore | 562 |
| 3 | Hong Kong | 555 |
| 4 | Korea | 546 |
| 5 | Taiwan | 543 |
| 41 | Croatia | 460 |
| PURATA ANTARABANGSA | | |
| 42 | Israel | 447 |
| 52 | Thailand | 419 |
| 57 | Malaysia | 404 |
| 68 | Indonesia | 371 |

| | | |
|---------------------|-----------------|-----|
| 1 | Shanghai, China | 575 |
| 2 | Finland | 554 |
| 3 | Hong Kong | 549 |
| 4 | Singapore | 542 |
| 5 | Japan | 539 |
| 40 | Greece | 470 |
| PURATA ANTARABANGSA | | |
| 41 | Malta | 461 |
| 51 | Thailand | 425 |
| 52 | Malaysia | 422 |
| 68 | Indonesia | 383 |

Negara serantau

Matlamat utama program saringan LINUS adalah untuk memastikan setiap pelajar di Malaysia, kecuali yang mempunyai masalah pembelajaran, memiliki kemahiran asas numerasi dan literasi Bahasa Malaysia sebelum mereka tamat Tahun Tiga. Program ini menyaring pelajar yang memasuki Tahun Satu untuk memastikan tahap kemahiran mereka. Mereka yang gagal memenuhi standard tersebut akan di tempatkan dalam program pemulihan.

Kejayaan LINUS dalam GTP 1.0 telah menggalakkan pengukuhan dan pengembangannya dalam GTP 2.0 untuk turut merangkumi saringan literasi bahasa Inggeris serta pemantauan yang lebih terhadap perkembangan pelajar semasa mereka melangkah dari Tahun Satu ke Tahun Tiga.


3
**PENGIKTIRAFAN SEKOLAH
BERPRESTASI TINGGI (SBT)**

Matlamat program SBT adalah untuk mengiktiraf dan memberikan insentif kepada sekolah yang telah menunjukkan rekod prestasi cemerlang melalui penganugerahan status SBT. Berdasarkan rekod cemerlang, SBT diberi lebih autonomi untuk mengadaptasi kurikulum dan kaedah pengajaran berdasarkan anggapan bahawa sebagai sekolah berprestasi tinggi, mereka lebih tahu kaedah yang terbaik untuk mencipta kejayaan.

SBT menerima peruntukan istimewa sebanyak RM700,000 dan RM500,000 dalam tempoh dua tahun pertama mereka diiktiraf sebagai sekolah berprestasi tinggi. Selepas itu, mereka akan mendapat peruntukan sebanyak RM 300,000 setiap tahun. Pengetua, guru besar dan guru-guru SBT juga menerima ganjaran apabila sekolah mereka diiktiraf sebagai SBT.

Insentif kewangan tersebut akan berfungsi untuk terus menggalakkan sekolah-sekolah bersaing antara satu sama lain bagi mendapatkan status SBT. NKRA Pendidikan akan mengenal pasti dan mengekalkan bilangan minimum 100 SBT dan sekolah mesti memenuhi kriteria tertentu untuk diiktiraf sebagai SBT. Pada akhir tahun 2012, 91 buah SBT telah dikenal pasti.

39 SBT BAHARU DIKENAL PASTI PADA TAHUN 2012



TAWARAN BAHARU KEPADA PENGETUA

Kepemimpinan sekolah telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor utama yang mempengaruhi prestasi sekolah secara langsung. Sebagai sebahagian daripada inisiatif fasa pertama yang direka untuk mempertingkatkan pencapaian pelajar, NKRA Pendidikan telah menyediakan pakej Tawaran Baharu kepada pengetua dan guru besar berprestasi tinggi.

Program tersebut telah direka khusus bagi menggalakkan pengetua dan guru besar mempertingkatkan prestasi masing-masing dengan menyediakan insentif kewangan dan kerjaya. Ini merupakan langkah pertama dalam transformasi budaya dalam sistem pendidikan negara daripada penilaian berdasarkan tempoh perjawatan kepada berdasarkan prestasi.

Program tersebut meneliti beberapa kriteria sebelum memutuskan untuk menganugerahkan Tawaran Baharu. Kriteria tersebut ialah:

- ▶ Sasaran skor komposit melebihi 84% untuk sekolah rendah dan 88% bagi sekolah menengah dalam ranking sekolah, atau peningkatan tahunan sebanyak 2,050 untuk sekolah rendah atau 300 untuk sekolah menengah, atau bagi sekolah yang mempunyai enrolmen tinggi, peningkatan tahun atas tahun sebanyak 1,250 untuk sekolah rendah atau 300 untuk sekolah menengah.
- ▶ Skor Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang melebihi 90
- ▶ Laporan audit tanpa perteguran daripada Jabatan Pelajaran Negeri
- ▶ Bebas daripada tindakan disiplin
- ▶ Mencapai sasaran literasi dan numerasi sekolah (bagi sekolah rendah)

Program ini juga mengukur sejauh mana pencapaian pengetua berbanding dengan sasaran skor komposit, dan ia merupakan keberhasilan yang boleh diukur bagi KPI inisiatif ini. Program ini akan diperkuuh dalam GTP 2.0 melalui penyusunan semula proses penilaian prestasi serta penyediaan butiran terperinci berkaitan dengan pembangunan laluan kerjaya pengetua.



Program tersebut telah direka khusus bagi menggalakkan pengetua dan guru besar mempertingkatkan prestasi masing-masing dengan menyediakan insentif kewangan dan kerjaya.

PROGRAM PEMBANGUNAN PRESTASI SEKOLAH (SIP)

Program Pembangunan Prestasi Sekolah merupakan sebuah inisiatif bersepadu bertujuan merapatkan jurang antara sekolah berprestasi tertinggi dengan sekolah berprestasi terendah. Program ini akan merapatkan jurang prestasi dengan memfokuskan usaha penambahbaikan terhadap sekolah yang berada dalam dua kategori tercorot Kementerian Pelajaran, iaitu Band 6 dan Band 7, dan dengan menyediakan sokongan untuk membantu sekolah mencapai status Band 1 dan Band 2.

Terdapat ancaman bahawa tahap standard sekolah yang sering turun naik akan menyebabkan pencapaian pelajar berprestasi terbaik dibayangi oleh sekolah berprestasi rendah. Justeru, SIP bertujuan menyetarakan standard semua sekolah. SIP menilai keperluan sekolah Band 6 dan Band 7 melalui proses pemantauan teliti yang mengkaji pelbagai data termasuk keputusan ujian yang dilaporkan dalam Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah.

Bantuan dan sokongan akan diberikan kepada sekolah yang amat memerlukannya. Sokongan lain yang diperlukan juga akan diberikan supaya sekolah berkenaan dapat mencapai kemajuan. Matlamat program ini adalah untuk memastikan tiada sekolah yang berada di Band 6 dan Band 7 menjelang tahun 2015.



MENYAMPAIKAN KEBERHASILAN: PANDANGAN DARIPADA DMO

Salah satu daripada matlamat utama NKRA Pendidikan, dan sememangnya untuk GTP 1.0, adalah untuk menyemai perubahan kukuh dalam cara penjawat awam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Seperti dengan NKRA lain, NKRA Pendidikan juga mengalami sedikit keberatan dengan kakitanganya berkaitan dengan tema perubahan.

“Cabaran yang paling besar berkaitan dengan faktor manusia” kata Dr. Noorliza bt Haji Zakuhan, ketua Penjabat Pengurusan Penyampaian (Delivery Management Office, DMO). “Keperluan untuk perubahan dalam cara pemikiran antara pengurusan atas dan pertengahan yang telah bersifat sambil lewa kerana telah biasa dengan rutin adalah sebuah cabaran yang kita perlu mengatasi.

“Kepercayaan mereka - iaitu mengapa perlu membaikinya cara lama semasa ia masih berfungsi - masih kuat dikalangan mereka dan kami perlu melakukan usaha yang berterusan untuk meyakinkan warga Kementerian Pendidikan bahawa perubahan memang diperlukan. Informasi yang ditapis dan kekurangan pemahaman menyumbang kepada situasi ini.

“Kesemua cabaran tidak dapat ditangani sepenuhnya,” Dr. Noorliza mengaku, “tetapi telah berkurangan dengan masa. Pameran, sesi perbincangan dan dialog prestasi dengan pihak-pihak yang terlibat dapat membantu mereka memahami objektif di bawah NKRA ini.”

Berhubungan dengan ini, dua tahun pertama GTP 1.0 merupakan tahun yang paling mencabar untuk unit DMO kerana berhadapan dengan perkhidmatan awam yang kebal. Berbanding dengan itu, tahun 2012 merupakan tahun yang lebih senang untuk unit Dr. Noorliza.

“Bagi sesetengah, NKRA Pendidikan merupakan satu fasa sahaja - dan bukanya perubahan transformasi yang dicari oleh kami,” beliau kata. “Ramai orang marah dan kebal,

tetapi pada 2012, mereka mula menyedari bahawa terdapat cara lain untuk membuat kerja.”

“Ia adalah penting untuk semua orang, terutamanya rakyat, untuk menyedari bahawa GTP bukan sahaja merupakan kata-kata dari Kerajaan, tetapi mengajar cara paling baik untuk mencapai kerberhasilan dengan masa yang lebih singkat.”

Walaupun terdapat halangan, NKRA Pendidikan dapat melaporkan kejayaan untuk tiga tahun berturut-turut, dengan pencapaian yang gemilang berhubungan dengan inisiatif Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) dan usaha untuk meningkatkan sekolah dari band terakhir.

Dr. Noorliza, yang menjadi guru untuk seketika sebelum menyertai kalangan penggubal dasar, berkata, dalam gaya sebanar seorang guru, bahawa kesenangnya yang terbesar adalah apabila sasaran NKRA mula dicapai, dan orang ramai mula mempercayai program GTP.



“Sekarang, semua warga Kementerian bercakap tentang KPIs dan menentukan sasaran, dan disiplin tindakan ini sedang dicontohi oleh pasukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia,” beliau kata. “Ini merupakan pencapaian, DMO, PEMANDU, dan juga pencapaian peribadi saya.”

MEMANDANG KE HADAPAN MENUJU GTP 2.0

6.2

Kejayaan inisiatif NKRA ini yang dilaksanakan di bawah GTP 1.0 merupakan justifikasi kukuh untuk terus mempertingkatkannya dalam GTP 2.0. Hampir kesemua inisiatif GTP 2.0 mempunyai hubung kait yang jelas dengan inisiatif GTP 1.0. Akan tetapi, terdapat beberapa inisiatif baharu yang akan diperkenalkan untuk memperluas skop kerja NKRA Pendidikan. Dua penekanan baharu dalam GTP 2.0 termasuklah penekanan terhadap penambahbaikan pendidikan bahasa Inggeris dan penambahbaikan profesion keguruan melalui penyediaan peluang kenaikan pangkat dan pembangunan kerjaya.

NKRA PENDIDIKAN AKAN MELAKSANAKAN TUJUH INISIATIF UTAMA DALAM GTP 2.0:

| Inisiatif GTP 2.0 | Keterangan |
|--|--|
| Prasekolah dan Penjagaan Awal Kanak-kanak | Kejayaan inisiatif Prasekolah dalam GTP 1.0 telah membawa kepada pengembangan skop NKRA untuk turut merangkumi penjagaan awal kanak-kanak. Ini akan memastikan kanak-kanak didedahkan kepada suasana pendidikan formal semasa usia formatif mereka. Tambahan pula, penandaarasan antarabangsa untuk Pendidikan Awal Kanak-kanak mencakupi prasekolah dan juga penjagaan awal kanak-kanak. Rangkuman Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak ("Early Childhood Care & Education" - ECCE) akan membolehkan NKRA menanda aras program di Malaysia dengan standard antarabangsa. Pada masa yang sama, kualiti prasekolah dapat diformalkan di bawah aturan penandaarasan baharu. |
| LINUS 2.0 | Program LINUS GTP 1.0 telah menjadi inti pati transformasi NKRA Pendidikan, dan akan terus diperkuuh dalam GTP 2.0 dengan penambahan saringan kemahiran literasi bahasa Inggeris. Proses saringan juga telah ditambah baik untuk memantau pelajar setiap tahun tanpa mengira tahap kemahiran mereka. |
| Sekolah Berprestasi Tinggi | Meskipun GTP 2.0 akan memberikan fokus untuk mengekalkan kualiti SBT sedia ada, namun program juga akan mengenal pasti lebih banyak SBT. Secara khusus, sembilan buah sekolah lagi akan ditambah kepada senarai sedia ada bagi melengkapkan sasaran awal 100 sekolah, dan 10 buah sekolah lagi akan ditambah setiap tahun. |

Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP)

Bagi terus memperkuuh prestasi sekolah, GTP 2.0 akan memperkasakan Pejabat Pelajaran Daerah dengan memberikannya autoriti dan kuasa untuk memberikan sokongan dan bantuan yang sesuai kepada sekolah berprestasi rendah. Matlamat inisiatif ini adalah untuk mewujudkan hab-hab pusat yang mempunyai sumber dan kuasa untuk menyokong dan menambah baik sekolah dalam bidang kuasa masing-masing.

Tawaran Baharu dan Pakej Kerjaya Pengetua Baharu

Selain Tawaran Baharu yang ditawarkan kepada pengetua dan guru besar, inisiatif yang dipertingkatkan ini akan memperkemas proses pelantikan dan seterusnya menjajarkan pelantikan tersebut dengan sistem berdasarkan prestasi. Inisiatif ini juga akan mewujudkan pelan penggantian yang komprehensif demi memastikan setiap sekolah mempunyai pengetua atau guru besar pada setiap masa.

Pakej Kerjaya Guru Baharu

Ini merupakan inisiatif baharu yang berkongsi sejarah kewujudannya dengan Pakej Kerjaya Pengetua. NKRA Pendidikan sedar bahawa guru ialah barisan hadapan dalam sistem pendidikan Malaysia, dan inisiatif ini akan menjajarkan semula pampasan guru daripada yang berdasarkan tempoh perjawatan kepada yang berdasarkan prestasi.

Peningkatan Kemahiran Guru Bahasa Inggeris

Keputusan CPT menunjukkan wujudnya keperluan untuk mempertingkatkan kemahiran dan kompetensi pedagogi guru bahasa Inggeris, dan inisiatif ini bertujuan mempertingkatkan kemahiran mereka agar setaraf dengan standard antarabangsa melalui beberapa program pembangunan yang berfokus dan berkesan.

Saya berasa bahawa perubahan seperti ini mengambil masa. Untuk saya, inisiatif Kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti guru dan standard pendidikan di negara ini adalah bagus. Ia merupakan titik permulaan untuk berlakunya perubahan di negara ini.

Mohd Khairul Azim, 24
Peguam



NKRA Pendidikan sedar bahawa Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah diterbitkan pada 2012. Justeru, terdapat keperluan untuk mengharmonikan inisiatif GTP 2.0 dengan matlamat PPPM. Kedua-dua GTP dan PPPM mempunyai matlamat yang sama, dengan PPPM berperanan memberikan fokus jangka panjang yang lebih jelas kepada hala tuju transformasi pendidikan.

GTP 2.0 meneruskan asas kukuh yang telah diperkasakan oleh GTP 1.0 melalui pengenalan inisiatif baharu yang khusus seperti Pakej Kerjaya Pengetua Baharu, iaitu pengembangan kepada program Tawaran Baharu yang telah dilaksanakan dalam GTP 1.0. Tempoh tiga tahun yang akan datang bakal menyaksikan lebih banyak penekanan diberikan kepada pengukuhan selanjutnya asas yang sedia ada melalui pemfokusan usaha untuk meningkatkan literasi asas bahasa Inggeris.

GTP 2.0 juga akan berusaha menangani keimbangan rakyat berkaitan dengan kurangnya perhatian diberikan dalam memperkasakan pendidikan asas, iaitu salah satu agenda penting dalam PPPM.

TIGA ASPIRASI DIKENALPASTI UNTUK SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA

| | AKSES | KUALITI | EKUITI |
|--|--|---|---|
| Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2015) | <p>Enrolmen sejagat merentasi semua peringkat dari prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020</p> <p>Daripada enrolmen yang mendatar pada hari ini kepada tahap enrolmen negara maju</p> <p>99% Rendah 90% Menengah Rendah 85% Menengah Atas</p> | <p>Negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti PISA, TIMSS dalam tempoh 15 tahun (daripada kelompok sepertiga terbawah pada hari ini)</p> <p>Malaysia sebagai salah sebuah sistem pendidikan yang paling cepat berkembang di dunia dalam tempoh 15 tahun</p> | <p>Pengurangan 50% dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar,sosio-ekonomi, gender) menjelang tahun 2020</p> <p>Malaysia sebagai salah sebuah sistem persekolahan yang lebih saksama di dunia</p> |
| GTP 2.0 2013 – 2015 | <p>92% Prasekolah</p> | <p>Berada pada tahap purata antarabangsa dalam pentaksiran antarabangsa seperti PISA, TIMSS</p> | <p>Penurunan 25% dalam jurang pencapaian bandar-luar bandar di seluruh Malaysia</p> |



PENGHARMONIAN DENGAN LAPORAN AWAL PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013 – 2025 (PPPM)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) merupakan hasrat kerajaan untuk mewujudkan sistem pendidikan di Malaysia yang setaraf dengan sistem pendidikan terbaik di dunia menjelang tahun 2025. PPPM ini dihasilkan melalui kajian dan penilaian semula yang menyeluruh dan teliti terhadap sistem pendidikan sedia ada. Penilaian yang telah diadakan pada Oktober 2011 itu menggunakan pelbagai sumber yang turut merangkumi guru, ibu bapa dan organisasi antarabangsa termasuklah UNESCO dan Bank Dunia.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) merupakan hasrat kerajaan untuk mewujudkan sistem pendidikan di Malaysia yang setaraf dengan sistem pendidikan terbaik di dunia menjelang tahun 2025.

Hasil kajian tersebut, 11 anjakan telah dikenal pasti seperti yang dinyatakan dalam PPPM yang berusaha ke arah mencapai cita-cita pendidikan negara:

- 1 Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa*
- 2 Memastikan setiap murid cekap dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris*
- 3 Melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai
- 4 Transformasi keguruan sebagai profesi pilihan*
- 5 Memastikan kepemimpinan berprestasi tinggi di tempatkan di setiap sekolah*
- 6 Mengupayakan pejabat pelajaran dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan tempatan*
- 7 Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.
- 8 Mentransformasikan kebolehupayaan dan kapasiti penyampaian Kementerian Pelajaran
- 9 Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas
- 10 Memaksimumkan keberhasilan pelajar bagi setiap ringgit yang dibelanjakan
- 11 Meningkatkan ketelusan akauntabiliti awam secara langsung

* menandakan bidang yang sedang diusahakan oleh inisiatif NKRA Pendidikan²



Terdapat persamaan antara matlamat PPPM dengan inisiatif NKRA Pendidikan GTP memandangkan NKRA Pendidikan merupakan subset kepada inisiatif khusus dalam kerangka keseluruhan PPPM. Inisiatif di bawah GTP 1.0 telah pun bergerak menuju lima anjakan dasar seperti yang dinyatakan di atas. Inisiatif GTP 2.0 akan meneruskan asas yang telah dibina, dan akan membantu pembangunan keseluruhan sektor pendidikan menuju wawasan yang diwujudkan oleh PPPM.

Bagi penyelarasan yang lebih baik dalam penyampaian anjakan tersebut, sebuah unit baru akan ditubuhkan di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran bagi memantau keberhasilan semua inisiatif yang disasarkan untuk sektor pendidikan.

²

Untuk maklumat lanjut mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, sila rujuk dokumen berkenaan, yang telah diterbitkan oleh Kementerian Pelajar di laman sesawangnya: <http://www.myedureview.com>.

IKTIBAR PENTING DARIPADA GTP 1.0

6.3

Pelaksanaan inisiatif GTP 1.0 telah memberikan beberapa iktibar yang sangat berguna dalam pelaksanaan GTP 2.0, termasuklah perlunya pemantauan yang berterusan terhadap pelaksanaan inisiatif tersebut dan anjakan asas berdasarkan situasi.

Proses pemantauan ini telah pun menghasilkan perubahan kepada penyampaian inisiatif 2012, seperti keperluan terhadap saringan LINUS yang kerap untuk semua pelajar dan pewujudan kategori yang berbeza untuk anugerah Tawaran Baharu. Perubahan terhadap inisiatif ini membantu dalam memberikan gambaran yang lebih tepat tentang standard pendidikan yang sedia ada di Malaysia, yang seterusnya membantu dalam mereka bentuk inisiatif pada masa hadapan untuk menangani isu-isu dengan lebih berkesan.







Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



TIADA RAKYAT
DIBIARKAN
KETINGGALAN

SEPATAH KATA



DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK

Perdana Menteri Malaysia

Sejak empat dekad yang lalu, kita telah mengecapi kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Dasar-dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah menghasilkan ekonomi yang lebih seimbang dan liputan penyediaan perkhidmatan yang lebih meluas di seluruh negara. Pada masa yang sama, kadar kemiskinan di Malaysia juga telah menyusut daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada masa kini. Walau apa pun juga ukurannya, ianya boleh dianggap berjaya dalam tempoh tiga tahun yang lalu.

Bidang Keberhasilan Utama Negara dalam Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) telah diwujudkan untuk membasmi kemiskinan tegar secara serius, seterusnya, mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan taraf ekonomi isi rumah berpendapatan rendah. Inisiatif utama di bawah NKRA ini dilaksanakan serentak dengan matlamat Rancangan Malaysia Kesepuluh dalam meningkatkan mutu kehidupan 40% golongan isi rumah terendah.

Untuk merealisasikan NKRA LIH, kita hendaklah menggunakan bantuan yang disediakan dengan cara yang berbeza. Kita perlu menangani punca kemiskinan, bukan hanya membelanjakan wang untuk merawat gejala tersebut.

Sejak pengenalan NKRA LIH pada tahun 2010, kita telah mencuba memastikan bahawa setiap isi rumah miskin yang berdaftar dengan Kerajaan mendapat peluang untuk memperkasakan diri mereka melalui program yang sesuai. Kita telah memperkenalkan program 1AZAM, yang menyediakan peluang pekerjaan bagi mereka yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar. Pada masa yang sama, kita telah memperkenalkan Program Bantuan Rumah juga untuk menyediakan perumahan bagi golongan miskin dan miskin tegar di kawasan bandar yang antara lain bertujuan membasmikan kemiskinan bandar sebelum tahun 2013.

Kita telah meraih beberapa kejayaan yang membanggakan di dalam tempoh tiga tahun yang pertama. Di bawah GTP 1.0, kita memudahkan penyertaan 106,967 isi rumah miskin dalam program 1AZAM, melebihi sasaran 97,393 isi rumah. Kita telah membasmikan hampir keseluruhan kemiskinan di Malaysia serta membantu kumpulan yang mudah terjejas dalam mempertingkatkan keupayaan mereka untuk memperoleh kewangan yang lebih kukuh lagi.

Pembasmian kemiskinan merupakan sesuatu yang perlu dilaksanakan, tetapi kita perlu mengekalkan momentum yang telah kita capai serta menjangkau golongan yang masih belum dapat kita bantu. Di negara kita, perbezaan antara golongan yang berkemampuan dan yang kurang bernasib baik masih kekal ketara.

Bagi memastikan kejayaan ini berterusan, kita akan menumpukan perhatian terhadap

pengupayaan ekonomi individu dan masyarakat melalui kebajikan yang produktif dalam tempoh tiga tahun yang akan datang. Ini dapat dilakukan melalui usaha mewujudkan kemudahan asas dan persekitaran yang sesuai untuk peserta, supaya pendapatan mereka dapat ditingkatkan lagi.


Salah satu bidang tumpuan utama ialah untuk menjana guna tenaga yang produktif dalam kalangan peserta 1AZAM melalui usaha memperkasakan mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Program 1AZAM ini juga meletakkan matlamat yang lebih terperinci dan menghususkan negeri dengan menyasarkan daerah yang kurang diberikan perhatian (*under-served districts*) serta memberikan tumpuan yang lebih kepada kawasan bandar. GTP 2.0 akan menyaksikan penglibatan yang lebih giat lagi oleh badan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat dan syarikat swasta dalam memastikan keberhasilan yang lebih meluas.

Berdasarkan pengalaman, kita sedar bahawa dasar yang berkesan, yang dirumuskan daripada formula yang berkesan pada masa lalu, dapat mencetuskan perubahan. Untuk merealisasikan NKRA LIH, kita hendaklah menyalurkan bantuan yang disediakan dengan cara yang berbeza. Kita perlu menangani punca kemiskinan, bukan hanya membelanjakan wang untuk merawat gejala tersebut. Hanya apabila rakyat mampu hidup berdikari barulah mereka dapat mengurus kehidupan mereka sendiri dan seterusnya membina masa depan yang bebas daripada belenggu kemiskinan.

NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

TINJAUAN KESELURUHAN

GTP merupakan sebuah program perubahan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama atau latar belakang. GTP tidak boleh dianggap sebagai satu kejayaan jika ia mengabaikan usaha untuk menangani kebimbangan rakyat kurang berasib baik yang terperangkap dalam arus kemiskinan. Justeru, teras bersepadu yang digariskan dalam GTP dapat menangani isi rumah berpendapatan rendah dengan menyediakan sumber dan kemahiran yang diperlukan mereka untuk membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.



Di bawah GTP 1.0, NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah (NKRA LIH) telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mencapai dua matlamat utama: memberikan bantuan segera kepada rakyat yang sangat memerlukan dan memperkasakan golongan miskin dan miskin tegar untuk berdikari dari sudut kewangan.

Dengan terlaksananya dua matlamat di atas, secara tidak langsung NKRA LIH mencapai dua kejayaan serentak: membantu negara dalam meningkatkan purata Pendapatan Kasar Negara (PKN), atau Gross National Income (GNI) dan seterusnya membantu golongan yang kurang berasib baik di negara ini bebas daripada kepompong kemiskinan.

Walau apa pun juga ukurannya, NKRA LIH berjaya meraih pencapaian yang ketara dalam tempoh tiga tahun pertama GTP. Antaranya, NKRA LIH telah berjaya mengeluarkan hampir kesemua 44,643 keluarga yang dikategorikan di bawah band kemiskinan tegar. Pada tahun 2012, NKRA LIH juga memfokuskan isu-isu penting dalam memantau keberhasilan dan memastikan bahawa pangkalan data eKasih dikemas kini. Hal ini akan membantu memastikan ketepatan pangkalan data tersebut.



Sebagai contoh, NKRA berjaya mengeluarkan hampir kesemua 44,643 keluarga yang dikategorikan di bawah band kemiskinan tegar.

Pada masa yang sama, untuk memastikan kemampanan program NKRA pada tahun 2012, KPI baru diperkenalkan untuk memastikan peserta 1AZAM yang menerima geran pada tahun 2011 melonjakkan aras pendapatan mereka melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI). NKRA juga mengumumkan bahawa seramai 15,047 peserta 1AZAM, atau 114% sasaran KPI daripada 13,327 peserta telah berjaya berbuat demikian.

NKRA ini juga menempuh cabaran dalam tempoh pelaksanaan tiga tahun terakhir, yang memberikan panduan terhadap hala tuju keseluruhan program ini untuk tempoh tiga tahun yang akan datang. Sebagai contoh, pasukan ini mengenal pasti terdapatnya keperluan untuk menangani kemiskinan pada tahap yang menyeluruh mencakupi persekitaran rumah dan tempat kerja, berbanding dengan hanya memperkenalkan langkah-langkah sementara yang perlu dikaji semula secara berkala. Penemuan ini telah digunakan untuk menambah baik program 1AZAM yang dilaksanakan dalam GTP 1.0 dan dalam melangkah ke hadapan menuju GTP 2.0.

Jadual di bawah menunjukkan beberapa pencapaian dan iktibar yang diperolehi dalam melaksanakan inisiatif menerusi GTP 1.0:

APA YANG BERJALAN DENGAN LANCAR & TIDAK LANCAR

APA YANG BERJALAN DENGAN LANCAR

- ▶ Kami telah mencapai 106,967 peserta 1AZAM dalam tempoh 2 tahun berbanding dengan sasaran asal sebanyak 97,393. Menjelang akhir tahun 2012, peserta dijangka mencecah lebih 102,000.
- ▶ Daripada jumlah ini, 21,061 (20%) menerima pembiayaan mikro melalui AIM dan YUM.
- ▶ Dalam tempoh 3 tahun lepas, 109,050 atau 89% peserta eKasih telah dinaik taraf kepada status "terkeluar" hasil daripada pendapatan mereka yang meningkat.
- ▶ Menjelang akhir 2012, kami telah mencapai sasaran 4,300 usahawan wanita, iaitu 107% pencapaian berbanding dengan sasaran asal sebanyak 4,000 dalam tempoh 3 tahun.

APA YANG TIDAK LANCAR

- ▶ Masih terdapat banyak peserta eKasih yang tinggal di kawasan pedalaman, iaitu daerah dengan kadar kemiskinan yang tinggi dan mendaftar dalam eKasih beberapa tahun yang lalu tetapi bantuan belum lagi diberikan kepada mereka.
- ▶ Pemilihan calon 1AZAM haruslah lebih ketat kerana terdapat lebih 11% (kira-kira 979) tidak menunjukkan peningkatan dalam pendapatan atau tidak menggunakan kemudahan yang disediakan.
- ▶ Semakan semula terhadap sasaran bagi Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB daripada 10,000 kepada 1,500 kerana isu-isu pembiayaan.



PENCAPAIAN GTP 1.0

Tempoh tiga tahun pertama NKRA LIH menyaksikan pelaksanaan inisiatif yang memberikan penekanan khusus terhadap isu kemiskinan di Malaysia. Pada masa ini, kadar kemiskinan di Malaysia berada pada tahap 3.8% , berbanding 16.5% pada tahun 1989. Sebelum pelaksanaan GTP, Kerajaan mengakui wujudnya kekurangan dari aspek usaha yang bersepadu untuk menangani isu kemiskinan. Justeru, Kerajaan bertindak melancarkan beberapa program.

Salah satu isu utama yang telah dikenal pasti pada peringkat awal ialah kekurangan pangkalan data pusat untuk memantau isi rumah berpendapatan rendah di negara ini. Hal demikian terbukti menjadi penghalang dalam usaha membasmi kemiskinan yang terdahulu. Salah satu pelaksanaan pertama NKRA LIH ialah penubuhan pusat pangkalan data eKasih, yang direka khas untuk memberikan gambaran yang sebenar terhadap kemiskinan di Malaysia yang lebih tepat.

Dari segi penyampaian, NKRA LIH telah memperkenalkan program 1AZAM yang bersifat pelbagai. Program ini dijadikan sebagai penyelaras bagi usaha memperbaik kehidupan rakyat miskin dan miskin tegar melalui program yang bersifat pelbagai. Program ini memfokuskan kepelbagaiian sektor termasuk pertanian, perniagaan dan perusahaan kecil serta penempatan pekerjaan. Walaupun NKRA LIH menyediakan bantuan tunai kepada penerima dalam kes-kes kemiskinan



yang tegar, tetapi perlu diambil perhatian bahawa pengagihan dana bukanlah fokus utama pasukan ini. Sebaliknya, inisiatif difokuskan untuk memperkasakan golongan miskin dan miskin tegar supaya kehidupan mereka dipertingkatkan melalui pembangunan kemahiran dan penyertaan dalam program 1AZAM. Kaedah pemerkasaan golongan miskin dan miskin tegar ini telah dapat mewujudkan model yang mampan, bukan sahaja untuk penerima, tetapi untuk NKRA LIH keseluruhannya.

Oleh itu, bagi menggalakkan pemilikan dan akauntabiliti yang lebih ampuh oleh setiap penerima bantuan, pantauan secara berkala dilakukan oleh agensi pelaksana sejurus selepas peserta menamatkan latihan dan menjalankan program 1AZAM. Ini dapat memastikan bahawa mereka mempraktikkan kemahiran yang dipelajari dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.



Kaedah pemerkasaan golongan miskin dan miskin tegar ini telah dapat mewujudkan model yang mampan, bukan sahaja untuk penerima, tetapi untuk NKRA LIH keseluruhannya.

| Pencapaian Keseluruhan Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan 1.0 Penunjuk Prestasi | | Sasaran 2010 – 2012 | 2010 – 2012 Dicapai | % Dicapai |
|--|---|------------------------|------------------------|-----------|
| 1 | Penyertaan program 1AZAM | 97,393 | 106,967* | 110% |
| 2 | Melatih dan membangunkan usahawan wanita | 4,000 | 4,300 | 108% |
| 3 | Perumahan - Menawarkan rumah kos rendah di bawah DBKL untuk dijual kepada penyewa semasa | 44,416 | 35,095 | 79% |
| 4 | Perumahan - Membaik pulih rumah terbengkalai dan membina rumah mesra rakyat | 4,965 | 4,865 | 98% |
| 5 | Perumahan – Rumah Mesra Rakyat | 1,500 | 2,010 | 134% |
| 6 | Peserta 1AZAM yang sedia ada melonjakkan pendapatan per kapita mereka melepas Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) | 13,237 | 15,047 | 114% |
| 7 | Peserta 1AZAM yang sedia ada di bawah KPWK melonjakkan pendapatan bulanan mereka sebanyak RM 200 | 7,480 | 7,936 | 106% |
| 8 | Mengesah dan mendaftarkan semua eKasih secara pendaftaran terbuka- kes tertinggal dan baharu | 100% | 96% | 96% |
| 9 | 100% Pengemaskinian Data Bulanan dalam sistem eKasih | 100% | 100% | 100% |
| 10 | Menghasilkan laporan usahawan wanita setengah tahun (untuk mengenal pasti penjanaan pendapatan) | 2 | 2 | 100% |

* Kira-kira 20% adalah kemudahan kredit mikro yang dibiayai oleh AIM dan YUM

Melebihi 90%
Pencapaian 90% dan lebih

51% ke 89%
Pencapaian dari 51% ke 89%

Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan inisiatif ini, cabaran yang paling sukar adalah untuk mendapatkan penyertaan daripada isi rumah berpendapatan rendah bagi menyertai program 1AZAM NKRA LIH percaya bahawa keengganahan mereka untuk menyertai program ini adalah kerana reka bentuk program itu sendiri yang memerlukan usaha pada pihak peserta, iaitu suatu pendekatan yang berbeza daripada program bantuan yang terdahulu.

Namun demikian, NKRA LIH telah mencapai beberapa hasil yang positif dalam GTP 1.0:

KEBERHASILAN 1

Membolehkan isi rumah berpendapatan rendah beralih kepada kategori pendapatan yang lebih tinggi

Satu pencapaian utama NKRA LIH dalam tempoh tiga tahun yang lepas adalah kejayaan membebaskan sejumlah besar bilangan isi rumah daripada kategori miskin dan miskin tegar kepada kategori pendapatan yang lebih tinggi. Sebanyak 44,535 isi rumah atau 99.9% daripada kategori isi rumah miskin tegar berjaya keluar daripada kategori ini sementara bilangan isi rumah dalam kategori miskin telah dikurangkan sebanyak 15,868.

Sebahagian besar kejayaan program ini didorong oleh pelaksanaan dalam program 1AZAM dan disokong oleh pangkalan data eKasih, yang memantau pembangunan dan peralihan kategori kemiskinan.

Rajah di bawah menunjukkan bilangan peserta yang dikelaskan dalam pelbagai kumpulan miskin dan miskin tegar yang telah beralih atau ‘terkeluar’ daripada kategori tersebut. Majoriti, atau 89% peserta yang dikategorikan sebagai ‘terkeluar’ didorong oleh peningkatan dalam tahap pendapatan mereka, seterusnya mencapai matlamat teras NKRA LIH yang utama.

Dalam tempoh tiga tahun lepas, sejumlah 109,050 peserta telah dinaik taraf kepada status ‘terkeluar’ daripada senarai kerana didorong oleh peningkatan dalam tahap pendapatan.



Sumber: Pangkalan data eKasih

KEBERHASILAN 2

Menyediakan latihan keusahawanan dan kemahiran

Latihan keusahawanan dan kemahiran merupakan elemen utama untuk memperoleh pengupayaan ekonomi dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Dalam usaha untuk membina kemahiran keusahawanan dalam kalangan kumpulan yang mudah terjejas dari segi kewangan, khususnya wanita, NKRA LIH telah melatih 4,300 usahawan wanita, melebihi sasaran awal yang ditetapkan iaitu 4,000 orang untuk GTP 1.0. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, keupayaan untuk mengurus serta meningkatkan ekonomi mereka sendiri merupakan asas penting dalam inisiatif NKRA LIH dan merupakan strategi utama yang digunakan untuk mengerakkan golongan miskin keluar dari kepompong kemiskinan.

KEBERHASILAN 3

Meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin

Peningkatan dalam aspek pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin merupakan keutamaan yang penting bagi NKRA LIH. Penyewaan menampilkan beberapa risiko kepada golongan yang mudah terjejas dari sudut kewangan selain menyebabkan aliran keluar wang yang banyak daripada pendapatan bulanan mereka. Risiko yang ditempuh termasuk risiko pengusiran jika tidak mampu membayar sewa dan kekurangan jaminan sekiranya tuan rumah memutuskan untuk menjual rumah tersebut atau keberatan memperbaharui pajakan. Pihak DBKL telah menawarkan sejumlah 35,000 unit rumah untuk dijual kepada penyewa asal, serta pihak SPNB telah berjaya memulihkan rumah yang terbengkalai yang berjumlah 4,865 unit.





TINJAUAN KESELURUHAN TAHUN 2012

GTP 1.0 pada tahun lepas telah membawa hasil apabila kini kita dapat menyaksikan penurunan dalam jumlah kemiskinan sejak program 1AZAM dilaksanakan pada dua tahun pertama mula membawa hasil. Walau bagaimanapun, sebahagian kecil kemiskinan masih wujud terutamanya di timur Malaysia, yang terus menjadi cabaran dalam menjangkau golongan ini yang sangat memerlukan bantuan.

Program Akhiri Zaman Miskin (1AZAM) merupakan program yang bertanggungjawab secara langsung dalam menyampaikan inisiatif-inisiatif ini. 1AZAM menangani pelbagai tahap golongan berpendapatan rendah melalui beberapa subprogram. Ini termasuk program kerja, bantuan pertanian, perkhidmatan dan perniagaan. Program-program ini telah diteruskan pada tahun 2012 dan terus menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan.

Berikut merupakan beberapa pencapaian khusus pada tahun 2012:

43,820 peserta 1AZAM berdaftar dalam eKasih

Salah satu cabaran utama dalam menyampaikan program kepada kumpulan sasaran adalah untuk memastikan penyertaan Justeru, NKRA LIH telah menetapkan KPI untuk mendaftarkan sejumlah 39,600 isi rumah miskin dalam pangkalan data eKasih. Sehingga akhir bulan Disember 2012, sebilangan 43,820 isi rumah telah berjaya didaftarkan.


SASARAN: MEMASTIKAN 39,600 ISI RUMAH MISKIN BAHRU DIDAFTARKAN DALAM EKASIH DAN MENYERTAI PROGRAM 1AZAM SEBELUM 31 DISEMBER 2012



Memastikan bahawa 13,237 peserta 1AZAM yang sedia ada melonjakkan pendapatan per kapita mereka melebihi PGK

Dalam memastikan program NKRA LIH berhasil, pasukan ini memperkenalkan KPI baharu untuk mengukur bilangan peserta yang berjaya meningkatkan PGK mereka. Pada tahun 2012, seramai 15,047 peserta berjaya meningkatkan pendapatan mereka, iaitu 114% daripada sasaran 2012.

SASARAN: MEMASTIKAN 13,237 PESERTA 1AZAM YANG SEDIA ADA MELONJAKKAN PENDAPATAN PER KAPITA MEREKA MELEBIHI PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN MISKIN (PGK)



Membangun dan melatih 1,000 usahawan wanita

Dengan member fokus kepada golongan wanita, yang merupakan individu utama dalam hampir setiap isi rumah, NKRA LIH telah melatih seramai 1,200 usahawan wanita berbanding dengan 1,000 yang disasarkan bagi tahun 2012. Seterusnya NKRA LIH berhasrat untuk ini akan meluaskan fokusnya kepada kumpulan yang mudah terjejas dari segi kewangan yang lain pada tahun 2013.

SASARAN: MEMBANGUNKAN 1,000 USAHAWAN WANITA SEBELUM 31 DISEMBER 2012





Meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin

Pemilikan rumah memberikan kestabilan dan keselamatan kepada kumpulan kewangan yang lemah, dan ia merupakan aktiviti penting NKRA LIH. Pada tahun 2012, program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) telah membina 2,010 unit untuk isi rumah miskin berbanding 1,500 unit yang disasarkan.

SASARAN: MENINGKATKAN PEMILIKAN RUMAH DALAM KALANGAN ISI RUMAH MISKIN DENGAN MEMBANGUNKAN 1,500 RUMAH MESRA RAKYAT (RMR) DI BAWAH SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD (SPNB) SEBELUM 31 DISEMBER 2012



NKPI

Memandangkan penyertaan dan kemampuan merupakan fokus utama dalam GTP 1.0, keberhasilan yang disampaikan tertumpu pada bilangan yang telah dilaporkan dalam jadual NKPI seperti di bawah. Walau bagaimanapun, kisah kejayaan peserta, seperti yang ditunjukkan di bawah, merupakan gambaran yang lebih kukuh terhadap impak NKRA dalam isu pembasmian kemiskinan.

| NKPI | SASARAN KUMULATIF-DISEMBER | PENCAPAIAN KUMULATIF-OCTOBER | STATUS |
|--|---|--|---|
| Sub NKRA #1 – Untuk memastikan 39,600 isi rumah miskin baharu mendaftar dalam eKasih menyertai program 1AZAM menjelang 31 Disember 2012 | 39,600 peserta | 43,820 peserta |  |
| Sub NKRA #2 – Untuk memastikan 13,237 peserta 1AZAM yang sedia ada meningkatkan pendapatan per kapita mereka melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) | 13,237 peserta | 15,047 peserta |  |
| Sub NKRA #3 – Untuk memastikan peserta 1AZAM yang sedia ada di bawah KPWKM, meningkatkan pendapatan bulanan mereka sebanyak RM200 | 7,480 peserta | 7,936 peserta |  |
| Sub NKRA #4 – Untuk memastikan 100% data penerima yang daidaftarkan di bawah program 1AZAM dikemas kini setiap bulanan dalam sistem eKasih | 100% | 100% |  |
| Sub NKRA #5 – Untuk melatih dan membangunkan 1,000 orang usahawan wanita menjelang 31 Disember 2012 | 1,000 usahawan | 1,200 usahawan |  |
| Untuk menghasilkan laporan mengenai usahawan wanita (berdasarkan kaji selidik untuk mengenal pasti perkembangan dalam penjanaan pendapatan) | 2 | 2 |  |
| Sub NKRA #6 - Untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin dengan membina 1,500 Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah kendalian Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menjelang 31 Disember 2012 | 1,500 unit | 2,010 unit |  |
| STATUS KESELURUHAN LIH |  90% & KE ATAS |  51% KE 89% |  BAWAH 50% |

KISAH KEJAYAAN

Hamzah Khushi Mohamad, penanam padi, Bukit Rambai Melaka



Sebelum menyertai AZAM Tani, saya hanya memperoleh RM200 sebulan daripada 1.4 hektar bidang padi yang saya sewa. Hasil padi ketika itu hanyalah 2.5 tan metrik setahun kerana tiada kemudahan sistem pengairan dan pam air yang betul untuk mengairi tanaman. Justeru, saya mendaftarkan diri dalam eKasih pada tahun 2011 dan tidak lama kemudian saya dikunjungi oleh Jabatan Perikanan (DOF) dan MARDI. Selepas beberapa perbincangan, DOF membekalkan saya mesin pam air dan pam racun perosak untuk memastikan adanya pengairan yang konsisten dan kawalan perosak yang lebih baik. Selain itu, MARDI turut memberi nasihat tentang bagaimana untuk memastikan hasil yang ditanam lebih berkualiti. Saya amat bersyukur kerana sekarang saya boleh menanam padi sebanyak tiga musim setahun berbanding dengan hanya satu musim sebelumnya sekali gus melonjakkan hasil saya kepada 8 tan metrik setiap musim. Saya kini memperoleh RM12,000-RM18,000 setiap musim berbanding dengan hanya RM2,000 sebelum ini, lantas membolehkan saya menyewa 2.8 hektar sawah padi lagi dan melabur dalam peralatan yang lebih moden.

KISAH KEJAYAAN

1AZAM Sabah Aktiviti berdasarkan pertanian, perniagaan kecil dan penempatan kerja



Sebelum
RMO
(suri rumah)

Nama
Jukinah Bte Antologi
Projek
Bakeri

Selepas
RM1,500
/ sebulan



Nama
Felicia Padan @ Edward
Projek / Kerja
Fotografi

Selepas
RMO
(tidak bekerja)

Sebelum
RMO
(tidak bekerja)

KISAH KEJAYAAN

1AZAM Sarawak Aktiviti berdasarkan pertanian, perniagaan kecil dan penempatan kerja



Sebelum
RM520
/ sebulan

Nama
Abg Jamil Amba
Abg Bahrum
Projek
Nelayan

Selepas
RM2,485
/ sebulan



Nama
Martha Lihan
Projek
Jahitan

Selepas
RM850-2,799
/ sebulan

Sebelum
RM450-500
/ sebulan

INISIATIF

7.1

Tempoh 12 bulan yang lalu merupakan tahun terakhir bagi fasa pertama GTP. Sama seperti NKRA yang lain, NKRA LIH mula membahaskan hasil daripada perancangan asas yang diusahakan dalam tempoh dua tahun yang pertama. Dari segi pelaksanaan, NKRA LIH terus melaksanakan program utama mereka seperti program 1AZAM yang menjadi fokus kepada sebahagian besar inisiatif di bawah NKRA LIH ini.

KESINAMBUNGAN DARIPADA PROGRAM 1AZAM

Program 1AZAM atau Akhiri Zaman Miskin bertujuan mengimbangi pemberian bantuan secara langsung dan usaha menyediakan peluang ekonomi kepada mereka supaya mereka mampu berdikari dari segi kewangan. Pada tahun 2011, NKRA ini menggantikan pengagihan bantuan wang tunai dengan program aktiviti ekonomi 1AZAM untuk membantu golongan miskin dan miskin tegar menjana pendapatan yang lebih baik dan membebaskan diri mereka daripada kepompong kemiskinan.

Program 1AZAM telah dilaksanakan di seluruh negara secara berperingkat, dimulai dengan program perintis diadakan di Iskandar Malaysia yang terletak di hujung selatan negara pada tahun 2010.

Program ini menyediakan bantuan dalam empat bidang penting dan subprogram yang sepadan:

▶ **Penempatan pekerjaan (AZAM Kerja)**

Program ini memberikan tumpuan dalam menempatkan pekerja yang produktif walaupun mereka mempunyai sedikit atau tiada pengalaman kerja.

▶ **Mewujudkan perusahaan perniagaan kecil-kecilan (AZAM Niaga)**

Program ini membantu menubuhkan perniagaan kecil melalui penyediaan latihan dan pembiayaan kredit mikro.

▶ **Mewujudkan penyedia perkhidmatan kecil-kecilan (AZAM Khidmat)**

Program ini membantu mewujudkan pekerjaan melalui penyediaan perkhidmatan kecil-kecilan misalnya terapi spa dan ref eksologi.

▶ **Pertanian (AZAM Tani)**

Program ini mewujudkan peluang melalui peruntukan aktiviti pertanian seperti memudahkan skim pertanian kerjasama, menggalakkan pulangan cepat hasil tanaman cepat dan perladangan ternakan.

Sementara itu, dalam usaha untuk mejadikan program ini lebih mampan, NKRA telah memperkenalkan satu lagi KPI pada tahun 2012, iaitu bagi memastikan peserta 1AZAM yang menerima geran pada tahun 2011 memperoleh pendapatan melebihi PGK dan peserta di bawah program KPWKM telah meningkatkan pendapatan mereka sebanyak RM200. Agensi pelaksana akan memantau dan mengemas kini perkembangan program 1AZAM ke dalam pangkalan data eKasih.

KISAH KEJAYAAN

1AZAM: Membina Masa Hadapan

Walaupun NKRA LIH fokus terhadap usaha membantu isi rumah berpendapatan rendah, pasukan ini juga mengenal pasti bahawa cara yang terbaik untuk membantu mereka adalah dengan mendidik mereka tentang bagaimana memperkasakan keupayaan kewangan masing-masing. NKRA percaya bahawa ini merupakan satu-satunya cara yang terbaik dalam melangkah ke hadapan, bagi penerima bantuan dan juga kerajaan.

Zakaria Daud merupakan seorang nelayan di Bachok, Kelantan. Walaupun beliau tidak mempunyai masalah dengan penangkapan ikan atau penghasilan produk, beliau hanya membawa pulang pendapatan sekitar RM450 sebulan, yang sememangnya tidak mencukupi untuk membiayai isi rumahnya sebanyak sembilan orang.



Apabila pasukan projek 1AZAM menemui Zakaria, pasukan ini mendapati kebanyakan kos overhead (umum) ditanggung beliau disebabkan oleh penggunaan orang tengah yang akan membeli secara borong daripadanya sebelum menjual secara runcit kepada orang ramai. Tanpa kemudahan untuk membawa produk ke pasaran, Zakaria terpaksa bergantung pada orang tengah yang mengaut bahagian yang besar daripada pendapatannya.

Di bawah program AZAM Tani, pasukan pelaksana penyampai, iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang, telah memberikan Zakaria sebuah motorsikal roda tiga, yang membolehkan beliau memasarkan produknya sendiri. Kesan perubahan kecil ini memberikan perbezaan yang besar, iaitu



meningkatkan pendapatan bulanan beliau beberapa kali ganda kepada RM3,000 sebulan. "Berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada Kerajaan terutamanya LPP kerana memberi saya banyak nasihat dan membantu meningkatkan pendapatan saya melalui projek ini," kata Zakaria yang kini 'terkeluar' daripada kategori golongan berpendapatan rendah.

Shafee Hamzah, yang juga dari Kelantan, berkongsi kisah yang sama. Suatu ketika dahulu, beliau hanyalah seorang yang membuat kerja rencam, kini beliau merupakan seorang usahawan yang berjaya dalam menjalankan perusahaan pemprosesan santan secara kecil-kecilan di kawasan kampungnya. Di bawah program 1AZAM, Shafee menerima bantuan daripada Kerajaan dalam bentuk mesin, peralatan dan bahan-bahan mentah yang berjumlah RM10,000.

Perubahan ini amat ketara berikutnya pendapatannya melonjak daripada RM800 kepada RM4,500 sebulan. "Saya berasa amat bertuah kerana telah dipilih untuk menyertai program Azam Tani dan saya berterima kasih atas bantuan yang telah saya terima," kata Shafee, yang mempunyai 15 orang isi rumah.

Dalam kes ini, beliau mempunyai idea perniagaan tetapi kekurangan sumber atau sokongan yang diperlukan untuk memulakan perniagaan. Kes Zakaria dan Shafee ini dengan jelas menggambarkan jenis sokongan yang disediakan oleh NKRA LIH melalui program 1AZAM. Pasukan pelaksana yakin bahawa terdapat banyak kes lagi yang sama dengan Zakaria dan Shafee di tempat lain di negara ini. Usaha untuk menjangkau peserta 1AZAM yang selebihnya untuk turut serta dalam program ini akan diperhebatkan lagi dalam GTP 2.0.

PENGHIJRAHAN DATA DARIPADA EKASIH KEPADА GREATER EKASIH

Pangkalan data eKasih merupakan alat penjejakan dan pemantauan pusat yang direka khas untuk mengenal pasti rakyat yang amat memerlukan bantuan daripada program NKRA LIH. Tanpa pangkalan data ini, hampir mustahil untuk menentukan keadaan kemiskinan semasa di Malaysia, dan untuk mereka bentuk program untuk memenuhi cabaran yang tertentu.

Pangkalan data eKasih juga memantau keberkesanan program 1AZAM melalui sistem KPI yang teliti. Sebagai sebahagian daripada komitmen GTP terhadap akauntabiliti dan ketelusan, program akan diubah suai untuk menyampaikan bantuan dengan lebih baik sekiranya program tersebut terbukti tidak berkesan dalam meningkatkan tahap pendapatan.

Oleh itu, penghijrahan data eKasih kepada pangkalan data Greater eKasih merupakan satu inisiatif terpenting pada tahun 2012. Pangkalan data tunggal ini akan memastikan sasaran yang lebih baik terhadap mereka yang memerlukan, di samping mengurangkan pertindihan dan pembaziran sumber pada masa hadapan. Versi pangkalan data eKasih yang ditambah baik ini akan diurus oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) daripada Jabatan Perdana Menteri.

SOKONGAN PERUMAHAN BERTERUSAN - RUMAH MESRA RAKYAT 1 MALAYSIA (RMR1M)

Matlamat untuk meningkatkan pemilikan rumah memainkan peranan yang penting dalam membantu golongan yang kurang berasib baik untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Oleh itu, pekerja ini dijadikan inisiatif utama dalam aktiviti NKRA LIH. Di bawah Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M), rumah kos rendah telah disediakan untuk rakyat Malaysia yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan pada tahun 2012. Sebelum ini, paras minimum pendapatan telah ditetapkan pada tahap RM1,500 sebulan.

Pada pertengahan tahun 2012, perubahan dalam terma dasar dan pembiayaan oleh Kementerian Kewangan. Perubahan ini telah menyebabkan sasaran awal untuk membina dan membaik pulih 10,000 unit rumah sebelum 31 Disember 2012 menjadi mustahil untuk dicapai. Oleh itu, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah mengkaji semula sasaran baru, iaitu 1,500 unit, yang telah pun berjaya dicapai.



MEMANDANG KE HADAPAN MENUJU GTP 2.0

7.2

Dengan asas yang kukuh dalam GTP 1.0, NKRA LIH mengambil satu langkah penting ke hadapan dalam GTP 2.0 dengan memperkenalkan sebilangan besar inisiatif yang akan menyasarkan bidang tumpuan dengan lebih khusus. GTP 2.0 memberikan penekanan terhadap pengupayaan ekonomi individu dan masyarakat melalui aktiviti kebajikan yang produktif, dan usaha ini memerlukan pewujudan kemudahan asas dan persekitaran yang sesuai.

Fokus kedua dalam NKRA LIH 2.0 ialah untuk membangunkan boleh ekonomi terutamanya untuk golongan yang mudah terjejas - dengan erti kata lain, mewujudkan persekitaran yang sesuai dalam membolehkan pengupayaan ekonomi - seperti pendidikan, nutrisi dan latihan kemahiran. Pendekatan bagi tempoh tiga tahun yang akan datang juga akan lebih mengambil pendekatan tertumpu dalam menangani keperluan masyarakat tertentu seperti Orang Asli (pribumi) dan masyarakat Penan.

Sasaran utama bagi NKRA LIH dalam GTP 2.0 adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 3.8% pada masa ini kepada 2% sebelum 2015. Hal ini bermakna pasukan ini perlu menggerakkan 132,000 isi rumah daripada kategori miskin ini kepada status 'terkeluar'. Sasaran khusus termasuk:

- ▶ Menambah 20,000 peserta lagi untuk program 1AZAM, menjadikan jumlah keseluruhan kepada 47,000.
- ▶ Melaksanakan 85,000 projek termasuk penyediaan pendidikan nutrisi dan latihan kemahiran.

PRINSIP UTAMA NKRA LIH GTP 2.0

FOKUS UTAMA Fokus makmal LIH GTP 2

PENGUPAYAAN EKONOMI

Program AZAM

Pemurnian dan penghalusan program. Jangkauan kepada komuniti tertentu

Program oleh NGO / CSO / Korporat

Membantu NGO / CSO / Korporat dalam program bantuan yang sedia ada

SUPPORTING—average on existing Mini?? / NKRAs if required


PEMBOLEH EKONOMI

Menyediakan persekitaran yang sesuai untuk membolehkan pengupayaan ekonomi


- Kesihatan & Nutrisi
- Bantuan Makanan / Bank Makanan
- Pendidikan untuk ibu bapa dan kanak-kanak
- Program latihan kemahiran
- Celic kewangan
- Kemudahan perumahan / penyelenggaraan
- Akses kepada pengangkutan awam
- Penjagaan kanak-kanak / penjagaan orang tua
- Keperluan khusus untuk komuniti cth. Orang Asli / Penan

GTP 2.0 akan memfokuskan empat segmen utama berikut, yang meneruskan kerja GTP 1.0:

KAMI AKAN MENGUTAMAKAN PESERTA eKasih YANG TELAH MENDAFTAR SEBELUM INI



KAWASAN YANG DIKENAL PASTI DI SELURUH NEGARA





1
Kumpulan miskin dan miskin tegar akan terus disasarkan dalam GTP 2.0. Walau bagaimanapun, program 1AZAM akan meletakkan matlamat yang lebih terperinci dan mengkhususkan negeri dengan menyasarkan daerah yang kurang diberikan perhatian (under-served districts) dan memberikan tumpuan yang lebih kepada kawasan bandar. Pemilihan peserta 1AZAM akan menjadi lebih ketat juga. Di bawah GTP 2.0, keutamaan pemilihan akan diberikan kepada peserta yang termasuk dalam satu atau lebih daripada kategori berikut:

- ▶ Golongan isi rumah miskin tegar dan miskin yang berdaftar dengan eKasih yang belum menerima apa-apa bantuan.
- ▶ Golongan isi rumah miskin tegar dan miskin yang tidak menerima apa-apa bantuan dalam menjana pendapatan.
- ▶ Peserta dari daerah yang mempunyai bilangan golongan isi rumah miskin dan miskin tegar yang tinggi tetapi tanpa bilangan yang sepadan dengan peserta 1AZAM.

INTIPATI PERBEZAAN UTAMA ANTARA GTP 2.0 DENGAN GTP 1.0

GTP 1.0

Yang diterajui Kerajaan

Pendekatan yang luas untuk mengurus isi rumah berpendapatan rendah (miskin tegar dan miskin)

Fokus kepada individu

Membasmi miskin tegar dan mengerakkan mereka keluar daripada miskin PGK

GTP 2.0

1 Kerjasama dengan Kerajaan / Korporat, NGO / CSO

2 Meneruskan sasaran terhadap kumpulan ini dan mereka yang tidak dibantu dalam eKasih dengan memberikan tumpuan kepada golongan yang mudah terjejas – golongan gelandangan, Pengidap HIV, Bekas Penagih Dadah, Bekas Banduan / keluarga, Komuniti Tertentu seperti Suku Penan dan Orang Asli

3 Sasaran individu tetapi dengan memanfaatkan keluarga dan komuniti untuk memacu transformasi

4 Membasmi kemiskinan golongan miskin tegar secara kekal dan mengelakkan mereka daripada kembali terjerumus dalam PGK. Melihat kemampuan program dan dasar keluarga.

GTP 2.0 menyasarkan untuk memastikan semua golongan isi rumah miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan eKasih mempunyai peluang untuk menyertai program 1AZAM sebelum tahun 2015. NKRA LIH juga akan memastikan bahawa keberhasilan peserta 1AZAM yang sedia ada akan ditambah baik.

2
Menyasarkan komuniti tertentu yang belum diberi sokongan yang mencukupi disebabkan oleh persekitaran dan keadaan mereka, sebagai contoh, 80% daripada masyarakat Penan dan kira-kira 30% daripada masyarakat Orang Asli dikelaskan sebagai golongan miskin dan miskin tegar. GTP 2.0 mengakui bahawa disebabkan oleh kos sara hidup yang meningkat, penekanan yang lebih akan diberikan untuk menyokong golongan miskin di bandar, terutamanya warga tua dan golongan gelandangan.

3

Menyasarkan mereka yang dikelaskan sebagai golongan yang mudah terjejas. Golongan ini tidak termasuk dalam kategori miskin dan miskin tegar tetapi merupakan mereka yang memerlukan sokongan disebabkan keadaan mereka. Justeru, dalam GTP 2.0, golongan tertentu misalnya bekas banduan penjara, bekas penagih dadah, orang kurang upaya (OKU), orang tua dan ibu bapa tunggal akan mendapat perhatian daripada NKRA LIH ini. Di samping itu, dalam usaha untuk menjangkaui individu ini, GTP 2.0 juga akan memberikan sokongan kepada keluarga masing-masing untuk membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan.




Di samping itu, dalam usaha untuk menjangkaui individu ini, GTP 2.0 juga akan memberikan sokongan kepada keluarga masing-masing untuk membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan.

4

NKRA LIH ini akan mendapatkan kerjasama yang lebih erat daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membantu menyampaikan perkhidmatan dan bantuan, sekali gus memanfaatkan kepakaran kedua-dua pihak dalam bidang ini. Rajah di bawah menunjukkan kerjasama yang dicadangkan antara NKRA LIH dengan NGO.

MERAPATKAN JURANG ANTARA NGO DENGAN NKRA LIH




Pendidikan Celik Kewangan akan diperkenalkan juga dalam GTP 2.0 sebagai pemboleh utama untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah membuat keputusan ekonomi yang pintar, seterusnya mengeluarkan mereka daripada perangkap kemiskinan. Program Celik Kewangan akan disepadukan dengan program 1AZAM bagi memastikan peserta memanfaatkan latihan yang diterima oleh mereka.

Kami akan mengintegrasikan pendidikan ini kepada semua peserta dan keluarga AZAM dalam membantu mereka keluar daripada belenggu kemiskinan. Antara usaha-usahanya adalah:

- ▶ Memberi tumpuan ke arah peningkatan kesedaran Celik Kewangan terhadap keperluan golongan miskin dan miskin tegar.
- ▶ Menambah baik dan membantu sektor swasta dan badan bukan kerajaan dalam mengendalikan kursus Celik Kewangan.
- ▶ Mempertingkatkan taraf kehidupan golongan miskin dengan memberi mereka pengetahuan dalam pengurusan rumah tangga yang mencukupi.
- ▶ Program Financial Literacy Education and Training (FLET) sebagai sokongan sampingan dalam meningkatkan pengetahuan kewangan dan mebolehkan mereka membuat keputusan yang berkualiti.

Selain itu, GTP 2.0 juga akan turut menyaksikan peningkatan inisiatif sokongan seperti skim insurans dan perlindungan bagi golongan miskin di Malaysia agar perlindungan yang lebih baik, terutamanya bagi golongan miskin di bandar dapat diberikan. Struktur sokongan ini akan menjadi jaring keselamatan untuk mengelakkan isi rumah miskin kembali terjerumus ke lembah kemiskinan.

Dalam usaha mencapai matlamat ini, NKRA LIH akan bekerjasama dengan pelbagai kementerian, badan korporat, NGO dan NKRA lain yang berkaitan seperti Pembangunan Luar Bandar, Pendidikan dan Pengangkutan Awam Bandar. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Pelan Hala Tuju GTP 2.0.



MEWUJUDKAN JALINAN PROGRAM KERJASAMA UNTUK MEMASTIKAN PERUBAHAN BERTERUSAN

Menamatkan kemiskinan di Malaysia merupakan satu matlamat yang boleh dicapai. Langkah-langkah yang diambil dalam tempoh tiga tahun lepas mempunyai keupayaan untuk mencetuskan perubahan. Walaupun wujud perbezaan dalam cara inisiatif NKRA ini dilaksanakan untuk tempoh tiga tahun yang akan datang, namun langkah-langkah, yang diolah daripada iktibar yang telah dipelajari, tetap akan menjadi langkah pelengkap yang ampuh. Matlamat bagi fasa perubahan yang seterusnya ialah penglibatan yang lebih luas daripada entiti korporat, NGO dan juga individu.

NKRA LIH meneruskan program transformasi yang berterusan, justeru ia bakal menyaksikan inisiatif keberhasilan utama daripada GTP 1.0 diteruskan dalam tempoh tiga tahun akan datang. Faktor pemboleh akan ditambah untuk menyokong inisiatif pengupayaan secara langsung, dan seterusnya membangunkan kemahiran yang menggalakkan pengurusan dan peningkatan kewangan yang sihat.

IKTIBAR UTAMA

7.3

Walaupun NKRA LIH bermula dengan memberikan bantuan kewangan untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah, tetapi perkara ini dengan pantas jelas tidak dapat dikekalkan – tidak bagi Kerajaan mahu pun peserta. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memperkasakan penerima dalam usaha untuk mewujudkan sebuah penyelesaian jangka panjang.

Usaha pembasmian kemiskinan ini mesti mengambil pendekatan yang menyeluruh, menyasarkan perubahan jangka panjang dan mencapai transformasi gaya hidup. Justeru, GTP 2.0 ini akan mengetengahkan persekitaran yang sesuai untuk membolehkan program pengupayaan ekonomi yang dilaksanakan dalam GTP 1.0 berjalan dengan lancar. Beberapa pengubahsuaian baru seperti memperkenalkan program pementoran dan mendapatkan bantuan NGO dalam berkongsi kepakaran bakal dilakukan. Golongan yang mudah terjejas juga merupakan tumpuan khas dalam GTP 2.0.

Salah satu cabaran utama dalam GTP 1.0 adalah untuk menggalakkan penyertaan dalam kalangan penerima yang disasarkan, yang enggan berbuat demikian atas pelbagai alasan. Antara alasan yang dilontarkan termasuk keengganan untuk berubah dan kurangnya kepercayaan terhadap keberkesanannya program. Sebahagian peserta lebih sukakan bantuan kewangan berbanding dengan latihan kemahiran. Kebanyakan mereka juga turut berasa bimbang terhadap kemampuan program 1AZAM ini. Dengan menggembeleng tenaga NGO dalam membantu penyampaian, NKRA LIH percaya bahawa beberapa isu ini boleh ditangani pada masa hadapan.

Terdapat juga kes yang memperlihatkan isi rumah miskin yang berdaftar dengan eKasih tidak

menerima bantuan tepat pada masanya. NKRA LIH percaya bahawa perlu ada penyelarasian yang lebih besar terhadap proses penyampaian untuk memastikan bahawa setiap peserta yang berdaftar dengan eKasih menerima sokongan dan bantuan yang diperlukan. Kos yang tinggi bagi perkhidmatan penyampaian di kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak merupakan satu cabaran yang besar. Oleh itu, di bawah GTP 2.0, usaha NKRA LIH di kedua-dua buah negeri ini akan menangani keperluan masyarakat di samping menyediakan bantuan ekonomi melalui program 1AZAM.

Sebagai sebahagian daripada iktibar yang dipelajari pada tahun 2012, pasukan NKRA LIH telah memulakan beberapa projek perintis untuk inisiatif baru dalam memperkuatkannya program 1AZAM, iaitu program celik kewangan, bakul makanan, "Community Feeding" dan kerjasama dengan NGO. Inisiatif baru ini akan diuji untuk mengenal pasti sebarang kelemahan sebelum ia dilaksanakan dalam tahun 2013.


NKRA LIH telah menjalankan beberapa program perintis pada tahun 2012 bagi inisiatif GTP 2.0, untuk menentukan daya maju peserta sebelum pelaksanaan penuh pada tahun 2013. Program ini termasuk (mencakupi pengupayaan ekonomi dan pemboleh ekonomi):

**KERJASAMA DAN PENGLIBATAN
YANG LEBIH ERAT DENGAN NGO**

- ▶ NKRA LIH akan menjalankan kerjasama dan penglibatan yang lebih erat dengan NGO untuk melaksanakan program NKRA. Beberapa projek perintis telah dijalankan dalam tahun 2012, yang diperincikan di bawah:

**KERJASAMA ANTARA NKRA LIH
DAN NGO DALAM PROJEK PERINTIS**

| Pitas, Sabah | |
|---------------------|--|
| Lokaliti | PITAS |
| NGO | Yayasan Sejahtera |
| Projek | Projek Fertigasi Cili |
| | Kawasan Pelaksanaan Kampung Tampakahu Kampung Sungai Eloi Kampung Kinango Kampung Bolud Batu |
| Jumlah Penerima | 128 isi rumah |
| Tempoh | 3 Tahun (2013 - 2015) |




- ▶ Lawatan Tapak dan Mesyuarat bersama SDO untuk cadangan awal siap pada September
- ▶ Yayasan Sejahtera BOD telah meluluskan inisiatif ini
- ▶ Penandatanganan perjanjian dijadualkan pada Mac 2013


PROJEK PERINTIS: PENGUPAYAAN EKONOMI

- Pada Disember 2012, Jurulatih Celik Kewangan (Melatih Jurulatih), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), telah melatih lebih daripada 500 jurulatih dari semua agensi pelaksanaan. Ini adalah untuk memastikan bahawa dalam tahun 2013, semua agensi pelaksanaan bersedia untuk mendidik peserta 1AZAM sebelum program AZAM yang lain dilaksanakan.

LEBIH 500 JURULATIH TELAH DILATIH PADA TAHUN 2012 MELALUI PROGRAM AZAM YANG BERBEZA



SELEPAS PROGRAM PENDIDIKAN, PEMANTAUAN YANG MANTAP PERLU DILAKSANAKAN UNTUK MEMASTIKAN PESERTA MENERIMA GUNA INISIATIFINI



PROJEK PERINTIS: PEMBOLEH EKONOMI

► “Community Feeding”

- Untuk mengurangkan masalah malnutrisi dalam kalangan Orang Asli. Projek perintis telah dijalankan di Jerantut, Pahang dan Grik, Perak.
- Inisiatif ini adalah untuk menyokong bakul makanan untuk kanak-kanak yang kekurangan zat, dan berlangsung sehingga kanak-kanak tersebut dipulihkan.
- Projek perintis ini dijalankan di Jerantut, Pahang dan Grik, Perak.

Pusat Pemakanan Kampung Matau, Jerantut, Pahang



Pusat Pemakanan Kampung Orang Asli Paya Petai, Jerantut, Pahang



Pusat Pemakanan Kampung Orang Asli Sungai Tiang, Jerantut, Pahang



► **Bakul Makanan**

Keluarga miskin di bandar akan menerima bakul makanan tambahan secara bulanan daripada Yayasan MyKasih untuk tempoh setahun. Perintis bagi projek ini telah dijalankan pada Disember 2012 di Semporna, Sabah, Samarahan, Sarawak dan Kuala Pilah, Negeri Sembilan.




SASARAN NKRA LIH BAGI TAHUN 2013

| KEBERHASILAN KPIS | SASARAN 2013 |
|---|--------------|
| 1 Memastikan 35,100 peserta baharu menyertai program 1AZAM sebelum 31 Disember 2013 yang mencakupi kategori berikut | 35,100 |
| 1.1 Golongan miskin tegar dan miskin yang mendaftar dalam pangkalan data eKasih dan eDamak | 25,083 |
| 1.2 Mendapat Kredit Mikro / Pinjaman | 5,000 |
| 1.3 Golongan Yang Mudah Terjejas | 5,017 |
| 2 Memastikan 17,060 peserta 1AZAM yang sedia ada meningkatkan pendapatan mereka sebanyak RM300 untuk tempoh 3 bulan sebelum 3 Disember 2013 | 17,060 |
| 3 Memastikan 35,100 peserta 1AZAM menghadiri Program Celik Kewangan sebelum 3 Disember 2013 | 35,100 |
| 4 Memastikan sistem pangkalan data eKasih dikemas kini 100% sebelum 31 Disember 2013 | 100% |
| 5 Melatih dan membangunkan 1,000 usahawan wanita baharu sebelum 31 Disember 2013 | 1,000 |
| 6 Memastikan program 1AZAM bekerjasama dengan 25 Badan Bukan Kerajaan (NGO) / Sektor Korporat sebelum 31 Disember 2013 | 25 |
| 7 Memastikan pelaksanaan 40 Komuniti 1AZAM / Program Berasaskan Kumpulan sebelum 31 Disember 2013 | 40 |





Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar



MENCIPTA PELUANG
UNTUK RAKYAT
LUAR BANDAR

SEPATAH KATA



DATO SERI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Sebagai negara yang bercita-cita tinggi untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, kejayaan yang kita raih akan hanya dianggap sebagai sebuah kegagalan sekiranya kualiti kehidupan rakyat luar bandar diabaikan. Memandangkan lebih kurang 30% penduduk atau hampir 8.1 juta rakyat Malaysia masih tinggal di pedalaman, amat penting bagi rakyat luar bandar untuk memperoleh akses kepada kemudahan asas seperti jalan raya yang bermutu, bekalan air yang bersih dan bekalan elektrik yang andal.

Rakyat luar bandar juga sama pentingnya kepada masa depan negara sebagaimana rakyat di bandar, dan mereka merupakan bahagian penting tulang belakang negara kita.

Walaupun terdapat kemajuan yang pesat dalam aspek tersebut sepanjang beberapa dekad terakhir, Kerajaan berpendapat bahawa kepesatan pembangunan itu belum cukup pantas. Oleh itu, Kerajaan telah memperkenalkan NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA RBI) untuk mempercepat penyampaian kerajaan dalam memenuhi kemudahan asas rakyat luar bandar.

Pasukan GTP 1.0 telah bermula dengan cemerlang dalam usahanya untuk menyediakan infrastruktur kepada seluruh rakyat luar bandar di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Hasilnya, sebilangan besar rakyat luar bandar kini menikmati kesalinghubungan jalan raya yang lebih baik serta akses kepada bekalan elektrik dan air bersih yang andal. Hal yang demikian merupakan sesuatu yang belum pernah kita saksikan berlaku sebelum ini. Walau bagaimanapun, usaha yang dilaksanakan itu bukanlah berjalan lancar sepanjang masa. Pelbagai cabaran yang menghambat kemajuan pelaksanaan telah dihadapi termasuk kelewatan dalam pemerolehan tanah, kekurangan bahan dan kerja substandard oleh kontraktor. Namun, apa pun juga perspektif pengukurnya, pencapaian yang diraih NKRA ini tetap hebat dan mengagumkan.

Hasil yang dicapai setakat ini sesungguhnya amat bermakna dan ia membuktikan bahawa kita telah bergerak maju ke hadapan dalam usaha membantu rakyat luar bandar. Meskipun kita percaya bahawa masih banyak yang perlu dilakukan, kita yakin bahawa asas kepada pembinaan infrastruktur ini telah pun berjaya dibina sepanjang tiga tahun yang lepas.


Melangkah ke hadapan, GTP 2.0 akan mempertingkatkan perubahan dan meneruskan asas kukuh yang telah terbina dalam GTP 1.0, dan pada masa yang sama menyempurnakan pelaksanaan infrastruktur yang masih belum selesai. Tambahan lagi, GTP 2.0 bakal menyaksikan skop RBI diperluas untuk terus membangunkan ekonomi luar bandar. Selaras dengan perubahan fokus dan hala tuju ini, NKRA ini mengubah identitinya daripada NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Luar Bandar kepada NKRA Pembangunan Luar Bandar.

Rakyat luar bandar sama pentingnya kepada masa depan negara sebagaimana rakyat di bandar, dan mereka merupakan bahagian penting tulang belakang negara kita. Kerajaan mempunyai peranan dan tanggungjawab terhadap masyarakat luar bandar bagi memastikan mereka dapat menikmati keselesaan hidup sebagaimana yang dinikmati oleh warga kota. Hanya dengan cara ini sahajalah kita akhirnya dapat merealisasikan wawasan perpaduan 1Malaysia yang kita hasratkan.

NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Luar Bandar

TINJAUAN KESELURUHAN

NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA RBI) dilaksanakan untuk memastikan rakyat luar bandar memperoleh akses kepada kemudahan asas, iaitu jalan raya, air bersih, elektrik yang andal dan perumahan. Apa pun juga ukurannya, usaha NKRA RBI telah berjaya meningkatkan dengan ketara kualiti kehidupan rakyat luar bandar, baik di Semenanjung Malaysia mahupun di Sabah dan Sarawak sepanjang tiga tahun yang lepas.



Makmal NKRA RBI sedar bahawa kekurangan kemudahan asas ini merupakan rintangan terhadap pembangunan di kawasan luar bandar, yang membantutkan peluang pendapatan dan menyebabkan kelembapan peluang pembangunan. Sehubungan dengan itu, teras utama GTP 1.0 adalah untuk melaksanakan tindakan pembetulan dari segi infrastruktur fizikal.


NKRA RBI juga menyedari hakikat bahawa kepantasan penyampaian turut menjadi perhatian utama. Sebagaimana NKRA lain, pasukan NKRA RBI mengakui betapa pentingnya keperluan terhadap Keberhasilan yang Besar dan Pantas, iaitu mandat yang dipikul oleh GTP untuk menyampaikan keberhasilan yang segera dan memberikan impak. Justeru, NKRA RBI telah menerima guna program yang mempercepat penyampaian infrastruktur kepada rakyat.

Pada masa yang sama, NKRA RBI sedar bahawa rakyat luar bandar memerlukan lebih daripada infrastruktur semata-mata untuk mentransformasikan kawasan luar bandar menjadi pusat aktiviti yang dinamik. Justeru, dalam usaha untuk menterbalikkan trend diaspora (penghijrahan) ke bandar dan mempertingkatkan tahap pendapatan luar bandar, NKRA ini akan memberi lebih fokus untuk mencakupi pembangunan ekonomi sepanjang tiga tahun yang akan datang.





NKRA RBI menyedari bahawa penduduk Malaysia di luar bandar memerlukan lebih daripada infrastruktur untuk mengubah prospek kepada pusat kegiatan yang lebih bertenaga.




GTP 2.0 meneruskan kerja daripada tiga tahun sebelum ini untuk meningkatkan perubahan yang dilaksanakan di kawasan luar bandar Malaysia.

PENCAPAIAN GTP 1.0

Meskipun Kerajaan telah berusaha selama beberapa dekad lamanya untuk meningkatkan kualiti kehidupan seluruh rakyat Malaysia ke tahap yang memuaskan, rakyat luar bandar terus melalui kesukaran hidup tanpa kemudahan asas seperti jalan raya yang berkualiti, air bersih dan akses kepada bekalan elektrik yang andal. Sejak sekian lama, rakyat luar bandar melaungkan suara menuntut akses yang lebih baik kepada kemudahan asas ini, dan NKRA RBI menyahut seruan ini dengan menyalurkan semua sumber dan usahanya terhadap keperluan ini.

NKRA RBI menjana keberhasilan yang ketara dalam dalam pelaksanaan inisiatifnya dalam GTP 1.0 walaupun beberapa kejadian yang tidak dijangka menyebabkan NKRA ini tidak berjaya mencapai semua sasarnya. Hasil daripada inisiatif yang digembleng oleh NKRA, sasaran yang berikut bagi setiap bidang utamanya telah berjaya dicapai:



Walaupun pembinaan infrastruktur akan diteruskan dalam GTP 2.0, fasa pertama program transformasi ini telah meletakkan asas penting bagi membolehkan NKRA RBI memfokuskan pembangunan ekonomi luar bandar melalui pertimbangan infrastruktur semata-mata. Dari sudut pandang ini, GTP 2.0 akan meneruskan usaha yang telah digembleng sepanjang tiga tahun yang lalu untuk mempertingkatkan perubahan yang dilaksanakan di kawasan luar bandar.

TINJAUAN KESELURUHAN 2012

Memandangkan tahun 2012 ialah tahun akhir bagi fasa pertama GTP, NKRA RBI telah menggesa semua rakannya yang terlibat untuk mencapai sasaran dan memenuhi komitmennya kepada rakyat luar bandar. Walau apa pun juga ukurannya, pencapaian yang diraih oleh NKRA RBI adalah membanggakan.

RAKAN PELAKSANA NKRA RBI

Program

Agenzia Pelaksana

Pilihan Penyelaras

Jalan Raya

Jabatan Kerja Raya (peringkat persekutuan dan negeri)

Jabatan Pengairan dan Saliran (peringkat negeri)

Air

Jabatan Kerja Raya Sarawak (Air)

Jabatan Air, Sabah

Pengendali Bekalan Air (peringkat negeri)

Elektrik

Tenaga Nasional Berhad

Sabah Electricity Sdn Bhd

SESCO Berhad

Perumahan

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah

Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sarawak

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)

FELCRA Berhad

Majlis Amanah Rakyat

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah (KESEDAR, KEDA, KEJORA, KETENGAH)

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak (termasuk UPEN Sabah and SPU Sarawak)

EPU / ICU / MoF / PEMANDU



Cabar yang dihadapi oleh pasukan NKRA RBI adalah pelbagai termasuklah kelewatan dalam pemilikan tanah, kekurangan bekalan bahan pembinaan dan isu berkaitan dengan prestasi para kontraktor. Walau bagaimanapun, beberapa ikhtiar yang penting telah dipelajari daripada rintangan ini dan kesemuanya akan dipertimbangkan dalam pelaksanaan inisiatif GTP 2.0.

Bagi aktiviti khusus dalam 2012, NKRA RBI akan terus mengusahakan projek dan menjana keberhasilan yang berikut:

KEBERHASILAN 1

Meneruskan pembekalan air bersih kepada 200,000 isi rumah rakyat luar bandar

NKRA RBI terus berusaha untuk melaksanakan program pembinaan yang bertujuan membekalkan air bersih kepada rakyat luar bandar.

Projek tersebut termasuk:

- ▶ Loji Rawatan Air Keningau, yang membekalkan air kepada hampir 8,000 penduduk apabila ia siap dibina pada Disember 2012.
- ▶ Bekalan Air Lingga, yang membekalkan air bersih kepada 449 penduduk luar bandar mulai Mac 2012
- ▶ Projek Sistem Bekalan Air Mukim Dualog Sikuati, Matunggong, Kudat yang dijangka membekalkan air kepada 1,139 penduduk kampung pada Disember 2013

Iktibar penting yang telah dipelajar idaripada rintangan ini, dan akan dipertimbangkan dalam pelaksanaan inisiatif GTP 2.0.

KEBERHASILAN 2

Menyediakan jalan raya untuk 2.2 juta rakyat luar bandar di Malaysia

NKRA RBI memfokuskan usaha tahun 2012 untuk membantu rakyat yang hidup di kawasan yang paling terpencil di pedalaman Sabah.

Dua program pembangunan yang berikut merupakan antara yang terbesar:


- ▶ Penaiktarafan jalan sepanjang 40km di Jalan Pulau Bum-Bum, Semporna; 20,000 isi rumah dijangka menggunakan jalan tersebut pada November 2012
-
- ▶ Pembinaan jalan sepanjang 5km di Jalan Nagaya; 10,000 isi rumah di Ranau akan menikmati kemudahan projek ini pada Januari 2012
-
- ▶ Pembinaan jalan sepanjang 14km di Jalan Pagasan; 1,000 isi rumah di Pitas akan meraih manfaat daripada projek ini pada September 2012

KEBERHASILAN 3

Pembekalan tenaga elektrik yang andal kepada 476,500 rakyat luar bandar

Sebagai sebahagian komitmennya untuk menyediakan akses 24 jam bekalan tenaga elektrik di Sabah, NKRA RBI telah mencipta kemajuan yang memberangsangkan. Akses disampaikan di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Kementerian (Program BELB).

- ▶ Pembinaan Talian Grid Zon 5 2011-2012 di Sabah di bawah Program BELB yang akan membekalkan tenaga elektrik kepada 3,127 isi rumah setelah projek itu siap pada Oktober 2012.
- ▶ Pembinaan Talian Grid Zon 6 2011-2012 di Sabah di bawah Program BELB yang akan membekalkan tenaga elektrik kepada 661 isi rumah setelah projek itu siap pada Ogos 2012.



INISIATIF

8.1

Inisiatif GTP 1.0 difokuskan kepada pelaksanaan infrastruktur luar bandar bagi memenuhi dua matlamat jangka panjang, iaitu mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat luar bandar dan membolehkan akses yang lebih baik kepada pasaran, yang seterusnya menambah baik kesejahteraan ekonomi mereka. Dengan sebahagian penduduk Malaysia ketara memilih untuk tinggal di kawasan luar bandar, usaha yang memfokuskan penambahbaikan kehidupan mereka menjadi semakin penting terutamanya jika Malaysia berhasrat mencapai wawasannya menjadi negara yang berpendapatan tinggi.

1
Meningkatkan akses kepada jalan berturap / jalan kerikil

2
Meningkatkan akses kepada bekalan air bersih / air terawat

EMPAT INISIATIF UTAMA YANG TELAH DILAKSANAKAN DALAM GTP 1.0 IALAH:

3
Memastikan akses 24 jam kepada tenaga elektrik

4
Membina dan membaik pulih rumah bagi penduduk miskin luar bandar

PANDANGAN DARIPADA DMO: MENGUBAH CARA PENYAMPAIAN KERAJAAN KEPADA RAKYAT LUAR BANDAR



Tempoh 12 bulan yang berlalu merupakan siri "pelaksanaan yang serius" bagi NKRA RBI, kata Dato Ibrahim Muhamad, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sebagai agensi pelaksana utama bagi pelaksanaan inisiatif NKRA ini, Dato Ibrahim menyatakan bahawa tempoh 12 bulan yang lepas telah menyaksikan pegawai Kementerian ini bekerja bertungkus-lumus melebihi jangkaan demi memastikan sasaran tersebut dicapai.

"Kami benar-benar serius untuk melaksanakan inisiatif NKRA ini," kata Dato Ibrahim. "Pada tahun-tahun sebelum kewujudan NKRA, mungkin tidak banyak yang berjaya kami laksanakan dan hal ini mungkin disebabkan oleh bajet. Namun demikian, sekarang kita memberikan sepenuh penekanan untuk menyampaikan kemudahan yang diperlukan oleh rakyat luar bandar."

Barangkali agak luar biasa sifatnya, salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh NKRA adalah untuk memastikan setiap sen yang diperuntukkan bagi NKRA itu dibelanjakan, kata Dato Ibrahim. "Bajet kita melonjak daripada RM2 bilion kepada RM8 bilion pada tahun 2010 dan dengan bilangan kakitangan yang sama dan kekuatan yang sama, kami terpaksa melakukannya secara kreatif."

Tarikh jangkaan penyiapan yang ketat bagi NKRA RBI ini bermakna bahawa pasukan pelaksana perlu mewujudkan cara yang belum pernah dilakukan sebelum ini untuk menangani isu tertentu. Misalnya, dalam soal kekurangan bahan mentah, pihak Kementerian telah mendapatkan kelulusan sementara untuk membolehkan kontraktor mendapatkan paip air daripada pembekal yang tidak berdaftar dengan kementerian.

Satu lagi contoh adalah berhubung dengan pembinaan perumahan baharu bagi rakyat luar bandar. Untuk mengurangkan kos pembinaan rumah yang tinggi bagi penduduk luar bandar yang layak, pasukan pelaksana telah mendapatkan bantuan tentera di bawah Strategi Laut Biru untuk membantu kerja pembinaan. Dato Ibrahim menyatakan

bahawa pendekatan yang luar biasa ini membolehkan pihak Kementerian menjimatkan lebih kurang 30% kos pembinaan bagi setiap rumah.

Pembangunan luar bandar di Malaysia dibayangi oleh pelbagai cabaran, tetapi mungkin salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh kumpulan NKRA ini adalah untuk memastikan bahawa kesemua pihak berkepentingan bersatu padu bagi memastikan kuantiti dan kualiti infrastruktur yang disampaikan adalah mencukupi.

"Kita memerlukan kerjasama dan kolaborasi daripada pelbagai agensi," ujar Dato Ibrahim. "Kita mesti saling memahami. Apabila kita berdepan dengan masalah, kita perlu berjumpa dengan agensi yang berkaitan.

"Misalnya, kita memerlukan kerjasama daripada Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan untuk membangunkan infrastruktur di tanah mereka dan kami pernah menghadapi beberapa kelewatan dalam aspek ini. Walau bagaimanapun, setelah beberapa tahun, kita telah berjaya membina hubungan yang lebih baik dan pelaksanaan seharusnya berjalan dengan lebih lancar sekarang."

Dato Ibrahim, yang telah berkhidmat dengan Kerajaan sejak tahun 1978 berkata, program GTP ini pada hakikatnya amat inovatif dan ia telah mengubah asas dan cara kebiasaan Kerajaan bekerja.

"Kerajaan mesti mengamalkan prosedur ini pada masa akan datang dan kita tidak seharusnya berpatah balik kepada cara yang lama," katanya lagi. "Kita kini lebih serius dan fokus, lebih berteraskan prestasi dan inilah yang dikatakan kemajuan yang sebenar."


Sementara itu, Dato Ibrahim berasa amat teruja untuk menyaksikan pelaksanaan GTP 2.0 yang akan memberikan penekanan yang lebih besar kepada pembangunan luar bandar. Memandangkan infrastruktur telah pun terbina sepanjang tiga tahun lepas, NKRA RBI akan meneruskan pencapaian ini untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat luar bandar.

MENINGKATKAN AKSES KEPADA JALAN BERTURAP ATAU JALAN KERIKIL

Ujian penanda aras bagi inisiatif ini ialah bilangan rakyat Malaysia yang tinggal dalam lingkungan lima kilometer dari jalan berturap, jalan kerikil atau jalan batu merah (laterit). Matlamat usaha ini adalah untuk meningkatkan kesalinghubungan antara kampung di luar bandar untuk mewujudkan akses yang lebih baik kepada pasaran dan juga meringankan bebanan masyarakat luar bandar yang sebelum ini terpaksa menggunakan jalan yang tidak selamat untuk sampai ke destinasi mereka.

Meskipun pasukan NKRA telah membina jalan raya yang agak panjang dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan GTP, iaitu sejauh 3,349.6 km, ia masih belum mencapai matlamat utamanya untuk memastikan 95% seluruh rakyat Sabah dan Sarawak mempunyai akses yang sama. Pada masa ini, 88.7% penduduk luar bandar Sabah dan 82.7% penduduk luar bandar Sarawak menikmati kemudahan ini.





NKRA RBI sangat komited untuk memastikan semua 95% penduduk luar bandar dapat menikmati akses 24 jam bekalan tenaga elektrik.

MENINGKATKAN AKSES KEPADA AIR BERSIH ATAU AIR TERAWAT

Akses kepada air bersih atau air terawat ialah hak asasi manusia dan Kerajaan komited untuk memastikan bahawa 95% rakyat Malaysia mendapat akses kepada sumber yang penting ini. Pasukan pelaksana berhadapan dengan pelbagai masalah dalam melaksanakan inisiatif ini dan yang paling ketara ialah kekurangan bahan mentah.

Secara khususnya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mendapati bahawa bekalan paip Polietilena Berkepadatan Tinggi (HDPE), tidak mencukupi untuk mengimbangi kepentasan pemasangan. Kementerian akhirnya berjaya mendapatkan penyelesaian bagi masalah itu dengan mendapatkan kelulusan sementara untuk memperoleh paip HDPE daripada vendor yang tidak berdaftar dengan kementerian.



MEMASTIKAN AKSES 24 JAM KEPADA BEKALAN ELEKTRIK

Akses kepada bekalan elektrik yang andal bukan sahaja merupakan satu komponen penting yang diperlukan untuk industri tetapi merupakan elemen utama untuk menikmati standard kehidupan yang memuaskan. Sepertimana dua inisiatif sebelum ini, NKRA RBI komited untuk memastikan bahawa 95% penduduk luar bandar dapat menikmati akses 24 jam kepada bekalan tenaga elektrik.

Rumah-rumah di luar bandar akan disambungkan ke grid utama. Walau bagaimanapun, di kawasan yang terlalu terpencil atau dalam kes apabila sambungan ke grid utama melibatkan kos yang terlalu mahal, pasukan pelaksana NKRA menyediakan kemudahan jana kuasa alternatif, seperti solar-hibrid dan jana kuasa mikro hidroelektrik. GTP 2.0 akan menyaksikan inisiatif baharu diperkenalkan bagi memastikan kemudahan sedemikian disenggarakan supaya tidak mengalami kerosakan oleh faktor haus dan lusuh.

MEMBINA DAN MEMBAIK PULIH RUMAH UNTUK PENDUDUK MISKIN LUAR BANDAR

Bagi inisiatif ini, NKRA RBI komited untuk membina rumah bagi rakyat luar bandar yang benar-benar layak dan memerlukan. Pasukan pelaksana bekerjasama secara erat dengan agensi dan Kementerian lain, termasuk NKRA LIH bagi mengenal pasti calon yang sesuai. Sementara itu, pihak tentera juga telah dilibatkan sama untuk membantu membina dan membaik pulih rumah penduduk luar bandar dan langkah ini telah membantu mengurangkan kos pembinaan.



MEMANDANG KE HADAPAN MENUJU GTP 2.0

8.2

NKRA RBI sedang melalui satu evolusi yang ketara dalam bergerak menuju GTP 2.0. Fokus NKRA ini bukan lagi tertumpu pada infrastruktur luar bandar semata-mata tetapi sebaliknya mengambil peranan pembangunan yang lebih menyeluruh untuk membangunkan kawasan luar bandar. Oleh hal yang demikian, NKRA RBI menukar identitinya kepada NKRA Pembangunan Luar Bandar.

Meskipun NKRA ini akan mengekalkan pembangunan infrastruktur sebagai aliran kerja dalam struktur keseluruhannya, komponen penyenggaraan juga telah diperkenalkan dalam aliran kerja ini bagi memastikan infrastruktur yang dibina itu tidak terbiar dan mengalami kerosakan. Sementara itu, aliran kerja yang kedua memfokuskan pembangunan ekonomi luar bandar, iaitu Program Kampung Abad Ke-21 yang akan diperkenalkan dalam GTP 2.0 sebagai jentera penggerak utama yang kedua.

GTP 2.0: PEMBANGUNAN LUAR BANDAR MAMPAH

Infrastruktur (RBI)



Jalan Raya

95%-99% penduduk mempunyai akses kepada jalan raya



Air

95%-99% penduduk mendapat bekalan air bersih atau terawat



Elektrik

95%-99% penduduk menerima bekalan elektrik 24 jam



Penyenggaraan

Penyenggaraan yang berkesan bagi semua projek jalan raya GTP, bekalan elektrik dan air

Kampung Abad Ke-21 (KA21)



Pertanian

Membangunkan ladang moden berskala besar



Pelancongan

Memperbaiki dan menaik taraf kampung Pelancongan Eko atau Agro



Perladangan

Meningkatkan pengeluaran ladang Minyak Sawit, Getah atau Sago



Industri Desa

Meningkatkan pengeluaran makanan dan kraf tangan tradisional di kampung

Kemudahan Sosial (Sekolah, Pengurusan Sisa, Penjagaan Kesihatan, dsb.)

Di Tawas di mana saya berasal, lebih banyak jalan dibina yang membantu dalam membuka kawasan untuk terus dibangunkan. Terdapat juga pembinaan rumah untuk orang miskin. Ianya sangat membantu golongan ini, terutamanya mereka yang tidak pernah bermimpi untuk memiliki sebuah rumah.

Amirudin Rsake, 43
Bekerja sendiri




Berbanding dengan GTP 1.0, NKRA ini akan memperluas jangkauannya untuk memastikan kemampaman masa hadapan bagi masyarakat luar bandar Malaysia. Matlamat usaha tersebut adalah untuk mewujudkan ekonomi luar bandar yang pesat dan dinamik. Ini seterusnya akan membuka peluang pendapatan yang menarik dan memberangsangkan sekali gus dapat menterbalikkan trend diaspora (penghijrahan) ke bandar besar di samping meningkatkan pendapatan negara kasar selaras dengan matlamat pembangunan Wawasan 2020.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan menerajui program KA21 dan KKLW telah pun menganjurkan Cabaran Perniagaan Luar Bandar pada tahun 2012. Cabaran tersebut merupakan sebuah pertandingan untuk menggalakkan peserta dalam lingkungan umur 18-40 tahun untuk merangka rancangan perniagaan bagi industri luar bandar. Pemenang pertandingan ini telah diumumkan pada 31 Ogos 2012.

Sementara itu, NKRA ini akan mempertingkatkan usaha pelaksanaan infrastruktur bagi mempertingkatkan liputan penyampaian ke kawasan pedalaman di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Dua juta rakyat luar bandar tambahan dijangka meraih manfaat daripada pembangunan ini apabila ia siap pada tahun 2015.

BENEFISIARI GTP 1.0 DAN GTP 2.0



**PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR LUAR BANDAR DALAM GTP 2.0
AKAN MEMFOKUSKAN KAWASAN YANG LEBIH TERPENCIL YANG BERMAKSUD
IMPAK YANG BERKURANGAN BERBANDING DENGAN GTP 1.0**

GTP 1.0 (2010-2012)



**4.5 JUTA
RAKYAT**

Kebanyakan projek RBI merupakan kawasan yang sebahagiannya boleh diakses

Impak / Manfaat

GTP 2.0 (2013-2015)



**4.5 + 2 JUTA
RAKYAT**

GTP 2.0 akan memfokuskan kawasan pedalaman yang lebih terpencil

Impak / Manfaat

IKTIBAR PENTING

8.3

Tiga tahun pertama GTP merupakan tempoh yang banyak memberikan maklumat bagi NKRA RBI. Meskipun matlamat NKRA RBI adalah luar biasa sifatnya dan jelas, namun isu yang tidak dijangka seperti kelewatan dalam pemerolehan tanah, kekurangan bahan mentah dan kelewatan yang disebabkan oleh prestasi kontraktor telah banyak memberikan maklumat dan pengajaran.



Sehubungan dengan itu, NKRA RBI beriltizam untuk memastikan bahawa isu pengendalian sedemikian tidak akan berulang lagi. Dalam konteks isu berkaitan dengan tanah misalnya, NKRA ini komited untuk berinteraksi secara lebih rapat dengan pihak berkepentingan utama seperti agensi kerajaan negeri dan pemilik tanah bagi memastikan penyelesaian yang segera. NKRA ini juga akan mendapatkan bantuan daripada pemimpin masyarakat dan ahli politik tempatan dalam melaksanakan rancangan pemerolehan.

NKRA RBI juga akan mempertimbangkan untuk mendapatkan kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan untuk memperoleh bahan daripada pembekal bukan panel berdaftar bagi memastikan masalah kekurangan bahan pembinaan tidak berlaku lagi. NKRA ini juga akan melaksanakan pemantauan dan pengesanan yang lebih tegas terhadap prestasi kontraktor bagi memastikan pembangunan disiapkan tepat pada masanya dan dalam keadaan yang memuaskan.

Iktibar yang diperoleh daripada GTP 1.0 akan memastikan bahawa pelaksanaan infrastruktur dalam GTP 2.0 akan berjalan selancar yang mungkin.







Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar



MELICINKAN
PERJALANAN
RAKYAT MALAYSIA

SEPATAH KATA



DATO SERI KONG CHO HA

Menteri Pengangkutan

Tahun 2012 merupakan tahun yang cukup bermakna buat NKRA UPT apabila infrastruktur pengangkutan awam yang diwujudkan sejak dua tahun lalu kini mula menampakkan hasil yang ketara. Kepesatan infrastruktur yang dilaksanakan telah berjaya meningkatkan bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi kepada 334,598 orang pada tahun 2012 berbanding dengan 226,184 orang pada tahun 2010.

Usaha gigih kami sepanjang 3 tahun lepas belum mampu mencapai nisbah mod yang disasarkan pada akhir 2012, iaitu sebanyak 25%. Ini adalah disebabkan oleh kecenderungan yang tinggi terhadap penggunaan kendaraan persendirian yang kian hari semakin meningkat. Walau bagaimanapun, sasaran ini tetap menjadi aspirasi NKRA Pengangkutan Awam Bandar memandangkan ia kekal relevan dalam merealisasikan matlamat utama kami iaitu untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Kami yakin bahawa kami telah mulakan langkah yang baik dan kami kini berada di landasan yang tepat. Pada pandangan kami, inisiatif GTP 1.0 berjaya mengurangkan kesesakan dengan memperkenalkan 35 set tren empat gerabak bagi aliran LRT Kelana Jaya pada tahun 2011, sekali gus

Walaupun rangkaian lalulintas yang sedia ada masih menampung jumlah penduduk Lembah Klang buat beberapa tahun akan datang, pertumbuhan kenderaan persendirian akan terus meningkat pantas. Ini akan menyebabkan kesesakan bertambah teruk menjelang tahun 2020.

meningkatkan kapasiti penumpang harian sebanyak 4.3%, iaitu daripada 217,084 penumpang pada tahun sebelumnya kepada 226,602. Hasilnya, terdapat peningkatan seramai 10.4 juta atau 18% pengguna pada tahun 2012 berbanding dengan 2010.

Dari segi perkhidmatan Komuter KTM, set tren enam gerabak yang mula beroperasi pada bulan Mac 2012 telah berjaya membantu melegakan kesibukan waktu pagi dengan meningkatkan pertambahan penumpang harian seramai 10,000 orang. Kejayaan ini amat bermakna memandangkan penggunaan pengangkutan rel pada ketika ini menyumbang kepada kira-kira 40% daripada bilangan penumpang pengangkutan awam harian.

GTP 1.0 juga menyaksikan penaiktarafan 1,116 buah perhentian bas dan 272 buah lagi perhentian bas baharu dibina di Kuala Lumpur sejak tahun 2012. Sementara itu, mercu tanda Terminal Puduraya yang telah berusia 35 tahun kini dikenali semula sebagai Pudu Sentral telah dibaik pulih secara besar-besaran dan ditransformasi menjadi sebuah terminal bas bagi penggunaan antara bandar.

Selain kerja-kerja membaik pulih perhentian bas dan terminal bas, sebanyak 470 buah bas RapidKL juga telah dilancarkan untuk meningkatkan kekerapan bas di Lembah Klang yang telah menghasilkan 4.04 juta penumpang trafik tambahan berbanding dengan tahun sebelumnya. Kami juga mengakui bahawa sistem pengangkutan

yang terbaik di dunia adalah sistem pengangkutan yang berintegrasi. Menyedari hakikat ini, GTP 2.0 mengandungi beberapa inisiatif yang akan menyepakukur kemudahan sedia ada dengan lebih berkesan merangkumi LRT, Monorel dan MRT yang sedang dibina.

Hakikatnya, meskipun radius perkembangan bandar (*urban sprawl radius*) kian bertambah, namun pusat ekonomi dan perdagangan masih kekal tertumpu di tengah-tengah pusat bandar Kuala Lumpur. Walaupun rangkaian lalulintas yang sedia ada masih menampung jumlah penduduk Lembah Klang buat beberapa tahun akan datang, pertumbuhan kenderaan persendirian akan terus meningkat pantas. Ini akan menyebabkan kesesakan bertambah teruk menjelang tahun 2020.

Kami perlu bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan dan mewujudkan kesedaran di kalangan rakyat untuk turut serta menyokong usaha ini. Ia bukan satu laluan yang mudah, apatah lagi kami kini sedar bahawa pengguna awam sukar diyakinkan untuk membuat peralihan daripada pengangkutan persendirian kepada pengangkutan awam. Namun, harapan kami tetap utuh untuk menyaksikan usaha ini mencapai kejayaan.

Meningkatkan nisbah mod UPT daripada 12% kepada 25% terus menjadi cabaran yang sukar, namun rakyat kini boleh mengharapkan peningkatan usaha terhadap pelbagai inisiatif Kerajaan untuk mencapai matlamat ini.

1

Nisbah mod pengangkutan awam merujuk kepada peratus pengguna pengangkutan awam bagi perjalanan dalam bandar di samping perjalanan masuk dan keluar bandar, berbanding dengan peratusan pengguna yang menggunakan kenderaan persendirian.

NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

TINJAUAN KESELURUHAN

Kesesakan lalu lintas, khususnya di pusat bandar Kuala Lumpur, semakin membimbangkan dengan keadaan jalan raya yang hampir mencecah kapasiti maksimum. Jumlah penduduk Kuala Lumpur dijangka dijangka meningkat dengan penambahan empat juta orang menjelang tahun 2020 dan ini akan menyebabkan tekanan terhadap rangkaian jalan raya yang akan mengakibatkan kesesakan yang lebih teruk. Kuala Lumpur perlu mewujudkan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap bagi mengurangkan kesesakan jalan rayanya dan menyediakan laluan alternatif kepada pengguna untuk bergerak masuk dan keluar pusat bandar.


Kesesakan lalu lintas membawa kepada pelbagai masalah lain termasuklah kehilangan produktiviti, pencemaran, pembaziran bahan api – kesemua ini menjadikan secara keseluruhan tahap daya huni (liveability) keseluruhan pusat bandar Kuala Lumpur². Tambahan pula, kepentingan perniagaan dan komersial juga bergantung pada rangkaian pengangkutan yang cekap khususnya di pusat perdagangan seperti di pusat bandar (CBD) Kuala Lumpur.

Meskipun Kuala Lumpur memiliki sejumlah rangkaian pengangkutan awam yang menggunakan kedua-dua kemudahan rel dan jalan raya, namun kekurangan pendekatan berfokus pada tahun-tahun sebelumnya telah mewujudkan sistem yang tidak bersepada dan tidak komprehensif. Inisiatif NKRA Pengangkutan Awam Bandar (NKRA UPT) diperkenalkan untuk menangani isu ini dengan memperkemas rangkaian pengangkutan awam yang sedia ada di samping menambah kemudahan baharu seperti penambahan jajaran Transit Aliran Ringan (LRT), aliran Komuter KTM dan Sistem Transit Aliran Massa (MRT).



2

Mentransformasikan Kuala Lumpur menjadi salah sebuah bandar di dunia yang paling berdaya huni merupakan inisiatif utama Program Transformasi Ekonomi





Fokus GTP 1.0 adalah untuk mentransformasikan pengangkutan awam menjadi pilihan yang lebih menarik dan kepada penumpang sekali gus mewujudkan 'faktor tarikan' bagi meyakinkan mereka untuk menukar pilihan.

Penunjuk Prestasi Utama NKRA (NKPI) adalah untuk meningkatkan nisbah penumpang yang menggunakan pengangkutan awam untuk memasuki Kuala Lumpur daripada hanya 16.42% pada tahun 2011 kepada 25%. Dikenali juga sebagai nisbah mod pengangkutan awam, NKRA UPT telah memfokuskan inisiatifnya bagi memastikan peningkatan kapasiti, keandalan, kesalinghubungan dan keselesaan pengangkutan awam.

NKRA telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam tempoh tiga tahun yang lalu termasuklah membaik pulih stesen, menambah gerabak tren dan mewujudkan laluan bas ekspres sebagai langkah permulaan untuk melancarkan aliran traf k. Fokus GTP 1.0 adalah untuk mentransformasikan pengangkutan awam menjadi pilihan yang lebih menarik kepada penumpang sekali gus mewujudkan 'faktor tarikan' bagi meyakinkan mereka untuk membuat pilihan. Berikutnya usaha yang digembung oleh NKRA ini, nisbah mod pengangkutan awam berjaya ditingkatkan kepada 20% pada tahun 2012.

PENCAPAIAN GTP 1.0

NKRA UPT menggunakan tiga tahun pertama GTP untuk membina infrastruktur dan menambah kapasiti pengangkutan awam. NKRA UPT percaya bahawa ia perlu terlebih dahulu memperbaiki infrastruktur dan pengalaman perjalanan pengguna pengangkutan awam sebelum dapat meyakinkan pengguna kenderaan persendirian sedia ada untuk mengubah pilihan. Dalam konteks Kuala Lumpur, ini bermakna membuat perubahan terhadap dua mod utama pengangkutan awam, iaitu jalan raya dan rel.

Inisiatif NKRA UPT mengambil pendekatan yang menyeluruh dalam menangani isu-isu di sepanjang rangkaian pengangkutan awam. Sebagai contoh, salah satu inisiatif NKRA UPT adalah untuk meningkatkan kapasiti aliran rel sedia ada untuk mengurangkan masa menunggu ketika waktu puncak pagi. Ini bukan sahaja akan mempermudah aliran lalu lintas, malah menjadikan perjalanan menaiki rel satu pilihan yang dipercayai.

NKRA UPT juga melaksanakan inisiatif bagi mempermudah aliran trafik, dan membuat pembaharuan kawal selia untuk memastikan rangkaian pengangkutan beroperasi dengan lebih cekap. Ringkasan mengenai aktiviti NKRA UPT bagi GTP 1.0 diperincikan dalam rajah di bawah.

Inisiatif NKRA UPT mengambil pendekatan yang menyeluruh dalam menangani isu-isu di sepanjang rangkaian pengangkutan awam.

PANDANGAN DARIPADA DMO: BINA PRASARANA DAN PENGGUNA PASTI DATANG



Jalan penyelesaian kepada cabaran terbesar berkaitan dengan isu pengangkutan awam menurut Azmi Abdul Aziz, Ketua Pegawai Pembangunan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah mudah: Sediakan alternatif yang sempurna kepada pengguna kereta dan motosikal, dan pengguna pasti akan membuat keputusan untuk mengubah pilihan. Bina prasarana dan mereka pasti datang, kata Azmi yang juga mesra dengan panggilan 'Cikgu' oleh pasukan NKRA.

"Mengubah fikiran pengguna tidak menjadi satu masalah yang besar kerana sekiranya kita dapat menyediakan alternatif untuk perjalanan mereka, pastinya mereka akan menggunakan kemudahan itu" kata beliau. "Cabarannya adalah dalam menyediakan pilihan alternatif tersebut."

Sebahagian daripada jalan penyelesaian yang ditawarkan oleh NKRA UPT merupakan penyelesaian yang mudah seperti seperti memperkenalkan tren tren enam gerabak oleh Komuter KTM, ujar Azmi. Namun kurangnya penyelaras pada masa lampau menyebabkan idea sebegini tidak dapat dilaksanakan sebelum kewujudan SPAD.

"Peranan kami adalah untuk mengenalpasti secara kreatif usaha yang dapat dilaksanakan – bagaimana kami dapat dapat mencari penyelesaian yang berimpak besar dan pantas," ulasnya lagi. "Di samping set tren enam gerabak, kami sedang mengenal pasti penambahbaikan trek dan kaedah mempertingkatkan tahap perkhidmatan Komuter."

Sebagai contoh, kenderaan berat tidak dibenarkan memasuki kawasan pusat bandar (CB, inisiatif bas aliran deras (Bus Rapid Transit, BRT) yang telah melalui kajian kebolehlaksanaan (feasibility study), serta papan maklumat yang mengesan lokasi bas dan memberikan maklumat masa bas dijangka tiba kepada penumpang. Namun demikian, Azmi menegaskan perlunya ada penglibatan yang lebih menyeluruh oleh pihak yang berkepentingan dalam GTP 2.0 sama ada rakyat, Kerajaan negeri atau agensi yang terlibat. Pada ketika ini, SPAD merupakan agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap isu pengangkutan awam di Semenanjung Malaysia, namun ia perlu mendapatkan kerjasama dari Kerajaan negeri yang mempunyai kuasa terhadap penggunaan tanah.

SPAD telah ditubuhkan sebahagian daripada usaha GTP untuk menangani masalah yang melanda rangkaian pengangkutan awam, seperti laluan yang tidak efisyen, kapasiti yang tidak mencukupi dan kurangnya integrasi diantara mod pengangkutan awam. Kepantasan penubuhan suruhanjaya ini, iaitu selepas enam bulan penggubalan akta, membuktikan suatu pencapaian yang tersendiri, menurut Azmi lagi.

"GTP telah mentransformasikan negara ini dalam bidang-bidang yang diusahakan," ujar Azmi. "Sesiapa yang mengatakan sebaliknya kini sedang hidup di dunia yang berbeza. GTP ini wajar diteruskan, dan kita seharusnya berpegang teguh kepada matlamat untuk mempertingkatkan transformasi."

FASA FOKUS

Akhir 2009 hingga 2010

2011 hingga 2012

Selepas 2013

1

Meningkatkan kapasiti sistem sedia ada yang telah mencapai hadnya

- ▶ Kekerapan LRT Kelana Jaya daripada 3 kepada 2 minit
- ▶ Meningkatkan perkhidmatan bas sedia ada di laluan sesak dan berpermintaan tinggi
- ▶ Laluan khas bas: BET, BRT dan lorong bas
- ▶ Kapasiti KTM Komuter dikembangkan untuk meningkatkan kekerapan dari 45 minit ke 15 minit
- ▶ Peluasan kapasiti Komuter KTM dan Monorel KL
- ▶ Aliran rel baharu

2

Merangsang permintaan bagi menarik minat rakyat menggunakan pengangkutan awam

- ▶ Penguatkuasaan piawai perkhidmatan
- ▶ Integrasi stesen (cth. hubungan laluan pejalan kaki KL Sentral-Monorel) dan park-and-ride
- ▶ Liputan bas pengantara bagi kawasan (putih) yang tiada liputan perkhidmatan
- ▶ Bilangan, kualiti dan liputan perhentian bas
- ▶ Sistem tiket pintar bersepadu merentas semua pengendali

3

Kenderaan berat tidak dibenarkan memasuki kawasan pusat bandar (CBD)

- ▶ Menguatkuasakan undang-undang sedia ada terhadap sekatan kenderaan berat dan penyediaan lorong bas
- ▶ Terminal pengangkutan: Pemulihan ITT Gombak, terminal antara mod pengangkutan dan hab bandar bagi kesalinghubungan bas-rel

4

Penstrukturkan semula pengawalseliaan

- ▶ Mempercepat pembentukan dan operasi SPAD untuk memacu penstrukturkan semula industri

5

Mengurus permintaan menerusi 'faktor tolakan'

6

Pembangunan MRT Lembah Klang

- ▶ Mencapai peningkatan kapasiti yang ketara
- ▶ Mempertingkatkan kesalinghubungan pengangkutan awam di GKL



Sepanjang tempoh GTP 1.0, NKRA UPT berjaya meningkatkan kapasiti rel tren Komuter KTM sebanyak 144% daripada 450 kepada 1,100 penumpang bagi setiap perjalanan tren pada waktu puncak pagi. Pasukan GTP 1.0 melaksanakan beberapa inisiatif berskala besar termasuk menambah gerabak rel dan meningkatkan kapasiti di laluan yang sibuk. Rel kini mencakupi hampir 40% daripada keseluruhan penggunaan pengangkutan awam memasuki pusat bandar, dimana sebelum ini perkhidmatan rel dianggap tidak andal.

NKRA UPT telah menangani sebahagian daripada isu ini namun sebahagian besar usaha untuk memperbaik pengalaman perjalanan rel akan dilaksanakan dalam GTP 2.0. Penambahan jajaran aliran sedia ada dan aliran rel baharu juga berada di bawah skop GTP 2.0 memandangkan inisiatif ini mempunyai tempoh perlaksanaan yang lebih panjang daripada inisiatif berskala besar yang diperkenalkan dalam GTP 1.0.


NKRA UPT juga membaik pulih sejumlah stesen dan terminal bas bagi mewujudkan kemudahan perkhidmatan yang lebih baik untuk rakyat. Salah satu usaha penaiktarafan ialah stesen Pudu Sentral yang berjaya di transformasikan menjadi kegunaan terminal bas antara bandar. Sebuah terminal baru, iaitu Terminal Bersepadu Bandar Tasik Selatan (TT BTS) juga dibina dalam GTP 1.0 dan telah mula beroperasi.

Di samping itu, NKRA UPT melaksanakan beberapa penambahaikan seperti membaik-pulih perhentian bas dan juga penambahan bas bertujuan memperbaik pengalaman perjalanan pengguna. Bilangan penumpang bas meningkat kepada 10,000 orang pada waktu puncak pagi sepanjang tiga tahun pertama GTP.

TINJAUAN KESELURUHAN 2012

NKRA UPT terus melaksanakan beberapa inisiatif utama pada tahun 2012 dan berjaya mencatatkan peningkatan bilangan penumpang mengatasi jumlah dua tahun sebelumnya: contohnya, nisbah mod pengangkutan awam meningkat 20% pada tahun 2012 berbanding dengan 16.4% pada tahun 2011 dan 17% pada tahun 2010. Walaupun inisiatif tersebut membantu meningkatkan bilangan penumpang pada tahun 2012, namun kesan sepenuhnya inisiatif ini masih dapat dirasai sehingga tahun berikutnya apabila terdapat penerimaan yang lebih menyeluruh oleh rakyat berserta peningkatan dalam integrasi perkhidmatan.

NISBAH MOD PENGANGKUTAN AWAM



Salah satu aspirasi utama NKRA UPT adalah untuk memberi respon kepada pengguna Malaysia yang selama ini menuntut pengangkutan awam yang cekap. NKRA UPT berjaya melaksanakan keberhasilan berikut pada 2012 dan menjangka akan memberi keberhasilan yang lebih baik dalam GTP 2.0.



KEBERHASILAN 1

Menyediakan tren enam gerabak bagi perkhidmatan tren Komuter KTM

Sejumlah 37 daripada 38 tren enam gerabak yang ditempat untuk Komuter KTM telah memulakan perkhidmatannya dengan mengurangkan masa menunggu ketika waktu puncak pagi daripada 45 minit kepada 15 minit. Tren enam gerabak yang baru ini menambah kapasiti gerabak rel yang sedia ada lebih dua kali ganda daripada 450 kepada 1,100 penumpang. Penumpang Komuter KTM mencakupi 35% daripada keseluruhan pengguna rel yang bergantung sepenuhnya kepada tren untuk perjalanan harian mereka memasuki pusat ke bandar.

KEBERHASILAN 2

Memperkenal perkhidmatan bas GoKL

GoKL merupakan perkhidmatan bas henti-henti yang menawarkan perjalanan percuma kepada pengguna di pusat bandar Kuala Lumpur. Walaupun inisiatif ini pada awalnya dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam GTP 2.0, NKRA UPT telah mula dua laluan pada 31 Ogos, 2012 (laluan Hijau dan Ungu) lebih awal daripada jadual yang dirancang. Lima belas buah bas GoKL yang memberikan perkhidmatan di laluan Hijau dan Ungu melaporkan bilangan penumpang harian mencecah seramai 14,000 orang.

KEBERHASILAN 3

Pelancaran Hentian Akhir Bandar (HAB) Pasar Seni

Pelancaran HAB Pasar Seni pada Ogos 2012 telah memantapkan integrasi antara perkhidmatan bas dengan rel di salah sebuah kawasan paling sibuk di pusat bandar Kuala Lumpur. Kemudahan bernilai RM9.5 juta ini merupakan yang pertama daripada beberapa kemudahan HAB yang dirancang untuk lima koridor utama yang mencakupi sebahagian besar daripada kawasan yang melaporkan keadaan trafik paling sibuk. Pada waktu yang sama, HAB Pasar Seni ini juga mendapat perkhidmatan Bas GoKL, iaitu perkhidmatan bas ulang-alik percuma yang diperkenalkan tahun ini sebagai sebahagian daripada usaha NKRA untuk menyediakan kesalinghubungan yang lancar dan selesa dalam bandar.

KEBERHASILAN 4

Pembinaan Park & Ride Gombak

Park & Ride Gombak telah disempurnakan pembinaannya pada 30 Oktober 2012. Kemudahan ini menyediakan 1200 ruang parkir kereta yang membolehkan pengguna bertukar daripada menggunakan kenderaan persendirian kepada rel untuk meneruskan perjalanan memasuki bandar dan keluar dari bandar. Lebih banyak kemudahan 'Park & Ride' telah dirancang untuk dibangunkan di sepanjang aliran rel lain termasuk di stesen LRT Kelana Jaya dan stesen KTM di Klang dan Rawang.

KEBERHASILAN 5

Pelaksanaan Sistem Maklumat Penumpang (Passenger Information System, PIS)

Pengguna bas kini mempunyai gambaran yang lebih baik tentang masa menunggu sebelum bas mereka tiba berikutan pengenalan Sistem Maklumat Penumpang (PIS) yang mengesan lokasi bas melalui penggunaan Sistem Penentu Kedudukan Sejagat (GPS). Dalam fasa pertama perlaksanaannya, 59 buah perhentian bas di Kuala Lumpur telah dilengkapi dengan papan maklumat yang memaparkan maklumat masa menunggu yang tepat hingga ke minit yang terakhir sebelum ketibaan bas.



PENUNJUK PRESTASI UTAMA NEGARA (NKPI)

Statistik tahun 2012 menunjukkan peningkatan yang ketara dalam jumlah penumpang yang memilih untuk menggunakan pengangkutan awam berbanding dengan penggunaan kenderaan persendirian. Ini merupakan petanda yang baik bahawa inisiatif yang dilaksanakan oleh NKRA UPT dalam tempoh dua tahun pertama GTP berkesan dan membawa hasil. Meskipun dengan keputusan yang positif ini, NKRA UPT tidak mencapai sasarannya untuk memperoleh 25% nisbah mod pengangkutan awam bagi tahun 2012.

Bilangan penumpang pengangkutan awam meningkat sebanyak 80,000 orang sehari pada tahun 2012 tetapi peningkatan ini telah diimbangi oleh pertumbuhan yang lebih pesat dalam penggunaan kenderaan persendirian. Berdasarkan data yang diperoleh daripada kajian lalu-lintas, jumlah penumpang awam meningkat kepada 930,468 perjalanan pada tahun 2012 berbanding dengan 622,185 perjalanan setahun yang lalu. Namun demikian, bilangan perjalanan persendirian telah meningkat daripada 3.5 juta kepada 4.35 juta pada masa yang sama.

Meskipun terdapat peningkatan dalam bilangan penumpang pengangkutan awam, nisbah modnya masih tidak banyak berubah daripada 17% pada tahun 2010.

BILANGAN PENUMPANG PENGANGKUTAN AWAM LWN KENDERAAN PERSENDIRIAN (2011 – 2012)




Sumber: URUSBUDI, pengendali, JPJ

Tiga faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan pesat dalam penggunaan kenderaan persendirian:

- ▶ Pertumbuhan pesat dalam pemilikan kenderaan persendirian, iaitu kira-kira 10,000 buah kereta setiap dua minggu disebabkan oleh kos bahan api dan kenderaan pada harga yang berpatutan.
- ▶ Keengganan pemilik kenderaan persendirian untuk beralih kepada pengangkutan awam disebabkan oleh kurangnya kesedaran, atau pengalaman yang buruk pada masa lampau.
- ▶ Pertumbuhan rel, iaitu satu-satunya alternatif kepada pengangkutan jalan raya di Kuala Lumpur tidak seiring dengan pertumbuhan jalan raya memandangkan perkhidmatan rel tidak begitu menguntungkan.

Sikap penumpang yang lebih cenderung memilih untuk memiliki serta memandu kenderaan sendiri dan tidak beralih kepada pengangkutan awam telah menghambat usaha pasukan NKRA UPT untuk meningkatkan nisbah mod pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang ditunjukkan oleh dalam KPI di bawah, NKRA UPT berjaya mencapai semua matlamat kapasitinya disamping meningkatkan kepuasan pengguna meskipun sasaran nisbah modnya tidak tercapai.

Matlamat GTP 2.0 adalah untuk meningkatkan lagi ‘faktor tarikan’ untuk menggalakkan pengguna memilih untuk beralih, manakala ‘faktor tolakan’ contohnya tidak menggalakkan penggunaan kenderaan persendirian akan dipertimbangkan. Kombinasi kedua-dua faktor tolakan dan tarikan ini dijangka dapat menambah nisbah mod pengangkutan awam dalam tempoh tiga tahun akan datang.



* Pencapaian adalah purata pulangan bulanan dari Jan - Okt

90% dan lebih
Pencapaian 90% dan ke atas

51 % ke 89%
Pencapaian 51% hingga 89%

INISIATIF

9.1

Meskipun NKRA UPT tidak mencapai sasaran nisbah mod sebanyak 25% pada 2012, namun 11 inisiatif yang dilaksanakan dalam GTP 1.0 untuk menambah baik sistem pengangkutan awam bandar (UPT) berjaya menunjukkan hasil yang ketara dari sudut menambah kapasiti serta meningkatkan ketercapaian dan kesalinghubungan. Inisiatif tersebut dikelompokkan di bawah empat kategori utama iaitu Bas, Rel, Integrasi dan Rangkaian.



NKRA UPT telah menaik taraf sejumlah 1,116 buah perhentian bas dalam GTP 1.0 dan membina 272 buah perhentian bas baharu di Lembah Klang pada 2012.

BAS

Rangkaian bas kekal sebagai mod pengangkutan awam yang penting untuk rakyat, namun kesesakan jalan raya selain pertindihan laluan telah menyebabkan perkhidmatan yang kurang cekap. Perkhidmatan bas di Kuala Lumpur juga berdepan dengan isu kapasiti dari segi kelengkapan dan kekurangan pemandu yang berkelayakan.

Bagi mengatasi masalah tersebut, 470 buah bas RapidKL telah diperkenalkan dalam GTP 1.0 dan empat laluan baharu Bus Expressway Transit (BET) telah disyorkan. NKRA UPT juga mengambil langkah seterusnya untuk menaiktaraf kemudahan sokongan seperti perhentian bas dan mewujudkan terminal pengangkutan bersepadu seperti di Bandar Tasik Selatan.

NKRA UPT telah menaik taraf sejumlah 1,116 buah perhentian bas dalam GTP 1.0 dan membina 272 buah perhentian bas baru di Lembah Klang pada 2012. Ia juga telah mula melaksanakan Bus Expressway Transit (BET) dan dua laluan perkhidmatan bas GoKL (laluan Hijau dan Ungu).



REL

Rangkaian rel keluar dan masuk ke pusat bandar Kuala Lumpur masih menjadi laluan pengangkutan awam yang penting dan mencakupi 40% daripada jumlah keseluruhan pengguna pengangkutan awam. Ia juga merupakan satu-satunya mod pengangkutan awam yang memberikan khidmat kepada bandar-bandar satelit dalam skala yang ketara melalui tren Komuter KTM.

Pada tahun 2012, NKRA UPT secara berperingkat memperkenalkan tambahan 37 buah tren enam gerabak Komuter KTM bermula Mac dan ini telah meningkatkan kapasiti laluan rel. Hasilnya, masa menunggu ketika waktu puncak pagi berjaya dikurangkan daripada 45 minit kepada 15 minit. Penambahbaikan yang sama juga dilaksanakan terhadap rangkaian Transit Aliran Ringan (LRT) Kelana Jaya, yang berjaya menjana peningkatan dalam kapasiti penumpang.

Peluasan jajaran laluan tren LRT juga sedang dalam pelaksanaan dan dianggarkan siap menjelang akhir suku kedua tahun 2015, dan bakal memperluaskan perkhidmatannya kepada komuniti satelit yang kini kurang mendapat liputan perkhidmatan.

Pada tahun 2012, NKRA UPT secara berperingkat memperkenalkan tambahan 37 buah tren enam gerabak Komuter KTM bermula Mac dan ini telah meningkatkan kapasiti laluan rel.

INTEGRASI

NKRA UPT mengakui bahawa sistem pengangkutan awam yang terbaik merupakan sistem yang berintegrasi, iaitu terdapat peralihan yang mudah dan bersepadan antara mod pengangkutan awam yang berlainan. Ini bermakna penumpang seharusnya dapat melakukan pertukaran antara laluan tren dan bas dengan lancar sewaktu melakukan perjalanan.

GTP 1.0 telah melaksanakan beberapa perubahan bagi memudahkan integrasi yang lebih efektif. Antara yang paling ketara ialah pembinaan Terminal Bersepadan Selatan di Bandar Tasik Selatan yang menyepadukan perjalanan antara bandar dari arah selatan dengan Komuter KTM dan perkhidmatan LRT. Terminal Bas Puduraya yang telah dibaik pulih juga menjalankan fungsi yang sama tetapi memenuhi keperluan traf k dari arah ke utara.

Terdapat juga perancangan yang sedang dirangka untuk mempertingkatkan integrasi antara dua aliran LRT, iaitu aliran Kelana Jaya dan Ampang di tiga stesen berikut: Hang Tuah, Masjid Jamek dan Titiwangsa. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan dataran umum yang memudahkan pemindahan yang lancar antara kedua-dua laluan. Buat masa ini, pengguna perlu keluar dari laluan masing-masing sebelum bertukar ke laluan seterusnya, dan ini menambahkan lagi masa perjalanan.

Pelancaran Hentian Akhir Bandar (HAB) Pasar Seni pada Ogos yang lalu juga merupakan yang pertama mewakili beberapa HAB bas yang dirancang bagi meningkatkan integrasi antara perkhidmatan jalan raya dan rel. Kemudahan yang serupa telah dirancang untuk lima koridor lain dalam pusat bandar, yang dijangka dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan seterusnya menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

Infrastruktur sokongan seperti kompleks letak kereta berhampiran dengan stesen rel yang juga dikenali sebagai Park & Ride kini sedang dibangunkan di samping beberapa lokasi yang paling sibuk, sebagai contohnya, di Sungai Besi dan di Gombak.



PENAMBAHBAIKAN RANGKAIAN

Matlamat inisiatif di bawah aliran kerja ini adalah bagi meningkatkan lagi dan memperhalus infrastruktur rangkaian semua mod pengangkutan awam untuk menjadikannya lebih menarik kepada penumpang. Sebagai contoh, pengenalan papan maklumat yang menyediakan anggaran masa ketibaan menggunakan sistem GPS untuk bas di perhentian bas terpilih menjadikan perjalanan bas satu bentuk pengangkutan awam yang lebih andal.

Memandangkan NKRA UPT telah menetapkan fokus utamanya terhadap peningkatan kapasiti dalam GTP 1.0, rakyat boleh menjangka untuk menyaksikan lebih banyak inovasi dalam aliran kerja ini sepanjang tempoh tiga tahun akan datang.





Cadangan fungsi utama

- 1 Menjadi platform usaha sama bagi inisiatif berkaitan penguatkuasaan UPT.
- 2 Mempertingkatkan kecekapan proses penguatkuasaan UPT (cth. pemprosesan IP, proses antara agensi, dsb.)
- 3 Menjadi hab perkongsian maklumat yang berfungsi sebagai risikan untuk operasi masa hadapan.
- 4 Menyokong inisiatif baharu bas dan taxi oleh makmal UPT GTP 2.0 (contohnya, penguatkuasaan lorong bas yang melibatkan JPJ dan PDRM dalam penguatkuasaan kenderaan persendirian.)

PEMBOLEH SOKONGAN

Di samping inisiatif yang dinyatakan sebelum ini, NKRA UPT juga telah mengenal pasti beberapa 'Pemboleh' yang akan terus membantu dalam mencapai nisbah mod yang disasarkan. Projek pemboleh ini termasuk:

► **Penilaian Semula Kadar Tambang**

Tambang akan dikaji semula bagi memastikan kemampannya secara komersial agar pengendali dan juga laluan dapat dipastikan tidak terabai jika didapati tidak menguntungkan.

► **Akademi Pemandu dan Program Penambahbaikan**

Kekurangan pemandu bas yang berkelayakan terus menjadi satu isu yang ketara bagi pengangkutan awam bandar. Justeru pembangunan akademi latihan diharap dapat menyelesaikan masalah ini.

► **Pasukan Petugas Penguatkuasaan Bersama**

Penguatkuasaan pelbagai aspek UPT masih menjadi isu utama kerana terdapat sekurang-kurangnya enam agensi pengawalselia yang mengawasi UPT. Pembentukan pasukan petugas bersama akan membantu memperkemaskan proses penguatkuasaan ini.

STRUKTUR BAGI PASUKAN PETUGAS PENGUATKUASAAN BERSAMA

Pasukan Petugas Pelaksanaan NKRA

- Dipengerusikan oleh YAB TPM
- Ahli terdiri daripada Menteri Peneraju, Menteri yang terlibat dan KSU

Pasukan Petugas Penguatkuasaan Bersama UPT

- Pengurus: Ketua Bahagian Penguatkuasaan S.P.A.D
- Pengarah Penguatkuasaan JPJ
- Urus Setia: S.P.A.D



S.P.A.D



PDRM



JPJ



DBKL



PEMANDU
PERFORMANCE MANAGEMENT AND DELIVERY UNIT



Jabatan Peguam Negara

Kekerapan

Sekali sebulan



MEMANDANG KE HADAPAN MENUJU GTP 2.0

9.2

► **'Watching Brief' bagi Inisiatif Pengangkutan Awam di Bandar dan Koridor Serantau**

Memandangkan sebahagian besar inisiatif NKRA UPT fokus di Kuala Lumpur dan Lembah Klang, satu mekanisme amat diperlukan untuk memantau UPT di kawasan lain termasuk di koridor-koridor ekonomi. Keputusan pemantauan ini akan disepadukan ke dalam pelan induk serantau Jabatan Pengangkutan Darat.

► **Zon Pengaktifan Semula Perniagaan dan Bebas Kereta di Lembah Klang**

Matlamatnya adalah untuk meningkatkan daya tarikan Kuala Lumpur dengan tidak menggalakkan penggunaan kendaraan persendirian. Pengaktifan semula pusat bandar juga dijangka dapat membantu menggalakkan orang ramai untuk menikmati lebih masa tanpa kenderaan dan berada di dalam bandar.

NKRA UPT menyasarkan untuk terus meningkatkan dan melaksanakan perubahan, dengan meneruskan kejayaan dan pencapaian GTP 1.0. Fokus kini lebih tertumpu kepada mod pengangkutan awam, namun matlamatnya adalah untuk memberikan lebih fokus kepada bidang-bidang tertentu. Justeru, aspirasi GTP 2.0 untuk NKRA UPT dibahagikan kepada lima aliran kerja:

1

Bas

2

Rel

3

Teksi

4

Integrasi

5

*Pengurusan
Permintaan
Perjalanan*

Pengenalan lima aliran kerja tersebut membolehkan NKRA UPT mengambil pendekatan yang lebih jelas kerana setiap aliran kerja telah ditetapkan penunjuk prestasi utama (KPI) yang tersendiri.

Sebagai contoh, aliran kerja Rel akan menyaksikan inisiatif khusus dilaksanakan untuk meningkatkan keandalan dan keupayaan rangkaian rel melalui usaha seperti pemulihan trek dan penaiktarafan rangkaian kuasa KTM. Inisiatif ini akan dijalankan sebagai respons terhadap aduan ketidakandalan serta kerosakan yang kerap berlaku di dalam sistem.

Pengenalan kepada lima aliran kerja membolehkan NKRA UPT mengambil pendekatan yang lebih jelas kerana setiap aliran kerja telah ditetapkan penunjuk prestasi utama (KPI) yang tersendiri.



Aliran LRT yang sibuk juga akan diperluaskan jajarannya bagi membolehkan akses yang lebih baik, dan akan saling melengkapi Sistem Transit Aliran Massa (MRT) di Lembah Klang yang sedang dibangunkan di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Peluasan aliran LRT Kelana Jaya dan Ampang yang dijadualkan siap pada 2015 akan menyaksikan kapasiti waktu puncak pagi harian di kedua-dua aliran meningkat kepada 100,000 penumpang. Kapasiti tren Monorel juga akan ditambah dalam GTP 2.0 di bawah rancangan Pembangunan Rel Bandar dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat yang dirangka oleh SPAD.

Tindakan yang sama akan turut dilaksanakan terhadap perkhidmatan bas dan teksi memandangkan NKRA UPT berusaha untuk menambah baik rangkaian pengangkutan awam di rantau ini. Ia selaras dengan program pembangunan keseluruhan GTP yang telah mengenal pasti GTP 2.0 sebagai fasa untuk mempergiatkan lagi perubahan yang diperkenalkan dalam GTP 1.0.

Sebagai contoh, Terminal Pengangkutan Antara bandar (IUTT), perkhidmatan bas henti-henti dalam pusat bandar (CBD) dan penyusunan semula rangkaian bas henti-henti dan bas perantara akan diperkenalkan. Usaha ini bertujuan meningkatkan bilangan penumpang kenderaan awam kepada 750,000 orang pada 2015.

Aliran kerja teksi diberikan perhatian khusus setelah kelemahan

dalam pentadbiran sistemnya menimbulkan krisis pada 2012. Pemandu teksi menyuarakan secara terbuka rasa tidak puas hati terhadap sistem yang wujud kini kerana ia mengakibatkan sebahagian daripada mereka mengalami kerugian, dan NKRA UPT kini nekad untuk meningkatkan mutu kerja warga pemandu teksi.

Inisiatif di bawah aliran kerja ini merangkumi pelaksanaan sistem perkhidmatan teksi berpusat untuk memperbaiki keupayaan penguatkuasaan dan pemantauan oleh pengawal selia dalam industri dan pengendali teksi. Terdapat juga pengenalan kepada model perniagaan teksi baharu yang akan membantu pemandu teksi dari segi pakej penyelenggaraan dan pembiayaan kenderaan.

Sementara itu, projek memboleh UPT akan melibatkan tinjauan semula tambang pengangkutan awam di Kuala Lumpur/Lembah Klang, penubuhan akademi pemandu bas, pewujudan pasukan petugas penguatkuasaan bersama untuk memantau sistem UPT, pemantauan (watching brief) bagi inisiatif pengangkutan awam seluruh negara dan pengenalan kepada zon bebas kereta.

Maklumat yang lebih terperinci mengenai inisiatif di bawah aliran kerja ini boleh diperoleh dalam Pelan Hala Tuju GTP 2.0.

IKTIBAR PENTING

9.3

Seperti mana-mana program perubahan, NKRA UPT telah mengenal pasti beberapa iktibar daripada pelaksanaan GTP 1.0. Terdapat beberapa rintangan terhadap seruan ke arah perubahan, dan sebab-sebab rintangan yang tidak dapat dijangkakan oleh pasukan NKRA UPT.



Walau bagaimanapun, pasukan ini telah memperoleh pengajaran yang berguna daripada setiap halangan yang ditempuh, dan akan mengambil iktibar dalam melaksanakan inisiatif GTP 2.0. Contohnya, satu kekurangan yang mendesak dalam sistem pengangkutan awam bandar ialah keadaan geograf Kuala Lumpur itu sendiri. Memandangkan pusat bandar ini mempunyai ruang yang terhad untuk pertumbuhan, sebarang penyelesaian masalah traf k haruslah dilaksanakan dalam lingkungan sempadan yang telah ditetapkan.

Dalam contoh yang lain, Terminal Transit Bersepadu (TT) yang diumumkan bagi Gombak telah ditangguhkan disebabkan oleh isu tanah. Ini merupakan satu lagi halangan di luar jangkaan, namun peristiwa ini telah menekankan keperluan bagi mendapatkan sokongan daripada semua peringkat Kerajaan dan akar umbi dalam melaksanakan sesuatu strategi.

Akhir sekali, terdapat kesukaran dalam meyakinkan rakyat secara keseluruhan untuk

beralih kepada pengangkutan awam. Pendidikan dan usaha meningkatkan kesedaran yang lebih berkesan diperlukan oleh pihak NKRA UPT bagi meraih sokongan rakyat untuk memberi satu lagi peluang kepada pengangkutan awam.


Dengan kebanyakan infrastruktur dan kerja penambahbaikan kapasiti dijalankan dalam GTP 1.0, cabaran untuk GTP 2.0 adalah untuk meningkatkan nisbah mod pengangkutan awam, iaitu nisbah penumpang yang menggunakan pengangkutan awam berbanding dengan kendaraan persendirian untuk perjalanan ke pusat bandar. Usaha dalam GTP 1.0 telah tertumpu pada faktor ‘tarikan’, iaitu untuk menjadikan pengangkutan awam lebih menarik kepada pengguna. Taktik ini telahpun berhasil, tetapi bilangan penumpang tidak sebanyak mana yang dihasrat oleh NKRA UPT. Dalam GTP 2.0, fokus NKRA UPT adalah untuk meneruskan kerja membaiki keandalan dan kesalinghubungan, sambil memanfaatkan peningkatan kapasiti yang dijalankan dalam GTP 1.0.



Pendidikan dan usaha meningkatkan kesedaran yang lebih berkesan diperlukan oleh pihak NKRA UPT bagi meraih sokongan rakyat untuk memberi satu lagi peluang kepada pengangkutan awam.



Bidang Keberhasilan Utama Kementerian



Selain inisiatif oleh pelbagai NKRA, GTP turut menyasarkan untuk melakukan perubahan pada peringkat yang paling tinggi, iaitu pada peringkat Jemaah Menteri. Matlamat ini merupakan sebahagian daripada falsafah keseluruhan GTP untuk melaksanakan perubahan yang menyeluruh pada semua peringkat Kerajaan, dan para Menteri tidak terkecuali daripada dasar transformasi ini.

Setiap Menteri Kabinet diberi tugas untuk merumuskan matlamat atau Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) masing-masing, bersama-sama dengan Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (MKPI). Arahan ini telah diberikan oleh Perdana Menteri, dan bertujuan menanam budaya akauntabiliti yang boleh diukur terhadap barisan pemimpin tertinggi dalam kerajaan.

MKRA ini merangkumi bidang fungsi utama dalam skop setiap kementerian dan dijajarkan secara rapi dengan matlamat keseluruhan GTP, iaitu menambah baik penyampaian perkhidmatan awam ke arah merealisasikan falsafah “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Inti pati MKRA ialah aspirasi untuk terus mentransformasikan dan memperbaik cara bekerja dalaman dan struktur berkaitan dengan birokrasi atas ke bawah (top-down) Kerajaan supaya menjadi sistem yang berteraskan rakyat serta prestasi. MKRA turut berusaha menumpukan isu di luar skop tujuh NKRA bagi memastikan pelaksanaan GTP yang menyeluruh dan cekap.



AKAUNTABILITI DIDAHULUKAN

10.1

Sebagai usaha untuk memastikan akauntabiliti, penilaian dan penelitian terhadap MKRA serta MKPI dilakukan sendiri oleh Perdana Menteri setiap enam bulan bagi memastikan prestasi setiap kementerian mencapai kemajuan seperti yang ditetapkan.

Jika Menteri menghadapi sebarang cabaran atau halangan, usaha yang bersepdu yang diterajui oleh Perdana Menteri sendiri akan mengkaji cara untuk memastikan bahawa prestasi mencapai kemajuan seperti yang dirancang. Dalam memacu pembangunan MKPI, seorang pegawai KPI khas dilantik untuk setiap Menteri.

PERANAN SETIAP PEGAWAI KPI:

- **Menyokong pembangunan MKPI, merancang pelaksanaan dan mengharmonikan inisiatif antara pelbagai Kementerian.**
- **Memantau dan melaporkan kemajuan MKPI kepada Menteri masing-masing serta membantu dalam proses penilaian.**



MKPI DIBANGUNKAN BERDASARKAN KOMPONEN YANG BERIKUT:

- Bidang Keberhasilan Utama yang dibangunkan berdasarkan visi dan misi kementerian
- MKPI yang berorientasikan keberhasilan dan yang memenuhi keperluan rakyat;
- Sasaran KPI yang bersifat berani, dengan sasaran yang tinggi dan direalisasikan secara pantas ; dan
- Mengenal pasti kesalingbergantungan antara kementerian dan titik sentuhan. Contohnya, bagaimana setiap MKPI memberikan kesan yang positif kepada negara dan rakyat.


Sepanjang tiga tahun kebelakangan ini, program MKRA telah mencipta kejayaan demi kejayaan, dan terus menyaksikan pemurnian dan penambahbaikan program. Menteri kini diberi scorecard komprehensif yang mengandungi KPI yang mencakupi MKRA, NKRA dan NKEA berdasarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

PEMBANGUNAN MKPI

10.2

MKPI bukan merupakan sasaran sembarangan, tetapi ditentukan melalui pendekatan yang berstruktur.

PENDEKATAN YANG BERSTRUKTUR TELAH DIGUNAKAN UNTUK MEMBANGUNKAN KPI MENTERI



PENCAPAIAN MKRA 2012

10.3

Bagi tahun 2012, 608 KPI (86.5%) daripada 703 KPI telah mencapai sasaran melebihi 90% dan ke atas berbanding dengan 552 KPI (83.6%) yang mencapai sasarannya pada tahun 2011.


Bahagian terakhir bab ini memberikan gambaran beberapa pencapaian yang diraih di bawah program MKRA.

TINJAUAN KESELURUHAN

KPI 2011

Terdapat KPI berjumlah 660 pada tahun 2011 dengan


| | |
|--------------|---------------|
| 83.6% | 552 KPI Hijau |
| 11.2% | 74 KPI Kuning |
| 3.9% | 26 KPI Merah |
| 1.2% | 8 KPI Putih |



KPI 2012

Terdapat KPI berjumlah 703 pada tahun 2012 dengan

| | |
|--------------|---------------|
| 86.5% | 608 KPI Hijau |
| 9.6% | 67 KPI Kuning |
| 3.2% | 22 KPI Merah |
| 0.9% | 6 KPI Putih |



■ Melebihi 90%

■ Antara 51% - 89%

■ Kurang daripada 50%

■ Tiada

MELANGKAH KE HADAPAN

10.4

Sebagaimana NKRA lain yang kini memulakan pelaksanaan GTP 2.0, MKRA juga akan meneruskan asas yang telah diwujudkan untuk menetapkan MKPI yang lebih mencabar, dan menambah baik inisiatif yang telah dimulakan.



Ketelusan dan akauntabiliti kepada rakyat kekal merupakan dua ciri yang terus diberikan keutamaan.

Tambahan pula, akauntabiliti dan tanggungjawab yang lebih besar terus dituntut daripada setiap Menteri, secara khususnya dalam konteks menjana keberhasilan yang melewati kebiasaan untuk mencipta transformasi yang lebih besar pada tahun-tahun yang akan datang.

Perdana Menteri turut komited untuk memberikan sokongan yang lebih jitu terhadap usaha Menteri dalam portfolio masing-masing, dan untuk memberikan gambaran yang lebih baik terhadap pelan transformasi keseluruhan. Ketelusan dan akauntabiliti kepada rakyat kekal merupakan dua ciri yang terus diberikan keutamaan.

MKRA dan MKPI yang mengiringinya kekal merupakan komponen yang penting dalam proses keseluruhan GTP serta matlamat pembangunan negara secara keseluruhan, dan ini tidak akan diabaikan dalam GTP 2.0. Ia merupakan sebuah pendekatan baharu terhadap komitmen dan pemilikan (ownership) kementerian, yang turut menyampaikan mesej penting bahawa proses transformasi harus bermula dan dirintis oleh barisan kepimpinan tertinggi negara.

KEJAYAAN BESAR PEMBANGUNAN BELIA

Memastikan kebolehpasaran tenaga (employability) graduan Institut Kemahiran Belia Negara

PENERAJU: KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



Matlamat strategik IKBN adalah mempersiapkan generasi belia berkemahiran yang serba boleh, dengan demikian meningkatkan kepelbagaian dan ketersediaan sumber manusia dalam negara. Kini terdapat 20 IKBN di seluruh Malaysia dengan enrolmen melebihi 10,000 pelajar pada tahun 2012.

IKBN merupakan sebuah institusi yang diasaskan oleh Kementerian Belia dan Sukan sejak beberapa dekad lalu, dan asalnya diwujudkan untuk mengurus pemberhentian kerja. IKBN menawarkan program latihan kemahiran untuk belia yang mendapati diri mereka tidak memiliki pekerjaan. Pada awal tahun 1990-an, program ini diperluas untuk menumpukan pembangunan sumber manusia terutama dalam membina kemahiran teknikal dan vokasional selaras dengan keperluan industri.

Peserta program IKBN diuji dua kali setahun untuk menyaring kecekapan, dan kajian pengesahan dijalankan selepas tamat latihan untuk memantau perkembangan pelajar.



Pada tahun 2012, kajian pengesahan menunjukkan bahawa 78% daripada graduan IKBN mendapat pekerjaan selepas tamat latihan. Graduan turut dipantau selepas konvolesyen untuk mengumpul data dan meninjau prestasi bagi memastikan program IKBN menepati matlamat asasnya.

Kebolehpasaran tenaga graduan IKBN (%) dari 2008 sehingga 2012

| Tahun Tamat Latihan | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 |
|---------------------|------|------|------|------|
| Kebolehpasaran | 70% | 73% | 76% | 78% |

Sumber: Laporan Kajian Kebolehpasaran Graduan IKBN 2009, 2010, 2011 dan 2012

Pencapaian MKPI ini secara langsung menepati matlamat keseluruhan pelan pembangunan negara untuk mewujudkan sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Kementerian Belia dan Sukan komited untuk memastikan bahawa generasi belia Malaysia yang akan datang dapat menyesuaikan diri dengan landskap ekonomi negara dan profil industri yang kian berubah.

LIMA INISIATIF



Sebagai sebahagian daripada MKPI, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memberikan komitmen untuk mempertingkatkan kebolehpasaran graduan IKBN. Dengan berbuat demikian, KBS telah melaksanakan lima inisiatif:

- Menambah baik dan memberikan latihan yang berpacuan industri melalui:
 - Bengkel latihan pembangunan yang lebih khusus
 - Memperhebat analisis dan penyelidikan tentang keperluan industri serta mengenal pasti keperluan industri, yang selanjutnya akan dimuatkan dalam modul latihan IKBN
- Meningkatkan aktiviti promosi untuk membuat pemadanan yang lebih bersesuaian antara graduan IKBN dengan industri
- Melaksanakan program kerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi memudahkan penempatan graduan IKBN di institusi tersebut
- Mengukuhkan kedudukan IKBN melalui penyertaan dalam pertandingan peringkat kebangsaan seperti Pertandingan Kemahiran Malaysia, EimaRace dan MySkills
- Mempertingkatkan peluang pekerjaan melalui pelbagai program seperti Minggu Kerjaya dengan industri, mewujudkan interaksi dan penglibatan dengan agensi pembangunan keusahawanan dan industri secara am.

KEJAYAAN BESAR MEMPERTINGKATKAN KOMUNIKASI

Mempertingkatkan
komunikasi tanpa wayar
dan akses jalur lebar

PENERAJU:
KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN (KPKK)



Sebuah komponen penting portfolio KPKK ialah memastikan penambahbaikan berterusan perkhidmatan komunikasi di Malaysia dan ini telah dijadikan salah satu MKRA Kementerian. Untuk memenuhi komitmen ini, KPKK telah melaksanakan beberapa program bagi memastikan standard komunikasi tanpa wayar di negara ini menepati tanda aras kualiti, dan salah satu daripada program tersebut ialah Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (untuk perkhidmatan telefon mudah alih awam).



Berdasarkan tuntutan tanda aras ini, penyedia perkhidmatan telefon selular hendaklah melaporkan bilangan panggilan terputus (dropped calls) yang dialami oleh pengguna dan bilangan ini tidak boleh melebihi 5% nilai ambang. Maklumat berkenaan panggilan terputus ini memberi KPKK suatu garis asas untuk mengambil langkah permulaan, sebelum tindakan seterusnya diambil oleh sebuah pasukan petugas yang melibatkan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (SKMM) dan penyedia perkhidmatan.

Bermula pada tahun 2012, program ini telah diperluas untuk menyediakan statistik panggilan terputus di seluruh negara sebanyak dua kali setahun. Pengukuran pertama, yang dilengkapkan

pada bulan Jun 2012, menunjukkan bahawa 1.3% daripada jumlah panggilan telah terputus. Pada masa yang sama, SKMM juga telah meningkatkan usaha bagi meluaskan penembusan jalur lebar Internet ke seluruh negara menerusi pelbagai inisiatif. Pada akhir Oktober 2012, penembusan jalur lebar mencecah 64% populasi negara berbanding dengan 10.9 peratus pada tahun 2006.

Peningkatan ketara ini merupakan kesan langsung daripada Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan yang dilancarkan pada tahun 2009, khususnya melalui pembinaan Pusat Internet Rakyat dan pengagihan komputer riba 1Malaysia kepada keluarga yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan.

Selain itu, tahun 2011 menyaksikan program Kampung Tanpa Wayar diperkenalkan kepada kampung terpilih di kawasan luar bandar, yang seterusnya diberikan akses Internet percuma. Pada tahun itu sahaja, lebih 1,400 kampung menerima manfaat program ini dan lebih kurang 349,400 komputer riba diagihkan. Inisiatif ini diteruskan pada 2012, yang turut menyaksikan pewujudan Pusat Internet Desa.

KPKK menjangkakan penembusan yang lebih meluas pada tahun 2012 dengan pewujudan 689 lagi kampung tanpa wayar, 162 Pusat Internet Rakyat dan pembinaan 336 menara komunikasi tambahan.

Kerajaan amat percaya bahawa salah satu pemboleh utama negara berpendapatan tinggi adalah dengan memajukan penduduk yang sentiasa mengikuti perkembangan teknologi terkini. Dengan meningkatkan penembusan jalur lebar, terutama kepada rakyat di kawasan luar bandar yang tidak mampu melanggani kemudahan tersebut, Kerajaan Malaysia memenuhi komitmennya dalam mewujudkan persekitaran inklusif, iaitu dengan memastikan semua rakyat menerima peluang yang sama tanpa mengira apa jua latar belakang mereka.

KEJAYAAN BESAR MELINDungi HAK HARTA INTELEK (IPR)

Mempertingkatkan inovasi dalam penyelidikan melalui perlindungan IPR yang lebih berkesan

PENERAJU:
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)



Sebagai kementerian yang menerajui pembentukan dasar dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, MOSTI turut bertanggungjawab secara langsung dalam merumuskan dasar yang menyokong dan mengekalkan pertumbuhan dalam bidang ini. Pada tahun 2009, Jemaah Menteri meluluskan Dasar Pengkomersialan Harta Intelek untuk projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibiayai oleh Kerajaan Malaysia.

Dasar ini secara rasminya mengakui kepentingan aset intelek dalam memacu perkembangan ekonomi berdasarkan pengetahuan, selain mengawal selia dan menggalakkan penggunaan komersial hasil penyelidikan R&D yang dibiayai oleh Kerajaan.

Dasar ini memastikan bahawa semua royaliti dan bayaran komersial yang diterima daripada aktiviti seperti pemindahan teknologi dan pelesenan ditadbir urus mengikut syarat dan peraturan dalam kontrak penyelidikan. Dasar ini juga memastikan bahawa hasil (proceeds) disalurkan kepada dana yang betul seperti Dana Sains, Techno Fund serta Inno Fund MOSTI, atau agensi lain di bawah MOSTI seperti MTDC dan MDEC.

Dasar ini merangkumi beberapa kategori IPR termasuk:

- PATENT
- REKA BENTUK INDUSTRI
- HAK CIPTA
- CAP DAGANG/PERKHIDMATAN

MENAMBAH BAIK DAN MEMPERKENALKAN SISTEM KUTIPAN YURAN (SKY) DALAM TALIAN (SISTEM KUTIPAN YURAN OR SKY)



Matlamat projek

PIBG SK Bukit Jelutong

The screenshot shows a web-based application for managing student fees. It includes a header with the school's name, a sidebar with various menu options like 'TEMPAT GURU', 'DATA', 'PERTANYAAN', 'TETAPAN', and 'SMS', and a main form titled 'Kemaskini Rekod Murid'. The form contains fields for 'No Surat Beranak' (4U031605), 'Nama Murid' (Muhammad Aqib bin Mohd Tar), 'Tarikh Lahir' (12/01/2001), 'Wangsa' (Melayu), 'Tempat Lahir' (HOSPITAL KUALA LUMPUR), 'Anak ke berapa' (3), 'Catatan' (nil), 'Tarikh Masuk' (nil), and 'Tarikh Berhenti' (nil). Buttons for 'Simpan' and 'Batal' are at the bottom.

Kelebihan projek ini kepada masyarakat / kumpulan sasaran

Memudahkan kutipan yuran oleh pegawai sekolah

Sebelum sistem ini diwujudkan, pengurusan SKY dibuat secara manual.

Dengan menggunakan Internet, projek ini membolehkan pelanggan dan pengurus berhubung dengan lebih baik.

Kepada pengurus:

- Memudahkan pengurusan data seperti maklumat pelajar dan kewangan, serta pengurusan pangkalan data kutipan yuran melalui pengautomasi perkhidmatan seperti peringatan bayaran.
- Membuat data sandaran (backup) secara automatik dan menyediakan data kewangan terkini yang membolehkan dana diurus dengan lebih cekap.

Kepada guru dan kerani:

- Memperkemas sistem kutipan yuran dengan memusatkan semua data secara automatik.
- Pembayaran yuran secara dalam talian bermakna guru dan kerani tidak perlu lagi mengendalikan wang tunai.

Kepada ibu bapa:

- Tidak perlu hadir secara fizikal untuk membuat bayaran.
- Memusatkan semua bayaran dan pangkalan data kemasukan untuk kanak-kanak yang memasuki sekolah.
- Rekod pembayaran dibuat secara automatik, menjadikan pemantauan yuran lebih cekap.



Sasaran keberhasilan

SKY berpotensi untuk menjadi sebuah aplikasi universal untuk semua sekolah dan organisasi berkaitan dengan sekolah seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Kelebihan SKY adalah jelas terbukti memandangkan proses pembayaran dalam talian dapat dilakukan secara automatik serta diperkemas tanpa memerlukan kehadiran ke sekolah secara fizikal. Tambahan pula, SKY berpotensi diperluas ke organisasi bukan sekolah yang lain.



Matlamat projek

Membina prototaip yang berfungsi sepenuhnya untuk LCSOC.

**Kelebihan projek ini kepada
masyarakat / kumpulan sasaran**

LCSOC tidak mahal dan oleh itu dapat diletakkan di kedai berdekatan (contohnya 7-Eleven, Petronas Mesra, Shell Select, penjaja akhbar dan lain-lain). LCSOC boleh disambungkan ke belakang telefon mudah alih, dan pengguna boleh mengecas dengan senang serta menggunakan telefon mudah alih mereka sambil bergerak ke sana-sini. Ringkasnya, LCSOC menyediakan penyelesaian kuasa serta-merta yang murah, tersedia dan mudah untuk digunakan.

**Penerangan
ringkas projek**

LCSOC direka bentuk sebagai peranti kos rendah dengan anggaran harga jualan sebanyak RM15 seunit. Unit Pengawal Kuasa LCSOC dibina berdasarkan “ON Semiconductor DC-DC Power Management IC”. Teknologi ini menawarkan kombinasi kos rendah, jejak kecil dan prestasi yang baik.

LCSOC direka bentuk sebagai pengecas mudah alih paling kompak dengan permukaan yang boleh dilekatkan, oleh itu ia dapat disambungkan ke belakang telefon mudah alih. Pengguna boleh mengecas dengan senang serta menggunakan telefon mudah alih mereka sambil bergerak ke sana-sini. Reka bentuk kompak LCSOC terhasil melalui susun atur kuasa dan reka bentuk selongsong yang inovatif. Paten LCSOC telah difaillkan dengan MyIPO pada bulan Oktober 2011.

LCSOC mempunyai kabel kuasa boleh tarik yang memudahkan pengguna melaraskan panjang kabel mengikut kesesuaian. Mekanisme boleh tarik ini merupakan kaedah reka cipta yang dikenali sebagai kaedah “Sleeve Assisted Linear Retractable” yang mewujudkan mekanisme boleh tarik dengan ruang sangat minimum (akan dipatenkan di bawah “Method Claim”). Kaedah ini membolehkan LCSOC mempunyai kabel kuasa boleh tarik meskipun bersaiz kompak.

Penilaian Prestasi Antarabangsa (International Performance Review, IPR)



Penilaian Prestasi Antarabangsa (IPR) merupakan elemen penting dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP), memberikan pandangan yang bebas terhadap keberhasilan inisiatif yang dilaksanakan di bawah pelbagai NKRA. IPR yang diawas oleh panel pakar antarabangsa, mengundang perspektif luar yang mencabar penemuan GTP dan pada masa yang sama memberikan cadangan bagaimana ia boleh dikendalikan dengan lebih baik.

Sesi IPR 2012 telah diadakan selama tiga hari pada bulan Januari dan ia merupakan perhimpunan kali ketiga oleh panel untuk mengkritik GTP. Panel IPR terdiri daripada pakar-pakar pihak ketiga berkecuali yang mencakupi organisasi pembangunan antarabangsa hingga syarikat multinasional berskala besar, dan turut disertai oleh wakil daripada kerajaan lain.

Panel IPR menerima pembentangan daripada pengarah setiap NKRA dan sesi diakhiri dengan pembentangan dapatan yang diperoleh kepada Perdana Menteri dan Jemaah Menteri pada hari terakhir. Panel IPR juga mengadakan perbincangan dengan PriceWaterhouse Coopers, yang telah dilantik sebagai perunding luar untuk membangunkan satu set tatacara yang dipersetujui (Agreed Upon Procedures, AUP) dengan NKRA. AUP membantu dalam memeriksa tafsiran data dan keputusan mematuhi amalan antarabangsa baik.

Bahagian Laporan Tahunan GTP 2012 ini memperkenalkan ahli-ahli Panel IPR 2012, dan membentangkan dapatan Jawatankuasa tersebut. Penting diingatkan bahawa penemuan dan

cadangan oleh IPR akan ditangani oleh setiap NKRA dalam pelaksanaan inisiatif pada tahun yang berikutnya. Satu bahagian dalam bab ini telah dikhatusukan untuk memaparkan bagaimana inisiatif GTP 2012 telah mengambil kira penemuan panel yang diperoleh daripada tahun yang sebelumnya.



AHLI PANEL IPR 2012



Encik Michael Thatcher

Ketua Pegawai Teknologi, Asia
Microsoft Corporation

Sebagai Ketua Pegawai Teknologi bagi Sektor Awam di Asia, Encik Thatcher bertanggungjawab terhadap inisiatif dan penglibatan Dasar Teknologi Microsoft dengan pemimpin kerajaan dan akademik. Melalui dialog dwi-arah ini, beliau memastikan bahawa keperluan domain kerajaan dan akademik yang tersendiri ini dicerminkan dalam strategi pembangunan dan teknologi Microsoft. Beliau menerajui peranan ini sejak Mac 2010.

Beliau telah berkecimpung selama lebih 25 tahun dalam pembangunan, pengurusan dan jualan teknologi maklumat. Sebelum menggalas jawatan sekarang, Michael telah berkhidmat selama 5 tahun sebagai Ketua Pegawai Teknologi Microsoft di Timur Tengah & Afrika, dan lebih 6 tahun di ibu pejabat korporat Amerika Syarikat dalam melaksanakan pembangunan teknikal, pemasaran dan strategi dasar.

Beliau merupakan pereka cipta bersama bagi dua paten dan mempunyai tiga permohonan paten yang masih menunggu kelulusan. Sebelum menyertai Microsoft, Mr. Thatcher menghabiskan lebih 10 tahun untuk membangunkan dan menggerakkan sistem teknikal dalam penyelidikan oseanograf dengan Institusi Oseanograf Wood Hole, Lamont-Doherty Earth Observatory dan Sea-Bird Elektronics.



Encik Stephen Sedgwick AO

Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Australia

Mempunyai kerjaya yang panjang dan cemerlang dalam sektor awam, Mr. Sedgwick pernah berkhidmat dalam pelbagai jabatan sejak tahun 1972. Beliau ialah Setiausaha Bahagian Kewangan, Guna Tenaga dan Pendidikan Komanwel (Commonwealth Departments of Finance, Employment and Education) antara tahun 1992 hingga 2002, dan menganggotai Lembaga Pengarah Bank Pembangunan Asia selama lima tahun sehingga tahun 2007. Beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam Australia pada Disember 2009 setelah bertugas sebagai Profesor dan Pengarah Ekonomi Gunaan dan Penyelidikan Sosial di Universiti Melbourne. Beliau dianugerahi Pingat Centenary pada Januari 2001 dan dilantik sebagai 'Officer in the Order of Australia' pada Jun 2012.

Beliau merupakan Fellow Institut Dasar Awam di Australian National University (ANU), dan merupakan ahli beberapa Lembaga Pengarah dan Kumpulan Penasihat Ini termasuk Yayasan Sir Roland Wilson, Majlis Penasihat Sekolah Ekonomi dan Kerajaan Crawford ANU, Lembaga Penasihat untuk Institut Kebangsaan Australia untuk Dasar Awam, Lembaga Pengarah Persatuan Komanwel untuk Pengurusan dan Pentadbiran Awam, Kumpulan Penasihat bagi 'Australian Human Rights Commission Male Champions of Change Research Project', dan Majlis Modal Pembelajaran Kerajaan.

Mr. Sedgwick meraih ijazah dengan Kepujian dalam bidang Ekonomi daripada University of Sydney dan memegang Ijazah Sarjana daripada Universiti London (LSE).



Duta Ombeni Yohana Sefue

Ketua Setiausaha
Kerajaan Republik Bersatu Tanzania

Sebagai Ketua Setiausaha Negara, Duta Sefue ialah Setiausaha kepada Kabinet dan Ketua Perkhidmatan Awam. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Duta dan Wakil Tetap Republik Bersatu Tanzania ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York sejak 31 Ogos 2010.

Beliau juga merupakan Duta Tanzania ke Amerika Syarikat di Washington DC dari 15 Jun 2007 hingga 14 Ogos 2010, dan ditauliahkan serentak ke Mexico. Duta Sefue berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi negaranya (Duta) ke Kanada dari Oktober 2005 hingga Jun 2007, dan ditauliahkan serentak ke Cuba.

Seorang diplomat berkerjaya, Duta Sefue pernah berkhidmat sebagai Kaunselor di Kedutaan Tanzania di Stockholm, Sweden, antara tahun 1987 hingga 1992.

Beliau bekerja dengan Hernando de Soto Institute for Liberty and Democracy untuk membangunkan `Program Formalisasi Harta dan Perniagaan' untuk Tanzania bertujuan memberikan perlindungan undang-undang dan mempertingkatkan keupayaan golongan miskin. Antara inisiatif lain, beliau juga terlibat dalam penyebarluasan Rancangan Tanzania Mini Tiger bertujuan mengubah Tanzania menjadi negara berpendapatan pertengahan serta terlibat dalam Wawasan Pembangunan Tanzania 2025.

Pada tahun 2006-07, Duta Sefue membantu Presiden M^kapa semasa Presiden M^kapa merupakan Pesuruhjaya dalam Suruhanjaya Undang-undang Pengupayaan Golongan Miskin, iaitu sebuah suruhanjaya bebas antarabangsa, yang dihoskan oleh Program Pembangunan Bangsa Bersatu (UNDP) di New York, yang memfokuskan hubungan antara pengecualian, kemiskinan, dan undang-undang. Pada tahun 2008, Suruhanjaya telah menerbitkan laporan, *Making the Law Work for Everyone*.

Sebagai pengiktirafan terhadap kerjaya diplomatik yang meluas dan usaha yang dilaksanakannya dengan presiden yang berbeza, Duta Sefue menerima salah satu anugerah tertinggi Negara, *The Order of The United Republic of Tanzania, First Class* daripada Presiden Jakaya Kikwete Mpada 9 Disember 2012.





Sir Michael Barber

Ketua Penasihat Pendidikan
Pearson PLC



Sir Michael Barber merupakan pakar yang terkemuka dalam bidang sistem pendidikan dan pembaharuan pendidikan. Lebih dua dekad yang lalu, penyelidikan dan kerja penasihatannya beliau menumpukan penambahbaikan sekolah, standard dan prestasi; pembaharuan sistem yang menyeluruh; pelaksanaan yang berkesan; akses, kejayaan dan pembiayaan dalam pendidikan tinggi; serta akses dan kualiti sekolah di negara-negara sedang membangun.

Baru-baru ini Barber menyertai Pearson sebagai Ketua Penasihat Pendidikan, menerajui program penyelidikan sedunia Pearson berkaitan dengan dasar dan keberkesanan pendidikan, memberikan nasihat dan menyokong produk serta perkhidmatan yang berasaskan dapatan penyelidikan, selain memainkan peranan yang khusus dalam strategi pendidikan Pearson di sektor yang paling daif di dunia, terutamanya di ekonomi negara yang sedang pesat membangun.

Sebelum menyertai Pearson, beliau merupakan Rakan Kongsi di McKinsey & Company dan juga Ketua amalan pendidikan global McKinsey. Beliau telah menghasilkan secara bersama dua buah laporan pendidikan McKinsey: *How the world's most improved school systems keep getting better* (2010) dan *How the world's best performing schools come out on top* (2007). Beliau juga merupakan Fello Pelawat Terkemuka di Sekolah Pendidikan Siswazah Harvard dan menyandang gelaran doktor kehormat daripada University of Exeter.

Sebelum ini beliau pernah berkhidmat dengan kerajaan UK sebagai Ketua Unit Penyampaian Perdana Menteri (dari tahun 2001 - 2005) dan sebagai Ketua Penasihat kepada Setiausaha Pendidikan Negara mengenai Standard Sekolah (dari tahun 1997 - 2001). Sebelum menyertai kerajaan, beliau menyandang jawatan profesor di Institut Pendidikan di University of London. Beliau merupakan penulis beberapa buah buku termasuklah *Instruction to Deliver: The Learning Game: Arguments for an Education Revolution* dan *How to do the Impossible: a Guide for Politicians with a Passion for Education*.



Dr Yukon Huang

Ahli Bersekutu Kanan
Carnegie Endowment

Dr Yukon Huang ialah Ahli Bersekutu Kanan (Senior Advisor) di Carnegie Endowment di Washington DC dan mantan Pengarah Bank Dunia untuk China. Beliau juga pernah menjadi ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negara kepada Perdana Menteri Malaysia.

Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah Bank Dunia untuk Russia dan bekas Kesatuan Soviet dan sebelum itu, beliau ialah Ketua Ahli Ekonomi (Lead Economist) untuk Asia. Beliau pernah memegang beberapa jawatan di Perbendaharaan AS (US Treasury) dan profesor di pelbagai universiti di Amerika Syarikat dan di negara lain. Beliau kini merupakan penasihat kepada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, serta penasihat kepada pelbagai kerajaan dan syarikat.

Buah f kirian Dr Huang mengenai isu pembangunan telah diterbitkan secara meluas dalam jurnal profesional dan media popular. Beliau merupakan penyumbang bertaraf "A-List" kepada Financial Times dan penulisan beliau kerap ditemui di saluran seperti Wall Street Journal dan Bloomberg. Beliau mempunyai PhD dalam bidang ekonomi daripada Universiti Princeton dan ijazah BA daripada Yale.



Mr Yong Hee Kong

Penasihat (Perkongsian Awam-Swasta, PPP)
Sekretariat Komanwel, London

Sebagai Penasihat PPP, Yong Hee Kong memberikan khidmat nasihat dan sokongan pembinaan keupayaan kepada 54 buah negara anggota Komanwel. Beliau memiliki pengalaman lebih 30 tahun dalam menasihati sektor awam dan swasta dalam Perkongsian Awam-Swasta (PPP), penswastaan, pembiayaan projek dan perancangan strategik.

Beliau berkelulusan B. Eng (Hons) dalam Kejuruteraan Sivil dan Struktur (UK), MBA (UK), Diploma dalam Perbendaharaan Korporat (UK), dan Diploma Lepasan Ijazah dalam Pengajian Islam daripada ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Yong ialah seorang Akauntan Bertauliah (England dan Wales) di Deloitte, Haskins dan Sells, UK. Dalam bidang penerbitan, Yong telah menghasilkan banyak penulisan mengenai isu-isu dalam PPP dan beliau merupakan editor buku, 'Public-Private Partnerships Policy and Practice - a Reference Guide'. Pandangan yang dinyatakan di sini merupakan pandangan peribadi beliau.



Mr Michael J Hershman

President
Kumpulan Fairfax

Michael Hershman ialah pakar yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa bagi hal-hal berkaitan dengan ketelusan, akauntabiliti, tadbir urus, litigasi dan keselamatan. Kumpulan Fairfax, yang diasaskan beliau pada tahun 1983, telah diminta oleh kerajaan, syarikat, firma guaman dan institusi kewangan antarabangsa untuk membantu dalam hal-hal berkaitan dengan perilaku pegawai kanan dan/atau entiti yang bekerjasama dalam perniagaan.

Pada tahun 1993, bersama-sama dengan Peter Eigen, Michael J Hershman mengasaskan Transparency International, sebuah pakatan bebas yang terbesar, dan tidak berdasarkan keuntungan, yang menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti dalam perniagaan serta kerajaan. Sejak enam tahun yang lalu, beliau telah berkhidmat di Interpol sebagai ahli Kumpulan Pakar dalam Bidang Rasuah Antarabangsa, dan sejak 12 tahun yang lalu, beliau berada di kerusi Lembaga Jawatankuasa Persidangan Antarabangsa Pencegahan Rasuah.

Hershman merupakan ahli Lembaga Pengarah Dewan Yayasan Perdagangan AS dan beliau menasihati Dewan mengenai isu pematuhan korporat. Sejak tahun 2007, Mr. Hershman telah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa eksekutif Pusat bagi International Private Enterprise.

Mr. Hershman berkhidmat sebagai Pengurus Lembaga Penasihat Kanan untuk Akademi Pencegahan Antarabangsa dan merupakan Ahli Jawatankuasa Urus Tadbir Bebas bagi FIFA.



Dr Andrew Lee

Pengarah Dasar Strategi dan Tadbir Urus dengan ‘Driver and Vehicle Services Division’
**Jabatan Pengangkutan,
Kerajaan Australia Barat**

Dr Andrew Lee memiliki pengalaman lebih 13 tahun bekerja dalam bidang strategi dan dasar di Australia, termasuk perkhidmatan sebagai penasihat kanan kepada seorang Menteri Bayangan Komanwel dan Menteri Negeri. Dalam tempoh tujuh tahun yang lepas, Dr Lee telah mengurus pembaharuan dalam pengawalseliaan perniagaan dan pelesenan pekerjaan bagi Kerajaan Australia Barat, termasuk projek untuk agenda ‘Seamless National Economy’ Majlis Kerajaan Australia. Beliau juga pernah berkhidmat untuk sebuah kesatuan perdagangan utama.

Dr Lee meraih ijazah kepujian kelas pertama dalam Sejarah daripada University of Western Australia dan PhD dalam bidang sejarah daripada Australian National University.

Selain pembaharuan pengawalseliaan, tumpuan beliau termasuk hubungan pihak berkepentingan dan pengurusan isu selain memperkuuh prestasi perkhidmatan awam dalam nasihat strategik dan penyampaian perkhidmatan. Dr Lee kini memegang jawatan Pengarah Dasar Strategi dan tadbir Urus dengan bahagian Perkhidmatan Pemandu dan Kenderaan di Jabatan Pengangkutan, Kerajaan Australia Barat. Dr Lee menyertai IPR dalam kapasiti peribadi dan sebarang pandangan yang dinyatakan merupakan pandangan peribadi beliau.



Alex Mourmouras

Ketua, Bahagian D5, Jabatan Asia dan Pasifik
International Monetary Fund

Dr Alex Mourmouras telah berkhidmat di empat buah jabatan IMF selama lebih 19 tahun, memegang jawatan pengoperasian dan juga sebagai peneraju program latihan IMF. Sebagai ketua bahagian D5 di Jabatan Asia dan Pasifik, beliau menerajui kerja berkaitan dengan bahagian ASEAN yang bertanggungjawab terhadap Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina dan Singapura. Beliau juga merupakan ketua misi bagi Malaysia. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai ketua bahagian di Bahagian Eropah dan Timur Tengah bagi Institut untuk Pembangunan Kapasiti IMF, dan sebagai ketua Bahagian Eropah di Institut IMF.

Pada tahun 2007, Dr Mourmouras berkhidmat sebagai Acting Director and Chief Training Economist bagi Joint Africa Institute. Dari tahun 1999 hingga 2003, beliau merupakan ahli ekonomi dan ahli ekonomi kanan di Jabatan Policy Development and Review Department (PDR) di IMF, memberikan sumbangan terhadap kajian menyeluruh terhadap kebersyaratian IMF, penyusunan semula rangka kerja kemampunan hutang IMF, dan perumusan dasar untuk mencegah dan menangani penyalahlaporan maklumat kepada IMF.

Sebelum menyertai IMF, Dr Mourmouras memegang jawatan Profesor Madya Ekonomi dan Pengarah Pengajaran Siswazah di University of Cincinnati. Beliau juga memegang jawatan akademik di universiti-universiti lain. Beliau memperoleh ijazah Bachelor dalam Matematik Gunaan daripada Harvard College dan PhD dalam Ekonomi daripada University of Minnesota.



Dr Ravi Balakrishnan

Wakil Pemastautin
International Monetary Fund

Dr. Ravi Balakrishnan kini merupakan Wakil Pemastautin IMF dengan tanggungjawab serantau berpangkalan di Singapura. Beliau memulakan kerjayanya di Bank of England dan Bank of Spain sebelum menyertai IMF pada tahun 2001. Sejak itu, beliau telah bekerja di pelbagai negara merentas pelbagai wilayah dan nilai ambang pendapatan termasuk Bolivia dan Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan sebahagian daripada anggota yang menghasilkan Prospek Ekonomi Dunia (World Economic Outlook) IMF sebelum memegang jawatan semasa hari ini. Sebagai Wakil Pemastautin, beliau aktif terlibat dalam kerja IMF berkaitan dengan Malaysia dan Singapura, mengenai aliran modal ke dalam rantau dan mengenai pertumbuhan inklusif. Dr. Balakrishnan telah menerbitkan pelbagai kertas kajian (berkaitan dengan pasaran tenaga kerja, kedinamikan infasi, kadar tukaran dan aliran modal) dalam jurnal yang terkemuka. Beliau mempunyai PhD dan MSc dalam Ekonomi daripada London School of Economics (LSE) dan ijazah kepujian BA daripada Churchill College, Universiti Cambridge.



PENEMUAN PANEL IPR 2012 MENGENAI GTP

Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh penilaian data PEMANDU dan PWC, Panel ini menyatakan bahawa GTP “kekal amat relevan dan kekal amat dinamik”. Panel ini bersetuju bahawa keberhasilan yang diraih dalam GTP sangat mengagumkan, namun mereka mengesyorkan bahawa mungkin ini merupakan masa yang terbaik untuk Kerajaan menilai semula matlamat program ini.

“Selepas tiga tahun GTP dilaksanakan, ini mungkin masa yang terbaik untuk merenung kembali dan mengkaji semula matlamat (program transformasi),” kata Michael Hershman, yang telah menjadi ahli Panel IPR sejak GTP mula diperkenalkan.

“Ini mungkin masanya untuk bertanya diri sendiri sama ada matlamat akhir anda adalah terlalu sederhana. Misalnya, adakah anda meningkatkan GNI per kapita kepada AS \$ 15,000 menjelang 2020, atau adakah matlamat ini perlu dilakukan lebih awal daripada itu?

“Kami menggesa PEMANDU untuk mengambil pendekatan yang lebih meluas terhadap apa yang sebenarnya boleh dicapai oleh Kerajaan sepanjang tempoh tujuh tahun yang akan datang.” Secara khusus, Panel ini mempunyai idea untuk memanfaatkan pengalaman daripada tiga tahun pertama dan mengenal pasti program yang berkesan dari segi kos dan yang perlu dibentuk semula.

Secara khususnya, menjadi hasrat kita untuk melihat dalam pusingan seterusnya keseluruhan pakej langkah-langkah GTP dan ETP dari segi keberkesanan dan kecekapan dalam menangani kemiskinan dan kesaksamaan. Ini termasuklah semakan pelbagai program subsidi, NKRA menangani kos sara hidup, pembangunan luar bandar dan program-program khas di bawah matlamat ketaksamaan SRI. Program kos sara hidup merupakan salah satu program yang perlu dilihat secara dekat memandangkan Panel mengekalkan keprihatinan yang disuarakan pada tahun lepas berkaitan dengan sumbangannya terhadap program transformasi memandangkan ia seolah-olah bertujuan menangani tekanan jangka pendek.

Cadangan-cadangan lain daripada Panel ini memfokuskan untuk menangani isu-isu kualitatif, seperti:

- ▶ menerapkan budaya GTP dalam perkhidmatan awam supaya tanggungjawab tersebut dapat dipindahkan

dari PEMANDU secara beransur-ansur, sekali gus membantu dalam memastikan kemampuan proses dan pencapaian;

- ▶ meningkatkan penekanan pada asas pembaharuan struktur, penilaian kualitatif dan maklum balas persepsi daripada orang ramai terhadap GTP dan bukannya hanya memberikan tumpuan kepada NKPI;
- ▶ mengurangkan kerumitan dalam melaporkan keberhasilan, dengan memfokuskan kepada KPI utama yang menggambarkan kemajuan transformasi (misalnya pengurangan dalam jenayah yang dilaporkan, peningkatan dalam nisbah mod pengangkutan awam), dan untuk penajaran yang lebih baik antara angka dengan data akaun negara yang dilaporkan.

Tambah Hershman, GTP Malaysia telah membezakan dirinya daripada program transformasi lain yang dipantau oleh ahli Panel di tempat-tempat lain di dunia, terutamanya melalui penggunaan teknologi moden dalam keseluruhan inisiatifnya.

“Fokus pertanyaan dan sesi kami dalam beberapa hari yang lalu adalah untuk melihat amalan kerajaan dan industri swasta yang terbaik untuk diperaktikkan dalam GTP (dan) kami mendapat bukan sahaja penggunaan data dan teknologi digabungkan dengan pendekatan etika asas, kelakuan dan nilai telah membezakan GTP ini daripada program transformasi oleh kerajaan lain yang telah kami perhatikan di seluruh dunia baru-baru ini,” kata Hershman .

Panel ini juga merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia atas sokongan politik yang kuat untuk GTP serta komitmen dalam menjadikan data tersedia untuk orang ramai. Panel ini juga membuat cadangan-cadangan yang berikut khusus untuk NKRA yang terpilih dalam laporan yang disampaikan mereka kepada Jemaah Menteri.



ANTI-RASUAH

"Kami terus berasa kagum dengan asas-asas yang telah dibina bagi infrastruktur pencegahan rasuah di Malaysia," kata Hershman yang merupakan salah seorang pengasas Transparency International.

"Usaha ini mula membawa hasil dan akan terus membawa hasil pada tahun-tahun yang akan datang. Saya telah pun melihat apa yang saya fikirkan sebagai perubahan kecil dalam budaya mengenai bagaimana perniagaan sepatutnya dijalankan, dan hakikat ini tepat menggambarkan syarikat-syarikat di Malaysia."

Panel ini gembira melihat peralihan dalam penekanan daripada penguatkuasan kepada pencegahan dan pendidikan dalam GTP2. NKRA Membanteras Rasuah memperkenalkan aliran kerja Pendidikan dan Sokongan Awam dalam rangka kerja keseluruhannya bagi fasa kedua GTP, yang akan bermula dengan pendidikan pencegahan rasuah di sekolah dan semua ahli parlimen. Panel ini turut mengambil perhatian inisiatif yang bakal dilaksanakan dalam GTP 2 untuk mengukuhkan usaha yang telah dilakukan oleh SPRM melalui penubuhan Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah bagi menjawab persoalan berkaitan dengan Laporan Tahunan SPRM serta Jawatankuasa Penilaian Eksekutif. Pemantauan tindakan yang dicadangkan terhadap penemuan dalam Laporan Ketua Audit Negara melalui papan pemuka dalam talian wajar diberikan pujian. Penerbitan lebih daripada 6,600 kontrak kerajaan secara dalam talian amat

memberangsangkan dan kami menggalakkan agar usaha ini diperluas kepada perjanjian komersial kerajaan yang lain, tertakluk pada batasan maklumat sulit.

IPR turut menyenaraikan cadangan khusus berikut yang ingin dilihat oleh mereka diterapkan dalam GTP pada masa hadapan:

- ▶ latihan etika untuk semua penjawat awam di Malaysia pada peringkat persekutuan dan juga negeri;
- ▶ tindakan yang lebih aktif diambil untuk pembaharuan kewangan politik;
- ▶ perluasan sistem e-perolehan yang berterusan melalui perkembangan yang lebih cepat dan rangkuman kontrak berkos lebih tinggi;
- ▶ pewujudan pendakwa pencegahan rasuah yang bebas untuk melengkapi mahkamah khas rasuah;
- ▶ pemantauan yang sewajarnya terhadap pengantara dan pegawai khas yang sering kali memulakan rasuah; dan
- ▶ menggalakkan kebebasan media dan pelaporan penyiasatan dalam media.

PENDIDIKAN

Panel IPR berasa teruja dengan rancangan di bawah NKRA EDU dalam melangkah ke hadapan, dan memberikan pujian khas terhadap penggunaan teknologi oleh NKRA EDU bagi memperluas jangkauannya kepada semua pelajar di Malaysia. Mereka sangat berpuas hati terutamanya dengan rancangan untuk menguji tahap kemahiran bahasa semua guru bahasa Inggeris di Malaysia, peluasan program LINUS untuk merangkumi bahasa Inggeris, serta pengujian khas yang dibuat untuk literasi dan numerasi.

Sungguhpun begitu, Panel IPR menyatakan keimbangan terhadap pencapaian pelajar yang semakin merosot dalam penanda aras penilaian Trends in International Mathematics and Science Study (TIMS).

"Skor TIMS yang mula merosot dan tidak berada pada paras yang kami harapkan adalah sesuatu yang perlu dilihat dengan lebih mendalam, bagi mencari punca di sebaliknya," kata Michael Thatcher.

Beliau menambah bahawa walaupun terdapat pemanfaatan teknologi dan fokus pada teknologi untuk meningkatkan pencapaian pelajar, beliau menggalakkan penerokaan inovasi yang lebih giat untuk mempertingkatkan kapasiti lagi.

"Terdapat penggunaan teknologi yang sangat meluas dan fokus pada teknologi untuk menyelesaikan sesetengah masalah dalam konteks meningkatkan jangkauan, mencipta peluang baru, dan meneliti bagaimana kita boleh memperbaik beberapa kelemahan aspek pengajaran dan pelajar," kata beliau.

"Kami menyarankan agar anda terus berusaha untuk mencari pendekatan inovatif yang baharu untuk kemajuan. Sebagai contoh, meskipun penggunaan teknologi telah meluas, namun penggunaannya sebagai wahana pendidikan sendiri seharusnya dijadikan sebahagian daripada kurikulum latihan guru. Kemahiran yang diperlukan untuk Tenaga Kerja Abad ke-21 adalah berbeza. Amat penting untuk memastikan bahawa pendidikan akademik disesuaikan untuk memastikan kemahiran-kemahiran ini dapat diperkembangkan. Teknologi itu sendiri boleh digunakan untuk meningkatkan pendidikan transformasi."



JENAYAH

Pengurangan dalam kadar jenayah merupakan suatu kesimpulan positif bagi Panel IPR, yang berasa teruja dengan penggunaan teknologi dan data untuk menumpukan anggota polis yang terhad ke kawasan yang paling memerlukan di bawah Inisiatif Hotspot.

"Pada asasnya anda mempunyai pasukan anggota polis lebih besar yang memantau beberapa kawasan hotspot utama dan ini merupakan inisiatif yang amat baik, yang membolehkan anda memfokuskan kawasan yang tertentu," kata Panel IPR. "Akan tetapi satu soalan yang kami fikirkan ialah, 'Bagaimakah anda menganalisis dan bertindak balas terhadap beberapa punca utama yang mendorong berlakunya jenayah?' Kami merasakan bahawa lebih banyak kajian perlu dilakukan terhadap aspek tersebut."

Soalan telah diajukan dalam perbincangan panel IPR terdahulu apabila ahli Panel dan pasukan NKRA membincangkan pemangkin kepada aktiviti jenayah, seperti ketagihan dadah, dan impaknya terhadap bilangan jenayah. Panel IPR bersetuju bahawa lebih banyak perlu dilakukan dalam aspek pencegahan, seperti membanteras aktiviti berkaitan dengan dadah secara menyeluruh.

Isu lain yang dilaporkan oleh Panel IPR ialah hakikat bahawa persepsi orang ramai terhadap jenayah terus merosot meskipun dengan pengurangan dalam kadar jenayah yang dilaporkan. Lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk mengenal pasti dan mengurus isu tersebut, ujar Panel, termasuk menangani soalan sama ada sistem pengindeksan yang digunakan oleh pasukan polis benar-benar mencukupi untuk menggambarkan bentuk jenayah dalam negara. Kami mengambil maklum bahawa GTP 2.0 akan menangani isu ini.



PENGURANGAN KEMISKINAN

Kedua-dua NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah dan Infrastruktur Luar bandar diberikan pujian terhadap usaha masing-masing dalam mengurangkan kemiskinan di Malaysia, terutamanya disebabkan sifat kedua-dua NKRA ini yang inklusif dan keupayaan untuk menjangkau rakyat bukan bandar (luar bandar). Program 1AZAM merupakan inisiatif terpuji untuk mengeluarkan lebih ramai golongan miskin keluar daripada status kemiskinan. Panel IPR memperuntukkan pujian khusus terhadap Program Kampung Abad Ke-21, yang akan dilaksanakan oleh NKRA RBI dalam GTP 2.0.

"Kami memuji usaha untuk merangkumkan RBI kepada pelbagai kelompok komuniti yang lebih meluas," kata Thatcher. "Pembasmian kemiskinan tegar hampir sepenuhnya dalam negara merupakan usaha yang amat patut dipuji. Kami amat teruja secara khususnya terhadap program Kampung Abad Ke-21. Ini merupakan sesuatu yang akan membolehkan belia hari ini memperoleh semua perkhidmatan dan keperluan asas di kampung tanpa perlu berhijrah ke pusat-pusat bandar."

Aspek-aspek lain yang dilihat menggalakkan kepada Panel IPR termasuk inisiatif pengupayaan kewangan yang dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan sederhana rakyat luar bandar. Walau bagaimanapun, Panel IPR menasihati Kerajaan agar mengambil pendekatan yang lebih menyeluruh dalam konteks pengurangan kemiskinan.

"Walau bagaimanapun, kami ingin mengingatkan Kerajaan bahawa pendekatan yang menyeluruh perlu diambil untuk memerangi kemiskinan," kata Thatcher. "[Kerajaan perlu

melihat] apakah peranan subsidi, pemindahan tunai, dan bagaimana untuk menyasarkan dan menentukan hal-hal ini selain melihat kepada jaring keselamatan."

MEMBERIKAN RESPON KEPADA IPR 2011

Penemuan Panel IPR telah diambil kira dalam pelaksanaan inisiatif GTP dalam tahun yang berikutnya. Beberapa NKRA, yang menerima maklum balas khusus daripada Panel IPR 2011, telah mendokumentasikan bagaimana cadangan daripada tahun yang sebelumnya diaplikasikan.

NKRA MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR (NKRA EDU)

MAKLUM BALAS IPR 2011 & TINDAKAN YANG DIAMBIL

Meningkatkan standard pendidikan Malaysia setaraf dengan penandaarasan antarabangsa seperti PISA, TIMSS – hendaklah menjadi salah satu sasaran utama sama ada dalam GTP atau ETP.

Tindakan Yang Diambil

**GTP 2.0
+
Pelan
Pembangunan
Pendidikan**

- ▶ **Akses:** Akses yang sejagat
- ▶ **Kualiti:** purata antarabangsa dalam penilaian antarabangsa
- ▶ **Kesaksamaan:** mengurangkan jurang pencapaian bandar-luar bandar

Pendekatan yang lebih berani perlu diambil dalam latihan dan pembangunan guru, membantu melahirkan tenaga pengajar yang lebih berwibawa bagi sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia.

Tindakan Yang Diambil

**Pakej Kerjaya
Guru Baharu
(dalam
GTP 2.0)**

- ▶ Instrumen berasaskan kecekapan
- ▶ Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) yang komprehensif

Meskipun kedua-dua program masih lagi baharu, ini merupakan peluang keemasan untuk mempertimbangkan bagaimana kedua-dua program ini boleh disepadukan dengan lebih baik. Terdapat keperluan untuk menyatukan aspirasi ETP dan GTP supaya satu rancangan jangka panjang yang mampan dapat diwujudkan.

Tindakan Yang Diambil

**Pendidikan dan
Penjagaan Awal
Kanak-Kanak
(dilaksanakan di
seluruh NKRA,
NKEA dan SRI)**

**Pendidikan/Latihan
Vokasional
(dilaksanakan di
seluruh NKEA dan SRI)**

MAKLUM BALAS IPR 2011 & TINDAKAN YANG DIAMBIL

*Menperkemaskan pengiraan KPI:
- Pengiraan Jenayah Jalanan
berdasarkan tahun sebelumnya,
bukan tahun 2009*

[NKPI akan digantikan]

- ▶ KPI Jenayah Jalanan akan digantikan dengan KPI Pecah Rumah pada tahun 2013

*Mengambil kira penunjuk kejayaan
lain sebagai tambahan kepada kadar
jenayah, contohnya pengurangan
jumlah banduan.*

- ▶ Mengesan kemasukan semula banduan ke dalam penjara (prison recidivism), jatuh 21% kepada 18%
- ▶ Menghapuskan bajet bagi penjara baharu pada tahun 2011-2015, penjimatan sejumlah RM 867 juta

*Memantau jenayah yang dilakukan
oleh pekerja (kolar biru) asing dan
pendatang haram.*

- ▶ Cuma 5% jenayah dilakukan oleh pendatang haram asing. Usaha memperketat pengeluaran visa pelajar, 6P dan memantau pendatang dari beberapa buah negara, contohnya Indonesia, Iran, Nigeria, Pakistan, Bangladesh

*Memberikan lebih tumpuan dalam
menangani kesangsian rakyat
Malaysia.*

- ▶ Memperkuuh kerjasama dengan RA, kaum wanita, para belia, ekspatriat, perniagaan – bagi menyokong kempen ‘Bersatu Menentang Jenayah’

FIGHTING CORRUPTION NKRA (NKRA ANTI-RASUAH)

MAKLUM BALAS IPR 2011 & TINDAKAN YANG DIAMBIL

Maklum Balas IPR

- ▶ Rasuah kecil ditangani tetapi lebih penekanan perlu diberikan terhadap rasuah besar. Mengenai rasuah besar, kerajaan hendaklah melaksanakan pendekatan pengurusan risiko yang kukuh. Ini berkaitan dengan pengenalpastian sector rasuah berisiko tinggi seperti tenaga, pertahanan, telekomunikasi, perkara mudah terjejas yang berkaitan; dan menginstitusikan “sekat dan imbang” yang mantap
- ▶ Galakan terhadap kebebasan media/maklumat perlu diberikan dan usaha untuk melakukan pembaharuan selanjutnya terhadap pembiayaan politik

Tindakan Diambil terhadap Maklum Balas IPR

- ▶ Pengurusan risiko: GTP2 memfokuskan kaedah untuk menambah baik mekanisme pelaporan Laporan Ketua Audit Negara
- ▶ Pembiayaan Politik: GTP1 – Pindaan terhadap Akta Pertubuhan (sebagai sebahagian daripada cadangan dalam GTP2) bakal memerlukan parti politik melaksanakan inisiatif pembiayaan politik

KAMI JUGA MELAKSANAKAN TINDAKAN TERHADAP MAKLUM BALAS IPR PADA TAHUN 2012

Maklum balas:
Terdapat keperluan terhadap kesesuaian antara penetapan harga dan matlamat dasar

Kedudukan kami:
Selain mempertingkatkan kapasiti dan memperkenalkan langkah “tarikan”, kami perlu memperkenalkan secara perlahan-lahan faktor “tolakan”

Apa yang telah kami laksanakan (aspek bekalan)

Perkhidmatan Percuma Bas Go-KL



Apa yang boleh dilakukan (aspek permintaan)

Melaksanakan kawalan parkir di Pusat Bandar

What is Parking Control?

Parking Control Programme



Review and introduce a competitive parking rate in KL city center



Reduce no of parking bays in city center



Strengthen parking enforcement

The approaches..

Propose to local authority to..

- Review the current RM0.80 carhour on-street parking to a more competitive rate
- Change the current RM5/day off-street parking to RM2/day
- Setting up a public transport fund for DBKL through parking surcharge after rate increment exercise

- Reduce the number of on-street parking bays near selected transit stations

- Convert eliminated parking spaces into pedestrian spaces (bus lanes)

- Set-up a dedicated Parking Wardens for parking enforcement purposes under DBKL jurisdiction
- Immobilization of the vehicle with unpaid parking summons – by clamping – until parking summon is paid
- Removal of vehicle on the street (towing)
- Blacklisting of drivers with unpaid summons

SOURCE: Lab analysis.

PERMADANI


50% diskaun bagi segmen penumpang tertentu



Layari pertumbuhan kendaraan persendirian

Growth in private vehicles stunts public transport modal share

Developing Urban Public Transport vis-a-vis Promoting National Automotive Policy



LAPORAN TAHUNAN GTP: TATACARA YANG DIPERSETUJUI (AUP) OLEH PRICEWATERHOUSE COOPERS

Program Transformasi Kerajaan (GTP) adalah komited terhadap standard ketelusan dan akauntabiliti, yang dicerminkan menerusi jumlah maklumat yang disediakan oleh pasukan NKRA menerusi pelbagai saluran. Saluran tersebut termasuklah Laporan Tahunan, Q&A (Soalan & Jawapan) Hari Terbuka dan juga menerusi penerbitan maklumat kemas kini secara berkala menerusi media dan laman sesawang GTP sendiri.

Pelan Hala Tuju fasa pertama GTP, yang turut dikenali sebagai GTP 1.0, diterbitkan pada tahun 2009, mengandungi struktur rancangan dan sasaran program yang terperinci. Keputusan inisiatif pada tahun 2012 diukur berbanding dengan latar ini bagi setiap Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan seterusnya diterbitkan dalam laporan tahunan ini.

Usaha yang terbaik telah dilakukan untuk memastikan bahawa keputusan yang diterbitkan dalam laporan tahunan ini adalah yang paling telus, dengan penelitian yang terbaik diberikan untuk memastikan bahawa keputusan yang dikumpulkan dan dijadualkan adalah tepat. Ini termasuklah melantik pihak ketiga yang bebas untuk memastikan ketekalan dan ketepatan dalam kaedah GTP, termasuk pengumpulan data dan pengukuran.

Untuk tujuan ini, PEMANDU telah melantik PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC), iaitu sebuah firma perkhidmatan profesional bebas, untuk mewujudkan Tatacara yang Dipersetujui (AUP) bagi KPI dalam bentuk ujian dan tatacara yang khusus untuk menilai keputusan yang dilaporkan. AUP tersebut diterapkan terhadap sebuah sampel yang diambil daripada penunjuk prestasi utama bagi setiap NKRA dan agensi. Pengiraan tersebut turut disemak berbanding dengan garis panduan dan formula yang asalnya dibangunkan oleh

PEMANDU di makmal NKRA dan digunakan sendiri oleh PEMANDU.

PwC telah mengesahkan bahawa keputusan yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini telah disahkan berdasarkan AUP. PwC turut mengenal pasti kemungkinan untuk menambah baik proses dan kualiti maklumat. PEMANDU, bersama-sama dengan Kementerian yang berkaitan dan pihak berkepentingan sektor swasta akan mengambil tindakan preskriptif untuk melaksanakan penambahan ini sepanjang 12 bulan yang akan datang.

Pretasi dan Bajet Perbelanjaan NKRA 2012

Demi mendukung ketelusan dan akauntabiliti, kami mengemukakan ikhtisar terperinci prestasi dan bajet perbelanjaan NKRA. Satu daripada keunikan GTP ialah penekananya terhadap keberkesanan kos dan bukan perbelanjaan. Sebaliknya, GTP memberikan keutamaan terhadap penjimatan bajet yang munasabah, asalkan tindakan tersebut tidak menjadi penghalang yang bakal merencatkan pencapaian NKPI yang disasarkan.

MENGUKUR PENCAPAIAN GTP

Tiga kaedah pemarkahan yang berlainan telah digunakan untuk menilai pencapaian NKPI dan NKRA. Setiap satu kaedah mempunyai tahap keketatan yang berbeza (peraturan tambahan) yang menghasilkan tiga penanda aras pengujian yang berlainan.

Rasional pendekatan ini adalah untuk memastikan keputusan yang dicapai benar-benar mantap. Kaedah pemarkahan diterangkan di bawah.

| Kaedah Pemarkahan | Huraian |
|-------------------|--|
| Kaedah 1 | Pemarkahan ditentukan dengan perbandingan yang mudah berbanding dengan sasaran 2012 yang telah ditetapkan. Pemarkahan komposit NKRA keseluruhan ialah purata bagi semua markah. |
| Kaedah 2 | Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2012 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan: <ul style="list-style-type: none">▶ Jika pemarkahan kurang daripada 100% , skor # 2 akan diambil sebagai peraturan sebenar.▶ Jika pemarkahan sama atau melebihi 100% , skor # 2 akan diambil sebagai 100% |
| Kaedah 3 | Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar berbanding dengan sasaran tahun 2012 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan: <ul style="list-style-type: none">▶ Jika pemarkahan adalah sama atau kurang daripada 50% , skor # 3 akan ditunjukkan sebagai 0▶ Jika pemarkahan melebihi 50% , dan kurang daripada 99% skor # 3 akan ditunjukkan sebagai 0.5▶ Jika pemarkahan adalah sama atau melebihi 100% , skor # 3 akan ditunjukkan sebagai 1 |

PENCAPAIAN NKRA

Pencapaian setiap NKRA bersama-sama dengan NKPI masing-masing ditunjukkan dalam halaman yang berikutnya:

**Bagi memudahkan para pembaca,
system kod warna digunakan untuk
menunjukkan kadar kejayaan NKPI.**



90% DAN LEBIH



51% HINGGA 89%



50% DAN KURANG

RINGKASAN NKPI UNTUK 2012

| NKRA | Sasaran | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 | Bajet 2012 (RM juta) | Bajet Digunakan (RM juta) | % Dibelanjakan |
|------------------------|---------|----------|----------|----------|----------------------|---------------------------|----------------|
| EDU | 100% | 118% | 83% | 64% | 390.99 | 173.70 | 44.43% |
| RBI | 100% | 116% | 98% | 88% | 5,277.43 | 3,186.37 | 60.38% |
| LIH | 100% | 112% | 100% | 100% | 432.90 | 371.63 | 85.85% |
| COL | 100% | 110% | 97% | 79% | 3,490.60 | 2,980.04 | 85.37% |
| UPT | 100% | 109% | 92% | 78% | 1,039.48 | 695.41 | 66.90% |
| CRI | 100% | 102% | 78% | 70% | 356.85 | 191.87 | 53.77% |
| COR | 100% | 91% | 82% | 72% | 9.40 | 1.03 | 10.97% |
| Jumlah Markah Komposit | | 108% | 90% | 79% | 10,997.64 | 7,600.05 | 58.24% |



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

| No. | NKPI | Sasaran | Sebenar | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 |
|---------------|--|--------------------|--------------------|-------------|-------------|------------|
| 1 | Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) | | | 123% | 100% | 1.0 |
| | <i>Bilangan isi rumah yang meraih manfaat daripada BR1M</i> | 3,400,000 | 4,179,06 | | | |
| 2 | Insetif Kembali ke Sekolah – pemberian wang tunai RM100 kepada pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5 | 100% | 100% | 100% | 100% | 1.0 |
| | <i>Bilangan pelajar sekolah yang menerima bayaran</i> | 5,800,000 | 5,331,207 | 92% | 92% | 0.5 |
| 3 | Baucar buku RM200 untuk pelajar di institusi pengajian tinggi tempatan awam dan swasta, termasuk matrikulasi dan Tingkatan 6 | | | 87% | 87% | 0.5 |
| | <i>Jumlah nilai baucar yang ditebus (RM)</i> | 260,000,000 | 225,012,900 | | | |
| 4 | Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) | | | 98% | 98% | 0.5 |
| | <i>Bilangan KR1M</i> | 60 | 59 | | | |
| 5 | Menu 1Malaysia | | | 111% | 100% | 1.0 |
| | <i>Bilangan restoran yang mengambil bahagian</i> | 2,000 | 2,228 | | | |
| 6 | 1Malaysia clinics | | | 162% | 100% | 1.0 |
| | <i>Bilangan klinik yang beroperasi</i> | 50 | 81 | | | |
| JUMLAH | | | | 110% | 97% | 79% |



MEMBANTERAS RASUAH

| No. | NKPI | Sasaran | Sebenar | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 |
|-----|--|---------|---------------------------------|----------|----------|----------|
| 1 | Jumlah Kementerian yang mendapat skor melebihi 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan | 25 | 19 | 76% | 76% | 0.5 |
| 2 | Jumlah kes tangkapan yang dibicarkan | 25% | 34.7% | 139% | 100% | 1.0 |
| 3 | Peratusan syarikat yang mengumumkan EPP Progress Updates menandatangani CIP | 100% | 100% | 100% | 100% | 1.0 |
| 4 | Bilangan orang dalam pangkalan data pesalah yang disabitkan | 300 | 395 | 132% | 100% | 1.0 |
| 5 | Bilangan saman diselesaikan berbanding dengan bilangan saman dikeluarkan oleh JPJ | 60% | 47.5% | 79% | 79% | 0.5 |
| 6 | Bilangan saman dikeluarkan berbanding dengan jumlah keseluruhan jam operasi (Trafik PDRM) | 13 | 19 | 146% | 100% | 1.0 |
| 7 | Peratusan perbicaraan yang diselesaikan dalam satu tahun | 70% | 75.5% | 108% | 100% | 1.0 |
| 8 | Indeks Persepsi Rasuah Transparency International | 4.9 | 4.9 | 100% | 100% | 1.0 |
| 9 | Tinjauan Barometer Rasuah Global Transparency International | 52% | Pencapaian keluar pada Jun 2013 | 0% | 0% | 0% |
| 10 | Peratusan perolehan kerajaan dengan Pakatan Integriti | 100% | 81.4% | 81% | 81% | 0.5 |
| 11 | Tinjauan persepsi TNS mengenai persepsi terhadap pengaruh rasuah dalam agensi penguatkuasaan | 2.75 | 2.94 | 92% | 92% | 0.5 |



| No. | NKPI | Sasaran | Sebenar | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 |
|---------------|---|---------|--|------------|------------|------------|
| 12 | Kesedaran mengenai perlindungan pemberi maklumat dan keputusan tinjauan kepuasan | 50% | 26.8% | 54% | 54% | 0.5 |
| 13 | Memulakan proses pelaporan bilangan sebenar kes pemberi maklumat | 100% | 100% | 100% | 100% | 1.0 |
| 14 | % penyelesaian aktiviti unit pematuhan | 85% | 93% | 100% | 100% | 1.0 |
| 15 | Pelaksanaan menyeluruh inisiatif Dana Politik termasuk dana yang dikreditkan terus ke dalam akaun parti, direkodkan dengan baik dan boleh diaudit | 100% | Inisiatif disalurkan melalui makmal GTP 2.0 50% | 50% | 50% | 0.5 |
| JUMLAH | | | | 91% | 82% | 73% |



MENGURANGKAN JENAYAH

| No. | NKPIs | Sasaran | Sebenar | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 |
|---------------|--|---------|---|-------------|------------|------------|
| 1 | Pengurangan dalam jenayah indeks yang dilaporkan | 5% | 7.60% | 160% | 100% | 100% |
| 2 | Pengurangan dalam jenayah jalanan yang dilaporkan | 45% | 41.30% | 92% | 92% | 0.5 |
| 3 | Mengurangkan rasa takut menjadi mangsa jenayah | 45% | 57.30% | 0% | 0% | 0 |
| 4 | Meningkatkan bilangan kes yang dibawa ke muka pengadilan (kadar dakwaan) | 25% | 34.70% of IPs opened were brought to trial | 139% | 100% | 1.0 |
| 5 | Meningkatkan persepsi orang ramai terhadap prestasi polis | 65% | 65.70% | 120% | 100% | 1.0 |
| JUMLAH | | | | 102% | 78% | 70% |



MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR

| No. | NKPI | Sasaran | Sebenar | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 |
|-----|---|---------|---------|----------|----------|----------|
| 1 | LINUS (Kohort 1) | | | | | |
| | Kadar numerasi | 100% | 99.92% | 92% | 92% | 0.5 |
| | Kadar literasi | 100% | 99.84% | 92% | 92% | 0.5 |
| 2 | LINUS (Kohort 2) | | | | | |
| | Kadar Numerasi | 95% | 97.76% | 103% | 100% | 1.0 |
| | Kadar Literasi | 95% | 96.31% | 101% | 100% | 1.0 |
| 3 | LINUS (Kohort 3) | | | | | |
| | Kadar Numerasi | 90% | 89.83% | 100% | 100% | 0.5 |
| | Kadar Literasi | 90% | 82.15% | 91% | 91% | 0.5 |
| 4 | Sekolah Berprestasi Tinggi | 50 | 39 | 78% | 78% | 0.5 |
| 5 | Kadar enrolmen prasekolah | 87% | 80.50% | 93% | 93% | 0.5 |
| 6 | Guru Besar/ Pengetua yang melepas sasaran | | | | | |
| | Sekolah rendah | 4% | NA* | 0% | 0% | 0 |
| | Sekolah menengah | 3% | 5.50% | 183% | 100% | 1.0 |
| 7 | Guru Besar/ Pengetua yang tidak melepas sasaran | | | | | |
| | Sekolah rendah | 6% | NA* | 0% | 0% | 0 |
| | Sekolah menengah | 8% | 5.60% | 143% | 100% | 1.0 |



| No. | NKPI | Sasaran | Sebenar | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 |
|---------------|---|---------|---------|--|--|---|
| 8 | SIP – penyusutan dalam Band 6 dan Band 7 | 20% | 43.63% | 218%  | 100%  | 1.0  |
| 9 | SIP – peningkatan dalam Band 1 dan Band 2 | 8% | 27.14% | 339%  | 100%  | 1.0  |
| JUMLAH | | | | 118% | 83% | 64% |

*

—
Pencapaian untuk prasekolah akan hanya disediakan pada tahun 2013.
Oleh yang demikian, NKPI akan dipantau dalam tahun 2013.



MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

| No. | NKPI | Sasaran | Sebenar | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 |
|---------------|--|---------|--|-------------|-------------|-------------|
| 1 | Untuk melatih dan membangunkan 1,000 orang Usahawan Wanita menjelang 31 Disember 2012 | 1,000 | 1,200 | 120% | 100% | 1.0 |
| 2 | Untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin dengan membina 1,500 Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah kendalian Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menjelang 31 Disember 2012 | 1,500 | 2,010 | 134% | 100% | 1.0 |
| 3 | Untuk memastikan 39,600 isi rumah miskin baharu mendaftar dalam eKasih menyertai program 1Azam menjelang 31 Disember 2012 | 39,600 | 43,820 | 111% | 100% | 1.0 |
| 4 | Untuk memastikan 13,237 peserta 1Azam yang sedia ada meningkatkan pendapatan perkapita mereka melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) | 13,237 | 15,047 | 113.67% | 100% | 1.0 |
| 5 | Untuk memastikan 7,480 peserta dibawah 1AZAM dibawah KPWKM meningkatkan taraf pendapatan bulanan mereka sebanyak RM 200 | 7480 | 7,936 | 106% | 100% | 1.0 |
| 6 | Untuk memastikan 100% data penerima yang didaftarkan dibawah program 1AZAM dikemas kini setiap bulanan dalam sistem eKasih | 100% | 100% | 100% | 100% | 1.0 |
| 7 | Untuk menghasilkan Laporan setengah tahun mengenai usahawan wanita (berdasarkan kaji selidik untuk mengenal pasti trend dalam penjanaan pendapatan) | 2 | 2 12 months of data / profile consolidation completed | 100% | 100% | 1.0 |
| JUMLAH | | | | 112% | 100% | 100% |



MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR

| No. | NKPI | Sasaran | Sebenar | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 |
|--|----------------------|---------|---------|-------------|------------|------------|
| 1 Pembinaan Jalan Raya (km) | | | | | | |
| | Semenanjung Malaysia | 462 | 520 | 113% | 100% | 1.0 |
| | Sabah | 454.8 | 555 | 122% | 100% | 1.0 |
| | Sarawak | 433.1 | 478 | 110% | 100% | 1.0 |
| 2 Bekalan Air (bilangan isi rumah) | | | | | | |
| | Semenanjung Malaysia | 60,225 | 78,896 | 131% | 100% | 1.0 |
| | Sabah | 68,092 | 60,398 | 89% | 89% | 0.5 |
| | Sarawak | 72,875 | 48,273 | 66% | 66% | 0.5 |
| 3 Bekalan Elektrik (bilangan isi rumah) | | | | | | |
| | Semenanjung Malaysia | 3,037 | 3,366 | 111% | 100% | 1.0 |
| | Sabah | 15,455 | 15,563 | 101% | 100% | 1.0 |
| | Sarawak | 20,950 | 22,101 | 105% | 100% | 1.0 |
| 4 Pembinaan Perumahan (bilangan unit) | | | | | | |
| | Semenanjung Malaysia | 4,105 | 8,698 | 212% | 100% | 1.0 |
| | Sabah | 5,217 | 6,380 | 122% | 100% | 1.0 |
| | Sarawak | 5,243 | 7,007 | 134% | 100% | 1.0 |
| JUMLAH | | | | 116% | 98% | 88% |



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN LUAR BANDAR

| No. | NKPI | Sasaran | Sebenar | Kaedah 1 | Kaedah 2 | Kaedah 3 |
|---------------|---|-----------|---------|-------------|------------|------------|
| 1 | Nisbah Mod | 25% | 20% | 80% | 80% | 0.5 |
| 2 | Bilangan penumpang pengangkutan awam (waktu puncak pagi harian) | 6,000,000 | 334,598 | 56% | 56% | 0.5 |
| 3 | Penduduk yang tinggal dalam lingkungan 400 meter dari laluan pengangkutan awam | 72% | 72% | 100% | 100% | 1.0 |
| 4 | Faktor muatan Komuter KTM waktu puncak | 100% | 53 | 189% | 100% | 1.0 |
| 5 | Faktor muatan Rapid KL LRT aliran Kelana Jaya waktu puncak | 80% | 83 | 96% | 96% | 0.5 |
| 6 | Faktor muatan bas waktu puncak | 70% | 87% | 124% | 100% | 1.0 |
| 7 | Kepuasan penumpang | 55% | 73% | 133% | 100% | 1.0 |
| 8 | Nisbah purata berwajaran bagi masa perjalanan pengangkutan awam lwn masa perjalanan pengangkutan persendirian | 1.6:1 | 112% | 112% | 100% | 1.0 |
| 9 | Keselamatan jalan raya (kematian setiap 10,000 kenderaan) | 3.01 | 3.21 | 94% | 94% | 0.5 |
| Jumlah | | | | 109% | 92% | 78% |

#bajet # bajet2 0 1 3 # bajetrakyat # childhoodeduca
costofl iving # crime # corruption

education #ept # euro2 0 1 2 # fi kirapa

freeidehome # ge1 3 # gokl # government

gtproadmap2 # merdeka5 5 # mytee

ktm # lowincomehouseholds # malaysia

meetidris # myteenlove # neb # news

pdrm # pemanduar # publictransport # respect

pangkahrasuh # tanyaidris # teamalpha

teambeta #tehtarikgtp # teambrovo

tfmfl ipped # tfm # tfmweek

tweet4 msia # twtupkami #umgtp # urban

whatdoyouthink # whatif # youarethegovt

tion

#crimnkra

fl ashbackurthegovt

gtp2 # gtp2 0 1 2

ikoneveryday

malaysiaday # malaysian

nextstage # nkea

octtwtfest

ruralbasicinfra

teammalaysia

urthegovt

publictransport

yoursay

**Tweet-Tweet
di Twitterjaya**



Tweet-tweet di Twitterjaya

Matlamat utama Program Transformasi Kerajaan (GTP) adalah untuk meningkatkan kesedaran dan sokongan terhadap inisiatif yang dilaksanakan, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Pasukan GTP mengakui hakikat bahawa penggunaan media tradisional sahaja tidak memadai untuk menjangkaui belia yang celik media. Justeru, pasukan GTP telah melancarkan beberapa kempen media sosial, terutamanya melalui perkhidmatan blog mikro Twitter, untuk menyampaikan mesejnya kepada kumpulan belia ini.

Sesi Twitter GTP merangkumi pelbagai topik yang menasarkan pelbagai matlamat, termasuk menyampaikan dan mengemas kini maklumat, serta memudahkan sesi soal jawab terkini dengan kaktangan utama PEMANDU. Penggunaan Twitter untuk menyampaikan mesej GTP juga selaras dengan program transformasi menyeluruh untuk mengoptimalkan penggunaan teknologi dalam mewujudkan penyelesaian yang mampan dan berkesan.

Hashtag berikut merupakan topic markers yang digunakan sebagai sebahagian daripada kempen media sosial GTP 2012.

#TehTarikGTP



TehTarik GTP mengiringi sesi yang dikenali sebagai Teh Tarik GTP, iaitu siri perbualan tidak rasmi antara orang ramai dengan individu di belakang inisiatif GTP yang tertentu sambil menikmati teh tarik.

Sesi tersebut, yang diadakan di kedai-kedai makan tempatan, diTwitkan secara langsung dengan hashtag twit bertajuk # TehTarikGTP. Pengikut dipelawa mengemukakan maklum balas mereka kepada pasukan GTP atau hanya sekadar membuat sapaan 'hai'. Empat sesi Twit Teh Tarik GTP mencakupi NKRA Pengangkutan Awam Bandar, Pendidikan, Jenayah dan Infrastruktur Asas Luar Bandar telah diadakan.

Sesi teh tarik diadakan pada Ogos 2012.

AbdulWahidAbdulHalim

@pikorionexxes

Respect the origin people, they are special @ medan_maya
tehtarikGTP @ gtp_roadmap

Amirul Zarif Azri

@amirulzarif

Very informative & good session tonight on urban pub transport. Kudos @ gtp_roadmap! # tehtarikGTP
<http://twitpic.com/a6edv>

Marrion Waynor

@iyontagayo

Had a good catch up with the participants of the # tehtarikGTP! Voice out, be heard & you shall find your ways. Congratulations @ gtp_roadmap

#tanyaldris (Ask Idris)



Pengguna Twitter diberi peluang istimewa untuk mengajukan soalan kepada Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU, Datuk Seri Idris Jala tentang apa sahaja berkaitan dengan GTP dan ETP pada Mac 2012. Sesi tersebut, yang memaparkan awalan hashtag twit #tanyaldris, menyaksikan aktiviti twit yang rancak dan meraih kedudukan (trending) twit nombor 2 di Malaysia pada hari tersebut.

Matlamat sesi Soal Jawab adalah untuk berinteraksi dengan orang ramai secara meluas, selain menyediakan maklumat dan penjelasan terhadap soalan-soalan yang ingin diajukan oleh mereka. Sesi ini, di samping beberapa sesi yang lain, merupakan sebahagian daripada aktiviti GTP yang dijalankan di bawah komitmennya terhadap ketelusan dan akauntabiliti.

#IkonEveryday



GTP merupakan rancangan yang menekankan rangkuman (inclusiveness) dan Pasukan GTP mempelawa dunia Twitter untuk meraikan kepelbagaiannya di negara kita menjelang Hari Malaysia.

Twit yang diberikan hashtag # IkonEveryday, memaparkan penjaga bangunan, pemandu van dan roti bhai, menampilkan wira dan ikon biasa yang melakukan usaha yang bermakna untuk menjadikan Malaysia negara yang lebih baik setiap hari. Pasukan GTP turut meminta pengikut untuk mengemukakan calon-calon # IkonEveryday mereka dan permintaan ini mendapat respons dan sambutan yang baik.

GTP Roadmap

@gtp_roadmap

Selamat ptg! Check here to know what GTP'S mandate is bit.ly/vlXtoG GTP Chief @ IdrisJala_ is taking questions. Go on, # Tanyaldris

Bakhtiar Talhah

@btalhah

@ gtp_roadmap What are GTP's plans to trim the civil service to optimal levels? Any timeline? # Tanyaldris

idris jala

@IdrisJala_

@ btalhah The GTP aims to harness d talent that currently resides within d civil service, many hv done well so far & results r there to prove

Nazrudin Rahman

@naztynator

@ gtp_roadmap # IkonEveryday ku adalah pengawal2 yg berhadapan dgn ratusan rakyat dgn f il2 masing2, tapi tetap senyum & bersopan santun

Md Amin Muslan

@draminmuslan

@ gtp_roadmap # IkonEveryday – Traf c Policemen – braving Sun, Rain, Noise and Noxious Fumes so i can be at work and at home on time.

azel3

@azole3

Family, hospital staf s and the men and women at toll booths. They work tirelessly. Respect. # IkonEveryday

Penggunaan Twitter untuk menyampaikan mesej GTP juga selaras dengan program transformasi menyeluruh untuk mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam mewujudkan penyelesaian yang mampan dan berkesan.

#UMGTP



Hashtag twit #umgtp telah dicipta untuk Perbahasan GTP UM (UndiMsia). Para pendebat membahaskan usul yang berkaitan dengan NKRA Pengangkutan Awam Bandar, Membanteras Rasuah dan Pendidikan. Usul yang dibahaskan termasuk yang berikut:

- ▶ Pengangkutan Awam Bandar: Patutkah ia diswastakan atau menjadi milik kerajaan?
- ▶ Rasuah: Pihak Berkuasa atau Rakyat? Tidak Bertindak Secukupnya atau Terlalu Memberi Muka?
- ▶ Dewan ini percaya bahawa Kerajaan harus bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas.

Perbahasan boleh didapati di saluran YouTube UndiMsia menerusi pautan di bawah:
<http://www.youtube.com/user/undimsia>

UndiMsia

@UndiMsia

umgtp govt education not just about funds and passion, it is also about the mechanism

UndiMsia

@UndiMsia

umgtp Joyce: Listening to the debate i was just struck by how much that has yet to be done for special need children in this country.

UndiMsia

@UndiMsia

Motion of the day: "This house believes that the government is responsible for corruption in Malaysia."
umgtp

UndiMsia

@UndiMsia


Lokman: We however empathize with the rakyat's needs & desires, as we are part of the rakyat too. # umgtp

#publictransport



Hashtag Twit #publictransport muncul selepas penglibatan GTP dengan OctTwtFest, yang merupakan perhimpunan pengikut Twitter. Pasukan GTP menyokong OctTwtFest dengan menyediakan perkhidmatan pengangkutan ulang-alik dari LRT Kelana Jaya dan stesen KTM Batu Tiga.

GTP juga mendirikan gerai berbentuk perhentian bas pada acara tersebut, lengkap dengan bas olok-olok GoKL. GTP mengagihkan kad Touch 'N Go percuma kepada semua responden tinjauan pengangkutan awam. Acara tersebut merupakan satu kejayaan dengan kehadiran kira-kira 4,000 orang belia.



#MyTeenLove



GTP menghadiri program UNICEF and Childline Malaysia #MYTeenLove programme bersempena dengan Hari Kanak-Kanak Sedunia pada 20 November. GTP telah mentwitkan secara langsung dari acara tersebut sebagai satu cara memberikan peluang bersuara kepada kanak-kanak/belia Malaysia.

ADIBAH NOOR

@adibahnoor

MYTeenLove share a little less of yrselves on social media. Once u post yr location, u open yrselves to harm by those with malicious intent

JUANA JAAFAR

@juanajaafar

Danielle Leong from BRATs giving a round-up of # MYTeenLove conversation online as moderated by @ thestar_rage

TWEET GTP



Abd Saad

@AbdSaad3

Now my warehouse got no more blackout due 2 cable theft. Thx @ pdrmsia for implementing Ops Lusuh. No more cable theft # [crimenkra@gtp_roadmap](#)

GTP Roadmap

@gtp_roadmap

Fresh graduates lack communication skills and have poor English. <http://bit.ly/KeHiZP> Do you agree? Do share your opinions.

Siti Najwa

@SitiNajwaAhmad

@ [gtp_roadmap](#) My aunty joined AZAMKHIDMAT, after proper training she now works at a child care centre and it pays really good.

Loh Mee Mian

@meemianloh

yeah heard that they connected electricity too RT @ [kukokpeng](#): Gd infra in rural Saratok. Credit to @ [gtp_roadmap](#) ?

Ong Kian Ming

@imokman

@ PDRMsia just came to my house to follow up on my case, appreciate their effort, hope they manage to catch these guys @ [gtp_roadmap](#)

amada charlie

@amadacharlie

@ [gtp_roadmap](#) Must be able to read, understand, communicate. Problem not starting from U, started from early school days.

Aimi Arina

@eyem3

[didyouknow](#) that a total of 109500 rural homes were connected with clean water supply in 2011
@ [gtp_roadmap](#)

akmalv.ABU™

@akmalvABU

@ [gtp_roadmap](#) build multi-lvl parking complex next to train stations. So ppl can park n take train to work.
@ IdrisJala_

Junaidi Jamsari

@junaidi_jam

@ gtp_roadmap To be fair, there are improvements to the LRT. 4 car trains and frequency has increased. Great plan, greater implementation!

Amirul Zarif Azri

@amirulzarif

Took d LRT yest aftr 2yrs. Mightily impressed by d improvements & integration of KJ&Ampang line. Well done @ gtp_roadmap!

Sarah Johan

@johan_sarah

NO CARS! RT @ gtp_roadmap: The dedicated bus lanes are to ensure the # GoKL City Bus services meet its frequency of 5mins pic.twitter.com/cMvv88QZ

Amir Moslim

@amirmoslim

Did a whole loop on # gokl green line, now on board @ MyRapidKL KJ Line. Gotta love the connectivity! @ gtp_roadmap

**Ah Boon**

@AhBoon4

@ RusliMohd @ tankengliang @ azmanhalim @ ameermydin there will be another 85 KR1M by end 2012...isnt that fantastic? @ gtp_roadmap @ IdrisJala_

Md Amin Muslan

@draminmuslan

@ gtp_roadmap Thanks for the effort. Its not how much we earned that matter. Its how much we can provide for the family thats important.

syadhafiza rosli

@syadrosl

@ gtp_roadmap @ idris_jala well Rome was not built in a day.. so does all these goals. :) eventually everyone will feel the impact.

Glosari

#

| | |
|--------------|--------------------------|
| 10MP | Rancangan Malaysia ke-10 |
| 1AZAM | Akhiri Zaman Miskin |

A

| | |
|--------------|---|
| AADK | Agensi Anti-Dadah Kebangsaan |
| AES | Automated Enforcement System |
| AFC | Kutipan Tambang Automatik |
| AGC | Jabatan Peguam Negara |
| AIM | Amanah Ikhtiar Malaysia |
| AKPK | Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit |
| ASEAN | Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara |
| ATP | Perlindungan Tren Automatik |
| AUP | Prosedur yang Dipersetujui |

B

| | |
|--------------|---|
| BB1M | Bantuan Buku 1Malaysia |
| BET | Bus Expressway Transit |
| BFR | Keberhasilan Besar yang Pantas (Big Fast Results) |
| BHEUU | Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang |
| BLT | Balai League Table |
| BPH | Bahagian Pengurusan Hartanah |
| BPI | Indeks Pembayar Rasuah |
| BR1M | Bantuan Rakyat 1Malaysia |

**C**

| | |
|--------------|---|
| CBD | Pusat Bandar (Central Business District) |
| CCI | Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur (Communications Content and Infrastructure) |
| CCSC | Pusat Perkhidmatan Pulih dan Prihatin (Care and Cure Service Center) |
| CCTV | Kamera Litar Tutup (Closed-circuit television) |
| CF | Sijil Layak Menduduki (Certifcate of Fitness) |
| CIP | Ikrar Integrity Korporat (Corporate Integrity Pledge) |
| COL | Kos Sara Hidup (Cost of Living) |
| COMBI | Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (Communication for Behavioural Impact) |
| CPC | Sijil Perakuan Siap Kerja (Certifcate of Practical Completion) |
| CPI | Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perceptions Index) |
| CPO | Ketua Polis Negeri (Chief Police Officer) |
| CSI | Pelaburan Sosial Korporat (Corporate social investment) |
| CSR | Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan (Customer Service Rating) |
| CSRM | Mesin Sistem Tinjauan Kepuasan Pelanggan (Customer Service Rating Machines) |

**D**

| | |
|-------------|---|
| DBKL | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur |
| DIG | Timbalan Ketua Polis Negara (Deputy Inspector General) |
| DMO | Pasukan Pengurusan Pelaksanaan (Delivery Management Ofce) |
| DoS | Jabatan Statistik (Department of Statistics) |
| DTF | Pasukan Petugas Pelaksanaan (Delivery Task Force) |

**E**

| | |
|-------------|--|
| ECCE | Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Early Child Care Education) |
| EIU | Economist Intelligence Unit |
| EPP | Projek Permulaan (Entry Point Projects) |

| | |
|------------|--|
| EPU | Unit Perancang Ekonomi (Economic Planning Unit) |
| ETP | Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme) |

F

| | |
|--------------|--|
| FDI | Pelaburan Langsung Asing (Foreign direct investment) |
| FELDA | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority) |
| FLET | Pendidikan Celik Kewangan (Financial Literacy Education and Training) |
| FMCG | Barangan pengguna laris (Fast-moving consumer goods) |

G

| | |
|-------------|--|
| GCB | Barometer Rasuah Global (Global Corruption Barometer) |
| GCR | Laporan Daya Saing Global (Global Competitiveness Report) |
| GIS | Sistem Maklumat Geografi (Geographical Information System) |
| GANI | Pendapatan Kasar Negara (Gross National Income) |
| GPI | Indeks Keamanan Global (Global Peace Index) |
| GTP | Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Programme) |

H

| | |
|-----------------|--|
| HAB | Hentian Akhir Bandar |
| HDPE | Polietilena Berketumpatan Tinggi (High-density polyethylene) |
| HDR 2011 | Laporan Pembangunan Manusia (Human Development Report) 2011 |
| HPS | Sekolah Berprestasi Tinggi (High Performing School) |

I

| | |
|----------------|--|
| ICT | Information Communications Technology |
| ICU | Implementation Coordination Unit |
| IGP | Ketua Polis Negara (Inspector-General of Police) |
| IIM | Institute of Integrity Malaysia |
| IO | Pegawai Penyiasat (Investigating Officer) |
| IPR | Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa (International Performance Review) |
| IRB | Lembaga Hasil Dalam Negeri (Inland Revenue Board) |
| ITT BTS | Integrated Transport Terminal Bandar Tasik Selatan (Terminal Bersepadu Selatan) |

J

| | |
|--------------|--|
| JAIS | Jabatan Agama Islam Selangor |
| JKJR | Jabatan Keselamatan Jalan Raya (Road Safety Department) |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat (Social Welfare Department) |
| JKR | Jabatan Kerja Raya (Public Works Department) |
| JNJK | Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (School Inspectorate of Malaysia) |
| JPA | Jabatan Perkhidmatan Awam (Public Service Department of Malaysia) |
| JPAM | Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (Malaysian Civil Defence Department) |
| JPBD | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Town and Country Planning Department) |
| JPJ | Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (Road Transport Department) |
| JPNIN | Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (Department of National Unity & Integration) |
| JPW | Jabatan Pembangunan Wanita |
| JTK | Jabatan Tenaga Kerja (Labour Department) |

K

| | |
|-----------------|---|
| KAR1SMA | Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia |
| KBS | Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (Ministry of Youth and Sports) |
| KDN | Kementerian Dalam Negeri |
| KEDA | Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah |
| KEJORA | Lembaga Kemajuan Johor Tenggara |
| KEJORA | Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan |
| KEMAS | Jabatan Kemajuan Masyarakat (Department of Community Development) |
| KETENGAH | Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah |
| KeTTHA | Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia |
| KK1M | Kedai Kain Rakyat 1Malaysia |
| KKLW | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah |
| KPKT | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| KPWKM | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| KR1M | Kedai Rakyat 1Malaysia |
| KSN | Ketua Setiusaha Negara |
| KTMB | Keretapi Tanah Melayu Berhad |
| KWPKB | Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar |

L

| | |
|--------------|--|
| LIH | Isi Rumah Berpendapatan Rendah (Low-Income Households) |
| LINUS | Saringan Literasi dan Numerasi (Literacy and Numeracy Screening) |
| LPG | Gas petroleum cecair (Liquid petroleum gas) |
| LPPKN | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| LRT | Transit Aliran Ringan (Light Rapid Transit) |

M

| | |
|--------------|--|
| MACA | Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (Malaysian Anti-Corruption Academy) |
| MACC | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM (Malaysian Anti-Corruption Commission, MACC) |
| MAMPU | Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Malaysia Administrative Modernisation and Management Planning Unit) |
| MCAD | Peranti Akses Berkomputer Mudah Alih (Mobile Computerised Access Devices) |
| MCPF | Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (Malaysian Crime Prevention Foundation) |
| MDTCC | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (Ministry of Domestic Trade, Cooperative and Consumerism) |
| MITI | Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Ministry of International Trade and Industry) |
| MKPI | Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (Ministerial Key Performance Indicator) |
| MKRA | Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (Ministerial Key Result Area) |
| MoA | Kementerian Pertanian (Ministry of Agriculture and Agro-based Industry) |
| MoE | Kementerian Pendidikan (Ministry of Education) |
| MoF | Kementerian Kewangan (Ministry of Finance) |
| MoH | Kementerian Kesihatan (Ministry of Health) |
| MOHA | Kementerian Dalam Negeri (Ministry of Home Affairs) |
| MOICC | Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (Ministry of Information Communications and Culture) |

| | |
|--------------|--|
| MOSTI | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Ministry of Science, Technology and Innovation) |
| MOT | Kementerian Pengangkutan (Ministry of Transport) |
| MPIC | Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (Ministry of Plantation Industries and Commodities) |
| MRCB | Malaysian Resources Corporation Berhad |
| MR2 | Middle Ring Road 2 |
| MRT | Transit Aliran Massa (Mass Rapid Transit) |


N

| | |
|-------------|---|
| NBTS | Sistem Tiket Bas Baharu (New Bus Ticketing System) |
| NEM | Model Ekonomi Baru (New Economic Model) |
| NGO | Pertubuhan bukan kerajaan (Non-governmental organisations) |
| NKPI | Penunjuk Prestasi Utama Negara (National Key Performance Indicator) |
| NKRA | Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Area) |
| NPCS | Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (National Pre-school Curriculum Standard) |
| NPE | New Pantai Expressway |
| NUTP | Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (National Union of the Teaching Profession) |


O

| | |
|--------------|---|
| OCPDs | Ketua Polis Daerah (Officer-in-Charge of Police District) |
|--------------|---|


P

| | |
|----------------|--|
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan (Local Municipal Councils) |
| PDRM | Polis DiRaja Malaysia (Royal Malaysian Police Force) |
| PEMANDU | Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Performance Management and Delivery Unit) |
| PGA | Pasukan Gerak Am |
| PIAM | Persatuan Insurans Am Malaysia (General Insurance Association of Malaysia) |
| PISA | Programme for International Student Assessment |
| PPP | Public-Private Partnership Unit |
| PR1MA | Projek Rumah 1Malaysia |
| PUSPEN | Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik |

| | |
|------------|--|
| PVR | Sukarelawan Polis (Police Volunteer Reserve) |
| PwC | PricewaterhouseCoopers Malaysia |

R

| | |
|--------------|--|
| RBI | Infrastruktur Asas Luar Bandar (Rural Basic Infrastructure) |
| RELA | Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (People's Volunteer Corps) |
| RISDA | Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Rubber Industry Smallholders Development Authority) |
| RoS | Pendaftar Pertubuhan Malaysia (Registrar of Societies Malaysia) |
| RTC | Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre) |
| RTM | Radio Television Malaysia |

S

| | |
|---------------|--|
| SAIDI | System Average Interruption Duration Index |
| SAPS | Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (School Examination Analysis System) |
| SCMS | Sistem Pemantauan Bandar Selamat (Safe City Monitoring System) |
| SCP | Program Bandar Selamat (Safe City Programme) |
| SEAS | Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (School Examination Analysis System) |
| SIP | Program Pembangunan Prestasi Sekolah (School Improvement Programme) |
| SIT | School Improvement Toolkit |
| SME | Perusahaan Kecil dan Sederhana (Small and Medium Enterprises) |
| SMPK | Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan |
| SPAD | Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat |
| SPNB | Syarikat Perumahan Negara Berhad |
| SPRINT | Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd |
| SPU | Jabatan Perancang Negeri Sarawak (Sarawak State Planning Unit) |
| SRS | Skim Rondaan Sukarela |

| | |
|--------------|---|
| TI | Transparency International |
| TI-M | Transparency International Malaysia |
| TIMMS | Trends in International Mathematics and Science Study |
| TNB | Tenaga Nasional Berhad |
| TUKAR | Transformasi Untuk Kedai Runcit |



T

| | |
|-------------|---|
| UKAS | Unit Kerjasama Awam-Swasta |
| UNDP | United Nation Development Programme |
| UPEN | Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah |
| UPT | Pengangkutan Awam Bandar (Urban Public Transport) |



U

| | |
|--------------|--|
| VPS | Skim Rondaan Sukarela (Voluntary Patrol Scheme) |
| VTREC | Majlis Pengurangan Pencurian Kenderaan Malaysia (Vehicle Theft Reduction Council of Malaysia) |



V

| | |
|------------|--|
| WCP | Kepolisian Bertaraf Dunia (World Class Policing) |
| WEF | Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum) |
| WJP | Projek Keadilan Dunia (World Justice Project) |



W

Penghargaan

Program Transformasi Kerajaan (GTP) merupakan sebuah rancangan perubahan komprehensif yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan yang terdiri daripada sektor awam dan swasta. Kerajaan Malaysia berbesar hati merakamkan terima kasih dan penghargaan yang setulusnya kepada semua kakitangan awam, syarikat dan organisasi bukan kerajaan yang mengambil bahagian dan menyumbangkan masa, tenaga dan nasihat kepada perancangan dan pelaksanaan GTP. Meskipun secara realistiknya mustahil bagi Kerajaan untuk menyebut satu persatu agensi dan individu yang telah memberikan sumbangan bermakna kepada pelaksanaan GTP, Kerajaan berhasrat untuk menzahirkan secara khusus organisasi yang berikut.

MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

Kementerian Pelajaran

Kementerian Kewangan

Kementerian Kesihatan

Kementerian Pengajian Tinggi

Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Berhad

MENGURANGKAN JENAYAH

- Jabatan Imigresen Malaysia
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU),
Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM)
Kementerian Kewangan (MoF)
Kementerian Kesihatan
Kementerian Dalam Negeri (KDN)
Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT)
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS)
Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA)
Jabatan Penjara Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
Polis Diraja Malaysia (PDRM)
Kerajaan Negeri Sarawak

MEMBANTERAS RASUAH

- Dewan Perniagaan Amerika – Malaysia (AMCHAM)
Jabatan Peguam Negara Malaysia
Jabatan Audit Negara
Bursa Malaysia Berhad
Bank Negara Malaysia (BNM)
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia

- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)
- Kedutaan Amerika Syarikat
- Pesuruhjaya Tinggi India
- Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)
- Jabatan Imigresen Malaysia
- Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
- Institut Integriti Malaysia (IIM)
- Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (BHEUU)
- Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
- Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Majlis Peguam Malaysia
- Suruhanjaya Komunikasi dan Mukimedia Malaysia (SKMM)
- Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia
- Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
- Media Prima
- Kementerian Kewangan (MoF)
- Kementerian Luar Negeri
- Kementerian Negeri (KDN)
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- Kementerian Kerja Raya
- Jabatan Audit Negara
- Institut Tadbir Awam Negara
- Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)
- Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
- Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)
- Radio Televisyen Malaysia (RTM)
- Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS)
- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM)

Pusat Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERC)

Transparency International, Malaysia (TI-M)

Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP)

Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman

MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR

Cambridge ESOL, University of Cambridge, UK

Jabatan Kemajuan Masyarakat

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM)

Pejabat Pelajaran Daerah

Majlis Penjagaan & Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE)

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Kementerian Pelajaran (MoE)

Kementerian Kesihatan

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)

Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI):

SeDidikSdn. Bhd., subsidiari Syarikat Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)

Sekolah Menengah Seri Kembangan

Pejabat Pendidikan Negeri

Yayasan Sabah

MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Kementerian Kesihatan
- Kementerian Sumber Manusia (MoHR)
- EPIC Homes
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)/Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
- Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat (KPWKM)
- Pejabat Pembangunan Negeri Sabah
- Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak
- Unit Perancang Negeri Sarawak
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
- Kementerian Pertanian & Industri Makanan, Sabah
- Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) :
- Kerajaan Negeri Sarawak
- Kerajaan Negeri Sabah
- Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri

MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

- Jabatan Pertanian (DoA)
- Jabatan Perangkaan (DoS)
- Unit Perancang Ekonomi, Sabah
- Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)
- Unit Pelaksanaan dan Penyelarasian (ICU)
- Lembaga Kemajuan Johor Tengara (KEJORA)
- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
- Kerajaan Negeri Melaka
- Kementerian Kewangan (MOF)
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sarawak
- Kementerian Pelancongan (MoTOUR)
- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
- Kerajaan Negeri Perak
- Perbadanan Labuan
- Jabatan Kerja Raya (JKR), Malaysia
- Jabatan Kerja Raya (JKR), Sabah
- Jabatan Kerja Raya (JKR), Sarawak
- Pembangunan Ekonomi Sabah dan Lembaga Pelaburan (SEDA)
- Sabah Electricity Sdn. Bhd.
- Kerajaan Negeri Sabah
- Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)
- Sarawak Energy Berhad
- Kerajaan Negeri Sarawak
- Sibu Water Board
- Jabatan Air Negeri Sabah
- Tenaga Nasional Berhad (TNB)

PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

- Majlis Perbandaran Ampang Jaya
.....
Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri
.....
Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
.....
Express Rail Link SdnBhd
.....
Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
.....
Majlis Perbandaran Klang (MPK)
.....
Keretapi Tanah MelayuBerhad (KTMB)
.....
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
.....
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
.....
Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
.....
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
.....
Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB):
.....
Mass Rapid Transit Corporation SdnBhd (MRT Corp)
.....
Kementerian Kewangan (MoF)
.....
Kementerian Pengangkutan (MoT)
.....
Kementerian Kerja Raya (KKR)
.....
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
.....
Perbadanan Aset Keretapi (RAC)
.....
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)
.....
Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR)
.....
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
.....
Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
.....
Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang)
.....
Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
.....
Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor
.....
Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)
.....
Touch 'n Go SdnBhd (TNGSB)
.....
Urusbudi TRANSPLAN SdnBhd
.....

